



NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEEMPAT BELAS**

PENYATA RASMI

9 OGOS 2018 (KHAMIS)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

**MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

09 OGOS 2018 (KHAMIS)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 32 – Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	6
Soalan No. 33 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	7
Soalan No. 34 – Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	8
Soalan No. 35 – Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	9
Soalan No. 37 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	10
Soalan No. 38 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	11
Soalan No. 39 – Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq)	12
Soalan No. 40 – Ahli Kawasan Air Itam (YB. Ng Soon Siang)	14
Soalan No. 41 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)	14
Soalan No. 43 – Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim)	15
Soalan No. 44 – Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad)	17
Soalan No. 45 – Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman)	19

Kandungan	Muka Surat
Soalan No. 46 – Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil)	20
Soalan No. 47 – Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	22
Soalan No. 48 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	22
SESI PENGGULUNGAN UCAPAN TERIMA KASIH TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG	
Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	25
Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	33
DEWAN DITANGGUHKAN	
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	43
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	49
Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	54
Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	66
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	75
DEWAN DITANGGUHKAN	
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	89
YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	102
UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	105

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 09 OGOS 2018 (KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5.	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
6.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7.	YB. Dr. Afif bin Bahardin	Seberang Jaya
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
13.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
14.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
15.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq	Bertam
18.	YB. Mustafa Kamal bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
19.	YB. Satees a/l Muniandy	Bagan Dalam
20.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
21.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
23.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
24.	YB. Dr. Amar Pritpal bin Abdullah	Timbalan YDP DUN/Sungai Bakap
25.	YB. Zulkifli bin Ibrahim	Sungai Aceh

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
26.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
27.	YB. Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
28.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
29.	YB. Syerleena binti Abdul Rashid	Seri Delima
30.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
31.	YB. Kumaresan a/l Aramugam	Batu Uban
32.	YB. Azrul Mahathir bin Aziz	Bayan Lepas
33.	YB. Haji Mohd Tuah bin Ismail	Pulau Betong
34.	YB. Zolkifly bin Md. Lazim	Telok Bahang
35.	YB. Muhammad Faiz bin Fadzil	Permatang Pasir
36.	YB. Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
37.	YB. Nor Hafizah binti Othman	Permatang Berangan
38.	YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
2.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
3.	YB. Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Bacaan Doa.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dengan sesi soalan lisan. Ingin saya persilakan, soalan nombor 32.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya adalah nombor 32.

No. 32. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membina litar perlumbaan sepertimana yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Soalan 32 yang tuju oleh YB. Batu Lancang. Kerajaan Negeri komited untuk menunaikan janji-janji, yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan termasuk pembinaan litar perlumbaan atas dasar akauntabiliti kerajaan kepada rakyat. Pembinaan litar perlumbaan memerlukan perancangan yang rapi dan teratur. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan mendapatkan pandangan serta cadangan dari pakar-pakar dalam bidang tersebut, dan agensi teknikal yang terlibat dalam dunia permotoran nasional. Saranan serta spesifikasi untuk cadangan pembinaan ini perlu diteliti secara mendalam, termasuk penentuan lokasi-lokasi pembinaan yang bersesuaian.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Lancang, setakat ini perkarangan tempat letak kenderaan di Stadium Batu Kawan, telah digunakan sebagai litar perlumbaan untuk sukan bermotor di bawah program Petronas AAM Malaysia Cub Prix, anjuran daripada Safe Aim Mutual Sdn. Bhd. Di mana ia telah digunakan sejak tahun 2009. Pertandingan terakhir yang dilangsungkan di Stadium Batu Kawan, adalah pada 16 dan 17 April 2016. Pertandingan pada tahun 2017 sepatutnya berlangsung pada 4 dan 5 November 2017 telah dibatalkan, pada saat-saat terakhir kerana keadaan cuaca ribut yang tidak mengizinkan perlumbaan dilangsungkan atas faktor-faktor keselamatan. Untuk tahun 2018, telah dijadualkan perlumbaan akan ditetapkan pada 27 dan 28 Oktober 2018.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dua soalan tambahan untuk saya. So, soalan pertama adakah ianya satu keperluan untuk membina atau menyediakan satu litar perlumbaan dengan perbelanja berjuta-juta ringgit.

Soalan yang kedua saya, apakah tujuan utama dalam manifesto Kerajaan Negeri untuk menyediakan litar perlumbaan ini. Adakah dengan penyediaan litar perlumbaan ini, masalah merempit dapat dibendung atau diatasi. Jika ya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bagan Jermal, adakah negeri ataupun negara mana yang membina litar lumba untuk menyelesaikan masalah merempit di negara kita. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Batu Lancang untuk soalan tambahan. Memang saya berpendapat bahawa keperluan untuk membina atau menyediakan satu litar perlumbaan, jika Kerajaan Negeri menerima permintaan yang cukup banyak. Dan keperluan selepas kajian yang teliti dijalankan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan sewenang-wenangnya, menjalankan sesuatu projek yang besar tanpa menjalankan kajian terperinci kerana, ini memang nak melibatkan projek ini, kos yang memang tinggi bidang-bidang sukan yang kita kena membelanjakan kos-kos pembinaan. Dan Kerajaan Negeri tidak akan menjalankan projek yang tidak mendatangkan kebajikan kepada rakyat Malaysia.

Oleh itu, setakat ini Kerajaan Negeri masih sedang menjalankan kajian tersebut untuk menilaikan keperluan pembinaan litar perlumbaan ini. Selain itu, seperti yang saya selalu katakan kos penyelenggaraan yang berjangka masa panjang merupakan salah satu cabaran yang besar berbanding dengan kos pembinaan. Contohnya minta satu kos untuk bina satu gelanggang futsal bernilai RM350,000 kos pembinaan dibelanjakan. Tapi selepas ini, kos-kos perbelanjaan adakah dimasukkan dalam bajet. Ini termasuk bajet daripada MPSP, MBPP, bajet daripada Pejabat Daerah, bajet daripada MSN, bajet daripada Kerajaan Negeri kalau kompleks sukan ini dimiliki oleh pihak-pihak tertentu. Hal ini kerana kos pembinaan hanya merupakan cabaran yang jangka pendek, maka kos penyelenggaraanlah barulah merupakan kos yang besar.

Oleh itu Kerajaan Negeri masih dalam peringkat menjalankan kajian untuk menilai keperluan tersebut untuk pembinaan litar perlumbaan di Negeri Pulau Pinang. Soalan kedua. Jawab sekali.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Soalan kedua tadi, katakan tujuan Manifesto. Tujuan utama dalam Manifesto Kerajaan Negeri untuk menyediakan litar perlumbaan, adalah untuk mewujudkan satu tempat yang sesuai kepada rakyat negeri untuk menjalankan aktiviti litar perlumbaan, seperti pertandingan litar perlumbaan, *go cart*, aktiviti Moto GP, Karnival Auto Moto dan sebagainya. Kami mempunyai kaedah yang banyak untuk mengatasi masalah peminat perlumbaan. Kita tak gunakan mat rempitlah, dan pembinaan litar perlumbaan bukan kaedah yang utama. Setakat kini, mengikut pengetahuan saya tiada mana-mana negeri atau negara yang membina litar perlumbaan untuk hanya menyelesaikan masalah-masalah peminat perlumbaan. Hal ini kerana pembinaan litar perlumbaan adalah untuk kegunaan aktiviti perlumbaan yang sihat malah bukan untuk perlumbaan-perlumbaan di atas jalan. Contohnya litar perlumbaan F1 di Sepang, Selangor dibina untuk menganjurkan dan menjalankan pertandingan Formula 1 yang bertaraf dunia.

Ada satu contoh, litar perlumbaan yang miliki Universiti Malaysia Perlis, dibawah satu kelab sekolah dinamakan UNI Art, *University Automotive Racing Team...*(dengan izin) Dato' Yang di-Pertua. Kelab ini adalah dibawah sekolah mekanik, ada mekanikal dan adalah untuk pengajaran pelajar-pelajar teknikal, *skill* dan juga untuk *student automotive*, dan ini adalah di Negeri Perlis. Cuma ia buka untuk pelajar-pelajar di universiti sahaja. Mungkin kita akan buat satu kunjungan ke Negeri Perlis, Universiti Malaysia Perlis supaya nak mendapatkan lebih lanjutan maklumat yang lebih lanjut sama ada litar perlumbaan yang dibina itu, digunapakai oleh pelajar-pelajar dan juga adakah kos-kos pembinaannya berapa, dan juga kesesuaian tempat itu kawasan ini.

Inilah maklumat-maklumat yang kita akan kumpulkan, supaya kita akan mendapatkan lebih banyak maklumat, dan kajian yang teliti barulah kita laksanakan projek ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Bagan Jermal. Silakan Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 33.

No. 33. Pusat Khidmat saya menerima banyak kunjungan daripada pesakit Dialisis.

(a) Adakah Kerajaan Negeri akan membuka satu pusat Dialisis di DUN Batu Uban.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Dato' Speaker, saya nak jawab soalan nombor 33. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menubuh Pusat Hemodialisis di Kawasan DUN Batu Uban. Sehingga 2018, Kerajaan Negeri mempunyai tiga (3) buah pusat iaitu Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau, Pusat Dialisis CAT MAA Medical Care di Seberang Jaya, Pusat Dialisis CAT Majlis Masjid At-Taqwa.

Selain itu, terdapat juga dua Pusat Dialisis Kerajaan Persekutuan iaitu di Hospital Pulau Pinang, Hospital Balik Pulau. Sebarang cadangan berhubung penubuhan Pusat Dialisis itu di kawasan perlu, mesti diteliti dan dikaji dari pelbagai faktor termasuk implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri, kesesuaian tapak dan lain-lain, termasuk di di bagi kebenaran kelulusan daripada Kementerian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Sungai Puyu. Seterusnya, sila kawasan Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Soalan saya nombor 34.

No. 34. Apakah rancangan oleh Jawatankuasa Pemaju (JKP) tentang satu lot tanah di sebelah Jalan Persekutuan Nibong Tebal bersebelahan Stesen Minyak Shell.

(a) Adakah JKP akan menjadikan kawasan tersebut sebagai HUB stesen bas.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih pada rakan saya daripada Jawi berkenaan soalan apakah rancangan Jawatankuasa Pemaju tentang ataupun (JKP) tentang satu lot tanah di sebelah Jalan Persekutuan Nibong Tebal, bersebelahan Stesen Minyak Shell, dan apakah ini akan menjadi satu hub stesen bas.

Bagi menjawab ini Dato' Speaker, rancangan pihak JKP terdahulu adalah untuk membangun kawasan tersebut untuk dijadikan satu pusat perniagaan yang berintegrasi dengan sistem pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, rancangan tersebut perlu disemak dan diteliti semula sekarang setelah Kerajaan Pakatan Harapan membentuk Kerajaan Persekutuan, selepas PRU Ke-14.

Dan berkenaan soalan tentang apakah ia akan dijadikan sebagai satu stesen bas hub stesen bas, memang benar cadangan asal kawasan ini yang akan dibangunkan sebagai hub pengangkutan awam iaitu bas dan teksi, Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih. YB. Datok Keramat, soalan saya adalah untuk mengatasi masalah yang berlaku sekarang, iaitu kawasan tersebut tiada satu perhentian bas. Kalau ada pun perhentian bas yang agak tidak munasabah, sebab kita ada *CAT Free Bus*. Kawasan tersebut buat sementara, saya difahamkan lot tanah yang dipakai untuk perhentian bas itu adalah milik JKP. Oleh sebab itu, soalan saya adakah boleh tak Kerajaan Negeri minta supaya JKP sekiranya tiada ada apa-apa perancangan untuk jangka masa lima (5) tahun ini, maka kita minta Kerajaan Negeri supaya buat satu perhentian bas sementara supaya pengguna-pengguna bas tersebut, apabila waktu hujan mereka dapat satu tempat yang lebih selesa dan tidak perlu kena hujan.

Dan soalan kedua, berkenaan dengan kawasan tersebut juga. Disebabkan kawasan Nibong Tebal hanya satu jalan masuk dari arah Parit Buntar, dan saya minta sama ada bolehkah Kerajaan Negeri kaji balik tentang kawasan tersebut dijadikan satu laluan untuk keluar masuk. Maksud saya, tambahkan untuk laluan keluar masuk ke Pekan Nibong Tebal.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Berkenaan soalan yang kedua yang ditanya tadi saya mula dengan itu berkenaan dengan kaji sama ada satu laluan masuk ke Pekan Nibong Tebal dapat dibuat, memang kita boleh buat kajian tersebut dan sekarang berkenaan dengan soalan yang pertama soalan yang baik iaitu tanah yang disebut iaitu tanah lot tersebut adalah kepunyaan JKP memang mereka yang sepatutnya membangunkan tanah tersebut tapi soalan sampingan yang ditanya tentang sama ada kerajaan boleh mempertimbangkan untuk mengadakan lebih hentian-hentian bas untuk melindungi mereka yang hendak menggunakan perkhidmatan bas memang itu satu apa ini cadangan yang begitu baik di mana seperti mana yang diketahui Jawi, setelah kita memperkenalkan dan memperluaskan perkhidmatan *Free Bas Services* (CAT) di mana kita ada *loop-loop* baru yang diperkenalkan beberapa bulan sebelum Pilihan Raya Utama bukan sahaja di bahagian Pulau tapi juga di bahagian Seberang ada beberapa *loop-loop* yang mana ada perkhidmatan bas yang percuma. Kalau kita lihat setelah diperkenalkan perkhidmatan tersebut Dato' Speaker, memang banyak kawasan baru telah dijadikan *route* atau *loop-loop* tersebut dan memang kedua-dua PBT MBPP dan MPSP telah diminta supaya buat kajian sama ada lebih hentian bas boleh diadakan dan hentian bas yang wujud sekarang boleh diperbesarkan kerana lebih orang yang menggunakan hentian-hentian bas tersebut. Jadi saya setuju dengan apa yang Jawi kata berkenaan hal ini dan kalau perlu kita boleh semak semula di kawasan Jawi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Tambah sedikit sahaja, memang kawasan itu perlu sebab kawasan itu buat sementara adalah satu...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi, soalan bukan perbahasan sekarang.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 35.

No. 35. Apakah perancangan dan tindakan bersepadu yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap kesesakan lalu lintas di jalan-jalan Persekutuan seperti :

- (a) Persimpangan bertingkat Auto-City dan Jalan Kebun Nenas.
- (b) Plaza tol Bukit Tambun, Jalan Batu Kawan dan Jalan Bukit Tambun.
- (c) Persimpangan lampu isyarat Jalan Persekutuan dan Jalan Bukit Minyak.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun atas soalnya yang bertanya mengenai perancangan Kerajaan Negeri terhadap kesesakan lalu lintas di jalan-jalan Persekutuan. Yang Berhormat, antara perancangan dan tindakan bersepadu yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap kesesakan lalu lintas di jalan-jalan Persekutuan yang ditanya oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut;

Untuk persimpangan bertingkat Auto City dan Jalan Kebun Nenas, projek menaik taraf Jalan Auto City dan Jalan Kebun Nenas ke Jalan Persekutuan telah dimasukkan ke dalam senarai permohonan projek RMK-11 namun belum diluluskan dan pihak JKR akan terus mengemukakan permohonan bagi projek ini dalam *Rolling Plan Malaysia*, Rancangan Malaysia ke-11 yang akan datang.

Bagi Plaza tol Bukit Tambun, Jalan Batu Kawan dan Jalan Bukit Tambun, setakat ini Jabatan Kerja Raya masih dalam proses menaik taraf persimpangan di sekitar Jalan Persekutuan iaitu Jalan Bukit Tambun FT149 secara berperingkat. Bagi mana-mana laluan yang berhubung dengan jalan negeri contohnya seperti Jalan Pa'Boi, JKR telah membuat permohonan untuk menjalankan kerja-kerja kajian bagi kawasan yang telah pun dikenal pasti. Manakala bagi pelan jangka masa panjang, JKR akan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya bagi menaik taraf projek pelebaran jalan serta perubahan aliran trafik, memandangkan jalan ini merupakan Jalan Persekutuan dan projek ini akan melibatkan kos yang sangat tinggi.

Ketiga, persimpangan lampu isyarat Jalan Persekutuan dan Jalan Bukit Minyak. Di sini bagi mengatasi kesesakan lalu lintas, JKR bercadang untuk menaik taraf Jalan Tunggal dua (2) lorong ataupun *two (2) lane single carriageway* kepada jalan berkembar empat (4) lorong ataupun *four (4) lane dual carriageway* dari Permatang Tinggi FT 001 Seksyen 740.4 ke Sungai Juru Seksyen 746.4 Bukit Tengah dan telah pun mengemukakan permohonan ini di bawah *Rolling Plan* keempat bagi RMK-11 dan namun belum diluluskan. Pihak JKR akan terus mengemukakan permohonan ini bagi dalam *Rolling Plan* kelima Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan datang. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Persimpangan plaza tol Bukit Tambun arah selatan melibatkan kuasa penyelenggaraan JKR Persekutuan, JKR Negeri, PLUS dan MPSP. Apakah tindakan YB. Tanjung Bunga untuk menangani isu pertindihan dari segi peruntukan, isu pertindihan dari segi kuasa penyelenggaraan?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun yang sentiasa menunjukkan keprihatinan mengenai isu-isu lalu lintas maklumlah Yang Berhormat pun seorang *Town Planner* dan saya pun selalu menghargai input yang diberi oleh Yang Berhormat.

Bagi persimpangan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebenarnya betul ia merupakan satu titik pertembungan ya beberapa bidang kuasa yang berlainan iaitu PLUS ada JKR Negeri JKR Pusat dan juga MPSP. Namun dari segi teori bidang pertindihan bidang kuasa sebenarnya tidak berlaku. Ini kerana garis sempadan kawasan penyelenggaraan adalah amat jelas. Kalau kita lihat tertera ke atas garisan kuning yang dicat atas jalan ataupun pada papan tanda. Contohnya kalau bagi highway PLUS had penyelenggaraan sebenarnya tak sampai ke persimpangan tersebut dia adalah dalam lebih kurang 50 meter daripada persimpangan. Bagi Jalan Negeri kita ada satu jalan tol sebenarnya di hadapan tol ke arah selatan menghala ke Batu Kawan itu di bawah JKR Negeri dan bagi Persekutuan pula kita ada FT149 dan FT150, kedua-dua ini adalah jalan persekutuan tapi walaupun ada Jalan Persekutuan ada Jalan Negeri *at the end of the day*, agensi yang bertanggungjawab bagi penyelenggaraan kedua-dua jalan tersebut atau ke semua jalan tersebut adalah JKR. Maksudnya agensi masih sama jadi dari isu penyelenggaraan itu saya rasa tidak menjadi masalah bagi MPSP dia hanya bertanggungjawab ke atas lampu isyarat. Pun begitu saya faham mungkin ada kekeliruan yang berlaku atas pengurusan trafik di persimpangan itu. Saya di fahamkan ada penutupan aluan yang berlaku untuk membuat *diversion* trafik dan sebagainya dan saya rasa itu telah berlaku selama beberapa bulan.

Saya sendiri berminat untuk tahu pandangan Yang Berhormat mungkin kita boleh bincang selepas ini mengenai adakah *diversion* yang dibuat itu berfungsi atau tidak? Dan sebenarnya itu adalah satu cadangan daripada MPSP walaupun penguatkuasa jalan adalah JKR tapi di sini kita ada kerjasama multi agensi antara semua pihak dan saya harap matlamat dia adalah untuk melancarkan lagi aliran trafik tapi kalau Yang Berhormat ada pandangan boleh nanti kita bincang, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, seterusnya soalan yang seterusnya dari kawasan Pantai Jerejak memandangkan Pantai jerejak tiada dalam Dewan maka soalan ini dilangkaukan. Dipersilakan Pulau Tikus

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 37.

- No. 37. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam merangka pelan yang sesuai untuk membantu golongan OKU dalam mencari pekerjaan?
- (a) Apakah usaha dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bantuan sampai kepada golongan OKU secara menyeluruh?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua saya menjawab soalan nombor 37. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam merangka pelan untuk membantu golongan OKU dengan mencari pekerjaan, di antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut;

Program sokongan kerja *Job Coach* dan *Disability Equality Training* adalah digalakkan penyertaan OKU dalam masyarakat melalui sokongan pekerjaan. Sejak tahun 2017, sejumlah 27 OKU telah berjaya ditawarkan pekerjaan dengan melalui program ini. Untuk menganjurkan Karnival Pekerjaan OKU seperti *OKU Career Fair* memastikan golongan OKU lebih berdaya dan berdaya maju dalam urusan pembangunan masa kini. Mengenalpasti OKU yang layak untuk diserap masuk dalam perkhidmatan latihan dan kemahiran pekerjaan di Bengkel Terlindung dan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian OKU serta program penempatan pekerjaan *Job Coach* dengan kerjasama Jabatan Tenaga Malaysia di dalam pelbagai bidang termasuk pengendalian makanan, pembuatan alat prostetik dan orthotik, elektrik dan elektronik, kraftangan, mencanting batik dan lain-lain.

Menyediakan peruntukan bagi program peningkatan dan pemulihan ekonomi yang memfokuskan kepada peniaga-peniaga kecil termasuk golongan OKU yang berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun. Bantuan peralatan bagi perniagaan sedia ada tujuan untuk meningkatkan kapasiti/*output* perniagaan dan memberi bimbingan kepada kerjaya OKU melalui *Penang Career Assistance and Talent Centre* iaitu *PenangCAT* untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian. Untuk memastikan bantuan sampai kepada golongan OKU serta menyuruh Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah seperti berikut;

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melakukan beberapa inisiatif seperti program Ad-Masjid untuk Muslim dan Rumah Ibadat untuk Non-Muslim pada setiap minggu Jumaat dan Sabtu bagi memudahkan orang ramai mendapat maklumat dan perkhidmatan daripada JKM seperti sejenis bantuan maklumat OKU, sukarelawan, kaunseling, pusat jagaan, taska dan sebagainya. Menyertai pameran-

pameran atau program-program kerajaan seperti *booth* di Seberang Perai Fiesta dan lain-lain dan juga JKM telah anjurkan program-program kembara kebajikan itu. Sebuah program jelajah kebajikan di kawasan-kawasan yang terpilih bagi melakukan hebatan mengenai program-program kebajikan termasuk bantuan-bantuan kepada OKU. JKM telah memberi Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM400 kepada OKU yang bekerja dan gajinya tidak melebihi RM1,200 sebulan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Dato' Yang di-Pertua boleh saya buat soalan tambahan?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh, sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu, saya nak buat sedikit soalan tambahan sekarang kebanyakan OKU-OKU sedang bekerja dalam bengkel-bengkel pekerjaan OKU yang mereka dapat elaun macam diberitau oleh Yang Berhormat tadi oleh JKM. Bengkel-bengkel ini memang ada banyak dan adakah Kerajaan Negeri akan menolong bengkel-bengkel tersebut untuk mendapatkan peluang projek-projek pekerjaan yang lebih sebab mereka menunggu projeknya kerana kebanyakan bengkel-bengkel tersebut masih sukar mendapat projek-projek tersebut? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang Kerajaan Negeri telah ada peluang dan juga tanah dan juga peruntukan-peruntukan untuk pembinaan bengkel-bengkel untuk persatuan-persatuan tertentu. Di sana kami juga ada buat *match making*, match making yang itu kata apa yang kita boleh ambil keluar daripada kilang-kilang yang berhampiran untuk hantar barangan ke sana OKU dapat buat *packing* dan lain ini telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri juga.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Sungai Puyu, seterusnya Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 38.

No. 38. Pembinaan Akademi Badminton Pulau Pinang di KADUN Sungai Pinang telah diumumkan dalam Budget Tahun 2018.

(a) Apakah status Akademi Badminton pada setakat ini? Sila huraikan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Yang di-Pertua dan juga Sungai Pinang soalan 38 saya jawab. Pembinaan Akademi Badminton Pulau Pinang di tanah bersebelahan Lot 660, Lebu Sungai Pinang 1, Seksyen 8, Daerah Timur Laut seluas 8,903 meter persegi telah diumumkan dalam ucapan Belanjawan Pulau Pinang tahun 2018. Kos pembangunan akademi ini akan dibiayai oleh pihak swasta dengan anggaran berjumlah RM22 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara pihak Kerajaan Negeri dengan pihak swasta iaitu pihak pelabur bagi projek ini memandangkan kewangan terhadap Kerajaan Negeri dianggap terlalu rendah berbanding dengan keuntungan pihak pelabur swasta terbabit. Sehubungan dengan itu, Pembinaan Akademi Badminton Pulau Pinang tersebut masih dalam peringkat pertimbangan dan perbincangan Pihak Berkuasa Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Soalan saya adakah memandangkan sudah ada beberapa perbincangan dan tidak capai satu penyelesaian. So maka adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk buka tender sebab saya ada terima banyak panggilan mereka berminat tentang pembinaan Akademi Badminton di kawasan itu. Dan soalan yang kedua adalah bagaimana pula dengan status pembinaan gelanggang badminton dan gelanggang bola keranjang yang telah diumumkan bakal dibina di Desa Pinang 2 dan Pinang Court. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima Kasih kepada soalan tambahan daripada Sungai Pinang memang satu cadangan yang bagus. Kalau kita merujuk di Ipoh, Negeri Perak di sana ada satu Badminton Akademi Lim Chong Wei yang memang saya telah melawat tempat tersebut memang bagus kerana kalau ada satu akademi yang memang dapat melatih bakat-bakat kita supaya kita dapat mencungkil lebih banyak bakat badminton yang mewakili Negeri Pulau Pinang sehingga ke negara kita seperti Dato' Lim Chong Wei, Chan Peng Soon dan Goh Liu Ying dan lain-lain.

Pembinaan Akademi Badminton ini cadangan yang bagus supaya kita tender, kerana ada banyak pihak yang lain mungkin mereka berminat maka kita akan kaji dengan CMI dan Kerajaan Negeri dan kita akan teruskan projek ini untuk ditender dan kita mengalu-alukan peminat-peminat untuk menganjurkan badminton akademi datang ke Negeri Pulau Pinang terutama di KADUN Sungai Pinang kerana KADUN Sungai Pinang ada satu lagi pembinaan gelanggang badminton, banyak permintaan. Terdapat sebuah lagi projek pembinaan gelanggang badminton di KADUN Sungai Pinang iaitu di sebahagian Lot 576, dan sebahagian Lot 552 Seksyen 8 Daerah Timur Laut. Seluas 11,200 meter persegi. Pembinaan tersebut melibatkan tempat letak kereta bertingkat dan 12 gelanggang di tingkat atas bangunan. Kos pembinaan tersebut dianggarkan berjumlah RM30 Juta. *BYG Architecture Sdn. Bhd.* Telah pun dilantik sebagai juru perunding atau arkitek bagi projek pembinaan tersebut. Kini pihak juru perunding atau arkitek dalam proses memuktamadkan dokumen tender. Kita harap projek ini dapat di jalankan secepat dan kita dapat digunakan oleh untuk peminat-peminat badminton.

Untuk pembinaan bola keranjang. Pembinaan bola keranjang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pembinaan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Pembinaan gelanggang bola keranjang berbumbung di Sungai Pinang memang telah diumumkan pada 2013 kalau tak silap, oleh mantan Ketua Menteri yang lepas di mana pembinaan bola keranjang di tiga tempat, satu di Sungai Pinang, satu di Perkampungan Juru di bawah KADUN Bukit Tengah dan satu di Taman Bukit Panchor Nibong Tebal, KADUN Jawi. Ketiga-tiga projek ini akan dijalankan dan saya telah tulis surat kepada kerajaan supaya kita minta projek ini diselenggarakan oleh PBT iaitu di bawah MPSP dan MBPP. Kerana projek pembinaan ini setelah siap juga akan diserahkan untuk penyelenggaraan di bawah MBPP dan MPSP. Projek ini memang akan di jalan. So, saya di sini akan mengurus dan mempercepatkan projek pembinaan ketiga-tiga pembinaan gelanggang bola keranjang berbumbung ketiga-tiga tempat itu. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Bagan Jermal. Seterusnya saya ingin persilakan Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd. Ishaq):

Dengan Izin Dato' Yang di-Pertua Speaker, soalan saya, soalan nombor 39.

- No. 39. Apakah status kilang haram yang menggajikan pekerja asing di Padang Benggali?
- (a) Adakah pihak berkuasa membuat siasatan dan mengambil tindakan terhadap pengusaha kilang tersebut.
 - (b) Pengusaha kilang mengabaikan aspek keselamatan dengan meletakkan tong sampah di tepi jalan hingga menyebabkan kemalangan maut.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima Dato' Speaker dan terima kasih rakan saya daripada Bertam. Yang bertanyakan apakah status kilang haram yang menggaji pekerja asing di Padang Benggali dan apakah pihak berkuasa membuat siasatan dalam mengambil tindakan terhadap pengusaha kilang tersebut dan di mana dan juga pengusaha kilang tersebut mengabaikan aspek keselamatan dengan meletakkan tong sampah di tepi jalan hinggan menyebabkan kemalangan maut.

Bagi menjawab ini Dato' Speaker. Menurut maklumat yang diperolehi daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai ataupun MPSP, kilang haram yang dikatakan menggajikan pekerja asing di Padang Benggali masih lagi beroperasi. MPSP telah membuat siasatan dan telah mengeluarkan notis ke atas kilang tersebut. Dan bagi memastikan kilang ini dapat beroperasi secara sah, kilang ini telah disenaraikan dalam program pemutihan kilang yang bermula pada 3 Januari 2018 dan yang akan tamat pada 2 Januari 2019. Dalam tempoh pemutihan ini, kilang berkenaan dikehendaki menyelesaikan isu tanah dan lain-lain syarat sebelum mengemukakan permohonan kebenaran merancang kepada MPSP. Sekiranya kilang tersebut

tidak berjaya memperolehi lesen tetap selepas tamat tempoh program pemutihan kilang ini, pihak MPSP akan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kilang tersebut.

Dato' Speaker, insiden kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal dan tong sampah jenis roro tersebut berlaku pada 19 Mei 2018 di Jalan Padang Benggali. Dan hasil daripada maklumat yang diterima daripada pihak Polis Diraja Malaysia kemalangan tersebut berlaku disebabkan mangsa hilang kawalan dan melanggar tong sampah yang diletakkan dibahu jalan. Sekian Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Datok Keramat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd. Ishaq):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd. Ishaq):

Dengan izin Yang Berhormat Datok Keramat. Soalan saya, adakah pihak berkuasa telah memulakan proses undang-undang untuk menghadapkan pengusaha kilang kemuka pengadilan atas kecuaiannya sehingga menyebabkan kemalangan maut. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Datok Keramat. Tong sampah roro itu tidak sepatutnya berada ditepi jalan semasa kemalangan tersebut berlaku dan mangsa yang telah maut merupakan seorang ahli baca saya di DUN Bertam. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Berkenaan soalan dari Bertam berkenaan sama ada tindakan akan di ambil oleh pihak MPSP terhadap kilang yang menyebabkan kemalangan berlaku tersebut. Di peringkat ini tiada tindakan di ambil oleh MPSP Dato' Speaker. Tetapi saya berpendapat bahawasanya berkenaan bidang kuasa MPSP adalah berkenaan isu kilang tersebut beroperasi secara tidak sah dimana saya telah nyatakan notis telah dikeluarkan dan sekarang peluang telah diberikan untuk diputihkan sama ada dia dapat patuhi ataupun dia tidak kita akan lihat tetapi balik pada soalan daripada rakan Bertam saya dan saya tidak tahu bahawa ini adalah ahli baca kita dan mungkin saya sebagai peguam, bekas peguam dapat menasihatkan bahawasanya ini mungkin satu tindakan sivil boleh di ambil. Sekian Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan. Terima Kasih Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan dari pihak Datok Keramat. Di Sungai Dua juga ada kilang haram. Saya melawat satu kilang dia buang cat ataupun pewarna dalam sungai. Saya melihat kadang-kadang tindakan daripada pihak MPSP mungkin itu prosedur, dia kadang-kadang dia agak lambat dan menimbulkan keresahan pada penduduk dan juga mereka yang berada di kawasan kilang haram, makanan di Desa Murni. Tindakan tu agak lambat dan saya minta kalau boleh tindakan disegerakan sama ada pemutihan dan sebagainya bolehkah dilaksanakan sebegini, *task-force* untuk kita selesaikan segera isu kilang haram dan pekerja asing. Masalah dua ni. Pekerja asing dan kilang haram. Begitu juga yang berlaku di Sungai Dua. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima Kasih rakan saya daripada Sungai Dua. Berkenaan tindakan penguatkuasaan yang dikatakan mungkin tidak secepat yang sebolehnya. Saya mempunyai pendirian Dato' Speaker seperti saya nyatakan tempoh hari apabila mengambil alih portfolio Kerajaan Tempatan dimana kedua-dua PBT ini di bawah penyeliaan saya. Saya telah arahkan kedua-dua PBT ini supaya di mana tindakan penguatkuasaan perlu dibuat mesti tegas. Jadi berkenaan pertanyaan rakan saya daripada Sungai Dua memang kalau ada kelengahan ataupun tidak begitu cepat tindakan di ambil dalam kes Desa Murni saya akan semak dan saya akan buat apa yang perlu. Itu memang penghayatan sayalah supaya tindakan tegas mesti di ambil. Kes spesifik tersebut saya akan *check* dan saya akan berbalik pada Sungai Dua.

Berkenaan pekerja asing, ini bukan satu masalah yang asing. Sudah lama kita ada masalah pekerja asing. Di mana mereka tidak sah dan bekerja di kilang-kilang yang juga tidak sah dan ini jadi satu permasalahan yang begitu besar kepada kita, *of course* pekerja asing yang tidak sah, bidang kuasa dia adalah di bawah Imigresen dan Polis mereka secara berkala akan ada ambil tindakan Dato' Speaker. Tetapi ada pekerja asing yang sah tetapi bekerja di kilang-kilang dan duduk di skim-skim perumahan dan menyebabkan banyak masalah sosial. Saya percaya terutamanya di Sebarang Perai kerana dan banyak zon-zon industri di kawasan tersebut. Ini menyebabkan satu masalah yang begitu besar. Dan oleh yang demikian tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang duduk secara tidak sah dalam skim-skim

perumahan boleh di ambil, tetapi masalah dia ialah *it is a chicken and egg situation*. Kerana kalau kita ambil tindakan terhadap mereka, mereka terpaksa keluar daripada skim tersebut, tetapi pergi ke mana? Dia akan pergi ke skim yang bersebelahan dia. So, ia masalah yang berlarutan. Jadi apa yang kita buat ataupun pendekatan Kerajaan Negeri dipenggal dahulu kita perlu adakan asrama pekerja asing.

Dan untuk makluman Dato' Speaker setakat ini ada lima (5) permohonan untuk mendirikan asrama pekerja asing yang telah pun kita luluskan. Satu (1) di bahagian Pulau dan empat (4) dibahagian Seberang dan daripada lima ini Dato' Speaker ingin saya nyatakan, satu CCC dia akan keluar, kita harap pada Bulan Oktober yang akan datang dan daripada lima ini kita harap ia dapat membekalkan 25,000 katil, *Twenty Five Thousand Beds* dengan izin yang kita dapat tangani sedikit permasalahan. Kerana pekerja asing di Pulau Pinang. Saya difahamkan oleh Industri F&M dan sebagainya ada hampir 200,000 so *this a* titik permulaan kita akan cuba menghayati permasalahan ini. Sekian Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya ingin persilakan Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Ng Soon Siang):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya, soalan nombor 40.

No. 40. Apakah status tanah 1MDB di kawasan Air Itam, Air Putih dan Paya Terubong?

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Air Itam. Berhubung dengan status tanah 1MDB di Air Itam. Sukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, mengikut rekod Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang sehingga 18 Julai tahun 2018 tanah-tanah yang dimiliki oleh 1MDB RE Air Itam Sdn. Bhd. di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut;

Ada tiga (3) geran di Mukim 13 Paya Terubong, pertamanya Lot 1457 keluasan keseluruhannya 166,047.00 meter persegi *share* milikan 1MDB ini adalah 11% dan keluasan yang dimiliki oleh 1MDB adalah 18,265.00 meter persegi. Keduanya adalah Lot 1584 keluasan Lot ini adalah 62,726.00 meter persegi dan syer milikan 1MDB adalah 25% atau 15,681 meter persegi dan lot yang terakhir adalah 1561 keluasan keseluruhannya adalah 244,276 meter persegi. Syer milikan milik 1MDB dalam lot ini adalah 25% atau $\frac{1}{4}$ dan keluasannya adalah 61,069 meter persegi.

Setakat bulan Jun tahun ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang tidak menerima sebarang Permohonan Kebenaran Merancang untuk membangunkan ketiga-tiga lot tanah tersebut. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah pun memasukkan kaveat pendaftar untuk menghalang sebarang urusan jual beli bagi tanah-tanah tersebut. Walau bagaimanapun, Pengarah Tanah Galian telah menerima surat daripada peguam bertarikh 14 April 2018 yang memaklumkan bahawa syarikat 1MDB RE (Ayer Itam) Sdn Bhd telahpun menukar nama mereka kepada Ayer Itam Properties Sdn Bhd dan memohon supaya tanah-tanah tersebut juga ditukarkan ke atas nama baru itu iaitu Ayer Itam Properties Sdn Bhd. Namun Kerajaan Negeri masih lagi belum melaksanakan proses penukaran nama ke atas tanah-tanah ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya ingin persilakan Yang Berhormat Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Terima kasih. Yang Berhormat Speaker, soalan saya soalan 41..

No. 41. Apakah rancangan jangka masa pendek dan panjang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas serius khususnya pada waktu puncak di jalanraya?

- (a) Exit 160 Juru dari Lebuhraya Utara – Selatan;
- (b) Lalu lintas dua hala Jalan Kebun Nenas – Jalan Chian Heng Kai – AutoCity/Lebuhraya Utara – Selatan; dan
- (c) Jalan Bukit Tengah ke Jalan Kebun Nenas.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Bukit Tengah yang mempunyai isu yang lebih kurang dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tambun tadi berhubung dengan rancangan jangka masa pendek dan panjang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas khususnya di pada waktu puncak di Jalanraya Exit Juru dan juga Jalan Kebun Nenas, Jalan Chian Heng Kai, AutoCity dan Lebuhraya Utara – Selatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri memandang serius mengenai kesesakan lalu lintas yang berlaku di jalanraya Exit No. 160 Juru dari Lebuhraya Utara – Selatan. Lalu lintas dua hala Jalan Kebun Nenas – Jalan Chian Heng Kai – AutoCity dan Lebuhraya Utara – Selatan dan Jalan Bukit

Tengah ke Jalan Kebun Nenas. Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri telah merangka pelan penyelesaian penyuraian trafik untuk jangka masa pendek dan panjang seperti berikut:

- (a) Pelan Penyelesaian Penyuraian Trafik Jangka Masa Pendek
 - (i) Menyediakan perkhidmatan lampu isyarat 'greenwave' dari persimpangan Jalan Bukit Tengah dengan Jalan Kebun Nenas hingga persimpangan Jalan Perusahaan dengan Jalan Kebun Nenas;
 - (ii) Melebarkan jalan bagi belokan kiri dari arah Jalan Perusahaan ke laluan masuk Lebuhraya PLUS arah Utara oleh pihak JKR; dan
 - (iii) Mengarahkan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk membuat penyambungan jalan dari kawasan *Penang Science Park* ke Jalan Kebun Baru. Ini kerana jalan tersebut merupakan jalan *alternative* bagi kenderaan dari arah Perai ke *Penang Science Park*/Batu Kawan dan sebaliknya. Pembinaan jalan tersebut secara tidak langsung dapat mengurangkan kenderaan yang menggunakan Jalan Kebun Nenas.
- (b) Pelan Penyelesaian Penyuraian Trafik Jangka Masa Panjang
 - (i) Melebarkan jalan dan menyediakan *contra flow* di Jalan Kebun Nenas bermula dari persimpangan Jalan Perusahaan hingga laluan keluar Lebuhraya PLUS ke arah utara; dan
 - (ii) Yang kedua pun tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO Tanjung Bunga iaitu menaiktaraf jalan tunggal 2 Lorong kepada jalan berkembar 4 lorong dari Permatang Tinggi ke Sungai Juru. Dan sebenarnya ada satu rancangan jangka panjang iaitu dalam *Halcrow Transport Plan*. Memang ada cadangan untuk mempertingkatkan persimpangan Juru ini, tetapi masih belum kita ambil keputusan terhadap cadangan ini sebab ianya melibatkan pelbagai pihak.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Dengan izin. Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan yang daripada YAB. Ketua Menteri dari segi pelan jangka masa pendek dan juga panjang. Saya ingin bertanya berkenaan dengan dalam jangka masa pendek ini saya melihat sekarang ini adalah banyak tempat, bukan banyak tempat, beberapa tempat yang telahpun melaksanakan *smart system because* kawasan ini adalah *actually* dua (2) kawasan, di kawasan saya yang paling *jammed* adalah di tempat *traffic light system*. So saya difaham seperti di Wilayah Persekutuan, mereka sedang melaksanakan buat *testing* sekarang *city brain, system platform* yang dibina oleh Syarikat Ali Baba dan lagi satu di Cyberjaya, *Smart Transportation System* yang boleh *coordinate traffic lights, GPS, track volume traffic* and dia akan *accordingly* akan *set the traffic light*. Saya ingin tanya sama adakah Kerajaan Pulau Pinang ada membuat kajian ataupun ada membuat persiapan untuk membawa kita ke masa hadapan yang juga saya rasa boleh selesaikan masalah *traffic light*, kesesakan lalu lintas di kawasan saya. Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Bukit Tengah. Memang lokasi yang kita sebutkan tadi adalah satu sebenarnya satu, dua, tiga, empat persimpangan yang melihatkan kenderaan yang begitu banyak khususnya pada masa kemuncak. Dan sememangnya pihak Kerajaan Negeri bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan sememangnya dalam rancangan untuk melaksanakan konsep *smart city* dan aplikasi teknologi terhadap pengurusan perbandaran termasuk pengurusan lalu lintas. Dan kita percaya inilah arah tuju ke hadapan. Dan ini memang dalam perancangan pihak Kerajaan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Padang Kota. Saya ingin persilakan soalan no 42 dari kawasan Penanti. Memandang Yang Berhormat Penanti tiada dalam Dewan, soalan ini dilangkau. Persilakan Yang Berhormat Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):

Tuan Speaker, soalan 43.

- No. 43. Peniaga dan penjaja adalah salah satu cabang sosio ekonomi masyarakat setempat.
 - (a) Apakah program sokongan yang dijalankan untuk peniaga dan penjaja yang tidak berlesen?

- (b) Tindakan selepas penurunan penjaja dan peniaga yang tidak berlesen.
- (c) Statistik penjaja dan peniaga yang tidak berlesen mengikut daerah.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang yang telah mengemukakan soalan tentang peniaga dan penjaja sebagai salah satu cabang ekonomi masyarakat setempat. Kerajaan Negeri menyambut baik aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh para peniaga dan penjaja dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi masing-masing. Bagi peniaga dan penjaja yang tidak berlesen Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan, MBPP dan MPSP telah memperkenalkan program sokongan seperti berikut:

- (i) Mengadakan sesi temuduga terbuka bagi memberi peluang kepada penjaja tanpa lesen menjalankan aktiviti perniagaan dalam kompleks Majlis Bandaraya Pulau Pinang;
- (ii) Melaksanakan pendaftaran *tagging* penjaja tanpa lesen yang menjalankan perniagaan sebelum Mei 2010. Penjaja ini juga diberi keutamaan dalam menjalankan perniagaan dalam kompleks MBPP;
- (iii) Meluluskan cadangan Lesen Trak Bergerak bagi membantu penjaja tanpa lesen di kawasan MBPP.
- (iv) Mewujudkan Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Kaedah Perniagaan Berkonsepkan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan untuk memudahkan kelulusan lesen oleh MPSP kepada warga tempatan;
- (v) Membuka kekosongan dan mengisi kekosongan ruang niaga Majlis MPSP pada setiap bulan dan tidak mengenakan sebarang bayaran lesen untuk lesen penjaja;
- (vi) Menasihatkan peniaga-peniaga tersebut mengenai lokasi yang sesuai untuk berniaga selaras dengan Garis Panduan Penjaja Mudah Alih MPSP.

Seterusnya selepas menjawab soalan yang kedua. Tindakan selepas pengurusan penjaja dan peniaga yang tidak berlesen. Selepas aktiviti pengurusan dijalankan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan kepada penjaja dan peniaga yang tidak berlesen, tindakan remedi yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Menempatkan penjaja berkenaan di premis MBPP (tertakluk kepada kekosongan);
- (ii) Memantau kawasan berkenaan agar tiada aktiviti penjaja tidak berulang;
- (iii) Mengedar Borang Permohonan Lesen Penjaja di tapak;
- (iv) Memberi khidmat nasihat supaya hadir untuk sesi temuduga gerai atau pasar awam yang diadakan pada setiap minggu akhir bulan;
- (v) Mencari lokasi yang sesuai untuk berniaga selaras dengan Garis Panduan Penjaja Mudah Alih PBT;
- (vi) Menggalakkan peniaga untuk memohon lesen penjaja.

Menjawab soalan yang ketiga, statistik penjaja dan peniaga yang tidak berlesen mengikut daerah. Jumlah keseluruhan penjaja dan peniaga tidak berlesen di Negeri Pulau Pinang adalah 5,001 orang. Bagi kawasan Seberang Perai terdapat 2,180 orang peniaga iaitu 683 orang di SPU, 1,146 orang di Daerah SPT dan 351 orang penjaja di SPS. Bagi kawasan Pulau pula, terdapat 2,821 orang peniaga iaitu 2,007 orang di Daerah Timur Laut dan seramai 814 orang di Daerah Barat Daya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):

Berapa banyakkah kawasan penjaja bahu jalan yang dilesenkan seperti di Jalan Hospital Besar Pulau Pinang? Berapa banyakkah tempat bahu jalan yang dilesenkan untuk penjaja seperti di Hospital Besar Pulau Pinang. Bersebelah Hospital Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Telok Bahang telah menyentuh tentang gerai-gerai penjaja di hadapan Hospital Besar Pulau Pinang yang boleh dijadikan contoh di mana kawasan batas jalan yang terdapat di hadapan Hospital Besar Pulau Pinang dibina gerai penjaja. Pandangan Telok Bahang akan diambil kira untuk pihak PBT menimbang

ruang-ruang yang seperti itu yang kita boleh dimanfaatkan asalkan mereka tidak mengganggu lalu lintas dan kebersihan kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Kita lihat dari segi statistik ramai peniaga-peniaga kecil dan penjaja. Saya rasa melebihi 5,000 – 6,000 orang setiap daerah. Jadi melihatkan peniaga yang begini ramai, adakah pihak PBT ataupun pihak Kerajaan Negeri merancang untuk menyediakan tapak-tapak perniagaan yang lebih kepada peniaga macam kita buat di kawasan Hospital Pulau Pinang iaitu sediakan kawasan perniagaan. Mungkin boleh bina pusat-pusat perniagaan. Tapi persoalan adakah perancangan itu ada. Dan juga dari segi *food truck*, *food truck* ini ramai orang berminat berniaga dengan *food truck* ini. Masuk dalam kaedah penyelesaian masalah tersebut. Adakah pihak PBT menyediakan tempat-tempat yang boleh dimasukkan peniaga *food truck* di situ? *Food truck* tak boleh bebas berniaga macam itu saja. Dia kena ada tempat-tempat tertentu yang di bawah kawalan pihak PBT. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Sungai Dua. Pulau Pinang memang terkenal sebagai negeri yang terkemuka ataupun *famous* dengan *street food* dan juga *food court* yang kita memang terkenal. So, pandangan Sungai Dua seperti yang saya sebutkan tadi dari masa ke semasa PBT akan sentiasa mengenalpasti kawasan-kawasan untuk kita memberi ruang kepada peniaga-peniaga tempatan untuk meniaga. Dan untuk *food truck* juga sebenarnya lesen telah pun diluluskan di kedua-dua PBT. Cuma sekarang ini PBT akan mengumumkan kawasan-kawasan yang dikenal pasti untuk penjaja *food truck* ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz):

Terima kasih Tuan Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Soalan tambahan saya, tadi Dato EXCO ada menyebutkan sistem *tagging* sebelum tahun 2010. Adakah sistem *tagging* ini akan dapat apa itu menghindarkan peniaga-peniaga yang tak sah ini daripada tindakan penguatkuasaan? Terutama di Telok Kumbar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Saya akan rujuk kepada PBT untuk bagaimana pelaksanaan pendaftaran *tagging* ini untuk mengatasi ataupun memenuhi kehendak peniaga-peniaga tanpa berlesen ini. Supaya mereka juga diberi peluang nanti untuk bila ada kekosongan. Saya akan maklumkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya persilakan soalan yang seterusnya dari Teluk Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Soalan saya soalan no. 44.

No 44. Pembangunan tanah wakaf dalam KADUN Telok Ayer Tawar.

- (a) Berapah jumlah tanah wakaf di KADUN Telok Ayer Tawar? Senaraikan tempat dan kawasan yang sedang dimajukan. Jika ada, huraikan projek tersebut secara terperinci.
- (b) Adakah masih terdapat tanah wakaf yang menimbulkan masalah untuk dibangunkan dalam KADUN Telok Ayer Tawar?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawab EXCO.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Telok Ayer Tawar. Telok Ayer Tawar bertanyakan tentang tanah wakaf untuk pembangunan tanah wakaf dalam KADUN Telok Ayer Tawar. Tanah wakaf di KADUN Telok Ayer Tawar adalah berjumlah 15 lot dengan keluasan keseluruhan 7.7 ekar. Pada masa kini dua lot tanah tersebut sedang dimajukan, iaitu di atas Lot 6247 dan Lot 6249, Mukim 7, SPU di Telok Ayer Tawar yang sedang dimajukan dengan projek pembinaan 2 blok (8 dan 12 tingkat) Pangsapuri Kos Sederhana Rendah berkapasiti 152 unit. Projek pembangunan ini dibiayai oleh JAWHAR, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji dengan kos RM38 juta dan dijadualkan siap sepenuhnya pada November 2019. 10 lot lagi telah dibangunkan dengan pelbagai kegunaan seperti masjid, surau, rumah kediaman, tapak perkuburan, tanah pertanian dan sekolah agama.

Bagi menjawab soalan kedua, adakah masih terdapat tanah wakaf yang menimbulkan masalah untuk dibangunkan dalam KADUN Telok Ayer Tawar? Terdapat tiga (3) lot tanah wakaf dalam KADUN Telok Ayer Tawar yang masih belum dibangunkan iaitu satu lot tanah untuk pertanian dengan keluasan 0.462 ekar dan dua (2) lot tanah kosong masing-masing berkeluasan 0.01 ekar dan 0.055 ekar. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) tidak menjangkakan sebarang masalah untuk membangunkan tanah wakaf di KADUN Telok Ayer Tawar. Perincian tanah-tanah wakaf yang terdapat dalam KADUN Telok Ayer Tawar adalah seperti di Lampiran A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Mohon soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Saya ingin tahu, tiga (3) lot tanah pertanian yang tidak dimajukan itu adakah ia disewa sekarang ini dan berapakah nilai sewaan tersebut. Dan saya juga difahamkan pangsapuri yang dibina oleh pihak majlis tergendala buat sementara waktu. Kenapa ianya tergendala? Lepas itu yang seterusnya, setakat ini berapakah nilai semasa tanah wakaf milik Majlis Agama Islam di DUN Teluk Ayer Tawar? Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima Kasih Telok Ayer Tawar. Untuk soalan yang pertama adakah disewa yg itu saya akan dapatkan maklumat. Soalan kedua ialah tentang.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Pangsapuri yang saya difahamkan dia tergendala buat seketika waktu.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Ada terdapat sikit masalah antara kontraktor dan juga apa JKR dalam isu ini. Bagaimanapun kita berharap dapat diselesaikan sebelum tempoh siap dua ribu, November 2019 nanti. Dan setakat ini MAIPP belum membuat penilaian semula tentang nilai harga tanah tiga lot yang ditanya tadi lah setakat ini lah. Saya akan memberikan maklumat kalau ada nilai terkini tanah tersebut. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Ayer Tawar, padamkan mic. Sila, Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Untuk soalan tambahan daripada saya berkaitan dengan tanah wakaf ini. Saya nak sedikit penjelasan saya difahamkan ada sebahagian daripada tanah wakaf yang berada di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang diambil samaada oleh pihak kerajaan ataupun swasta dengan tujuan untuk pembangunan. Jadi adakah tanah wakaf yang diambil itu diganti dengan tanah di tempat lain ataupun dengan hanya sekadar membayar pampasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Cuba minta ulang sekali lagi soalan. Ulang sekali lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fokus, fokus.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Berkaitan dengan tanah wakaf di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebab saya difahamkan ada tanah wakaf yang diambil samaada oleh pihak kerajaan ataupun pihak lain, pihak swasta dengan tujuan untuk pembangunan di tanah wakaf tersebut. Jadi tanah wakaf yang diambil itu adakah diganti pihak Majlis Agama Islam ganti, beli tanah yang lain ataupun sekadar hanya menerima pampasan wang ringgit sahaja? Mohon penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Penaga. Tanah wakaf sebenarnya adalah milik kekal dan kita setakat ini rekod saya saya akan semak samada ada penggantian selalunya dia ada penggantian tetapi saya tak ada rekod tentang adakah tanah wakaf yang diambil untuk untuk tujuan pembangunan oleh Kerajaan Negeri. Tapi saya akan dapatkan maklumat ini. Tapi biasanya kalau tanah kekal, wakaf kita tak galakkan ataupun kita memang kita tak ada apa untuk diganti lah. Tapi saya akan mendapatkan maklumat yang ditanya itu samada tanah ada kes- kes yang sedemikian. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya saya ingin persilakan soalan seterusnya dari Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Yang Berhormat Dato Yg di-Pertua, soalan saya nombor 45:

No. 45. Berapakah pendapatan yang diperolehi hasil kutipan surcaj air sejak tahun 2011? Sila perincikan pendapatan mengikut tahun dari 2011 hingga 2017.

- (a) Bagaimanakah kerajaan membelanjakan hasil kutipan tersebut?
- (b) Adakah kerajaan masih berhasrat meneruskan kutipan surcaj kepada rakyat dengan kadar yang sama atau ada lagi cadangan kenaikan mahupun penurunan? Sila jelaskan dengan perincian.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Dato Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Permatang Berangan. Atas soalan mengenai hasil kutipan surcaj air. Bagi makluman Yang Berhormat, pendapatan Kerajaan Negeri melalui kutipan surcaj air dari tahun 2011 hingga 2017 adalah sebanyak RM84 juta. Dan bagi keterangan terperinci mengikut tahun adalah seperti berikut;

Bagi tahun 2011, kutipan adalah sebanyak RM8.37 juta.

Bagi tahun 2012, RM8.70 juta.

Bagi tahun 2013, kutipan adalah sebanyak RM8.54 juta.

Bagi tahun 2014, kutipan adalah sebanyak RM16.40 juta, RM16.4 juta, ya juta ringgit.

Bagi tahun 2015, kutipan adalah sebanyak RM15.29 juta.

Bagi tahun 2016, kutipan adalah sebanyak RM15.14 juta dan bagi tahun 2017, kutipan adalah sebanyak RM11.71 juta. Maka jumlah keseluruhan lebih kurang RM84 juta.

Hasil daripada pendapatan kutipan surcaj air tersebut telah dibelanjakan dalam pelbagai bentuk. Antaranya ialah bagi melaksanakan program pendidikan dan pemuliharaan air, mengurangkan beban subsidi air yang sebanyak RM90 juta bagi tahun lepas RM98 juta ini adalah beban yang terpaksa dipikul oleh PBA dan juga kita membuat kempen penjimatan air secara berterusan melalui saluran-saluran seperti laman sesawang, facebook, buletin, risalah dan sebagainya.

Juga program penjimatan air di sekolah-sekolah, pengedaran "water saving devices" secara percuma, pelaksanaan "my PBA App" untuk kemudahan pengguna dan penyebaran maklumat dan penganjuran acara-acara berkaitan penggunaan air. Jadi sebenarnya banyak yang digunakan daripada surcaj yang dikutip itu. Namun begitu Yang Berhormat, surcaj air yang dilaksanakan oleh PBA bukan berniat ataupun bermatlamat untuk mengaut keuntungan. Tujuan utama sebenarnya kutipan ini adalah untuk menurunkan kadar penggunaan air domestik. Buat masa ini, kadar penggunaan air domestik per kapita di Negeri Pulau Pinang adalah yang tertinggi di Malaysia dengan mencatatkan 276 l/k/h. Ini data untuk tahun 2017 berbanding purata kebangsaan iaitu hanya 2019 l/k/h dan kalau kita nak banding lagi, kita tengok pada negara Singapura iaitu yang hanya kadar penggunaan air sebanyak 148 l/k/h sahaja. Malah Yang Berhormat kalau kita lihat kepada saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dia sebenarnya menyarankan agar penggunaan air patutnya lebih kurang 100 sahaja. Seratus liter per kapita sehari (100 l/k/h). Jadi, dalam erti kata lain penggunaan air domestik di Pulau Pinang adalah hampir tiga kali ganda saranan Pertubuhan Pihak Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam erti kata lain orang *Penang* ini memang suka membazir air. Hakikatnya kerana air terlalu murah. Jadi terlalu senang nak membazir air. Namun dengan

perlaksanaan surcaj air ini kita dah mengurangkan sedikit kadar penggunaan. Kalau kita nak banding tahun 2013 kadar pnggunaan 295 l/k/h. Ini hampir 300 ya. Sekarang ini kita dah turunkan kepada 276. Dan kutipan surcaj akan diteruskan pada kadar 48 sen setiap 1000 liter. Pihak PBA (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) masih belum menerima sebarang maklumat dari pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk menyemak semula kadar surcaj air ke seringgit per 1000 liter (RM1 / 1000) liter. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima Kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima Kasih Yang Berhormat Tanjung Bunga. Saya mohon soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat perincikan kadar semasa untuk penggunaan komersial? Adakah sama dengan domestik. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima Kasih Yang Berhormat. Memandangkan soalan itu agak spesifik dan maklumat itu tiada dengan saya. Saya akan memberi maklumat itu kepada Yang Berhormat. Terima Kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Tanjung Bunga. Seterusnya ingin saya persilakan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 46.

No. 46. Mohon Kerajaan Negeri nyatakan rancangan kerajaan dalam meningkatkan mutu bola sepak pasukan Pulau Pinang bagi setiap pasukan di bawah pengurusan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang?

- (a) Mohon Kerajaan negeri nyatakan samaada kerajaan bercadang meningkatkan peruntukan perbelanjaan dalam Pengurusan Pasukan Bola Sepak Senior Pulau Pinang untuk tahun ini?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Permatang Pasir. So, saya jawab soalan 46. Perancangan dan Program Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan prestasi dan mutu Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) adalah seperti berikut;

Kerajaan Negeri sedang dalam perbincangan untuk menyelesaikan sebahagian daripada hutang FAP yang masih belum dijelaskan kepada pemain-pemain.

Kedua, menyediakan pelan tindakan perancangan jangka masa pendek dan panjang untuk program pembangunan bola sepak di Pulau Pinang bersama pihak-pihak yang berkepentingan.

Ketiga, akan melibatkan Majlis mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) dalam pengurusan FAP.

Keempat, memantau perkembangan FAP secara berkala bagi memastikan status kewangan dan prestasi FAP dalam Liga Perdana, Liga Super dan Liga FAM adalah terkawal.

Kelima, menyediakan perkhidmatan sains sukan dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan daya tahan serta prestasi fizikal pemain.

Keenam, melaksanakan Program Penyediaan Atlet Pelapis dan Atlet Negeri dengan kerjasama MSNPP dan Jabatan Belia dan Sukan.

Ketujuh, merancang strategi dan pendekatan baru di dalam usaha meningkatkan prestasi pasukan bola sepak Pulau Pinang.

Setakat ini Kerajaan Negeri belum mempunyai ketepatan, ketetapan terhadap peruntukan kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang untuk tahun ini. Buat setakat sehingga 13 Julai 2018, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM2,829,000.00 kepda FAP untuk membantu mereka menyelesaikan masalah-masalah perbelanjaan kepada pemain-pemain FAP.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Dengan izin, ada soalan tambahan. Yang di-Pertua, soalan saya adalah, adakah Kerajaan Negeri menggalakkan, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menggalakkan syarikat swasta ataupun GLC di Pulau Pinang untuk menaja pasukan bola sepak Pulau Pinang. Kerana apa yang saya lihat

penajaan ini ataupun perbelanjaan yang tinggi adalah satu elemen penting untuk membangunkan pasukan bola sepak. Kalau kita tengok sebagai contoh bagaimana di Johor, JDT itu dibangunkan dengan menggunakan wang yang besar. Kalau kita ambil untuk tahun ini, saya ada pergi menonton di stadium. Saya tengok jersi pasukan Pulau Pinang itu kosong. Macam jersi pasukan Permatang Pasir, tak ada penaja. Kalau dibandingkan dengan pasukan lain.

Jadi perbelanjaan yang tinggi ini penting. Bola sepak ini kita perlu ambil maklum bahawa ia satu perkara atau pun produk komersial kepada Kerajaan Negeri sendiri untuk jangka masa panjang ia akan mendatangkan keuntungan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri dan juga akan membantu untuk pertumbuhan sosial di kalangan orang muda dan juga generasi muda di mana kalau kita menjadi pasukan yang kuat, pasukan yang terkenal...ia akan memberi satu *role model*....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Permatang Pasir, soalan sudah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Okey, *role-model* kepada anak-anak muda untuk menceburi bidang sukan dalam menjauhkan mereka daripada aktiviti-aktiviti yang negatif. Sebab tu saya tanya soalan saya apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan mana-mana syarikat swasta atau GLC untuk menaja pasukan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Ahli Kawasan Permatang Pasir. Soalan yang bagus, memang Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan segala persatuan-persatuan sukan termasuk FAP kalau boleh program-program atau pun aktiviti-aktiviti mereka boleh menggalakkan sponsor-sponsor atau pun projek daripada CSR, syarikat-syarikat swasta atau pun syarikat-syarikat korporat untuk menaja seperti baju jersi dan lain-lain, dan ini terpulang kepada pengurusan.

Kalau sistem pengurusan sesuatu persatuan ini betul dan *accountable* maka mereka akan lah pergi untuk mencari penaja-penaja untuk menaja dalam jersi mereka ataupun *sponsor* sebahagian peruntukan, perbelanjaan daripada persatuan mereka dan mereka tidak haruslah bergantung sepenuhnya-peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Kalau persatuan contohnya FAP bergantung sepenuhnya-peruntukan daripada Kerajaan Negeri maka banyak lagi persatuan-persatuan lain sukan, kita ada 40 sukan. Kalau setiap persatuan minta RM1 juta daripada Kerajaan Negeri, 40 persatuan kena minta RM40 juta tapi kita telah belanjakan banyak kepada FAP kerana kita nak bantu FAP, kita nak bantu nama-nama atau pun pemain-pemain di dalam persatuan bola sepak maka kita menggalakkanlah FAP supaya mereka juga boleh mencari *sponsor* sendiri untuk menanggung sebahagian perbelanjaan FAP.

Buat sementara waktu kerana FAP tidak ada presiden, maka mungkin mereka kenalah secepat mungkin melantik presiden dan Kerajaan Negeri juga akan membantu supaya kita akan calonkan presiden-presiden yang bersesuaian untuk mengambil jawatan tersebut kerana satu persatuan memang adalah *leadership*....(dengan izin), Dato' Yang di-Pertua, betul untuk membantu.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Soalan tambahan. Memandangkan bahawa FAP menghadapi masalah kewangan selama ini dan juga Kerajaan Negeri juga ada memberi peruntukan selama ini untuk FAP. Soalan saya, sebenarnya telah dijawab oleh EXCO, sekiranya Kerajaan Negeri dapat mencalonkan presiden untuk Presiden FAP maka saya cadangkan bahawa calon itu haruslah ada bakat tentang latar belakang bola sepak dan kemungkinan seperti Ahli Yang Berhormat Kawasan Sungai Bakap juga ada bakat dalam bola sepak dan beliau juga Presiden Bola Sepak SPS, so kemungkinan saya tak pastilah sama ada pencalonan dia akan buat di dalam MMK atau pun di mana-mana tempat, kalau boleh saya calonkan Ahli Berhormat Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Saya nampak Ahli Kawasan Sungai Bakap macam main rugby.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada soalan tambahan dan cadangan daripada Ahli Kawasan Jawi. Memang Kerajaan Negeri masih belum membuat sebarang keputusan untuk calon presiden lagi dan memang ini salah satu cadangan yang bagus kerana Kerajaan Negeri juga tengah cari bakat yang betul-betul mereka memahaminya bola sepak dan *bercapable* dan juga *accountable* supaya *leadership* ini memang penting kerana mereka kenalah membawa nama baik untuk persatuan bola sepak dan juga nama bola sepak di Negeri Pulau Pinang dan calon ini calon yang telah dicadangkan oleh Ahli Kawasan Jawi, kita akan buat pertimbangan sama ada kita akan bagi Ahli Kawasan Sungai Bakap untuk jadi presiden dan kita setuju kalau kita cari seseorang untuk jadi presiden mesti mahu ada latar belakang seperti Ahli Kawasan Sungai Bakap adalah Presiden NTFA di Nibong Tebal, ini salah satu cadangan NT, Nibong Tebal bukan anti tau,

NTFA. Ini salah satu cadangan juga Kerajaan Negeri akan membuat pertimbangan supaya kita sama-sama majukan atau *restructure the FAP* baru di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya no.47.

- No. 47. Kemudahan awam di KADUN Bayan Lepas masih dibelenggu dengan ketiadaan pejabat pos dan bank. Stesen minyak di jalan besar Bayan Lepas ke Teluk Kumbar juga tiada.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri membantu mewujudkan kemudahan tersebut?
 - (b) Bolehkah kerajaan buat penawaran tempat/lokasi kepada syarikat utility tersebut?
 - (c) Apakah kerajaan telah mempunyai perancangan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih kepada rakan saya Ahli Kawasan Bayan Lepas yang bertanyakan berkenaan kemudahan awam di KADUN Bayan Lepas yang dibelenggu dengan ketiadaan pejabat pos dan bank dan stesen minyak dan sama ada kita boleh bantu wujudkannya. Bagi menjawab soalan ini, Kerajaan Negeri Dato' Speaker, tidak mempunyai kuasa untuk mewujudkan pembukaan pejabat pos dan bank serta stesen minyak di KADUN Bayan Lepas. Perkhidmatan tersebut adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri secara langsung. Pembukaan pejabat pos dibuat atas dasar dan kriteria termasuk permintaan dan kesesuaian perkhidmatan yang diperlukan manakala pembukaan sebuah bank mengambil kira faktor permintaan dan keuntungan yang boleh dijana.

Namun demikian Dato' Speaker, Kerajaan Negeri boleh bantu untuk pihak berkenaan untuk memberi khidmat nasihat kepada mereka untuk menjalankan operasi kemudahan kerana mencadang tapak bersesuaian untuk pihak berkenaan membuka sesebuah pejabat pos dan bank. Sekian, Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih Ahli Kawasan Datok Keramat. Cuma saya diamanahkan oleh rakyat untuk membawa kemudahan di sana. Saya berharap Ahli Kawasan Datok Keramat boleh bantu untuk DUN Bayan Lepas mendapatkan kemudahan yang sebelum ini sedia ada. Sebelum ini dah ada pejabat pos dan bank tetapi akibat pelebaran jalan, kedua-dua kemudahan tak ada. Saya berharap Ahli Kawasan Datok Keramat boleh membantu. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Kawasan Bayan Lepas. Saya masih nak panggil Yang Berhormat Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Terima kasih. Soalan saya soalan no. 48.

- No. 48. Aktiviti sukan kian meningkat. Memandangkan 2 orang Port Dickson International Triathlon 2018 lemas dan seorang peserta larian Kajang City International Marathon terkorban selepas dilanggar kereta.
- (a) Nyatakan garis panduan dan SOP Kerajaan Negeri semasa meluluskan aktiviti seoeerti berenang merentasi selat, larian, basikal, triathlon, mendaki bukit dan sebagainya dengan terperinci.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Ahli Kawasan Berapit. Soalan 48 saya akan jawab. Kerajaan Negeri sentiasa memberi keutamaan terhadap aspek-aspek keselamatan dalam sebarang penganjuran program sukan untuk semua di Negeri Pulau Pinang dan diiktiraf oleh Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan. Aspek-aspek keselamatan yang dititikberatkan merangkumi keselamatan peserta, penganjur, teknikal, penonton, pengguna jalan raya serta harta benda awam di lokasi penganjuran program tersebut. Bagi setiap permohonan yang diterima oleh Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, ianya akan melalui proses saringan dan tapisan kertas kerja acara yang dicadangkan sebelum dikemukakan untuk pengiktirafan program oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, iaitu saya. Penelitian terhadap faktor-faktor penting yang menentukan kejayaan sesebuah program seperti kedudukan kewangan, keupayaan teknikal

pihak penganjur, bilangan sasaran peserta dan maklumat-maklumat berkaitan perlu diisytiharkan oleh pihak penganjur kepada jawatankuasa ini.

Pihak penganjur diwajibkan untuk melampirkan dokumen-dokumen seperti berikut untuk pertimbangan jawatankuasa:-

- (i) Latar belakang persatuan / syarikat;
- (ii) Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Pengelola;
- (iii) Bajet Penganjuran;
- (iv) Peta Laluan;
- (v) Salinan surat permohonan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur kepada Polis Diraja Malaysia;
- (vi) Salinan surat permohonan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur kepada Jabatan Kejuruteraan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (vii) Surat pelantikan pasukan kecemasan yang bertauliah;
- (viii) Surat / dokumen / nota kebenaran dari pemilik lokasi / tempat / kawasan program yang diadakan;
- (ix) Surat kebenaran yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- (x) Surat kebenaran yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan;
- (xi) Surat sokongan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Sukan Malaysia;
- (xii) Surat sokongan daripada Persatuan Sukan Negeri Pulau Pinang (jika persatuan sukan yang terlibat); dan
- (xiii) Mendapatkan perlindungan dari syarikat insurans untuk liabiliti umum.

Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan juga telah menetapkan agar setiap penganjuran program perlu melalui sekurang-kurangnya dua (2) kali atau lebih Mesyuarat Penyelarasan Program yang melibatkan kehadiran semua wakil-wakil dari agensi-agensi awam dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan tahap keselamatan dan kelancaran perjalanan program dipatuhi 100%.

Untuk makluman Yang Berhormat, pematuhan terhadap ketetapan ini adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Akta 576, Akta Pembangunan Sukan 1997 di bawah Pesuruhjaya Sukan Malaysia melibatkan Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Perlesenan) 2015. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan akan memberi kelulusan bagi perkara-perkara berikut:-

- (i) Menyelaraskan kelulusan untuk menutup jalan dengan pihak Polis Diraja Malaysia sekiranya aktiviti sukan melibatkan penutupan jalan;
- (ii) Permit iklan bagi promosi-promosi aktiviti sukan yang akan dijalankan;
- (iii) Permit sementara untuk pemasangan kanopi / khemah; dan
- (iv) Permit hiburan sekiranya program sukan yang dilaksanakan mempunyai aktiviti hiburan seperti nyanyian.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Soalan tambahan. Yang Berhormat, memandangkan banyak prosedur yang harus dilalui oleh pemohon-pemohon aktiviti sukan. Jadi, adakah satu garis panduan untuk tempoh setiap permohonan sampai, setiap permohonan dilulus misalnya kalau pemohon itu sampai ke tempat MSN, JKR atau PDRM. Adakah satu garis panduan yang jelas telah ditetapkan dan soalan kedua saya, adakah MMK Belia dan Sukan mempunyai rancangan supaya menubuhkan satu *One Stop Center...* (dengan izin) supaya memudahkan semua permohonan seperti ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih soalan tambahan daripada Ahli Kawasan Berapit. Saya jawab soalan pertama dulu. Soalan pertama, memang setiap pihak penganjur perlu mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya Sukan Malaysia kalau permohonan acara sukan ini adalah melibatkan ataupun bertaraf antarabangsa seperti *International Marathon Run*, maka perlulah dikemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Sukan Malaysia tiga (3) atau enam (6) bulan sebelum acara diadakan. Manakala acara sukan tempatan perlu dikemukakan dua (2) atau empat (4) minggu sekurang-kurangnya sebelum acara diadakan, seperti contoh yang pagi tadi, pejabat saya terlibat diberitahu bahawa hari ini ada satu (1) mesyuarat teknikal yang dianjurkan oleh Penang Adventist Hospital bersama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kawasan Kebun Bunga. Di mana, pada 9hb Ogos ada satu (1) mesyuarat teknikal. Mereka akan adakan satu program larian. Larian Amal *Charity Red Socks Run* pada 23 September 2018, Ahad, 7.00 pagi bermula di Adventist

dan akan tamat di Gurney Paragon Mall. Mengikut Akta Pembangunan Sukan, memang Pesuruhjaya Sukan memastikan atau pun syarat utama setiap penganjur mestilah memohon permohonan dengan Pesuruhjaya Sukan sebelum mendapat kelulusan ataupun sebelum adakan sebarang sidang media ataupun pengumuman terhadap program tersebut. Kalau program itu tidak dapat mendapat kelulusan daripada Pesuruhjaya Sukan Malaysia, maka program itu adalah salah atau pun jika terbabit apa-apa mana syarikat-syarikat yang melanggar seksyen ini di bawah Seksyen 36 Pindaan akan disabit denda tidak kurang daripada RM50,000.00 atau maksimum tidak lebih daripada RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Ini adalah kerana kita tidak mahu sesiapa-sesiapa pun penganjur termasuk pihak kerajaan termasuk PBT termasuk Pejabat ADUN. Kalau mereka nak anjurkan sebuah program, mereka nak kena hantar surat kepada Pesuruhjaya Sukan untuk membuat permohonan dan mereka juga kena salinkan kepada pejabat MMK Belia dan Sukan maka buat sementara waktu kita masih terdapat lagi surat ini kerana kita cuma dapat diberitahu pagi ini ada satu (1) mesyuarat teknikal. Ini ialah satu contoh lah kerana sepatutnya mendapatkan surat persetujuan dari Pesuruhjaya Sukan, barulah kita adakan satu mesyuarat teknikal. Kalau tak ada kalau tak dapat surat dari Pesuruhjaya Sukan maka program ini tidak boleh dijalankan atau pun kalau sebarang kemalangan berlaku, siapa akan tanggung? Pihak penganjur ataupun pengerusi atau pun syarikat. Kena ditanggung. Ia akan didenda di Akta 36 ni.

So saya nak berharap semua penganjur tak kisah *event company*...(dengan izin), Dato' Speaker, PBT sendiri nak anjur atau kerajaan nak anjur seperti Larian Obor yang telah dianjurkan pada bulan Julai yang lepas saya sendiri pun pohon kelulusan daripada Pesuruhjaya Sukan. So di sinilah saya diberitahu contohnya ini Penang Adventist Hospital bersama dengan kawasan ADUN Kebun Bunga masih belum mendapat Pesuruhjaya Sukan punya persetujuan maka kita mintalah supaya senaraikan kesemua syarat-syarat dan kumpulkan yang apa yang diperlu dikemukakan kepada Pesuruhjaya Sukan seperti yang ada *checklist* ini dan supaya dapatkan kelulusan secepat mungkin. Inilah salah satu contoh *checklist* yang pejabat kita sediakan siapa-siapa pihak penganjur ataupun syarikat-syarikat yang ingin berminat menganjurkan program-program mereka bolehlah datang ke Pusat Khidmat saya untuk mendapatkan *checklist* ini. Apakah keperluan dokumen yang ada dikemukakan kepada Pesuruhjaya Sukan. Soalan kedua.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Soalan kedua, adalah adakah MMK Sukan Dan Belia ada perancangan supaya mengadakan satu *One Stop Centre* untuk memudahkan semua permohonan yang berkaitan dengan beberapa jabatan daripada kerajaan seperti JKR, pihak Polis dan sebagainya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Memang ada pada 20 haribulan Julai tahun 2018 kunjungan pertama yang saya pergi ke mengunjungi pihak, *courtesy call and the Regional Speaker* kepada Pengarah dan atau Ketua Pesuruhjaya Sukan Malaysia Dato' Zaitun dan kita ada tanya sama ada kita boleh mempersingkatkan atau mempercepatkan untuk permohonan ini ataupun senang *One Stop Centre*. Senang saja, memang prosedurnya adalah kesemua penganjur kena ikut apa keperluan dokumen yang perlu ada dan hantar kepada Pesuruhjaya Sukan boleh online untuk pohon. Lepas dapat ini pihak Polis, PDRM akan keluarkan surat kelulusan pihak PBT akan keluarkan surat kepada kelulusan dan prosedur-prosedur lepas adakan mesyuarat teknikal dan juga pengumuman program ini akan dijalankan pada tarikh bila dan jam bila. So memang kalau ikut jenis ini memang boleh dapat surat sokongan atau mesra kelulusan daripada Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Bagan Jermal. Ahli-ahli Yang Berhormat satu jam tiga puluh minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan sub peraturan 26 (7) Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

YAB. Ketua Menteri:

Yang Di-Pertua, soalan-soalan lisan yang dijawab tadi akan diletakkan dalam meja ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih lagi dalam sesi penggulungan. Ingin saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satess A/L Muniandy):

Tuan Yang Di-Pertua, sebelum terus kepada penggulungan saya ingin laporkan satu perkara kepada Dato' Yang Di-Pertua. Ada satu akhbar yang belum serik-serik lagi Utusan Malaysia telah melaporkan satu apa yang telah kita bincangkan dalam Dewan ini, *misleading* lagi dengan tujuan menunjukkan bahawa saya

sebagai seorang yang menentang sekolah kebangsaan ataupun *misleading saying that* semalam telah dilaporkan di Utusan Malaysia dan dilaporkan oleh Mohd. Firdaus Ismail. Faktanya salah. Dia menyatakan saya seolah-olah saya suruh Kerajaan Negeri menekan Kerajaan Persekutuan dan telah dinyatakan di kawasan saya terdapat tiga (3) sekolah termasuk...(gangguan).

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Yang Bagan Dalam nanti buat penjelasan di...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satess A/L Muniandy):

Dato' Yang Di-Pertua boleh menegur pihak seperti ini yang selalu dalam apa yang saya...(gangguan).

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya, saya tak nak terima apa laporan lagi yang jenis nak apa penjelasan terhadap isu-isu yang timbul. Yang Berhormat boleh guna Dewan sidang media untuk lakukan. Saya ingin minta Ahli Yang Berhormat untuk membuat pengulungan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, Yang Berhormat sahabat-sahabat Ahli Dewan Negeri, ketua-ketua jabatan negara, jabatan-jabatan kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Salam sejahtera, salam harapan dan salam Pulau Pinang. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana diberi peluang untuk membentangkan ucapan pengulungan bagi menjawab soalan-soalan tambahan berkaitan isu-isu pelancongan, warisan, kebudayaan dan kesenian yang telah dibangkitkan semasa sesi perbincangan.

Di atas daya usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini menjadi satu destinasi pelancongan yang amat popular dengan produk-produk yang tarikan yang tersendiri. Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang kaya dengan budaya warisan kesenian yang unik yang tidak didapati di negeri-negeri atau di negara-negara lain. Sejak George Town dinamakan Tapak Warisan Unesco, kita dapat lihat banyak pelancong tempatan dan juga luar negara yang telah melawat Pulau Pinang. Jumlah penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah meningkat saban tahun. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkasakan dan membangunkan lagi industri-industri pelancongan budaya warisan dan kesenian secara holistik dengan menggunakan prinsip-prinsip lestari selari dengan saranan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nation* dengan izin.

Pembangunan Kesenian. Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua bagi menjawab saranan Yang Berhormat Pulau Tikus supaya Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai *hub performing art*. Kerajaan Negeri memang mempunyai hasrat sedemikian. Kerajaan Negeri akan membangunkan *Penang Art District* sebagai pemangkin dalam bidang industri kreatif termasuk *performing arts* di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sebidang tanah berkeluasan 9.2 ekar bersebelahan Gat Lebuhraya Macallum dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu untuk menempatkan *Penang Art District* dengan konsep bandar kontena serta dilengkapi taman *landscape*. *Penang Art District* akan menempatkan koleksi terbesar galeri seni, muzium budaya, ruang pameran studio seni dan muzik, sekolah seni dan bengkel seni di Malaysia. *Penang Art District* akan meningkatkan nilai seni dan budaya Pulau Pinang melalui penglibatan artis, tukang seni, pendidik dan masyarakat umum dalam program-program kesenian. Projek ini kini dalam proses untuk mendapatkan kelulusan pelan bangunan sebelum pembinaan akan dan juga dapat dijalankan.

Ahli Kawasan Pangkalan Kota (YB. Gooi Zi Sen):

Minta pencerahan. Terima kasih Yang Berhormat Paya Terubong kerana membangkitkan tentang pembangunan *Penang Art District* yang terletak di bawah kawasan Pangkalan Kota. Sememangnya saya mengucapkan tahniah dan syabas atas usaha Kerajaan Negeri atas pembangunan *Penang Art District* sebagai pemangkin dalam bidang seni budaya dan warisan. Cumanya saya berharap agar lebih banyak perbincangan dapat dianjurkan khususnya bersama dengan komuniti-komuniti seni di Pulau Pinang agar kita dapat mendapatkan lebih banyak pandanganlah agar pembangunan *Penang Art District* ini dapat dijadikan satu pembangunan yang menyeluruh untuk memenuhi keperluan oleh pelbagai pihak khususnya daripada komuniti kesenian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Boleh Dato' Yang Di-Pertua boleh minta celah? Okay saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Paya Terubong kerana menjawab apa yang saya bangkitkan dalam dewan yang mulia ini tetapi saya nak minta juga bahawa *Penang Art District* dan ke semua tempat-tempat yang akan dibina untuk *art* ini boleh diakses oleh seniman-seniman bebas dan tidak akan dimonopolikan oleh kemungkinan beberapa *production houses*...(dengan izin), sahaja kerana kita mahu semua seniman mempunyai akses untuk

menunjuk bakat mereka kepada rakyat jelata supaya kita boleh *groom new talents* dengan izin dengan dengan hub-hub macam ini semua. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih kepada Pengkalan Kota dan Pulau Tikus. Memang Negeri Pulau Pinang sebagai satu negeri yang bebas untuk mendengar pandangan lain khususnya. Jadi, bukanlah satu masalah untuk kita menjemput semua pihak atau industri untuk memberi pandangan dalam pembangunan *Penang Art District* ini.

Kerajaan Negeri akan menyokong penganjuran lebih banyak program kesenian, kebudayaan dan warisan. Kerajaan Negeri sedar bahawa penganjuran program kesenian, kebudayaan dan warisan memakan belanja yang *significant* dan berkemungkinan tidak akan memberikan pulangan sewajarnya berbanding dengan kos perbelanjaan. Namun begitu Kerajaan Negeri tetap tidak akan mengabaikan pembangunan kesenian dan kebudayaan negeri ini. Kerajaan Negeri akan berkerjasama dengan pihak swasta dalam penganjuran lebih program dan untuk menaja sebahagian daripada perbelanjaan tersebut. Generasi pelapis adalah diperlukan bagi mewarisi kesenian, budaya dan warisan supaya kekal dan tidak dilupakan masyarakat di samping menjadi satu tarikan utama pelancongan.

Kerajaan Negeri mengalakkan penglibatan pelajar-pelajar sekolah bagi mewarisi seni, budaya dan warisan tempatan. Selain daripada kumpulan tarian profesional, pihak sekolah turut dijemput untuk persembahan dalam majlis rasmi Kerajaan Negeri seperti Majlis Jamuan Teh sempena hari Keputeraan Tuan Yang Terutama, majlis Sambutan Hari Raya dan majlis lawatan delegasi luar negara ke Pulau Pinang. *Platform* ini memberikan peluang kepada pelajar-pelajar sekolah menunjukkan bakat dan membolehkan seni di Negeri Pulau Pinang diwarisi serta diturunkan kepada generasi akan datang. Kerajaan Negeri akan berusaha membangunkan pelancongan berlandaskan kesenian dan kebudayaan Negeri Pulau Pinang mempunyai kelebihan membangunkan pelancongan yang berlandaskan kesenian dan kebudayaan kerana ada satu fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa Pulau Pinang adalah sebuah *notting port...* (dengan izin), yang mempunyai kebudayaan berbilang bangsa. Kita bukan hanya ada kebudayaan orang Cina, orang Melayu, orang India. Kita juga ada perayaan seperti Thaipusam, Vaisakhi, *Hungry Ghost Festival*, perayaan Gawai dan sebagainya. Selain itu Kerajaan Negeri juga menganjurkan perayaan dan program kebudayaan antarabangsa seperti perayaan orang Jepun *Bon Odori* yang telah dilakukan pada bulan lalu dan juga *Thai Festival* yang akan diadakan pada hujung bulan ini.

Di samping itu saya juga menerima *feedback...* (dengan izin), daripada komuniti Korea yang duduk di Pulau Pinang untuk menganjurkan festival *Korean Festival* di Pulau Pinang. Berhubung ini kita dapat rasa mempunyai keyakinan bahawa Pulau Pinang boleh ditempatkan sebagai satu dijadikan satu sebagai ibu kota kebudayaan di Asia; *Cultural Capital of Asia* dan seterusnya akan menarik pelancong melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan yang begitu kaya dengan kepelbagaian. Selain itu dalam masa yang terdekat ini Kerajaan Negeri di bawah MMK Kesenian juga sudah mengkaji untuk menubuhkan sebuah Majlis Kesenian Pulau Pinang atau disebut sebagai *Penang Art Council...* (dengan izin), di mana ahli-ahli akan terdiri dari penggiat seni dan juga artis Pulau Pinang. Badan ini berobjektif untuk berperanan sebagai pengerak kesenian untuk mempromosi industri kesenian di Pulau Pinang ke seluruh pelosok dunia.

Fungsi Majlis Kesenian ini antaranya yang menjadi sebagai rujukan untuk penggiat kesenian menyuarakan masalah dan menjadikan tempat tumpuan untuk berkumpul serta berkarya. Cadangan ini bukan hanya suatu yang positif kepada semua pihak sama ada penggiat kesenian mahupun Kerajaan Negeri untuk membentuk satu ekosistem kesenian yang lebih teratur.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pengkalan Kota lagi mengenai hala tuju tapak Sia Boey Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan Galeri Arkeologi Sia Boey sebagai pusat pameran dan enterprisasi artifak yang membolehkan masyarakat umum dan pelancong menghayati peninggalan sejarah. Program dan aktiviti interaktif juga akan dirancang untuk mendidik orang awam mengenai tanggungjawab bersama dalam menjaga dan mengurus Sia Boey bagi memastikan warisan budaya Pulau Pinang terpelihara.

Sejak bulan Mei tahun ini Kerajaan Negeri melalui *George Town World Heritage Incorporated* dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang melaksanakan kerja-kerja tapisan sampah dan lumpur di Sia Boey yang dikorek keluar daripada Terusan Prangin. Kerja ini dijalankan serentak dengan kerja-kerja pemuliharaan dan rehabilitasi Terusan Prangin sebagai sebahagian daripada projek fasa pertama di bawah Projek Rejuvenasi Sia Boey.

Proses tapisan ini bertujuan merekodkan bahan-bahan sejarah dan budaya dalam Terusan Prangin dengan kaedah arkeologi yang saintifik dalam menceritakan kisah Sia Boey dan masyarakat awal. Kerajaan Negeri melalui PDC akan menjalankan kerja pemuliharaan Pasar Prangin *the market hall...* (dengan izin), dan kerja landskap di kawasan Sia Boey pada suku keempat pada tahun 2018. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang membuat perancangan untuk kerja konservasi dan baik pulih bangunan rumah kedai di Sia

Boey untuk dilaksanakan pada fasa kedua Projek Rejuvenasi Sia Boey yang akan bermula pada tahun 2019.

Selain Sia Boey mengenai Clan Jeti juga yang di Pengkalan Kota. Saya sangat sayangkan Pengkalan Kota. Kerajaan Negeri dengan kerjasama *George Town Conservation Development Corporation City* (GT CDC) mempunyai perancangan menyeluruh bagi pembangunan keseluruhan kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. George Town berperanan memastikan kawasan tapak warisan dipelihara dan dipulihara sebaiknya di samping mengambil kira sumbangan dari segi ekonomi dan pelancongan bagi Negeri Pulau Pinang. Ini adalah kerana kawasan Clan Jeti merupakan kawasan yang bersejarah yang terbentuk akibat daripada cara hidup komuniti setempat yang menyumbang kepada aktiviti atau kegiatan warisan dalam Bandaraya George Town yang secara tidak langsung menarik minat pelancong ke kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, sebarang aktiviti pembangunan yang akan dilaksanakan perlu menggunakan kaedah terbaik bagi memastikan nilai warisan di Clan Jeti dipelihara dan dikekalkan. GT CDC sedang bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) bagi pelaksanaan kajian ekologi menyeluruh bagi kawasan tersebut sebelum kerja-kerja menaik taraf dilaksanakan di kawasan tersebut. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan GT CDC, MBPP, komuniti tempatan dan pihak NGO bagi memastikan pembangunan yang mampan di kawasan tersebut dengan mengambil kira kehidupan dan aktiviti penduduk setempat di kawasan jeti. Ia juga bagi memastikan pembangunan holistik yang saling melengkapi pembangunan *waterfront* dan pembangunan semula kawasan Sia Boey.

Untuk makluman Pengkalan Kota, komuniti konsultasi awam atau *consultation* dan dengan komuniti tempatan termasuk Ahli Parlimen dan ADUN kawasan juga pasti akan diambil tindakan.

Untuk Rumah Warisan yang disebut oleh Telok Ayer Tawar saya akan meminta pihak MBPP dan juga Jabatan Warisan untuk mengambil perhatian dan mengkaji saranan daripada Telok Ayer Tawar. Yang Berhormat Telok Ayer Tawar akan dijemput bersama-sama untuk usaha ini. Selain itu, untuk berita baik Telok Ayer Tawar juga kerjasama Kerajaan Negeri memang mempunyai hasrat untuk membangunkan Pantai Robina *Eco-Park* akan dilengkapi dengan laluan trek basikal, kawasan permainan kanak-kanak, lampu hiasan solar dan juga gelanggang kasut dan gelanggang futsal.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Dengan izin, Timbalan Yang di-Pertua Speaker, mohon mencelah. Yang Berhormat EXCO cuma satu saya nak mohon dan maklum di pekan Kepala Batas terdapat banyak bangunan-bangunan warisan (dengan izin)... *old heritage buildings especially in the town center old town center*. Dan jika diizinkan dan jika boleh saya pohon EXCO *Tourism* ambil perhatian mengenai bangunan-bangunan ini yang pertama sekali dari segi membaik pulih bangunan-bangunan warisan dan yang keduanya apabila bangunan-bangunan ini telah pun ini dibaik pulih dan dicantikkan Industri *Tourism* di Kepala Batas dapat berkembang. Itu sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Memang Kawasan Kepala Batas juga tidak akan ditinggalkan kita akan jemput YB. sama-sama mengkaji untuk memulihkan bangunan-bangunan di kawasan Bertam, Kepala Batas.

Yang Berhormat Yang di-Pertua selain daripada pelancongan di bahagian Pulau, Kerajaan Negeri juga turut giat mempromosikan pelancongan di Seberang Perai bukannya satu masalah untuk Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor pelancongan di Seberang Perai memang kita sama-sama Negeri Pulau Pinang tidak beza di antara pulau dan bahagian Seberang...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Minta cerah Yang Berhormat Paya Terubong sebab tentang tadi Seberang Perai seperti apa Yang Berhormat sentuh satu Induk *Master Plan* untuk pelancongan di Seberang Perai. Pandangan saya iaitu semua pelancongan, semua Industri Pelancongan mesti merangkumi sistem jalan raya. Dan buat masa sekarang, sistem pengangkutan awam di Seberang Perai adalah tidak lengkap seperti yang ada di bahagian pulau. Jikalau satu induk, satu Pelan Induk Pelancongan diadakan di Seberang Perai tetapi tidak merangkumi sistem pengangkutan awam yang lengkap ini akan menjadi satu masalah kepada orang tempatan. Seperti saya yang pergi ke Sepetang, Kuala Sepetang, ya jadi semasa hari Sabtu dan Jumaat tempat itu penuh dengan pelancong sampai semua datang dengan bas. Dan sampai orang tempatan nak cari tempat untuk letak kereta pun susah ini akan menjadi satu gangguan kepada orang tempatan. Jadi saya minta juga penjelasan atau penjelasan daripada Yang Berhormat Paya Terubong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Berapit. Memang tidak dinafikan bahawa sistem pengangkutan yang lengkap dapat *compliment* terhadap Sektor Pelancongan jadi untuk satu Pelan Induk membangunkan sektor pelancongan di kawasan Perai memang strategik bahawa satu Pelan Induk Pengangkutan juga akan diperlukan untuk

merangkumi Seberang Perai dan juga sebelah Pulau untuk supaya *connectivity* dapat dilancarkan dengan lebih tersusun. Dan untuk sistem pengangkutan ini memang satu perancangan holistik juga perlu dikeluarkan untuk secara keseluruhan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Dengan izin, mohon untuk mencelah. Dengan izin Dato' Speaker, saya tertarik dengan soalan daripada Yang Berhormat Berapit saya *just* nak penjelasan sedikit jadi untuk Pulau Pinang setakat ini saya ingin mendapat penjelasan sama ada kita mempunyai satu Pelan Induk Pelancongan bagi Pulau Pinang? Sebab saya merasa bahawa kita harus mempunyai satu rancangan ke depan di mana seperti di George Town saya difahamkan kita sekarang menghadapi banyak pelancong mungkin satu hari George Town ini sendiri akan menjadi satu tempat yang terlalu mahal untuk orang-orang George Town Pulau Pinang menduduki dan kita akan melihat ramai penduduk-penduduk tempatan yang akan pindah ke tempat lain. Seperti kita lihat apa berlaku di Venice sekarang ini. Jadi perkara ini juga akan mempunyai kesan kepada Seberang Perai dan sebagainya dan so saya nak tanya sama ada kita mempunyai satu Rancangan Induk untuk Pelancongan Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Bukit Tengah, saya akan bantah dalam ucapan saya sebentar lagi. Yang Berhormat Yang di-Pertua, kawasan Seberang Perai memang kaya dengan keindahan alam semula jadi dalam bidang pelancongan *ecotourism* amat berpotensi untuk dibangunkan. Mengenai saranan untuk memberi tumpuan kepada pelancongan di Seberang Perai dan bukan hanya di bahagian pulau seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Dalam suka saya nyatakan bahawa Kerajaan Negeri memang memberi tumpuan kepada perkara tersebut. Antaranya adalah aset-aset pelancongan eko atau *ecotourism* di Seberang Perai seperti Taman Negeri Bukit Panchor, Taman Rimba Bukit Mertajam, Hutan Pelajaran Air Itam Dalam yang telah dikenal pasti oleh pihak MPSP namun begitu sebagai Kerajaan Negeri yang *open minded*...(dengan izin) saya memang *welcome* semua idea daripada ADUN-ADUN Seberang Perai untuk bekerjasama untuk membangunkan negeri lebih-lebih lagi tarikan-tarikan di Seberang Perai. Saya juga ingin...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan. Yang Berhormat Paya Terubong mengenai dengan apa yang dicadangkan oleh MPSP ada juga tempat-tempat lain yang menarik di Seberang Perai seperti kita ada Pasar Bisik. *I think* tidak ada satu Pasar Bisik di mana-mana bahagian di Malaysia atau di Asia yang ada di mana nelayan membawa hasil lautan mereka datang ke pantai dan mereka membisik pembeli perlu membisik ini adalah satu unik dan apabila pada tahun 2016 MPSP menganjurkan Seberang Perai *International Conference Ecotourism and Conservation Efforts* kita ada membawa sekumpulan *I mean* ataupun delegasi yang datang dari luar negara dalam negara ke tempat tersebut. Mereka cukup tertarik dan saya hairan sehingga kini tiada apa-apa usaha telah dilakukan *Tourism* Malaysia mahupun Kerajaan Negeri untuk menjadikan ini sebagai satu produk ekopelancongan dan juga di Penaga ada tempat arkeologi, tapak arkeologi di mana di dapati *The Penang Gourmet* itupun boleh *dipromote* sebagai satu destinasi pelancongan menunjukkan di Seberang Perai adalah salah satu sudah ada tamadun 3,000 atau 4,000 tahun dahulu. *One of the earliest civilization in this region* itu sahaja.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Dengan izin Dato' Speaker, sekiranya ada *related* lah kepada isu yang dibawakan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil perhatian Menteri pula minta maaf, EXCO sudah naik taraf *promoted*, minta maaf kepada Yang Berhormat EXCO untuk mengambil perhatian kepada kawasan di Kuala Juru sebab Kuala Juru ini saya rasa adalah satu tempat yang masih belum *discovered* belum lagi ditemui sebab di Kawasan Bukit Kuala Juru ini kita ada kawasan yang sama kita ada satu bukit hutan simpanan di bawah bukit ada satu kuala nelayan, Kuala Juru dan di sekeliling bukit itu ada kampung-kampung lama Melayu yang saya rasa sangat-sangat berpotensi untuk dimajukan sebagai satu tempat pelancongan yang pelancong-pelancong boleh melawat program satu hari pergi ke Kuala Juru duduk di kampung rumah-rumah yang berwarisan, lepas itu naik bukit, turun bukit boleh pergi ke Kuala Juru nelayan *go on the boat ride comeback, seafood so it can be developed into a really really good ecotourism*, warisan *tourism area* for Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai. So, saya mungkin nanti YB. EXCO boleh buat satu lawatan, saya sendiri boleh ikut bersama untuk menunjukkan kawasan-kawasan tersebut. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih kepada Ahli-ahli Berhormat yang lain saya rasa suara wakil rakyat daripada Seberang bersabit dengan pelancongan sangat jelas. Saya minta yang Berhormat Paya Terubong untuk gulung.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya memang bersyukur saya mempunyai sahabat-sahabat yang begitu baik tolong saya untuk memberi idea-idea baru untuk membangunkan pelancongan di kawasan seberang. Saya mempunyai satu keyakinan bahawa pelancongan di Seberang Perai tetap akan dibangunkan dengan lebih baik dengan kerjasama dari sahabat-sahabat semua.

Kerajaan Negeri akan terus usaha untuk mewujudkan lebih banyak lagi bukan sahaja untuk membangunkan tarikan-tarikan baru di kawasan-kawasan di Seberang Perai. Kita juga akan terus mewujudkan lebih banyak lagi program pelancongan di Seberang Perai. Antara program-program akan datang adalah termasuk bantuan dan sokongan akan diberikan kepada Penanti untuk menganjurkan Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang dari 11 hingga 12 Ogos di Kampung Terus. Begitu juga tahniah kepada Yang Berhormat Telok Ayer Tawar yang akan menganjurkan Pertandingan Memancing Taman Robina pada 12 Ogos juga. Dan juga *Seberang Perai International Conference On Ecotourism and Conservation Efforts* tahun 2018 yang akan diadakan di The Light Hotel dari 8 hingga 9 Oktober ini dan di mana saya akan menjemput semua Yang Berhormat - Yang Berhormat daripada Seberang Perai untuk menghadiri *conference* tersebut. Program Mah Yoke Seng *Open Traditional Lion Dance Competition* juga akan diadakan pada 18 Ogos tahun ini di Juru Auto-City dan Pesta Tanglung Seberang Perai tahun 2018 yang akan diadakan pada 16 haribulan September 2018 di Bukit Mertajam juga.

Sebelum Dewan ini, pejabat saya juga menganjurkan Majlis Jamuan Raya Aidilfitri dan program Syawal Seni bersama MPSP dan Think City pada 30 hb Jun tahun ini di Butterworth Artwork di mana turut dihadiri oleh Bagan Dalam juga.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Minta laluan. Soalan. Saya nak berkenaan dengan tertarik dengan pesta tanglung. Sebabkan sebelum ini memang dekat peringkat Seberang Perai Selatan kita ada menganjurkan Pesta Tanglung Peringkat Negeri bagi Daerah Seberang Perai Selatan yang diketuai oleh bekas ADUN Jawi. Di sini saya nak minta, saya nak tanya tentang soalan berkenaan dengan adakah peruntukan untuk setiap daerah bagi menganjurkan pesta tanglung peringkat daerah. Peringkat negeri untuk setiap daerah disebabkan sebelum ini memang ada untuk peringkat SPS saya tidak pasti berapa. Tapi memang ada peruntukan daripada Ketua Menteri dan juga daripada EXCO Pelancongan. So, saya minta kalau ada, boleh teruskan dan boleh bagi satu bajet untuk tahun depan kemungkinan tahun ini kita sudah tidak sempat dan kalau boleh tahun depan kita boleh teruskan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Cadangan Jawi saya akan ambil maklum dan akan mengkaji untuk untuk macam mana diteruskan, jangan bimbang. Sebelum ini pihak MPSP juga telah menerbitkan risalah-risalah pelancongan Seberang Perai seperti *Seberang Perai Tourist Map*, *Seberang Perai Heritage Map*, *Seberang Perai Street Food*, *Birdwatching* di Pulau Pinang dan *Penang Homestay*. Risalah-risalah ini diedarkan di kawasan tumpuan pelancongan seperti hotel, lapangan terbang, pusat membeli-belah dan tempat-tempat tarikan pelancong. Risalah ini juga digunakan dalam pameran pelancongan antarabangsa bagi mempromosikan Pulau Pinang termasuk Seberang Perai kepada pelbagai lapisan pelancong.

Yang di-Pertua Dewan, walaupun saya hanya mengambil pejabat EXCO Pelancongan baru tidak cukup tiga (3) bulan saya boleh memberi komitmen saya untuk bahawa rancangan pembangunan pelancongan saya akan merangkumi kawasan ketiga-tiga daerah di Seberang Perai. Cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh ADUN-ADUN kawasan Telok Ayer Tawar, Bagan Dalam, Penanti, Sungai Acheh, Jawi dan Bukit Tambun semua akan diambil maklum dan tindakan susulan akan diambil. Saya merupakan seorang EXCO yang berfikiran terbuka *open minded...* (dengan izin) saya bersedia menerima apa-apa pandangan dan cadangan daripada semua sahabat-sahabat ADUN dan untuk kita sama-sama membangunkan industri pelancongan khususnya Eko Pelancongan di kawasan Seberang Perai.

Yang di-Pertua Dewan, Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus juga kepada usaha untuk meningkatkan bilangan laluan penerbangan terus ke Pulau Pinang dan juga kekerapan penerbangan. Bagi meningkatkan daya saing Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama, Kerajaan Negeri telah berusaha dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan untuk membawa lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang. Bagi tahun 2018 Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan beberapa laluan penerbangan terus seperti:

- (a). Doha melalui penerbangan Qatar Airways mulai 6 Februari 2018 dengan kekerapan 3 kali seminggu;
- (b). Banda Acheh melalui penerbangan Malindo Airline mulai 15 Mac 2018 dengan kekerapan 3 kali seminggu;
- (c). Jakarta melalui penerbangan Citilink mulai 25 Mac tahun ini dengan kekerapan 7 kali seminggu;

- (d). Hanoi melalui penerbangan Air Asia mulai 1 Julai tahun ini dengan kekerapan 4 kali seminggu; dan
- (e). Phuket melalui penerbangan Air Asia mulai 1 Julai tahun ini dengan kekerapan 7 kali seminggu.

Manakala beberapa penerbangan terus yang lain juga telah dipertingkatkan kekerapannya seperti berikut:

- (a). Hong Kong melalui penerbangan Cathay Dragon juga telah ditingkatkan kekerapan dari 10 kali kepada 12 kali penerbangan seminggu;
- (b). Bangkok melalui penerbangan Thai Airways telah ditingkatkan kekerapannya dari 10 kali kepada 14 kali penerbangan seminggu mulai 23 haribulan Mac;
- (c). Doha juga ditingkatkan kekerapan daripada asalnya 3 kali seminggu kepada 4 kali seminggu mulai 1 haribulan Julai;
- (d). Guangzhou juga telah ditingkatkan kekerapannya melalui China Southern Airline ke 14 kali dahulu ia 7 kali sekarang 14 kali mulai 1 Jun tahun ini juga.

Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mempunyai kapasiti sebanyak 6.5 juta penumpang dan pada tahun 2016, angka ini telah dicapai dengan jumlah pergerakan penumpang sebanyak 6.7 juta iaitu telah melebihi kapasitinya. Bagi tahun lepas tahun 2017, jumlah pergerakan penumpang adalah 7.2 juta iaitu peningkatan sebanyak 8.2% berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada tahun ini tahun 2018, jumlah pergerakan penumpang adalah dijangka akan mencapai 7.8 juta. Dengan kemasukan pelancong yang meningkat dengan begitu ketara setiap tahun, terdapat keperluan yang kritikal untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mengalu-alukan pengumuman Menteri Kewangan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di samping mewujudkan sebuah *Low Cost Terminal* dengan kerjasama Air Asia.

Seperti mana yang telah dimaklumkan kepada YB. Bagan Dalam juga, dalam sesi perbahasan, laluan penerbangan terus dari Chennai, India ke Pulau Pinang mempunyai satu potensi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah menganjurkan *Familiarization Trip* untuk media dan wartawan dari negara India pada 9 hingga 12 Oktober tahun lepas di Pulau Pinang. Pada tahun ini di Januari, Kerajaan Negeri juga melalui *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) telah menjalankan kempen promosi di India dan mendapati bahawa terdapat sambutan yang menggalakkan terutamanya dalam bidang *Business Event* dan *Wedding Tourism*. PCEB juga telah mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan bagi mewujudkan laluan ini. Kerajaan Negeri akan terus menyusuli perkara ini bagi merealisasikan laluan penerbangan terus dari Chennai ke Pulau Pinang.

Dan saya akan menjemput Yang Berhormat Bagan Dalam, sama-sama kita menerokai pemasaran pelancong di negara India. Yang di-Pertua, selama ini negeri Pulau Pinang memang mempunyai hubungan yang rapat dengan banyak...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Chennai, India.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Untuk lapangan terbang. Okey. Sebab saya ingat EXCO teruskan. So saya tak nak ganggu. So, benarkan, izinkan saya YB. Paya Terubong. Saya memang tertarik dengan penerbangan baru yang akan ada di Pulau Pinang ini. Yang penting sekali saya bangkitkan dalam isu perbahasan saya adalah berkenaan dengan lapangan terbang sekarang tu berbumbung seperti yang tidak berbumbung. Masalah sekarang adalah masalah bas persiaran kita yang datang *tourist-tourist* yang masuk ke Pulau Pinang menghadapi masalah musim hujan seperti sekarang. *Arrival...*(dengan izin), Dato' Yang di-Pertua, *arrival* ataupun *departure* akan mengalami hujan, kalau musim hujan akan basah, basah kuyup. Sampai ke Pulau Pinang ataupun nak balik nak naik ke atas kapal terbang. Disebabkan lorong pertama telah ditutup dengan *bollard* tidak dapat masuk, so sekarang kereta-kereta semua akan sampai keluar *third lane*. So, kereta-kereta itu akan mengambil tempat-tempat bas persiaran. So bas persiaran akan berhenti di luar sekali. So masalah-masalah ini telah berlaku di Pulau Pinang saya mengharap YB. EXCO dapat membuat sesuatu. Iaitu imej Pulau Pinang untuk *tourist* yang datang dari *overseas*. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih kepada Batu Lancang. Memang saya juga akur terhadap pandangan daripada Batu Lancang bahawa memang terdapat masalah dan isu di lapangan terbang pada masa kini. Pejabat saya

telah melalui PGT juga akan menghubungi pihak lapangan terbang untuk berbincang masalah-masalah yang telah dibangkitkan tadi.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Ada lagi isu Yang Di-pertua. Isu yang saya bangkitkan berkenaan dengan tandas semalam pasal itu. Isu tandas memang teruk sebab semasa saya pernah menjadi Ahli Majlis kita pernah buat lawatan di tempat itu. Isu tandas sampai hari ini pun juga saya terima aduan. Memang teruk. Itu juga imej juga Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih kepada Batu Lancang. Memang masalah kekotoran tandas awam ini menjadi satu isu juga seperti yang disebut oleh dalam KOMTAR dalam perbincangan beliau dalam tandas di feri. Untuk tandas ini, saya berharap pihak MBPP dan juga *Local Council* dapat bekerjasama untuk membolehkan satu *task force* yang untuk mengawal kebersihan tandas awam di seluruh tempat termasuklah tempat-tempat tarikan pelancongan.

Yang di-Pertua, selama ini Negeri Pulau Pinang memang mempunyai banyak hubungan rapat dengan bandar-bandar di antarabangsa atau negeri-negeri lain termasuk mewujudkan hubungan *Sister City...*(dengan izin) dengan Adelaide sejak tahun 1973, dengan Medan sejak tahun 1984 dan dengan Siamese sejak tahun 1993. Selain hubungan *Sister City...*(dengan izin) bandar-bandar yang mempunyai hubungan status Bandar Sahabat atau *Friendship City...*(dengan izin), dengan Pulau Pinang termasuklah Farmington di Austria sejak tahun 1978. Ini mungkin satu fakta yang jarang orang tahu. Semua kita tahu bahawa Pulau Pinang ada hubungan *Sister City* dengan Adelaide tapi banyak yang tidak tahu juga MPSP juga ada hubungan *Friendship City* dengan Farmington di Austria. Juga Taipei hubungan sejak tahun 2011, dengan bandar Kaohsiung sejak tahun 2011 juga, dengan Bangkok juga sejak tahun 2012, dengan Chongshan, Chongshan di Kuanthong sejak tahun 2012 dengan Hainan sejak tahun November 2012 juga dan juga ada hubungan *friendship cities* dengan Changwon di Korea di tahun 2012 dan Yogyakarta sejak tahun 2012 dan juga Phuket sama juga di tahun 2012.

Tetapi saya mendapati walaupun kita mempunyai begitu banyak hubungan *friendship cities* atau *sisters cities* dengan bandar-bandar tersebut tetapi saya mendapati wujudnya satu masalah iaitu kekurangan intraksi yang konsisten dengan bandar-bandar tersebut nampaknya langsung tidak ada apa-apa tindakan susulan diambil atau jalinan diadakan dan bandar-bandar tersebut selepas perjanjian ditandatangani atau hubungan dibina. Ini macam seorang perempuan dengan seorang lelaki berkahwin atau bertunang lepas itu tidak duduk sama atau itu berpisah begitu sahaja dengan kertas sahaja tetapi tiada hubungan. Jadi saya...(gangguan).

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Mohon penjelasan, adakah EXCO berpandangan sebegini kerana kerajaan tidak ada satu jabatan atau satu pasukan yang khas untuk melanjutkan kerja-kerja sebegini. So seperti apa yang dikatakan oleh EXCO selepas *sign* sahaja kita tiada apa-apa kerjasama di antara satu sama lain. Saya di sini mencadangkan agar kerajaan boleh menubuhkan satu jabatan yang khas untuk mengenal kerja-kerja dan tanggungjawab ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih KOMTAR. Untuk menjawab soalan ini ada memang satu idea saya buat untuk sementara ini menubuhkan satu jawatankuasa penyelarasan *sister cities* dan bandar persahabatan. Jawatankuasa ini akan mempromosikan dan mewujudkan hubungan yang erat antara Pulau Pinang dengan bandar-bandar sahabat yang sedia ada dan juga akan membina hubungan yang baru dengan bandar-bandar yang atau negeri-negeri yang pontensi yang dapat membawa kepentingan atau kebaikan untuk Negeri Pulau Pinang. Satu plan tempoh panjang akan diadakan untuk mewujudkan mekanisma komunikasi dan menggalakkan penukaran dan kerjasama di antara Pulau Pinang dan pelbagai dalam pelbagai aspek termasuk promosi pelancongan dan pertukaran budaya antara satu sama lain dengan bandar-bandar tersebut. Jawatankuasa ini juga akan mengukuhkan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pilihan utama bagi pelabur dan pelancong. Selain itu jawatankuasa ini juga memainkan peranan dalam menggalakkan penerbangan terus di antara Pulau Pinang dengan bandar-bandar sahabat tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Pelancongan *Business Events* atau disebut sebagai *Meeting, Incentives, Conventions And Exhibitions* (MICE). Pelancongan berasaskan *Business Events* atau MICE merupakan salah satu *ternd* industri pelancongan di dunia ini dan juga merupakan satu industri utama pelancongan di Negeri Pulau Pinang. Melalui kajian yang telah dibuat oleh *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PCEB), bagi tahun 2017, Pulau Pinang telah menjadi tuan rumah kepada 2,511 program yang melibatkan penyertaan 267,518 peserta dan penggunaan sebanyak 457,866 bilik semalam. Jumlah-jumlah ini telah menyumbang kepada anggaran impak ekonomi *Estimated Economic Impact* bagi pelancongan berasaskan *Bussiness Events*. Antara program-program utama yang telah dijalankan pada

tahun 2017 adalah seperti berikut: *Penang Medical Expo and Malaysian Healthcare Policy* tahun 2017 di Setia SPICE dan *George Town Literary Festival* tahun 2017 juga yang juga akan diadakan di November tahun ini untuk *George Town Literary Festival* tahun 2018. *Business Events Penang* tahun 2017 diadakan pada 7 sehingga 8 Disember tahun lepas juga di Setia SPICE.

Bagi perancangan masa hadapan, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk menarik lebih banyak program antarabangsa untuk dilaksanakan di Pulau Pinang. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri telah berjaya dalam pembidaan program antarabangsa dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang seperti *Forum Inter-Islands Tourism Policy (ITOP Forum)* yang berasaskan pelancongan kepulauan dan *Asia Pacific Masters Games* dalam bidang sukan antarabangsa. Bagi tahun 2019, satu *World Class Seafood Congress* juga akan diadakan di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk menempatkan Pulau Pinang sebagai destinasi dalam dan juga pilihan utama untuk *world class conference* dan *conventions*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di atas usaha Kerajaan Negeri, Pulau Pinang untuk menjadikan salah satu destinasi pelancongan yang amat popular dengan kadar kedatangan pelancong yang semakin meningkat saban tahun. Pada tahun 2017, Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan daripada beberapa organisasi antarabangsa seperti Pulau Pinang tersenarai dalam 17 lokasi terbaik di dunia sebagai destinasi yang perlu dilawati bagi tahun 2017 oleh CNN. Persiaran Gurney dikenali sebagai salah satu daripada *25 Best Streets Around the World for Tourists to Visit Before You Die*, *Malaysia as Penang as the 4th Place With The Best Healthcare In The World 2017* oleh *International Living*, Time.Com juga menamakan Pulau Pinang juga sebagai *10 Amazing Asian Vacations That Won't Cost a Fortune* dan juga Pulau Pinang disenaraikan dalam buku *Lonely Planet* bertajuk *Street Art* dan juga Line Clear Nasi Kandar dan *Siam Road Char Koay Teow* diiktirafkan sebagai *The Best Food In The World*.

Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri berada dalam landasan yang betul dalam pembangunan pelancongan. Kerajaan Negeri akan teruskan usaha dalam menunjukkan pembangunan pelancongan Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Boleh saya celah Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Paya Terubong saya ingin minta sikit penyelasan. Tadi memaklumkan beberapa tempat yang memang popular dari segi di tempat-tempat pelancongan di negeri Pulau Pinang. Saya nak tanya adakah keadaan-keadaan trafik di Pulau Pinang ada menjejaskan tak potensi kita untuk mendapat lebih pelancong ke negeri kita sebab ada kadang kala di tempat banyak di tempat macam di Pulau Tikus di Lorong Burma dalam beberapa kali setahun kawasan *Sleeping Buddha Temple* memang keadaan trafik agak tidak memuaskan. So oleh itu saya nak minta tanya daripada Yang Berhormat EXCO adakah keadaan trafik di Pulau Pinang menjejaskan pontesi kita untuk mengembangkan potensi *tourism* pelancongan kita. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Memang tidak dinafikan bahawa kemasukan pelancong akan menjadikan trafik kita *congested* untuk setiap kali ada apa-apa festival atau perayaan pihak MBPP mestilah untuk satu untuk mengeluarkan satu untuk trafik *management* untuk mengawal kawasan trafik dan memang satu masalah trafik di Pulau Pinang menjadi satu isu dan oleh itu kita memerlukan satu transformasi *plan* untuk menyelesaikan trafik secara keseluruhan.

Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri akan menggalakkan dan meningkatkan lagi produk-produk tarikan pelancongan yang bertaraf antarabangsa seperti pembangunan The Top di KOMTAR dengan tarikan seperti *Rainbow Skywalk* dan *The Gravityz* projek dan juga Projek *The Habitat* di Bukit Bendera dengan *Canopy Walk* dan *Tree Top Walk* dan *Projek Entopia*. Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan aktiviti *Glamping* yang membolehkan para pelancong menikmati pengalaman alam semula jadi dengan penginapan moden dan selesa. *Glamping* akan ditempatkan di sekitar hutan Teluk Bahang yang dikenali sebagai *Boulder Valley* tanpa merosakkan alam sekitar dan sistem ekologi.

Bagi menjawab permohonan Yang Berhormat Bukit Tengah, Yang Berhormat Pengkalan Kota, Yang Berhormat Batu Lintang untuk membawa kapal layar *Equanimity* ke Pulau Pinang sebagai satu tarikan baharu, cadangan ini akan dikaji dan juga akan dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk dipertimbangkan. Begitu juga mengenai isu feri saya juga akur terhadap cadangan ADUN KOMTAR untuk mentransformasikan feri Pulau Pinang yang lama sebagai satu produk pelancongan. Feri ini memang juga merupakan satu warisan kepada orang Pulau Pinang yang kita tidak boleh lupakan juga mesti dikekalkan. Pulau Pinang mempunyai perairan laut yang cantik dan kita patut menggunakan sumber perairan lautan ini sebagai satu sumber semula jadi untuk di *corporated*...(dengan izin) dengan feri untuk membawa pelancong seperti produk feri di Hong Kong yang boleh membawa pelancong untuk melayari di sekitar *Victoria Harbour* cadangan ini akan dikaji dan dibawa perbincangan bersama Prasarana iaitu syarikat yang menguruskan feri, Rapid Feri tetapi sebelum apa-apa transformasi feri ini untuk menjadi sebagai satu produk pelancongan seperti yang saya sebut tadi saya juga berharap pihak pengurusan feri dapat

memperbaiki taraf kebersihan tandas feri jangan menjadi satu ini tunjukkan gambar-gambar tandas yang *disgusting* itu dengan izin, yang memang memberi satu imej yang negatif kepada pelancong-pelancong.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa Kerajaan Negeri akan mewujudkan sebuah Plan Induk Pelancongan Negeri Pulau Pinang (Penang Transformasi Plan) yang mengariskan hala tuju...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penang Tourism Master Plan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Penang Tourism Master Plan (ketawa) yang mengariskan ya sama juga, yang mengariskan hala tuju dan rancangan pembangunan pelancongan di Pulau Pinang yang turut akan mengenal pasti kawasan atau produk pelancongan yang baharu. Idea plan induk ini akan merumuskan misi pelancongan Negeri Pulau Pinang dan merangkakan plan untuk tempoh pendek lima (5) tahun dan untuk plan panjang selama 10 tahun dan komitmen yang saya boleh bagi plan induk pembangunan pelancongan Negeri Pulau Pinang ini *Penang Tourism Master Plan* ini akan merangka usaha pemasaran pelancongan lebih menyeluruh yang bukan hanya menumpukan kepada tapak kawasan UNESCO George Town juga juga termasuk di kawasan Balik Pulau dan juga Seberang Perai. Memandangkan sektor pelancongan ini merupakan satu industri dan sumber ekonomi yang begitu penting untuk Kerajaan Negeri kerjasama daripada pihak Kerajaan Persekutuan juga dialu-alukan diharapkan sama-sama memajukan sektor pelancongan negeri dan saya berharaplah ini visi ini dapat disokong oleh Timbalan dan juga Kementerian di tahap Persekutuan dan dengan ini sekian terima kasih. Saya memohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Paya Terubong dan saya ingin persilakan Ahli Yang Berhormat dan seterusnya untuk sesi perbahasan Datok Keramat pengulungan

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Sing Deo A/L Kapal Singh):

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Timbalan-timbalan Ketua Menteri, kepada semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya ingin cuba menyentuh pada isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam perbahasan tempoh hari yang menyentuh kepada portfolio saya iaitu Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan juga yang baharu Kerajaan Tempatan. Ada saya sentuh terlebih dahulu dengan izin Dato' Speaker isu yang disentuh di bawah portfolio Perancangan Bandar dan Desa oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di mana telah pun ditanya tentang isu rumah ibadat bukan Islam, Untuk makluman Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui JPBD atau pun sekarang dikenali sebagai Plan Malaysia di Pulau Pinang telah menyiapkan satu Laporan Kolerasi RIBI bagi Daerah Timur Laut. Manakala bagi daerah-daerah lain laporannya akan disediakan dengan segera menggunakan data-data asas inventori yang telah disediakan secara *in house* oleh Plan Malaysia di Pulau Pinang dan Laporan Kolerasi RIBI ini adalah amat penting Yang Berhormat Dato' Speaker memandangkan ianya adalah satu dokumen rasmi yang mengandungi data-data dan inventori terperinci berkenaan taburan perletakan tapak RIBI dan akan memudahkan pihak berwajib khususnya pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mempertimbangkan sebarang permohonan tapak RIBI mengambil kira kesesuaian lokasi dan sensitiviti dia. Dan juga, ada beberapa pihak yang telah bangkitkan isu status ataupun tahap pewartaan semua rancangan tempatan termasuk rancangan *structure* negeri, rancangan tempatan dan juga RKK.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk RKK dua telahpun diwartakan iaitu Bukit Bendera dan juga UNESCO George Town World Herittage, dan saya juga telah pun diwartakan bulan September tahun 2017 dan untuk Botani ia akan diwartakan tidak lama lagi, memandangkan terdapat beberapa pindaan yang telah dibuat, kalau tidak *it would has also been gazetted but due to the amendment...*(dengan izin). Dan untuk makluman seterusnya Yang Berhormat Dato' Speker untuk Bukit Bendera juga yang telah diwartakan. Satu kajian sedang dilakukan sekarang di mana walaupun RKK Bukit Bendera diwartakan 2017 di mana saya nyatakan, tetapi ada satu Rancangan Tempatan Bukit Bendera tahun 1996 yang tidak dibatalkan. Jadi, ada dua dokumen ini untuk Bukit Bendera yang kita hendak selaraskan menjadikan satu, jadi kajian sedang berlaku *as I speak here...*(dengan izin) menyelaraskan kedua-dua dokumen ini dan itupun adalah diharapkan tidak lama lagi dapat kita selesaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan isu di bawah portfolio Kerajaan Tempatan ingin saya sentuh sedikit, di mana beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri telah membangkitkan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, rakan saya daripada Sungai Dua telah membangkitkan isu berkaitan penyediaan kawasan yang bersesuaian kepada peniaga-peniaga tepi jalan di kawasan DUN Sungai Dua. *I think...*(dengan izin) ini adalah isu yang begitu penting sekali dan saya berterima kasih kepada Sungai Dua. Tetapi ia bukan khusus kepada Sungai Dua sahaja, tetapi kepada keseluruhan negeri

dan sememangnya sepertimana yang saya nyatakan tempoh hari, tindakan penguatkuasaan perlu diambil di mana mereka dapati tidak sah dan saya telah nyatakan ini perlu tegas *especially* di kawasan-kawasan yang melibatkan permasalahan dari segi keselamatan dan sebagainya. Tetapi, saya bersetuju memang kita perlu sediakan satu lokasi untuk ditempatkan semula sekiranya boleh peniaga-peniaga ini dan untuk KADUN Sungai Dua, terdapat dua (2) kompleks makanan iaitu Kompleks Makanan Desa Murni dan Pasar Awam Sungai Dua di mana, yang mana adalah di bawah seliaan PBT dan selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Speaker, MPSP juga telah sediakan satu tapak penjaja iaitu Tapak Penjaja Sri Murni untuk tujuan penempatan semula penjaja-penjaja dari tapak dari tepi jalan.

Pagi tadi juga, ada satu soalan *actually*...(dengan izin) kepada rakan saya di Batu Maung berkenaan saya dengar pagi tadi, berkenaan penjaja di jalan utama iaitu di tepi Hospital Besar Pulau Pinang. *In fact*, itu adalah suatu projek di bawah saya sebagai ADUN Datok Keramat ini kawasan saya. Pada penggal pertama juga, yang mempunyai tujuan dan objektif tersebut iaitu untuk menghalalkan penjaja-penjaja dan menempatkan mereka, semua mereka dengan baik dan sebelum itu tiada tetapi kita telah naik tarafkan keseluruhan jalan itu dan menjadikan ia bukan sahaja kita buat satu tapak penjaja yang baik. Tapi kalau ingat kawasan tersebut pada asalnya adalah jalan dua hala tapi kita telah menjadikan dia jalan satu hala supaya isu keselamatan juga dapat kita jaga.

Yang Berhormat Sungai Dua juga telah membangkitkan isu pencerobohan kawasan bukit bagi tujuan pembangunan dan pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa akan melaksanakan kerja-kerja pemantauan ke atas aktiviti pencerobohan bukit dari semasa ke semasa. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu pencerobohan bukit adalah seperti berikut:

- (a). Meningkatkan tenaga kerja yang terbabit dengan pemantauan kerja-kerja tanah khususnya kawasan berbukit.
- (b). Pemantauan pada hari minggu dan cuti umum.
- (c). Menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dengan semua agensi yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Ukur dan Permetaan, Jabatan Perhutanan Negeri dan badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO.
- (d). Yang Berhormat Dato' Speaker, meningkatkan pemantauan dengan menggunakan *drone* di kawasan berbukit.
- (e). Pemasangan CCTV di 22 lokasi bagi meningkatkan pemantauan secara terus.
- (f). Mengeluarkan notis arahan berhenti kerja di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 bagi semua kerja-kerja penggondolan tanah bukit secara haram yang dirujuk terlebih dahulu kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang untuk tindakan mahkamah.
- (g). Memindahkan peralatan mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan.
- (h). Pemantauan dan rondaan bermotosikal secara berkala oleh Pejabat Tanah di kawasan *hotspot* bagi melihat sendiri aktiviti di kawasan tersebut.

Dan sekiranya terdapat pencerobohan melibatkan tanah kerajaan maka notis pencerobohan akan dikeluarkan serta-merta kepada pihak berkenaan dan akan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan sekiranya gagal dipatuhi, dan akhirnya tindakan pendakwaan oleh kedua-dua Pihak Penguasa Tempatan di mahkamah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat KOMTAR telah membangkitkan isu berkenaan masalah burung gagak di kawasan George Town. Untuk menjawab ini, pelbagai kaedah telah digunakan oleh MBPP dalam usaha untuk mengurangkan bilangan burung gagak di bahagian Pulau khususnya di kawasan Bandaraya George Town. Untuk makluman Yang Berhormat antara kaedah yang digunakan untuk mengatasi masalah ini adalah menembak, mencangkung, mencakuk sarang, memasang perangkap dan meracun. MBPP akan mengambil tindakan ini di kawasan-kawasan utama seperti di taman permainan, kawasan perumahan, kawasan komersial dan perindustian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, MBPP dalam usaha untuk mencantas dahan pokok-pokok yang merimbun di sekitar kawasan dalam Bandaraya George Town bagi mengurangkan ruang untuk persinggahan dan hinggapan gagak di kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Kawasan Komtar, jumlah burung gagak yang telah dihapuskan bagi tempoh Januari sampai Julai tahun ini sahaja ialah 6,904 ekor dan ini termasuk telur dan anak burung gagak.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli Kawasan Machang Bubuk telah membangkitkan isu berkenaan penglibatan ADUN semasa penyediaan bajet tahunan, kedua-dua PBT, MBPP dan MPSP. Untuk makluman, saya difahamkan kedua-dua MBPP dan MPSP akan mengadakan

sesi dialog bajet tahunan semasa penyediaan bajet yang akan dihadiri oleh YB, ADUN, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, Persatuan dan Penduduk daripada pelbagai peringkat dan penyediaan bajet ini sentiasa mengambil kira pandangan dan cadangan yang dikemukakan semasa sesi dialog bagi memastikan bajet tahunan seimbang dan adil.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah membangkitkan isu berkaitan tentang penaiktarafan Pasar Awam Cecil Street atau Lebuh Cecil. Untuk makluman, Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2013 MBPP telah menjalankan kerja-kerja naiktaraf pasar awam tersebut yang melibatkan kos sebanyak RM900,041.19, di mana antara kerja-kerja naik taraf dilaksanakan adalah kerja-kerja pendawaian, kerja-kerja penaiktarafan ruang niaga, pembaikan bumbung dan lain-lain. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk menaiktaraf semula kerosakan-kerosakan tersebut MBPP akan mengambil tindakan segera membaik pulih kerosakan tersebut. *In fact...*(dengan izin), di bawah portfolio ini mantan EXCO iaitu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telahpun melancarkan program untuk menaiktaraf semua pasar di Negeri Pulau Pinang dan itu adalah objektif dan tujuan yang kita akan teruskan usaha tersebut. *In fact* baru-baru ini satu pasar iaitu pasar di Paya Terubung kita telah baru-baru pergi untuk apa ni, buka kerana ia merupakan satu pasar terbenkakai yang telah siap dan dapat digunakan sekarang Yang Berhormat Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Penanti, tiada di sini tetapi telah membangkitkan isu pembersihan dan pengurusan sampah di kawasan Sungai Lembu. Di mana untuk menjawab beliau, perkhidmatan kutipan sampah dari rumah ke rumah dijalankan sebanyak tiga (3) kali seminggu, manakala kutipan sampah di tong *communal* dijalankan setiap hari di kawasan MPSP termasuk Sungai Lembu, dan kerja pembersihan am jalan negeri yang berdaftar dengan MARRIS dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh MPSP di mana tarikh akhir pembersihan di kawasan Sungai Lembu dijalankan pada 28 Julai 2018 dan selesai baru-baru ini pada 2 Ogos 2018.

Now, Yang Berhormat Dato' Speaker juga ingin beralih terus kepada portfolio saya iaitu perumahan di mana saya ada banyak untuk sebut tetapi saya harap tak akan ulangi kerana di dalam penggulangan *I mean* di dalam sesi lisan saya telah jawab banyak but *I think it very important* seperti mana Yang Berhormat Dato' Speaker tahu dari penggal dahulu juga, saya mengambil kesempatan setiap Sidang DUN untuk memberi maklumat terkini walaupun ia mungkin isu yang sama but *it very important to give* maklumat terkini berkenaan usaha Kerajaan Negeri untuk memberi keutamaan terhadap penyediaan perumahan mampu milik termasuk kos rendah di Negeri Pulau Pinang.

Berkenaan ini sukacita saya maklumkan sejak 2008 sehingga sekarang, *the latest number* Yang Berhormat Dato' Speaker 2018 *now current*, untuk rumah mampu milik A, B dan sekarang C juga sebelum ini saya sebut A, B sahaja kerana itu kos sederhana rendah *number* dia *around 25 thousands* sedang dibina. Tetapi sekarang ada C juga dalam *market* kerana usaha kita untuk bina lebih mampu milik sampai 300,000 di bahagian Pulau dan 250,000 di bahagian Seberang telah lihat direalisasikan, *last time* dalam *planning* saya perancangan tetapi telah dapat kita secara fizikal siap bina iaitu untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker saya difahamkan bahawa sekarang kita ada 28,915 rumah mampu milik A, B dan C yang telah siap dibina, dan dalam proses sedang di bina *and I mean in the process is being build is 22,000, 22,065 and* yang telah dirancang ataupun lulus untuk dibina *is 32,212* unit. Dan ini membawa kepada satu angka besar iaitu Yang Berhormat Dato' Speaker iaitu di Pulau Pinang sejak 2008 sampai sekarang ada banyak tohmahan yang kita tidak bina rumah mampu milik kos rendah, kos sederhana rendah dan saya ingin kata bahawa itu adalah tak benar sama sekali. Saya telah tunjuk yang sudah dibina 28,000, yang sedang dibina 22,000 dan yang telah lulus dibina 32,000. Jumlah keseluruhan dia 82,472 untuk rakyat Negeri Pulau Pinang yang bakal kita, yang bakal kita bina, *and in fact* ada satu soalan daripada rakan saya dari Sungai Pinang yang bertanyakan, yang bertanyakan tentang prestasi kita berbanding dengan apa yang dinyatakan di dalam manifesto. *For your information, in the manifesto for* perumahan mampu milik di Pulau Pinang apa yang dijanjikan ialah 75,362 akan dibina, akan, bakal dibina. Tetapi tadi saya tunjuk bukan kita telah tunai janji tersebut tetapi kita telah melepasi *there is* kita ada 82,000 berbanding 75, 000 sebelum ini. Yes.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Dato Keramat, saya amat menghargai dengan maklumat yang disampaikan iaitu dengan 28,915 rumah mampu bilik kategori A, B dan C yang telah disiapkan termasuklah dengan yang dalam proses. Cuma saya hendak penyelesaian sedikit tentang pecahan pecahan RMM (Rumah Mampu Milik) ini A berapa? B berapa? dan C berapa? Untuk yang dah siap dan juga yang dalam proses dan seterusnya siapakah yang memajukan projek ini? Sama ada swasta atau pun Kerajaan Negeri sendiri. Terima kasih.

Ahli Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sememangnya seperti mana yang saya nyatakan tadi yang sudah dibuat adalah 28,000 dan 22,000 yang sedang dibuat dan 30,000 itu yang telah lulus dibuat. Saya boleh beri perincian *in fact* ada jawapan bertulis di mana perincian telah diberikan dari segi kos rendah dan kos sederhana rendah dan *the different type* or RMMC and I will forward to you in the details tetapi *the important question and I think* Sungai Dua to asking kerana selalu ada kekeliruan apabila Kerajaan Negeri kata kita sudah bina. Sama ada Kerajaan Negeri sendiri bina ataupun swasta ataupun pusat juga. Ada agensi pusat. Untuk menjawab itu, jawapannya adalah semua. *The* peratusan antara swasta dan Kerajaan Negeri adalah hampir 50/50. *The one also* the soalan bertulis dengan perinciannya *we are forward to* Sungai Dua. *But of course, unfortunately and I always relies* sepuluh tahun kita di anak tirikan oleh Kerajaan Pusat terdahulu di mana umpamanya program PRIMA langsung satu pun tidak dibina di Pulau Pinang. Dato' Speaker. Tetapi harap-harap sekarang itu semua akan berubah dengan perubahan yang telah berlaku.

Saya ingin menyatakan sebagai jawapan kepada Sungai Dua juga. Projek Kerajaan Negeri. *That's means our own project.* Sekarang adalah 18 projek Dato' Speaker yang bakal menyediakan 27,080 unit and for your information Sungai Dua, *this our own project.* For kos rendah *will be 717* for kos sederhana rendah *will be 9,283..9,283 and for the see that's means up to 215000 that main land and on island 30,000 is 70,080.*

So, ini adalah perincian yang ingin saya nyatakan dan daripada 18 projek ini. Saya sukacita untuk umumkan bahawa satu projek iaitu fasa satu di Bandar Cassia Suria 520 unit telah pun siap dan kunci diberikan kepada pemilik-pemilik. Saya ada perincian semua projek tetapi saya tak berhasrat nak baca kerana terlalu panjang. *But I can always forward this to my...(gangguan).*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rasanya baik untuk edar kepada semualah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I think, I will do that. I will do that because it important for all the backbencher to know exactly what the state has achive task...(dengan izin). Of course seperti mana saya nyatakan dan saya tak mau ulangi adalah diharapkan agensi persekutuan sekarang juga dapat membantu di dalam pembekalan perumahan-perumahan mampu milik. Saya tak mau sentuh berkenaan isu yang dibangkit Sungai Dua berkenaan dengan agensi persekutuan yang kononya tak dibantu kita tapi hari tersebut saya telah beri sedikit penyelesaian.

Now, satu lagi perkara yang saya dapati daripada ADUN adalah berkenaan proses pemilihan ataupun bagaimana unit-unit setelah dibina, bagaimana ia diagihkan kepada pemohon yang memerlukan mereka. Berkenaan ini, untuk makluman Dato' Speaker, ada satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa SPEC yang saya wujudkan dalam penggal terdahulu di mana pada waktu itu ada 10 wakil rakyat daripada EXCO, daripada MP, daripada ADUN yang duduk di atas dia dan di mana sekarang untuk penggal ini saya melaporkan kepada Dato' sudah naik kepada 14. So, ketelusan dalam pemilihan begitu baik sekali. Ada 14 wakil rakyat yang akan membantu saya dalam proses memilih pemohon yang layak untuk diagihkan rumah-rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan sebagainya. Dan sejak permulaan sehingga sekarang 44 kali kita telah bersidang di mana untuk kos rendah telah dipilih 20,051 pemohon, *20,051 for low cost. For low medium cost (RMMB) 8,638 dan untuk RMMC yang baru 14,432. That means SPEC sejak mula sampai sekarang telah memilih 43,121, sorry Dato' Speaker, flu... that why I to speak early...(gangguan).*

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Datok Keramat. Cuma saya juga nak tahu dari segi baki, baki pendaftaran PN1 yang saya rasa banyak puluh ribu lagi. Berapa banyak lagi yang baki yang kita selesaikan dan mungkin ada tambahan lagi dan untuk satu lagi untuk ketelusan dari segi pemilihan. Okey, ada 14 kuasa.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

14 wakil rakyat *in the community.*

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Kalau boleh kita minta masukkan juga Pembangkang untuk pastikan ketelusan itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya setuju dengan sepenuhnya kepada Sungai Dua, jadi saya minta Sungai Dua pilihlah siapa daripada tiga (3) yang hendak datang ke dalam jawatankuasa ini. Tidak ada masalah langsung dan *so, that one* saya setuju dan beri komitmen. *Maybe, you can decide among yourself.* Dan untuk soalan tadi daripada Sungai Dua berkenaan baki pemohon. Untuk makluman Dato' Speaker, apabila SPEC mula bersidang pada tahun 2014 *no, 2013.* Ingin saya nyatakan kepada Dato' Speaker, pada waktu itu atas senarai

menunggu ada orang dalam tahun 70-an daftar atas senarai menunggu. Itu mengejutkan saya. Saya baru dilahirkan ada orang masih menunggu apabila saya menjadi pengerusi SPEC. Tak masuk akal. *But anyway* kita telah *clear* senarai itu dengan begitu banyak sekali dan saya ingin nyatakan kepada Dato' Speaker *the latest now* setelah kemaskini *is around 2,000* secara purata. Ada daerah. Saya nak laporkan kepada Dato Speaker. Ada beberapa daerah kerana kita punya pemilihan adalah mengikut kaum di bawah rancangan struktur negeri. *We have to give according to race, that is Bumi that is Chinese, that is Indian according the certain percentage* kos rendah and kos sederhana rendah. *The are some* daerah di mana *I can give example. I think*. Kalau tidak silap saya *my members not here, like SPS*. Dato' Speaker, *for kaum India, we up to date. That mean sometime we have project were we don't have names. They have to come back later. We are talking about* kos rendah dan kos sederhana rendah dan mampu milik *you can understand a lot of stock but that we have* itu di tahap kita telah sampai Dato' Speaker. Berbanding dengan apabila kita mula. *But saya akan dapat exact number and I also is one* soalan bertulis. *I will forward to* Sungai Dua.

Saya juga tertarik dengan beberapa ADUN yang telah mohon supaya. *I think* Bagan Dalam, *I think* Pengkalan Kota, *few others to talk about* pastikan belia mendapat rumah, 30% dan sebagainya. *I think* itu satu cadangan yang baik. *We will to do so but like I said the main problem especially for* belia. Memandangkan mereka baru masuk ke dalam ekonomi. *They just intering the market completing they studies is* kesusahan ataupun kesukaran mendapatkan pinjaman bank. Itu adalah *obstacle* yang utama yang saya lihat terhadap pemohon-pemohon yang adalah belia dan itu bukan sahaja terhadap belia tetapi *across the board for first time home buyer* jadi, kita perlu tanggani isu pokok ini. Kalau isi pokok ini kita tidak tanggani, memang permasalahan ini akan diteruskan. Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satess A/L Muniandy):

Terima kasih Yang Berhormat Datok Keramat, Dato Speaker. Kerajaan Negeri menurut apa yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat Datok Keramat pada tempoh hari bahawa Sekarang Kerajaan Persekutuan sedang kaji untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman bank oleh institusi kewangan. Itu kita mengalu-alukan dan apa yang saya cadangkan dalam ucapan perbahasan saya adalah skim rumah skim perumahan sewa beli yang akan kita ada. Saya minta 30% dikhususkan kepada golongan belia khususnya mereka berumur 35 tahun ke bawah. Itu adalah cadangan saya. Saya harap Datok Keramat boleh mempertimbangkan permohonan saya itu dan kalau *possible* boleh dilaksanakan. Itu cadangan saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okay for sewa beli. *We will take into account*. Apa yang dinyatakan 30% dikhususkan untuk 35 dan ke bawah. *Of course*, tertakluk kepada mereka perlu patuhi semua kriteria lain. *Is some we will all belia to fit to* kategori *to low cost, medium cost even* sewa beli. *So, They have to* patuhi syarat-syarat kelayakan sebelum dapat.. banyak la kriteria yang perlu mereka patuhi. Tapi saya ambik maklum apa yang Bagan Dalam kata dan saya walaupun bukan belia sekarang. Sudah rambut putih tapi saya, *I tottaly follow where you are and we look in to it your proposal. I think you are member of SPEC* kalau tidak mungkin saya akan panggil supaya akan ada lebih belia di dalam Jawatakuasa SPEC juga.

So, Dato' Speaker. Berkenaan projek sewa beli since you are subjek now.. I think is very Important. Kalau kita lihat tren atau pun pada penggal terdahulu. Program ini tidak mendapat perhatian yang begitu baik di mana cuma dua (2) projek printis iaitu di Seruling Emas dan Sungai Duri Permai telah dilancarkan dan mendapat sambutan baik tetapi selepas itu saya lihat bergerak perlahan. Tetapi dalam penggal baru ini saya ingat di bawah saranan YAB. Ketua Menteri sendiri. Dia berpendapat ini perlu kita tambah lagi dan seperti mana saya hendak nyatakan tadi. Ada satu projek, pusat yang telah saya minta agar ditukar kepada kaedah sewa beli ini iaitu Permatang Tok Subuh yang akan membawa 231 unit dan juga lagi satu projek di Mak Mandin yang akan membawa 70 unit yang mana saya harap pihak KPKT akan setuju agar dia boleh diagihkan melalui konsep sewa beli dan untuk syor ini juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan. YB. Datok Keramat. Saya cuma ada satu pertanyaan tentang konsep sewa beli ini. Sebab bekalan itu untuk rumah PPR itu amat terhad. Sekiranya kita bagi konsep sewa beli itu, rumah PPR tersebut akan dijadikan hak milik persendirian. Dia akan secara langsung mengurangkan pembekalan rumah PPR tersebut. Adakah langkah yang lebih baik iaitu melalui sewa, kita boleh memastikan bahawa perbekalan PPR itu hanya diberikan kepada orang-orang yang memerlukan rumah PPR tersebut.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Machang Bubuk atas soalan itu. Memang rancangan kita untuk memperbanyakkan skim sewa beli bukan bermaksud kita akan berhenti sama sekali pembekalan PPR. *We want to try to balance it out. That means I give you example.* Kita ada satu skim sewa di Desa Wawasan. *I think everybody khow that* Desa Wawasan. *Is that BM area?* Dan dalam skim ini. Saya bagi contoh apa yang sedang berlaku. Memandangkan ia adalah *rental is full rental* yang sewa sahaja. Tak da sewa pada satu masa kita

jadi pemilik iaitu konsep sewa belilah. Saya dapati tunggakan banyak. Nombor satu, kerana mereka tak da *sense of ownership*. *They don't have sense of ownership*. And then, memandangkan tak da *sense of ownership* juga, mereka selalu biarkan sahaja premis, dan tak selenggara dengan baik. Dan ia menjadi seolah-olah satu *slump*, dan Kerajaan Negeri perlu pergi selenggara, belanja banyak wang.

Jadi, untuk program Desa Wawasan ada satu cadangan, Dato' Speaker kerana ada dua (2) blok. Dan kedua-dua blok itu, *take up rate it's around 50 to 60%*. Kita ada satu cadangan yang sekarang kita sedang kaji, kita nak pindah semua kepada satu blok. Dan yang akan digunakan sebagai sewa sahaja. Dan satu blok lagi apabila siap, kita *rectify* apa permasalahan dia, kita akan buat secara sewa beli.

So, this is an example where there will be in one scheme two type. So, kepada penyewa-penyewa yang baik, *the good pay masters* daripada yang wujud sekarang, kita akan bagi *priority* kepada mereka untuk pindah sebagai didalam kaedah sewa beli. Jadi ini adalah contoh, satu contoh saya beri untuk menjawab Machang Bubuk yang memberi satu, memang satu cadangan yang baik. *It is not our intension*, Dato' Speaker, *it's not our intension... (dengan izin) to stop PPR*. *PPR will still be there, in fact* untuk makluman, apa yang saya sebut tempoh hari, kita pergi ke Kementerian jumpa dengan YB. Menteri untuk dipertimbangkan semula Kota Giam di Jelutong. Dua (2) plot yang telah kita kenal pasti adalah untuk PPR, bukan untuk sewa beli. *So, we will have enough PPR stop and we also have enough sewa beli*.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Yes.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya rasa penjelasan itu, saya boleh setuju yang untuk Desa Wawasan itu adalah rumah pangsapuri yang kondo. Tapi untuk rumah di Permatang Tok Subuh, ia agak berbeza sedikit kerana ia adalah rumah sebiji yang *bank are landed* yang juga rumah yang tidak bertingkat dan keluasan dia adalah 1,300 kaki persegi untuk satu unit dan memang banyak permintaan yang nak beli rumah-rumah tersebut. Tapi, saya rasa perkara itu kita tak boleh banding dengan Flat Wawasan kerana, kawasan yang ada di Permatang Tok Subuh itu rumah itu, memang nampak sangat bagus. Ramai, banyak permintaan sekiranya kita diberikan secara sewa beli, ia akan dimiliki oleh orang-orang itu sahaja selama-lamanya, atau dia akan dijual kepada orang lain, sekiranya dia dapat pendapatan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Oleh itu, sekiranya rumah itu dapat dijadikan seperti macam kuarters kerajaan, atau rumah PPR yang mungkin dapat dijadikan satu contoh yang baik hanya untuk orang yang berpendapatan seperti di Padang Tembak, jika dia sudah mencapai satu tahap sosial ekonomi yang tinggi, maka mereka perlu pindah keluar daripada rumah PPR tersebut. Boleh dipertimbangkan sebab dua-dua kawasan ini tak sama, jenis rumah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Untuk Tok Subuh, saya setuju dengan Machang Bubuk. *It's not low cost. Can not compared it Seruling Emas and Sungai Duri Permai*. *In fact*, kita dalam proses *consider* bagaimana kalau kita dapat agihkan melalui skim sewa beli kalau Pusat setuju, apakah harga yang kita akan letakkan. *It's not one fit all*, tiap-tiap skim, harga dia berbeza. *If you look at Sungai Duri Emas and Seruling Emas and Sungai Duri Permai also, it's actually different pricing*. Bayaran mereka juga, tempoh dia berlainan. *So, we already know that this is going to happen here, the demand is very high in Tok Subuh because it's landed it's very big*. *For sure*, kita tak akan letakkan kelayak had-had, apa ni kelayakan-kelayakannya bukan *low cost*. Mungkin besar kemungkinan besar Dato' Speaker, *it will be low medium cost, or even* mampu milik *because it's not you, can not compared it*. *I agree with you with Desa Wawasan ini*. Itu satu.

Nombor dua, *point* yang dibangkitkan oleh Machang Bubuk dalam isu ini adalah, kalau kita apa ni berikan kepada pemohon untuk dimiliki, maka ia tak dapat *dirole* kepada pemohon-pemohon lain. *Of course that's going to happen*. *But like I said, sense of ownership very important* supaya penyelenggaraan dia ada di situ.

Nombor dua, kalau kita syaratkan syarat-syarat kos sederhana rendah umpamanya kalau untuk projek ini, kita juga, kita juga akan syaratkan *moratorium* terhadap penjualan semulanya. Jadi, *it can not be a speculated piece of property*. *That's mean they will subject to the same condition now for LC, LMC 10 years* tak boleh jual daripada *principal purchased*. Memang saya setuju dengan itu.

Berkenaan stok kalau kita guna kaedah sewa beli, kita akan kehilangan stok, kerana ia akan jadi milik penyewa pada satu tahap masa. Ingin saya nyatakan, *that's why I say* penggal ini kita hendak lihat kepada bagaimana kita boleh perbanyakkan lebih skim. Jadi, ia tak akan berhenti di Kampung Tok Subuh saja. Memang kita akan lihat, pada banyak skim-skim lain untuk diperkenalkan dapat diagihkan melalui skim sewa beli ini, Dato' Speaker.

Dato' Speaker, saya teruskan. *I think*, Bagan Dalam *I already spoke about* berapa, berapa baki pemohon-pemohon dalam PPR, di mana tempoh hari saya nyatakan dalam 1,500 dan *of course*, kita perlu cari lebih unit untuk mereka yang menunggu terutamanya Dato' Speaker, di kawasan daerah Timur Laut daripada 100, 1,500 itu hampir 900 *is in DTL*. *That's why we need Kota Giam project ASAP* dan *I hope* dalam penggal ini kita dapat lihat itu berlaku.

Dato' Speaker, saya teruskan dengan isu penyelenggaraan. Untuk makluman Dato' Speaker, kita ada 50 Skim Perumahan Awam di bahagian Jabatan Perumahan. *We have about 50 Housing Scheme, Public Housing Scheme* dan sejak tahun 2008 sampai sekarang Dato' Speaker, kita telah membelanjakan sebanyak RM160,754,000 *for 50 scheme since 2008*. Dan *of course* kita akan cuba terus menyelenggarakan dia, dan kita haraplah, selain daripada usaha Kerajaan Negeri sekarang memandangkan Kerajaan Pusat telahpun diambil alih, harap program-program penyelenggaraan pusat juga dapat membantu Kerajaan Negeri di dalam proses penyelenggaraan kerana kos dia begitu hebat sekali, *like I say RM160,000,00 in the last 10 years, and the we can for see this world continue, and we will continue* beri komitmen kepada skim-skim perumahan awam ini.

Untuk perumahan swasta, Dato' Speaker diperingkat negeri, kita ada satu tabung untuk bantu skim-skim swasta yang layak. *They also have to reach a certain level of eligibility*, sebelum dapat dipertimbangkan. Tetapi, untuk makluman Dewan ini, sejak ditubuhkan pada 2013 iaitu Skim Tabung Penyelenggaraan 80% Maksimum, kita telah melaksanakan 267 projek berbagai jenis iaitu penukaran dan penaiktarafan lif, tangki air, paip air, bumbung, cat, turap jalan dan sebagainya 267 *in all*, pada kos RM23,300,000. *RM23,300,000, this one is for the private sector*. *So, in all just now RM160, RM23 we are talking nearly RM180 over million*, ini satu jumlah yang besar.

Oleh yang demikian, perlulah kita dapat satu bantuan daripada pusat, di mana saya telah mohon kepada Menteri baru. Beliau kata, beliau memang akan lihat untuk pertimbangan baki permohonan yang tertunggak di bawah Tabung Penyelenggaraan Satu Malaysia tidak lama lagi.

Saya juga ada beberapa orang, yang bincang tentang apa status penguatkuasaan. Tetapi saya ingat, saya telah tempoh hari nyatakan ada mereka penyewa-penyewa skim-skim perumahan kita, yang nak salah guna unit itu perlu kita tegas, ambil tindakan. Tetapi, mereka-mereka yang benar-benar susah, nanti kita akan bantu. Dan kita akan teruskan dengan proses tersebut, Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya. Silakan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Dato' Yang di-Pertua, saya celah. YB. Dato' Keramat, saya tertarik dengan tentang penyelenggaraan. Masalahnya sekarang RMMA, RMB maksudnya swasta. Masalah penyelenggaraan ialah dari segi *management*. Kebanyak rumah-rumah kos rendah ini, menghadapi masalah *management*. Ada yang tidak mempunyai *management*, dan pihak kawasan YB. dah masuk tolong pun, tidak boleh disebabkan kita nak memohon peruntukan 80:20 itu juga kena ada *management* yang *sign*, yang buat semua *quotation*kan.

So, itulah masalah-masalah yang kita hadapi, untuk yang tidak mempunyai *management* yang rumah-rumah kos rendah itu. So, saya harapkan ada satu kaedah untuk rumah RMMA, RMB yang akan datanglah setakat yang baru *how to control the time and new management...*(dengan izin). Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya baru nak sampai kepada permasalahan pengurusan bangunan berstrata kos rendah. *But of course, that is in relation to* masalah dimana mereka tak ada badan pengurusan. *Of course the*, jawapan yang mudah terhadap isu ini adalah, perlulah ditubuhkan apa ni Perbadanan Pengurusan yang mana diperuntukan sebenarnya dibawa undang-undang. Perlu, *but* banyak yang tidak buat sedemikian, kerana ada permasalahan dengan siapa akan bertanggungjawab dan sebagainya. Tetapi, *I think* pendekatan kita melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan *is* kita hendak beri khidmat nasihat kepada semua skim-skim perumahan ini, agar mereka ambil langkah-langkah untuk tubuhkan JMB ataupun MC, kerana ada banyak manfaat yang mereka boleh nikmati, sekiranya ada kedua-dua JMB ataupun MC ini, dari segi pengurusan.

But of course I think what Batu Lancang say, we have to look into because at the moment ini, ini melibatkan kewangan negeri. Jadi pihak Jabatan Pegawai Kewangan Negeri, mereka ada *standard operating prosedur* mereka di mana diperlukan beberapa perkara perlu dipatuhi sebelum sesuatu permohonan dibawah 80:20 ini, dapat kita pertimbangkan dan luluskan.

But of course maybe, kalau ada kes-kes tertentu di kawasan-kawasan ADUN-ADUN, saya nak minta ADUN sendiri *because you will know what are the specific problems for specific scheme in your area*. Datang jumpa saya, dan kita lihat bagaimana kita boleh tanggani permasalahan tersebut, agar mereka juga dapat dipertimbangkan untuk diagihkan dan sedikit dana dibawah Tabung 80:20 ini. Silakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Datok Keramat juga. Mungkin bagi bantuan juga untuk dibawah Tabung Penyelenggaraan ataupun mana-mana skim yang berkenaan, bagaimanakah kerajaan meletakkan kriteria bagi membantu mereka yang terlibat dengan bencana seperti contohnya kebakaran ataupun banjir. Mungkin ada mana-mana skim, yang boleh dikaitkan dengan Bantuan Penyelenggaraan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Thank You, Permatang Berangan. Berkenaan tabung yang saya nyatakan itu adalah Tabung Penyelenggaraan untuk bangunan-bangunan. Tetapi untuk kes-kes bencana seperti kebakaran ataupun banjir, ia tidak dibawah tabung ini. Tetapi dibawah Jabatan Kebajikan Negeri, di mana mereka ada prosedur mereka untuk memberi sedikit bantuan kewangan kepada mereka yang dialami bencana tersebut.

Dan *of course*, untuk makluman semua dan Dato' Speaker sendiri tau, setelah bencana besar yang melanda Pulau Pinang September dan November dahulu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu prihatin sekali. Kita telah salurkan bantuan *one off* pada kedua-dua episod itu, kepada berpuluh-puluh mangsa, di mana mereka telah dilanda banjir. Ini berbanding dengan Kerajaan Pusat, yang memberi kepada mereka yang kita dapati tak terjejas pun, dan memberi hanya RM250.00 berbanding dengan kita yang memberi RM750.00 kepada setiap mangsa tersebut.

So, Dato' Speaker saya teruskan dengan isu tanggungjawab kepada pemilih petak didalam setiap skim perumahan untuk membayar cas penyelenggaraan bagi memastikan JMB atau MC mempunyai dana yang cukup untuk menguruskan *coming back to what* Batu Lancang nyatakan. *Just a quick one on the legal* aspek sekiranya jika JMB atau MC tidak ditubuhkan Dato' Speaker ataupun berstatus tidak aktif tindakan boleh diambil seperti mana saya nyatakan tadi COB boleh mengambil tindakan di bawah Akta 757 Seksyen 86 di mana mereka boleh lantik agen untuk mengurus dan menyelenggara sesebuah bangunan tersebut.

So that is a one way out if you have such cases in you area and they cannot assess 80:20 because of that maybe you can approach COB to get the managing agent to appointed as soon as possible...(dengan izin) Dato' Speaker itu mungkin satu *one way out*. Yes Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Minta laluan Dato' Speaker, berkenaan dengan Badan Pengurusan bangunan berstrata *title* memang di kawasan Jawi kita terdapat 17 skim yang sedia ada Kos Perumahan berstrata *title*, kos rumah rendah iaitu dua di bawah Jabatan Perumahan memang di bawah Jabatan Perumahan memang tidak ada masalah tetapi bagi 15 skim yang sedia ada, saya rasa lebih daripada 20 tahun pun ada 30 tahun pun ada dan semuanya buat masa kini tidak ada satu Badan Pengurusan dan dalam ucapan saya, dalam perbahasan saya mencadangkan supaya bahawa Kerajaan Negeri harus masukkan satu *task force* untuk lihat balik skim-skim yang sedia ada ini yang menghadapi masalah sebab ada kebanyak skim kedudukan peratusan dalam skim tersebut ada yang tak sampai 30%, ada yang tak sampai 40% so kalau kita nak minta walaupun saya cadangkan bahawa *task force* itu pasti kita akan terlibat dengan COB dan juga kita haruskan pasukan terlibat dengan *Legal Advisor*, Penasihat Undang-Undang disebabkan apabila penduduk kita tak minta COB sebagai Ahli Majlis, bekas Ahli Majlis kita pernah minta COB turun padang untuk bantu penduduk-penduduk itu untuk tubuhkan satu Badan Pengurusan tetapi sampai akhir pun tidak dapat berjaya sebab penduduk yang terlibat terlalu kurang dan kedudukan dalam flat itu ada yang tak sampai 30% dan kebanyakan unit adalah kosong dan difahamkan unit-unit ini dimiliki oleh bank sebab orang yang tak mampu bayar *loan* dia akan ambil balik oleh bank, tapi bank biarkan begini sahaja.

Kebanyakan unit di kawasan saya di kawasan Jawi, pintu pun tak ada, kosong, tingkap pun tak ada. So dijadikan satu tempat pembuangan sampah haram dan *drug addict* selalu bersembunyi di kawasan tersebut, so saya minta Kerajaan Negeri kita haruslah cari satu cara untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku. *Thank you*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

In fact, saya ada dengar Jawi kekuatiran Jawi yang dinyatakan kerana kekosongan banyak unit bukan sahaja di kawasan beliau tapi di Seberang dan di seluruh bahagian Pulau pun ada beberapa skim. Untuk makluman Dato' Speaker, saya mempunyai satu, *in fact* sebelum ini penggal dahulu sememangnya kita ada beberapa siri perbincangan dengan bank-bank komersial di mana mereka yang melelong dan menjadi tuan punya unit-unit di mana pemilik-pemilik mempunyai tunggakan dan tak boleh bayar dan *of course* ada isu perundangan yang berbangkit *that was the last term and then* kita tidak bergerak kemudiannya kerana

apa yang dicadangkan pada waktu itu adalah untuk kita mengambil alih unit-unit ini sama ada, Kerajaan Negeri boleh masuk dan ambil alih unit-unit di tempat-tempat di mana banyak kosong dan saya ingat ini mungkin kita boleh kaji semula di penggal ini kerana sekarang kalau kaedah ini boleh digunakan untuk membolehkan Kerajaan Negeri membeli pada satu kos yang begitu rendah unit-unit ini kita boleh gunakan unit-unit ini untuk kaedah sewa beli semula. *So, it is one way of us getting more stock. So* saya setuju dengan Jawi mungkin satu *task force* wujudkan *in fact* telah diwujudkan cuma saya akan gerakannya ia semula. Ya Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih YB. Datuk Keramat memang bukan saja untuk untuk kos rumah rendah sedia ada tetapi yang saya khuatir untuk untuk future untuk masa depan sebab selalunya Badan Pengurusan ini tidak dapat sampai tiga tahun dia akan pecah habis oleh sebab itu saya minta kalau boleh kita akan lihat balik untuk kos rumah rendah yang baru.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Isu yang sama juga berkenaan dengan *strata* management kita sudah ada Akta 757 yang digubal pada tahun 2013 untuk mengatasi masalah ini, saya timbulkan perkara ini kerana kawasan saya sedang menjadi satu kawasan yang sudah penuh dengan *strata building* ini ada yang *low cost*, LMC dan *condominium* sudah ada banyak, apa yang saya lihat komitmen daripada *Commissioner Of Building* yang ini saya perlu (dengan izin) perlu nyatakan di sini di pihak bahagian Seberang Perai kurang memuaskan walaupun ada kes-kes yang dirujuk tidak diambil serius, begitu. mungkin sebelum ini kerana perlantikannya dibuat oleh Kerajaan Persekutuan terus *Commissioner Of Building* di kawasan itu yang saya faham I think mungkin Dato' YDP pun setuju dengan saya saya pun tidak tau boleh bincang kembali sebelum ini memang ada *progress* tetapi *I think for the last one year*, memang bila saya jadi Ahli Majlis sendiri saya telah mengalami keadaan ini di mana itu di Perai di kawasan saya sekarang pun mengalami masalah yang sama juga di mana Akta itu sendiri seksyen 86 memberikan kuasa kepada *Commissioner Of Building* untuk melantik *management agent* di tempat-tempat yang tidak boleh menubuhkan JMB atau MC seperti yang dinyatakan oleh rakan saya dari Jawi Seksyen 19(2) berikan kuasa dan Seksyen 86 boleh diguna pakai dan COB boleh lantik Management terus kenapa dia tidak enggan berbuat demikian itu soalan saya Datok Keramat, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okay thank you Bagan Dalam dan Jawi I just want to wind up I just have one more point after this untuk jawab Bagan Dalam , saya ingat sebelum saya menjadi EXCO Kerajaan Tempatan memang sudah ada banyak masalah ini kerana sebagai EXCO Perumahan *it is connected whether I KT or before I become KT Portfolio at Perumahan we already have this problem because when skim itu tak boleh jadi apa-apa kerana permasalahan dengan COB, dia akan datang ke EXCO Perumahan.*

So memang saya ada lihat ada mungkin kekuranganlah di pihak COB mungkin bukan sahaja at Seberang tapi juga di Pulau tapi saya ingat Dato' Rozali pun ada di sini Yang di-Pertua dan kita boleh duduk bincang bagaimana kita boleh perkasakan kemampuan kedua-dua COB ini untuk bekerja lebih baik di dalam masa hadapan. Cuma satu *point* saya nak gulung nak bangkit dalam pergulungan saya sebagai *point* akhir Dato' Speaker ialah berkenaan pekerja-pekerja asing, tadi pagi saya ada jawab kepada soalan dalam soalan lisan cuma saya nak umumkan kepada Dato' Speaker daripada lima projek yang sedang dan telah diluluskan satu tersebut di Bukit Minyak yang akan siap pada bulan Oktober CCC dijangka keluar dan dapat menampung masalah ini kerana kita lihat di Pulau Pinang sudah ada banyak permasalahan dari segi terlalu banyak pekerja warga asing yang duduk di dalam skim-skim Perumahan yang mempunyai impak kepada portfolio saya di bawah Perumahan di mana banyak aduan yang saya terima, tapi ingin saya nyatakan bahawa di penggal ini bahawa beberapa projek-projek akan siap dan adalah diharapkan dapat ditangani.

Untuk makluman *just one minute* untuk maklumat Dato' Speaker, *I said about 20,000 this morning foreign worker I got the data.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

More than that?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Data saya dapat menunjukkan *actual figure* is about 93,000, *this is the data I got from Imigresen if I not mistaken 93,000 that mean the illegals are around about the same because industry especially FMM claim that is the amount*, itu angka yang perlu kita *tacle* kalau kita hendak bina apa ini asrama Pekerja asing. Yes Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Ya dengan izin, terima kasih Dato' Speaker, terlebih dahulu / ingat / ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah sebab YDP MPSP ada mencatatkan kecemerlangan dari segi pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara yang baru-baru ini, tahniah kepada MPSP. Berkenaan dengan isu pekerja warga asing, pekerja warga asing ini memang di kawasan Bukit Tengah ada ramai pekerja ini ditempatkan di tempat-tempat kediaman dan apabila saya berkempen semasa pilihan raya saya pun terkejut melihat betapa ramainya pekerja-pekerja asing ini berada di tempat-tempat perumahan dan saya secara peribadi menyokong dasar kerajaan untuk membina asrama-asrama pekerja ini, tetapi saya ada beberapa soalan yang saya perlu tanya, yang pertama adalah di kawasan-kawasan taman-taman, saya ingin tanya sama ada kita mempunyai satu dasar di mana kilang-kilang *operators* dikehendaki untuk mendaftarkan alamat pekerja warga asing mereka, saya bertanya ini sebab ini telah dilakukan di Negara Singapura di mana sekarang macam ada di satu taman di Bukit Tengah sekarang ini kita menghadapi ataupun penduduk-penduduk di sana menghadapi masalah di mana ramai hampir 40% rumah-rumah diduduki oleh warga apa ini pekerja asing dan mereka tidak tau *who this or who this people are they are, they are facing this problem where they do not know who the occupant are* dan sekiranya terdapat permasalahan bergaduhan ataupun pembersihan dan sebagainya. Persatuan-persatuan penduduk ini tidak tahu nak cari siapa untuk mengadu.

Baru-baru ini di Taman saya telah membuat satu dialog dengan pihak polis dan pihak polis sangat berkerjasama dengan Persatuan Penduduk *they went around all the houses and they collected all the information right from each house to see where this people are working so they can get in touch with that factory so they can come out with way to manage this foreign worker especially* ya saya harap boleh dapat penjelasan isu ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang saya setuju perlu ada *database* di peringkat ini kerana di peringkat ini mereka berkeliaran di semua skim perumahan *that is the problem that we are trying to settle* dengan adakan apa ini *worker dormitory* yang kita rancang Dato' Speaker *and* kalau balik kepada Singapura, untuk makluman Dato' Speaker, di Singapura pekerja warga asing tidak dibenarkan duduk di dalam skim perumahan orang tempatan *they are not allow. That why in Singapore* dia punya, apa ini asrama pekerja asing sudah sampai generasi keempat saya sudah sebut dalam penggal dahulu pun, saya pergi ke Singapura saya lihat dia punya generasi keempat asrama pekerja asing lebih canggih daripada kita punya kondominium di Pulau Pinang.

Kalau saya ada di Singapura mungkin saya nak masuk dan tinggal di dalam satu asrama warga asing tersebut *it is really hightech and their that generation form. But, in Singapore they don't have thier problem because they are not allow in law to stay in public housing scheme, they have to stay in worker dormitory that is the problem there. So* saya harap dan saya ingin akhiri di sini dengan adanya lebih daripada asrama-asrama sebegini, kita dapat tangani permasalahan ini dan mungkin kalau perlu maklumat tentang alamat pekerja-pekerja ini mungkin FMM, *Federation of Manufacturer Malaysia* mereka mungkin ada kerana mereka memantau industri dan melalui setiap kilang-kilang operator-operator mereka sudah pasti mereka ada alamat pekerja-pekerja mereka *that is for the pekerja yang sah.*

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Just a quick one, two-two isu saya harap Yang Berhormat EXCO dapat mengajilah sebab walaupun di Singapura *the foreign worker they are staying in this public housing build by the government but there is still have requirement they have a register...* (dengan izin), mereka ada satu daftar di mana *factory operators* terpaksa atau dikehendaki register pekerja-pekerja dengan pihak berkuasa *because right now our hostel have not being build yet and so we have this masalah right now* yang perlu kita tangani.

Berkenaan dengan hostel yang ingin dibina di perkampungan Juru saya terpaksa bertanya sebab ada sedikit kerisauan saya rasa Kerajaan Pulau Pinang boleh *clear up some confusion* yang selalu dibangkitkan oleh penduduk-penduduk di sekitar yang masih tak faham masalah yang pertama yang mereka membangkitkan adalah mereka mengkuatiri projek tersebut akan mengakibatkan lebih banyak banjir di kawasan tersebut. Ini adalah yang selalu-selalu disebutkan sebab tapak yang dikehendaki membina asrama itu berada di satu kelapa sawit punya area *which they said all the water collected there building is build there so it will create more flood so that is one issue. The other issue is* yang selalu ditanya adalah kenapa *traffic is one the third of course I have received the answer for traffic, the traffic one is good*

I notice here the government is intend to extend the road from two lane to four lane in that area so that I don't think is a big issue.

Third one is of course pertanyaan yang ditanya oleh penduduk di sana adalah kenapa Kerajaan tidak boleh membuat pertimbangan untuk membina asrama ini di satu kawasan yang lain sebab kawasan yang nak bina itu berada di kawasan perumahan? Jadi ini adalah satu soalan yang selalu dibangkitkan harap boleh dapatkan penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

In fact Dato' Speaker, berkenaan trafik dalam bertulis sudah dijawab, banjir juga sama di mana saya percaya dengan adanya projek ini permasalahan banjir dan trafik yang wujud sekarang di kawasan itu akan dapat ditangani dan akan dapat diselesaikan melalui projek ini nombor satu *because* ia telah pun disyaratkan di dalam pelannya supaya jalan diperbesarkan juga langkah-langkah diambil untuk pastikan tiada banjir dan sebagainya.

Berbalik kepada isu sama ada tempat lain dapat dikenalpasti. Untuk makluman Dato' Speaker, saya boleh kata banyak tempat lain akan dikenalpasti kelak untuk banyak lagi asrama sebegini tetapi saya percaya tempat ini sesuai kerana kita buat satu kajian dalam radius dalam 5km daripada tapak ini sekarang juga ada hampir 10,000 – 15,000 pekerja asing duduk dalam skim perumahan jadi dengan adanya skim perumahan ini kita dapat meresapi pekerja-pekerja warga asing ini dan sekaligus menyelesaikan masalah tersebut di kawasan di radius 5km daripada tapak tersebut. Tapi saya ingat perlu saya tidak sentuh terlalu banyak perkara ini kerana untuk makluman Dewan ini ada satu kes di Lembaga Rayuan atas isu ini oleh penduduk-penduduk yang telah apa ini ambil kes ini ke Lembaga Rayuan.

Jadi dengan itu Dato' Speaker saya ingin akhiri ucapan saya dengan menyokong penuh ucapan TYT pada tempoh hari sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Datok Keramat, Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya tangguhkan Dewan, hari ini kebetulan Hari Lahir Yang Berhormat Pulau Betong saya ucapkan Selamat Hari Lahir. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan kita akan bersidang semula 2.30 nanti.

Dewan ditangguhkan pada Jam 1.05 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi penggulungan. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli EXCO.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam harapan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas. Pertama sekali mengenai isu-isu yang menyentuh tanggungjawab dibawah portfolio saya seperti fungsi MMK Penerangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Hal-Ehwal Pengguna serta Penggunaan Keusahawanan dan Koperasi. Ribuan terima kasih saya rakamkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan terutamanya melibatkan portfolio saya. Pertama kali saya ingin mengucapkan ucapan tahniah kepada Dato' Speaker yang telah diberi tanggungjawab meneruskan tugas bagi penggal kedua dan juga Timbalan Speaker yang dilantik menjadi Timbalan Speaker, Sungai Bakap yang dilantik menjadi Timbalan Speaker untuk penggal ini. Ucapan tahniah ini juga saya tujukan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Padang Kota yang berjaya membentuk Kerajaan Negeri Pakatan Harapan menyambung legasi mantan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng yang sekarang ini menjadi Menteri Kewangan. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada penghuni DUN Batu Maung yang memberi mandat dan kepercayaan kepada saya menjadi ADUN Batu Maung.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada kali ini saya juga duduk pentas yang berbeza berbanding 2008, 2013 kalau dulu saya duduk kerusi Dato' Speaker sekarang saya duduk di kerusi *Executive* jadi pembuat dasar Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa terbentuknya Kerajaan Pakatan Harapan di Pulau Pinang dan Putrajaya. Adalah dengan kebangkitan rakyat yang bangun menuntut keadilan ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dipecat pada 2 September 1998. Dato' Seri Anwar yang tegas dengan prinsip menentang rasuah, *kronisme* dan penyalahgunaan kuasa menjadi ikon rakyat berjuang menentang rejim BN dan menuntut reformasi. Kita jangan lupa usaha menawan Putrajaya telah dicetuskan oleh tokoh reformasi Dato' Seri Anwar Ibrahim dan benih reformasi yang beliau semai 20 tahun akhirnya, kita tuai pada 9 Mei lepas melalui Pakatan Harapan hasil muafakat diantara Parti Keadilan Rakyat, DAP, Amanah dan Bersatu.

Hasil reformasi inilah bermulanya pemuafakatan parti-parti pembangkang bermula dengan Barisan Alternatif, Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan, Sayangnya rakan Pakatan Rakyat, Parti PAS yang diwakili oleh ADUN Penaga kita tidak bersama dalam Pakatan Harapan dan kita mendapat rakan baru iaitu Amanah dan Bersatu. Semoga tokoh reformasi kita Dato' Seri Anwar Ibrahim dapat kita nobatkan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan bahawa kemenangan Putrajaya adalah juga hasil pengorbanan tokoh-tokoh besar pembangkang pada masa itu termasuklah Arwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Lim Kit Siang, Mendiang Karpal Singh, Mat Sabu dan juga kepada mantan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng.

YAB. Ketua Menteri:

Dato' Fadzil Noor.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Oh ya, saya lupa ya Dato' Fadzil Noor antara tokoh awal memulakan tuntutan reformasi. Terima kasih Padang Kota yang mengingatkan saya. Peranan NGO juga seperti BERSIH, INVOKE dan golongan muda juga tidak dilupai. Tidak lupa juga pengorbanan para *reformis* jalanan mereka yang hilang jawatan, hilang kontrak dan perniagaan yang dizalimi oleh rejim Barisan Nasional hanya kerana menuntut keadilan dan kebenaran. Mereka sehingga kini ada yang tidak menjadi YB., EXCO, Menteri, JKKK ataupun mengisi jawatan-jawatan GLC.

Selepas PRU 14, Pakatan Harapan membentuk Kerajaan Persekutuan, muafakat parti-parti Pakatan Harapan meletakkan Tun Mahathir Perdana Menteri kita yang berpengalaman sebagai Perdana Menteri. Muafakat membawa berkat, itulah kekuatan Pakatan Harapan dan inilah saat manis perjuangan reformasi. Bermulalah kita di sini, kita bina semula Negeri Pulau Pinang yang kita sayang dan Negara Malaysia yang kita cintai. Sepuluh tahun dulu saya telah berada di Dewan ini selaku Speaker sewaktu Kerajaan Barisan Nasional Pulau Pinang tumbang PRU 2008, ketika itu Dewan ini hiruk-pikuk akibat harimau yang terluka. Barisan Pembangkang masih tidak dapat menerima hakikat bahawa mereka telah menjadi Pembangkang. Tapi kali ini selepas PRU 14 DUN Pulau Pinang kini hanya tinggal tiga (3) ahli Pembangkang dan Barisan Nasional tumbang di Putrajaya. Kepada rakan Pembangkang saya berharaplah kita bersama-sama Kerajaan Negeri membangunkan Pulau Pinang seperti mana saranan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dalam ucapan perasmian DUN ini.

Sebelum ini saya difahamkan terdapat beberapa Agensi Persekutuan enggan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri, 10 tahun kita berlalu tetapi kerjasama itu tidak berlaku antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, sekarang kita telah bebas. *Alhamdulillah*, Mesyuarat MMK di ketiga MMK saya telah dapat sokongan semua Agensi-agensi Persekutuan bersama dalam Mesyuarat MMK yang telah kita jalankan dalam tempoh dua (2) bulan yang lepas. Justeru itu dalam tempoh menjelang 100 hari ini antara langkah awal yang saya ambil melibatkan Agensi Persekutuan sebagai Ahli MMK di bawah portfolio saya. Menyambut seruan Tuan Yang Terutama agar Pulau Pinang memacu kepesatan pembangunan khusus rakyatnya, saya telah mengariskan hala tuju portfolio-portfolio dibawah saya. Pertama, memperkasakan Skim Pinjaman Harapan dibawah portfolio keusahawanan. Kedua merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri perdagangan industri, seterusnya melibatkan sektor-sektor pengilangan dalam Industri 4.0 dan Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah untuk merencanakan tranformasi digital dalam memacu Pulau Pinang ke arah pelaksanaan reformasi Industri 4.0 ini. Sebenarnya tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti mana yang disebut oleh Kebun Bunga, Industri 4.0 ini perlu kita *engage*...(dengan izin) kepada melibatkan bukan sahaja sektor industri tetapi sektor mikro SME yang melibatkan peruncitan. Makcik-makcik yang menjual kuih, mereka yang di pasar-pasar dan bukan sahaja melibatkan sektor kilang tetapi juga sektor peladangan, sektor kesihatan dan ini kita perlu *engage*...(dengan izin). Sebenarnya era digital teknologi ini perlu kita galakkan dan sebarkan ilmu ini ke seluruh rakyat Pulau Pinang dan Malaysia amnya. Kita ramai yang masih lagi belum biasa belum *familiar* dengan istilah-istilah *Internet Of Things*, *Artificial Intelligence* dan juga apatah lagi Industri 4.0 ini. So antara langkah-langkah yang akan kita usahakan ialah mengadakan pelaksanaan

roadmap untuk Pulau Pinang melihat peluang-peluang *digital transformation*, transformasi digital ini dan ini kita perlu ada misi untuk menjadikan Pulau Pinang satu negeri berteknologi tinggi memimpin ASEAN dalam Industri 4.0 ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah portfolio Keusahawanan juga kita akan menjadikan PDC sebagai sekretariat *one stop agency* untuk usahawan. *Allhamdulillah* dengan kerjasama *sme corp*, *database* untuk semua usahawan-usahawan Pulau Pinang boleh dikongsi bersama kita ada maklumat yang didaftarkan semua usahawan-usahawan yang berdaftar dengan ROC dan SSM mempunyai rekod bersama *sme corp* yang dapat dikongsi bersama. Kita akan berusaha melahirkan ramai dan memperkasakan usahawan-usahawan Pulau Pinang dan begitu juga kita akan berusaha untuk menaiktaraf koperasi-koperasi di Pulau Pinang, meningkatkan prestasi koperasi-koperasi di Pulau Pinang khususnya yang kadang-kadang tidak aktif dan juga yang mampu untuk terus meningkatkan prestasi.

Seterusnya saya akan terus menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dibawah Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa terutama menjawab soalan Yang Berhormat Pantai Jerejak yang tidak berada di sini berhubung dengan isu penutupan kilang Seagate dan Fairchild di Pulau Pinang, Apakah sebab syarikat tersebut berpindah dan ke negara mana berpindah dan bagaimana mengatasi perkara ini? Berdasarkan rekod INVEST PENANG, Syarikat Fairchild telah berpindah keluar dari Pulau Pinang pada September 2015 melibatkan pemberhentian pekerja tempatan seramai 1,350 orang. Namun perpindahan itu tidak menjejaskan sektor penempatan semula pekerja-pekerja ini kerana Pulau Pinang mempunyai CAT *career assistant training* yang membantu menempatkan semula pekerja-pekerja ini di sektor-sektor kilang lain yang memerlukan pekerja-pekerja ini. Difahamkan penutupan kilang tersebut disebabkan oleh pemberhentian *production line*. Fairchild tidak berpindah ke negara lain cuma *productionnya* dah diberhentikan. Manakala Syarikat Seagate telah memberhentikan perkhidmatan pada tahun Jun 2017 dan penutupan kilang ini adalah disebabkan oleh Syarikat Seagate memindah operasi ke Thailand, disebut sebagai (dengan izin) *normal corporate exercise*, Seagate ia ada kilang di Thailand dan ada kilang di Pulau Pinang. Bagaimanapun Seagate IT *Shared Services Center* kekal beroperasi di Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan soalan dan saranan oleh Yang Berhormat Batu Uban, agar Kerajaan Negeri mengkaji semula syarat terhadap usahawan anak muda di mana mereka memerlukan modal untuk menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum dipertimbangkan untuk mendapat bantuan pinjaman atau peralatan. Setakat ini bantuan kewangan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri iaitu Skim Harapan atau Pinjaman Harapan, Skim Pinjaman Harapan (SPH) meletakkan umur 18 – 60 tahun maknanya kita tidak kategori golongan muda maknanya golongan muda yang berumur antara 18 – 60 tahun boleh memohon pinjaman. Bagaimana pun terdapat agensi lain seperti TEKUN, seperti MARA juga ada skim pinjaman khas kepada graduan dan anak-anak muda. SME Corp misalnya ada projek TUBE dibuka tiap-tiap April, tahun ini dah tutup, April. MARA juga ada program khas untuk anak-anak muda. Berhubung dengan soalan yang mana menyebut bahawa TEKUN telah mewajibkan supaya pemohon mendapatkan sokongan ketua bahagian, TEKUN sekarang ini tidak lagi mewajibkan pemohon mendapatkan sokongan ketua bahagian. Bahkan pengesahan boleh terus kepada penghulu, ADUN berkenaan di kawasan-kawasan pemohon meminjam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menjawab soalan YB. Bertam, terdapat rungutan dan aduan oleh rakyat bahawa walaupun GST telah dimansuhkan tetapi harga barangan masih tinggi. Untuk makluman Bertam, tak ada. Tinjauan seramai 65 orang pemantau harga PPH Kementerian KPDNKK dan Hal Ehwal Pengguna di sejumlah 431 buah premis pasar basah, kedai runcit, *supermarket* dan *hypermarket* di seluruh Pulau Pinang, mendapati bahawa terdapat berlaku penurunan harga sebanyak 50% bagi 417 barangan keperluan pengguna terpilih. Daripada jumlah tersebut 261 adalah barangan berkadar sifar dan 196 barangan berkadar GST 6%. Untuk makluman Bertam, harga barangan keperluan pengguna dipantau secara harian, mingguan dan bulanan sepanjang tempoh pelaksanaan cukai GST 6% dan selepas GST sifar pada 1 Jun 2018. Dan pemantauan harga barang ini akan diteruskan apabila Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dilaksanakan pada bulan September 2018. Selain itu, KPDNHEP (Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut melaksanakan pelbagai tindakan penguatkuasaan mulai awal tahun 2018 bagi memastikan peniaga mematuhi arahan dan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian ini. Operasi catut 4.0, catut ini maknanya peniaga yang mengambil untung berlebihan. Bagi menangani isu kenaikan harga barangan secara tidak munasabah telah bermula pada 1 Jun 2018. Dilaksanakan secara besar-besaran di seluruh Negeri Pulau Pinang membabitkan KPDNHEP, Jabatan Kastam Diraja dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Ia mensasarkan peniaga khususnya di sektor peruncitan bagi barangan dan perkhidmatan. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan sekalian, seramai 135 orang pegawai penguatkuasa KPDNHEP Pulau Pinang telah turun padang menjalankan pemantauan pemeriksaan secara berterusan terhadap semua jenis barangan dan perkhidmatan di premis perniagaan yang melibatkan pasar basah, kedai runcit, *supermarket*, *hypermarket* bagi memastikan tiada aktiviti manipulasi harga oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab. Di pihak Kerajaan Negeri kita akan mengaktifkan semua skuad pemantau pengguna yang pernah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri di setiap KADUN. Kepada Ahli Dewan

termasuk YB. Bertam bolehlah memanfaatkan skuad tersebut bagi membantu Kerajaan Negeri dan KPDNHEP memantau harga barang dan menegakkan hak pengguna...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta penjelasan. Yang Berhormat Batu Maung. Saya memang nak tanyakan tentang isu pasukan pemantau yang telah ditubuhkan oleh mantan EXCO ditubuhkan untuk ada juga aktiviti kalau saya tak silap pada musim perayaan tahun lepas ataupun tahun 2016, mereka telah turun untuk periksa harga di pasar-pasar. Soalan saya adalah adakah pasukan pemantau ini akan dibayar apa-apa jenis imbuhan supaya mereka lebih efektif kerana mereka hanya diberi baju atau satu vest, kalau tak silap saya and kita suruh mereka pergi pantau harga *and most of the time...*(dengan izin) dia tidak berminat. Ada tak ada apa-apa imbuhan atau pun untuk diberikan kepada mereka yang akan menjalankan pemantauan ini? Mungkin bukan secara bulanan, apabila mereka pergi mungkin elau minyak ke, elau makan ke, mohon penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Bagan Dalam. Setakat ini kita membayar RM150.00 sebulan elau mesyuarat kepada 15 orang, bukan seorang satu, 15 orang itu untuk satu mesyuarat yang dijalankan ialah RM150.00.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Sebab dulu masa saya ada di Perai tak pernah ada orang dapat. So sebab itu saya tanya, tak tau langsung. Terima kasih kerana menjelaskan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Kita akan mesyuarat memanggil mesyuarat kumpulan pemantau Kerajaan Negeri dulu dan dulu kita tidak dapat kerjasama daripada KPDNHEP. Kita tak ada penguatkuasaan, kita buat pemantauan sendiri. Tidak melibatkan KPDNHEP kerana Persekutuan. Sekarang ini mudah dan kita dapat kerjasama yang baik so kita akan selaraskan kumpulan pemantau ini. Kumpulan pemantau ini juga, *Insyah-Allah* kita bukan hanya akan memantau harga barang, sebenarnya kita juga diminta oleh Jabatan Kesihatan untuk memantau kebersihan premis-premis perniagaan juga untuk memantau kedudukan alam sekitar. So dia tak had kepada kawalan harga saja. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga kita *Insyah-Allah*, Pulau Pinang telah dipilih menjadi pemangkin kepada *food bank*. Menteri Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini telah melihat *distribution...*(dengan izin), bagaimana *food bank* ini diadakan di Pulau Pinang. *Insyah-Allah* program *food bank* akan diteruskan secara besar-besaran bukan sahaja di Pulau Pinang seperti pengumuman Yang Berhormat Menteri KPDNHEP, dia akan disebarikan ataupun bermula dengan Pulau Pinang dan seterusnya di negeri-negeri seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya akan menggulung membantu bagi pihak Timbalan Ketua Menteri, ADUN Pinang Tunggal yang kita doakan semoga beliau sihat dan diberikan syifa' untuk kembali bertugas. Seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Islam adalah agama rasmi Persekutuan. Oleh itu Kerajaan Negeri akan terus berusaha memartabatkan kedudukan agama Islam dengan memperkasa institusi-institusi berkaitan Islam selain mempergiatkan program-program pembangunan insan yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi agar Pulau Pinang khususnya mampu melahirkan masyarakat yang bertamadun dan berakhlak mulia dalam kepesatan pembangunan. Kerajaan Negeri Pakatan Harapan beriltizam dan komited menyokong segala usaha untuk memartabatkan Islam dengan meneruskan dasar dan program sedia ada di negeri ini.

Menjawab soalan Yang Berhormat Pantai Jerejak untuk memanfaatkan wang zakat untuk melaksanakan tuisyen percuma kepada pelajar tahfiz, khususnya disebut ialah pelajar tahfiz diberikan tuisyen SPM kerana mereka ini bila belajar di maahad tahfiz tidak mengambil peperiksaan SPM supaya mereka ada kelulusan itu untuk mereka meneruskan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian awam. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang melalui Bahagian Pendidikan akan mengadakan perbincangan dengan pihak Zakat Pulau Pinang bagi membiayai tuisyen percuma kepada pelajar tahfiz yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Wang tawaaqquf yang disebut itu, *Insyah-Allah* akan digunakan untuk tujuan tersebut. Untuk makluman ADUN, Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya Zakat Pulau Pinang memang mengadakan program-program pembiayaan kepada anak-anak asnaf, anak-anak golongan miskin untuk program-program selain daripada program-program keagamaan. Zakat Pulau Pinang khususnya dengan PSDC memberi tajaan sepenuhnya kepada pelajar-pelajar, anak-anak asnaf untuk mengikuti pengajian sijil kemahiran di PSDC. Setakat ini seramai 317 pelajar mendapat faedah program tersebut dengan perbelanjaan RM4,111,294.00 bermula pada 2014 hingga 2017. Terdapat juga pelajar-pelajar yang ditaja sepenuhnya program diploma, tiga (3) orang pelajar diberikan tajaan sepenuhnya untuk program Diploma *Engineering* di PSDC. So antara kursus-kursus yang ditawarkan yang diberi peluang kepada pelajar-pelajar ini adalah kursus Sijil Kejuruteraan Elektronik, Sijil Operasi Pemesinan Tahap 2 dan 3, Sijil Kawalan Kualiti Industri, Sijil Kejuruteraan Automasi. Dan tiga (3) kursus ini selain daripada sijil kemahiran dan juga, terdapat juga kursus Diploma Kejuruteraan yang Zakat

menanggung sepenuhnya. Dan program ini juga saya difahamkan *Hindu Endowments* juga ada menaja pelajar-pelajar ini di PSDC. So ini untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pantai Jerejak yang mencadangkan wang tawaaquf Zakat digunakan untuk menaja, memberi biasiswa kepada pelajar golongan miskin. Zakat hanya untuk pelajar-pelajar asnaf dan miskin. So ini yang telah dan sedang kita lakukan.

Seterusnya ialah disebut juga tentang kursus-kursus di KITAB. Seterusnya saya nak pergi ke KITAB. Menjawab soalan Permatang Pasir. Permatang Pasir membangkitkan isu Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang. Untuk makluman Permatang Pasir, Zakat Pulau Pinang dalam isu pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang yang kosong sekian lama. Zakat Pulau Pinang perlu menunggu proses keputusan mahkamah bagi kes CEO ZPP sebelum ini. Semasa proses pendakwaan di mahkamah jawatan CEO masih belum kosong dan untuk mengelakkan impikasi perundangan ia tidak boleh diisi apabila kes mahkamah telah selesai ZPP telah pun mengiklankan kekosongan jawatan tersebut untuk diisi oleh, untuk dibuka kepada pemohon-pemohon. Terdapat kekosongan jawatan di Zakat Pulau Pinang termasuklah yang baru-baru ini diiklankan jawatan CEO Zakat Pulau Pinang.

Seterusnya menjawab soalan Sungai Dua mengenai kelulusan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Dua, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada tahun 1995 dengan pembiayaan penuh oleh Pusat Zakat Pulau Pinang. Dibuka untuk pelajar-pelajar lelaki sahaja untuk seluruh negeri-negeri di Malaysia. Pelajar-pelajar ini menduduki asrama sepenuh masa menjalankan pengajian al-quran dan berdaftar untuk menduduki peperiksaan dengan Darul Quran, JAKIM. Sijil kelulusan dikeluarkan oleh Darul Quran, JAKIM. Pada tahun 2004, atas keperluan untuk Negeri Pulau Pinang, mempunyai kolej Islam, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah mengambil keputusan untuk mengiktiraf Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat kepada Kolej Islam Teknologi Antarabangsa atau dalam pendeknya disebut sebagai KITAB. Dengan tujuan meneruskan program pengajian tahfiz al-quran dan ditambah program-program pengajian yang lain. Sejalan dengan itu telah terbina program Diploma Tahfiz, Diploma Syariah, Diploma Kewangan, Diploma Perbankan dan Diploma Qiraat. Seluruh kursus-kursus yang diadakan di Maahad Tahfiz telah dimasukkan dalam program Diploma Tahfiz dan ditambah dengan kursus-kursus lain termasuk Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan satu elektif yang terkini dari lima (5) kursus dalam bidang syariah atau qiraat atau dakwah. Dengan itu Diploma Tahfiz terdiri dari 32 kursus atau 96 kredit dan telah mendapat kelulusan dari agensi kelayakan Malaysia iaitu MQA, Kementerian Pendidikan Malaysia dan mendapat kreditasi penuh. Dari segi pelajar Diploma Tahfiz dibuka kepada pelajar lelaki dan wanita yang lahir di Pulau Pinang atau ibu bapa yang lahir di Pulau Pinang layak menerima pembiayaan penuh dari sumbangan Zakat Pulau Pinang iaitu pembayaran tempat tinggal, yuran pengajian, makan minum, elaun bulanan selama 9 semester (3 tahun) dengan demikian KITAB telah meningkatkan taraf pengajian tahfiz kepada diploma dan telah meluaskan peluang kepada juga pelajar-pelajar wanita. Bagi menjaga kualiti hafazan, semua pelajar yang berdaftar Diploma Tahfiz dikehendaki menduduki ujian Bahasa Arab apabila daftar masuk semester pertama dan jika didapati pencapaian mereka rendah daripada 70%, pelajar-pelajar ini disyaratkan mengikuti kursus intensif Bahasa Arab selama satu semester iaitu 20 jam didarab dengan 14 minggu ataupun 280 jam dan diuji akhir semester. Hal ini dibuat supaya pelajar-pelajar Diploma Tahfiz perlu atau mendapat tahap kemahiran Bahasa Arab yang mencukupi bagi membantu hafazan al-quran dan berjaya berupaya memahami bacaan al-quran.

Oleh kerana Diploma Tahfiz di KITAB ini mempunyai kelulusan MQA, pelajar-pelajar mendapat pemindahan kredit untuk melanjutkan pengajian di IPTA atau IPTS yang lain pada tahap Ijazah Sarjana Muda Pengajian Al-Quran ataupun Pengajian Islam. Ramai graduan Diploma Tahfiz dari KITAB telah menyelesaikan pengajian tahap sarjana dan sedang berdaftar untuk Ijazah Kedoktoran di IPTA. Dalam bidang kerjaya, graduan Diploma Tahfiz dari KITAB telah diterima baik sebagai imam-imam masjid di Negeri Pulau Pinang dan pegawai-pegawai agama di Jabatan-Jabatan Agama dan bahagian-bahagian Agama Islam di sektor awam dan swasta. KITAB sedang menjalankan program pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Universitas Islam di Sumatera Utara, Medan dalam bidang syariah undang-undang keluarga dan usulludin. Graduan tahfiz telah dikhtiraf untuk mendaftar program pengajian ini dan mendapat pemindahan kredit. Program pengajian ini juga telah mendapat kelulusan MQA dan telah berjalan lebih enam (6) tahun di KITAB. Sedikit lagi yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Timbalan Speaker, mohon mencelah. Sebenarnya saya mohon penjelasan sikit yer sebab di kawasan Seri Delima ada sebuah sekolah tahfiz Rohingya, jadi saya difahamkan di seluruh Negeri Pulau Pinang pun ada juga sekolah-sekolah tahfiz sebegitu. Jadi soalan saya ini adakah SOP yang sama dikenakan terhadap sekolah-sekolah tahfiz Rohingya dan juga kursus tadi yang Yang Berhormat telah menyebutkan seperti kursus diploma, sekolah, kelas Arab dan sebagainya. Adakah pelajar-pelajar tersebut khususnya pelajar-pelajar Rohingya adakah mereka diberi peluang yang sama untuk menjalani kursus tersebut?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Seri Delima. Setakat ini Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang menggalakkan Maahad tahfiz mendaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang supaya jika ada kursus-kursus atau bantuan dapat kita salurkan kerana kita perlu berhati-hati. Kadang-kadang kitab-kitab yang digunakan mungkin berbeza ataupun ajaran-ajaran berbeza. Setakat ini kita hanya menggalakkan mereka berdaftar untuk menerima bantuan daripada JAIPP. Jika mereka berdaftar barulah kita di pihak Majlis Agama Islam boleh memantau, mengiktiraf kurikulum yang mereka pakai di maahad tahfiz ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Penjelasan. Terima kasih Pantai Jerejak dan juga Timbalan Yang di-Pertua. Saya mengambil satu langkah yang agak baik yakni oleh Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf maahad tahfiz negeri kepada Kolej Islam Teknologi (KITAB). Cuma saya melihat di sini, KITAB ni semakin merosotlah dari segi pelajarannya, mungkin pihak pelajar tak berapa berminat sambung lagi di KITAB. Adakah pihak Kerajaan Negeri, pihak EXCO membuat analisa mengapa berlaku sedemikian, adakah kerana *environment* ke kerana lain-lain selain daripada kerana bidang, fokus bidang hafazan dah dimasukkan dengan kursus-kursus yang lain. Adakah kajian dibuat dari segi ini oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menilai mengapa berlaku kemerosotan. Dulu ramai, saya tahu dulu, dulu maahad tahfiz negeri ramai orang masuk tetapi sekarang dah mula mengalami kemerosotan bilangan pelajar dan sebagainya. Adakah kajian dibuat?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Sungai Dua. Memang pihak MAIPP, saya sewaktu di MAIPP sebagai Timbalan Yang di-Pertua, memang ada di cadangkan. KITAB sebenar mempunyai kekuatan sendiri. Nama KITAB sendiri adalah satu kekuatan. Kolej Islam Teknologi Antarabangsa. Nak dapat 'Antarabangsa' kalau kolej-kolej sekarang nak *apply* memang tak dapat dah. Cuma kalau dari segi teknologi, kalau kita lihat KITAB tak ada pun kursus teknologi. So kita mencadangkan supaya tawaran kursus-kursus ini dikaji semula. Dikaji semula supaya ada kursus-kursus yang *market demand*...(dengan izin). Kursus-kursus yang diperlukan oleh pasaran kerja diadakan di KITAB dan antara yang hari itu dicadangkan ialah Kursus Teknologi Maklumat, Pengurusan Halal, Wakaf di KITAB. Kekangan menguruskan sebuah kolej bukanlah mudah. Banyak IPTS-IPTS pun tutup. Kita di Zakat Pulau Pinang sebenarnya setiap tahun menyalurkan RM3 juta untuk membiayai KITAB. Itu sebenarnya belum cukup. Saya kalau bolehlah Pulau Pinang ni dia perlu banyak *software engineer, design engineer*, kalau boleh KITAB saya boleh cadangkan jadi macam *Indian Institute of Technology*. Tujuh (7) buah kolej *Indian Institute of Technology* nak masuk pun susah, keluar graduate *Indian Institute of Technology* ini terus dieksport ke Amerika Syarikat. Kalau boleh KITAB jadi macam tu. Dapatkan khidmat pensyarah-pensyarah daripada India yang mahir dalam bahagian itu dan wang tawauqf yang kita ada RM60 juta yang kita tak belanjakan mungkin itu cadangan-cadangan yang boleh kita gunapakai untuk menerajui Kolej Islam Teknologi Antarabangsa ini, iya Sungai Dua.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Pohon laluan. Saya difahamkan bahawa maahad tahfiz negeri itu diletakkan di bawah KITAB, bukan KITAB ditubuhkan. Tadi saya dengar jawapan Yang Berhormat Batu Maung bahawa tiada juga kursus teknologi di KITAB. Masih belum ada? Jadi dalam keadaan di mana maahad tahfiz itu semakin lesu dan pada masa yang sama juga kursus teknologi juga masih belum dijalankan. Saya nampak seolah-olah fungsi KITAB itu, objektif KITAB itu tidak tercapai. Jadi apakah ada apa-apa cadangan daripada pihak negeri untuk mengasingkan semula maahad tahfiz itu untuk berdiri atas nama sendiri untuk mencapai objektifnya sebagai pusat tahfiz terulung dalam negara. Biarlah ada maahad tahfiz di Negeri Pulau Pinang ini menjadi sebagai pusat tahfiz yang terulung seperti di Negeri Selangor dan sebagainya dan KITAB itu fokus kepada teknologi supaya kedua-duanya memainkan fungsi masing-masing kerana campur aduk ini menyebabkan kedua-duanya tidak berjalan dengan baik. Mohon penjelasan, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Permatang Pasir. Memang ada usaha, ada cadangan untuk kembalikan sebagaimana asalnya sebelum KITAB ditubuhkan. Masih dalam *deliberation*, masih lagi, so kita berharap cadangan-cadangan ini dipertimbangan untuk kebaikan KITAB, dapat kita realisasikan apa yang baik untuk KITAB....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Sikit lagi. Pelajar tahfiz ini dia perlu ambil bidang tahfiz dan juga teknologi ataupun dia asingkan, teknologi saja, tahfiz asing? Saya nak penjelasan itu. Kalau tahfiz sahaja mungkin ada pelajar tahfiznya, tahfiz dan teknologi kadang-kadang susah kita nak cari pelajar yang tahfiz tapi dia ada *basic* sains dan sebagainya, memang susah nak cari. Jadi mungkin fokus kepada tahfiz sahaja. Jadi kita kena tengok sekolah-sekolah baru mungkin macam MRSM, Ulul Albab mungkin dia ada boleh di situ. Tapi kalau tahfiz

yang kampung ni, yang persendirian dan sebagainya dia susah nak pegi ke bidang teknologi di KITAB ini. Itu yang jadi masalah tu. Saya nampak.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Sungai Dua, memang kalau kita lihat perkembangan beberapa negeri yang ada kolej-kolej Islam ini kita dapat gabungan seperti itu. Maknanya ada kursus syariah tapi dia ada satu lagi major IT contohnya, memang ada. *Insyah-Allah* cadangan-cadangan ini boleh dibawa untuk KITAB supaya dapat menarik pelajar kembali kepada KITAB. Terima kasih. Boleh saya teruskan.

YAB. Ketua Menteri:

Peraturan mesyuarat. Yang di-Pertua, selaras dengan Peraturan 6A(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 9 Ogos, Khamis dilanjutkan sehingga 10.00 malam.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada sokongan?

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1), untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 9 Ogos 2018, hari Khamis sehingga jam pukul 10.00 malam. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan 'Ya'.

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'. Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Saya sambung Dato' Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sambung ya, Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Berhubung soalan ADUN Sungai Dua dan ADUN Permatang Pasir untuk tambahan pemberian *ex gratia* kepada guru-guru KAFKA, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkannya. Untuk makluman guru-guru KAFKA menerima bayaran daripada Kerajaan Pusat melalui JAKIM sebanyak RM900.00 sebulan dan Kerajaan Negeri memberi tambahan *ex gratia* sebanyak RM50.00 sebulan. Ini tak termasuk bonus tahunan yang diberi oleh Kerajaan Negeri.

Seterusnya isu fatwa yang dibangkitkan ADUN Sungai Dua yang diluluskan tetapi tidak diwartakan. Terdapat beberapa keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang masih dalam proses untuk diwartakan dalam masa terdekat. Statusnya fatwa berkenaan dalam peringkat akhir semakan semula bagi tujuan mengemaskini sirah, pewartaan agar menepati selaras dengan kehendak undang-undang serta keperluan semasa. Suka dinyatakan bahawa walaupun fatwa-fatwa tersebut belum diwartakan, ia tetap merupakan keputusan hukum yang rasmi yang perlu dipatuhi. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan proses pewartaan sesuatu fatwa itu dibuat secara teratur sepertimana yang dikehendaki oleh prosedur undang-undang sedia ada. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Ahli Kawasan Batu Maung, cuma saya nak penjelasan sedikit supaya tidak keliru, dalam mesyuarat penggal yang lepas dibangkitkan isu bahawa fatwa yang telah dipersetujui, yang telah diputuskan perlu dibincangkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat EXCO. Adakah benar ini berlaku? Sebab kita rasa sepatutnya fatwa yang telah dipersetujui terus diangkat untuk peringkat tertinggi mungkin Agong untuk bersetuju tak payah kita masukkan dalam Mesyuarat EXCO. Kalau betul, kalau tak betul tolong jelaskan. Adakah benar berlaku sedemikian?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Seperti saya sebutkan tadi, fatwa ini boleh disemak sebelum diangkat untuk EXCO untuk makluman. Boleh disemak. Seperti yang saya sebutkan tadi, sebelum diwartakan. Sebarang semakan ialah bagi untuk menepati prosedur-prosedur undang-undang. Kadang-kadang semakan itu sebabkan kelewatan. Terima kasih. Tetapi ia tetap hukum yang perlu dipatuhi, itu jelas.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dah habis ke Yang Berhormat Batu Maung?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Oh! saya sambung. Seterusnya menjawab ADUN Penanti. Yang mencadangkan Majlis Agama Islam untuk melaksanakan pengambilan tanah untuk dijadikan Pusat Penjagaan Warga Emas agar golongan sasaran tersebut mendapat penjagaan yang baik. Untuk makluman Ahli Kawasan Penanti, buat masa ini MAINPP dengan kerjasama Yayasan Al-Bukhary telah membina Kompleks Warga Emas Darul Hanan, Pongsu Seribu Kepala Batas. Di atas tanah seluas 8 ekar. Kompleks ini telah mula beroperasi pada 1 Februari 2010 dan boleh menampung warga emas Islam lelaki dan perempuan seramai 200 orang pada satu-satu masa. Hingga kini seramai 69 orang penghuni telah didaftarkan. Sehubungan itu, kompleks ini masih mampu menampung pertambahan warga emas Islam yang memerlukan penjagaan di negeri ini. Untuk menjawab soalan Ahli Kawasan Permatang Berangan yang membangkitkan soalan mengenai peruntukan perundangan yang digunakan untuk menyelia tanah wakaf. Adakah tanah wakaf diletakkan dalam golongan yang sama seperti RIBI (Rumah Ibadat Bukan Islam). Untuk makluman Ahli Kawasan Permatang Berangan, perkara ini telah dijawab dengan jawapan bertulis. Pengurusan tanah wakaf adalah berpandukan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 di mana MAINPP menjadi pemegang amanah tunggal wakaf nazar dan amanah yang menyentuh hal ehwal agama Islam. Manakala RIBI diselia oleh Jawatankuasa Penyelarasan RIBI di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang.

Untuk jawapan seterusnya, kepada soalan Ahli Kawasan Permatang Berangan, bagaimana urusan permohonan sijil halal dapat dipermudahkan dan mengurangkan karenah birokrasi. Usaha mengurangkan karenah birokrasi dalam permohonan pensijilan halal telahpun dilaksanakan melalui Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia (ISPHM) oleh Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang mulai Disember 2017. ISPHM menggariskan 3 kaedah iaitu *white list*, *fast track* iaitu proses dan audit dan audit kombo dengan menetapkan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi oleh pemohon antaranya tempoh bayaran yang perlu dibuat segera, dokumen sokongan lengkap dan lain-lain. Tempoh kelulusan pensijilan halal Malaysia adalah seperti berikut:-

- (i). *White list* – 1 hingga 3 hari bekerja setelah menerima permohonan
- (ii). *Fast track* – 5 hingga 14 hari bekerja
- (iii). *Audit combo* – 14 hingga 30 hari bekerja.

Bagi permohonan yang dikategorikan sebagai *white list* dan *fast track* iaitu tanpa melalui proses pengauditan, hanya diproses untuk permohonan kategori tidak kritikal sahaja seperti tidak melibatkan sembelihan, pembersihan daging atau ayam, tiada rekod ketakakuran ditemui atau ketakakuran *minor* sahaja. Seterusnya soalan oleh Ahli Kawasan Permatang Berangan lagi yang mengemukakan isu kes-kes Mahkamah Syariah yang tertunggak dan bagaimana mempercepatkan kes penceraiian...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Minta laluan. Kalau tak silap saya, kedua-dua isu disoal oleh Ahli Kawasan Permatang Pasir. Isu sijil halal dan isu pemeriksaan Mahkamah Syariah..pohon disemak dan diperbetulkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bbin Hussain):

Terima kasih. Minta maaf disebut di sini Ahli Kawasan Permatang Berangan, rupanya Ahli Kawasan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Pasir, bukan Berangan. Dah habis dah angan-angan, dah menang dah.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Okay. So isu kes-kes Mahkamah Syariah, ini Ahli Kawasan Permatang Pasir?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Sijil halal dan juga Mahkamah Syariah.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Ahli Kawasan Permatang Pasir yang menegur, membetulkan kesilapan *typing* saya rasa. Isu kes-kes Mahkamah Syariah yang tertunggak dan bagaimana boleh mempercepatkan kes penceraian dan tuntutan nafkah. Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mempercepatkan penyelesaian kes penceraian dan nafkah di Mahkamah Syariah. Antara usaha tersebut ialah meningkatkan prestasi penyelesaian kes di Mahkamah Syariah melalui penetapan KPI kepada hakim-hakim. Setiap hakim akan ditetapkan sasaran bagi menyelesaikan kes yang didaftarkan dalam tahun yang sama dan juga kes yang melebihi tempoh yang ditetapkan. Kedua adalah melaksanakan perintah nafkah mandatori bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes nafkah eddah isteri dan juga nafkah anak. Melalui cara ini, hakim akan mengeluarkan perintah penceraian bersama dengan perintah nafkah eddah dan nafkah anak dengan kadar yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, bekas isteri tidak perlu lagi membuat tuntutan nafkah edah dan nafkah anak secara berasingan. Oleh yang demikian, prosedur ini dapat meringankan beban serta menjimatkan kos bekas isteri untuk membuat tuntutan baru di Mahkamah Syariah. Seterusnya, langkah yang ketiga ialah melaksanakan projek inovasi... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Tambahan, tentang kes mahkamah tadi, kes penceraian. Bila berlaku penceraian, dia kadang-kadang makan masa yang lama macam Ahli Kawasan Permatang Pasir bangkit. Makan masa yang lama untuk selesaikan kes. Mahkamah akan ambil masa yang lama dan ini menyebabkan si isteri mengalami masalah. Jadi, tadi telah dibentangkan tentang prosedur untuk percepatkan kalau boleh pastikan ia berlaku dengan betul dan cepat diselesai. Kalau tidak akan mengalami masalah. Kedua tentang nafkah. Nafkah ni kadang-kadang dipersetujui dalam mahkamah, hukuman dijatuhkan, ditetapkan nafkah sekian-sekian tapi kadang-kadang pihak si suami tak bayar pun. Tak bayar langsung, tak bagi langsung nafkah. Tuntutan nafkah tu, jadi kadang si isteri tak dapat apa, dia terpaksa bekerja dan sebagainya dan apakah langkah kita nak pastikan penguatkuasaan perlu dibuat supaya suami ni mesti kena bayar. Dia pi mahkamah pun kadang dia lambat nak dapat balik nafkah, tak dapat langsung. Jadi, kesian kat si isteri yang ada anak yang ditanggung, yang perlu mencari nafkah sendiri. Tak dapat nafkah daripada suami. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Ahli Kawasan Sungai Dua, pandangan dan cadangan itu akan diambil kira untuk bagaimana kita nak mempercepatkan untuk membantu jika pelaksanaan ini tidak dapat dijalankan. Perkara ketiga, untuk mempercepatkan proses. Ini yang ketiga, melaksanakan projek inovasi iaitu sistem e-siap dengan slogan 'Hari ini setuju, Hari ini selesai', yang bertujuan untuk menyelesaikan kes-kes persetujuan bersama termasuk penceraian dalam tempoh 1 jam daripada rekod persetujuan bersama.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Sedikit penjelasan daripada cadangan Ahli Kawasan Sungai Dua, kalau diizinkan Ahli Kawasan Batu Maung, dalam peruntukan mahkamah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, jika si bapa tak dapat memberikan nafkah kepada anak, tanggungjawab itu berpindah kepada datuk, waris lain ataupun tidak ada datuk, kepada pakcik dan selepas itu kepada Baitulmal. Jadi yang melambatkan proses ini adalah bila ditetapkan perintah itu, kalau bapa tak bayar, ibu itu atau bekas isteri itu perlu memfailkan kes semula. Itu yang melambatkan kerana tak semua wanita-wanita di luar sana tahu tentang undang-undang. Jadi cadangan saya adalah untuk membuat satu SOP dalam kes-kes nafkah ini supaya hakim itu menyoal terus kepada pemohon isteri samada suami itu masih ada atau tidak. Suami itu masih berhubung atau tidak, kalau suami itu tidak berhubung lagi, suami dah *deserted the wife*, apa salahnya mahkamah memanggil terus datuk ataupun pakcik adik beradik daripada lelaki, suami itu untuk datang mahkamah untuk kita *inquiry* kemampuan memberi nafkah. Kalau tak mampu, terus Baitulmal bayar nafkah supaya masalah-masalah anak-anak, masalah-masalah keluarga dapat diselesaikan kerana Baitulmal ada peruntukan yang banyak, ditubuhkan khas untuk bantu golongan miskin bagi orang Islam dan kita perlu, ini yang dikatakan mengurangkan meminimalkan karenah birokrasi. Kita teruskan kes *fast track* tidak perlu memfailkan dua, tiga kes. Hakim ataupun Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang boleh memainkan peranan melakukan SOP dengan membuat *inquiry* secara terus dalam kes tersebut. Pohon penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Ahli Kawasan Permatang Pasir. Cadangan yang diusulkan akan dibawa kepada Jabatan Kehakiman Syariah untuk dipertimbangkan dan kita juga lihat keperluan kaunseling keluarga ini supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan sebelum sampai peringkat penceraian. Kalau dapat diadakan pusat-pusat kaunseling keluarga ni selain yang ada di JHEAIPP untuk hal-hal melibatkan keluarga-keluarga Islam ini. Mungkin dengan cadangan Ahli Kawasan Permatang Pasir ini supaya perkara-perkara ini dapat diatasi di peringkat akar lagi. Terima kasih.

Saya nak teruskan dengan jawapan kepada ADUN Penaga yang membangkitkan isu fahaman yang bercanggah dengan Islam di masjid dan surau di mana masjid dan surau hendaklah bebas daripada mana-mana fahaman politik. Isu ini telah dijawab di dalam jawapan bertulis. Bagi menangani isu penyampaian kuliah atau khutbah yang menyentuh sensitiviti puak-puak tertentu agar kesucian masjid terpelihara daripada unsur-unsur negatif, Kerajaan Negeri telah melalui Majlis Agama Islam Pulau Pinang mengeluarkan Garis Panduan Khatib Penceramah Jemputan pada tahun 2010. Semua masjid telah diarah untuk merujuk kepada garis panduan ini dengan hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti ceramah, kuliah, khutbah Jumaat agar pelaksanaannya tidak mencetuskan perkara-perkara yang tidak baik. Selain itu, pemantauan juga dibuat oleh semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Tauliah Mengajar bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi serta memberi teguran kepada pihak yang terlibat jika terdapat aduan mengenainya.

Mengenai isu fahaman songsang dan ajaran sesat seperti ajaran syiah, juga telah dijawab dalam jawapan bertulis. JHEAIPP secara berterusan melakukan siasatan dan sekiranya terdapat bukti jelas, tindakan tegas menurut kedudukan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang terlibat dengan ajaran syiah di Negeri Pulau Pinang. Siasatan dan tindakan lebih tertumpu kepada penglibatan individu dan kelompok yang kecil. Bagi membendung ajaran ini, pihak JHEAIPP sentiasa melaksanakan tindakan kolaborasi bersama PDRM, KDN, menyekat bahan-bahan penerbitan dan cetakan berkaitan ajaran syiah dari terus tersebar luas di negeri ini. Tindakan yang dilakukan juga merujuk kepada Fatwa Ajaran Syiah yang telah diwartakan di Negeri Pulau Pinang pada 27 Mac 2014.

Seterusnya, mengenai status tanah wakaf yang hendak dibangunkan Hospital Islam di belakang Masjid Bayan Baru. Tanah tersebut merupakan bukan tanah wakaf, tanah Baitulmal dan ketika ini pihak MAINPP dan Yayasan Islam Pulau Pinang masih di dalam peringkat menyediakan perjanjian bagi pajakan tanah serta hasil pulangan MAINPP untuk mendirikan Hospital Islam. Manakala Yayasan Islam Pulau Pinang telah pun mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang kepada PBT.

Bagi menjawab soalan ADUN Penanti mengenai kajian yang dilaksanakan oleh PDC ke atas tanah tanah wakaf Sekolah Agama Al Massiah, Mengkuang di Penanti, MAIPP telah mengemukakan surat pertama pada 8 Mac dan 27 Mac kepada PDC untuk membuat *feasibility study* ... (dengan izin), ke atas beberapa lot tanah MAIPP yang berpotensi dimajukan. Beberapa siri kajian telah dijalankan pada mesyuarat 27 Julai 2017 dan telah diadakan dan dicadangkan melantik PDC sebagai PMC, *Project Management Consultant*... (dengan izin), bagi MAIPP. Bagaimana pun pada 15 Ogos 2017 PDC telah menolak pelantikan tersebut kerana kekangan tenaga profesional untuk kerja-kerja pemantauan dan pengurusan projek yang dikendalikan oleh PDC. Lanjutan daripada itu semua cadangan pembangunan di atas tanah wakaf telah pun diserahkan dan akan dikendalikan oleh anak syarikat MAIPP sendiri iaitu Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd yang telah beroperasi pada 8 Januari 2018.

Akhir sekali, menjawab soalan ADUN Bayan Lepas yang membangkitkan had umur berkahwin bagi lelaki dan perempuan. Bagi orang Islam menurut Seksyen 8 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang 2004 telah memperuntukkan had umur kahwin lelaki adalah 18 tahun manakala perempuan had umur berkahwin adalah 16 tahun ke atas. Walau bagaimana pun lelaki dan perempuan boleh berkahwin di bawah umur 18 tahun dan 16 tahun dengan syarat mereka hendaklah mendapat kebenaran daripada Mahkamah Syariah terlebih dahulu.

ADUN Sungai Dua telah membangkitkan isu tanah perkuburan yang semakin sempit di kawasan Masjid Jamek Haji Abdullah Fahim, Permatang Sungai Dua. Untuk makluman Yang Berhormat, maaf, Masjid Abdul Rashid, Masjid Jamek Al-Rashid. Untuk makluman Yang Berhormat, JAIPP ada menyediakan tapak perkuburan Islam berpusat di Permatang Langsat, Bertam seluas 8 ekar. Juga terdapat tanah perkuburan Islam Bandar Baru Perda di atas Lot P.T. 3006 Mukim 6, SPT. Tapak perkuburan yang berkeluasan 4.56 ekar ini di Perda boleh diakses melalui Jalan Perda Barat, Bandar Baru PERDA.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Penjelasan. Tentang tanah perkuburan berpusat di Paya Keladi, Pinang Tunggal, Permatang Langsat saya rasa ia agak jauh, Permatang Langsat dengan Bandar Perda dan sebagainya. Kalau boleh kita hendak pihak Majlis, pihak JAIPP bincang balik dengan pihak kariah saya, kariah saya setengah itu ada tanah wakaf, mungkin wakaf umum atau wakaf khusus untuk kubur. Untuk dibincangkan supaya dibina, ataupun cari satu tempat di kawasan berhampiran sebagai tanah perkuburan berpusat. Kalau di tempat tadi itu agak jauh. Banyak lagi tempat di Sungai Dua, mungkin di kawasan lain yang dah mula sempit tanah perkuburan yang ada taman-taman tambahan mungkin akan sempit lagi. Kalau boleh kita minta pihak Majlis bincang lagi, buat perbincangan khusus untuk membincangkan tentang masalah tanah perkuburan, kita hendak buat keputusan tetapi hampir dengan tempat itu, hendak buat bertingkat ka atau apa kita kena bincang balik, minta adakan perbincangan sebab bagi kawasan yang sudah sempit ini, tempat yang sudah tidak ada tanah perkuburan ini akan menimbulkan masalah. Kadang-kadang orang-orang Melayu, orang Islam ini keluarga dia di situ mereka tidak mahu pindah ke tempat lain, dia kata dekat pada hal bukan ada

dalam hukum pun, kawasan itu kawasan tok nenek dia, dia tak mahu berpindah ke tempat lain, ini pun satu masalah, ini juga kita kena bincang lain.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih. Pihak JAIPP atau Majlis mengalu-alukan sekiranya ada tanah yang hendak diwakafkan seperti yang disebutkan oleh YB. Sungai Dua tadi tanah-tanah yang lebih strategik dan yang lebih berdekatan untuk kita pertimbangkan. Kita kena sedar Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang kecil dan bukanlah sebuah negeri yang luas untuk tanah-tanah perkuburan ini tetapi kalau ada cadangan, kalau ada mereka yang hendak wakafkan tanah-tanah tersebut MAIPP atau JAIPP sedia menerima cadangan ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya minta pihak Majlis Agama atau JAIPP panggil satu perbincangan untuk kita berbincang, kalau di Sungai Dua saya akan turun, kita bincang untuk selesaikan masalah ini, kalau tidak ianya tidak akan selesai. Di Sungai Dua ada satu tanah wakaf khusus untuk kubur di Kawasan Kampong Telok tetapi ada rumah, kita kena selesai masalah ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):

Terima kasih Sungai Dua. Mengenai peruntukan bagi projek Masjid Permatang Bogak dan Sekolah Agama Rakyat yang ditangguh sebelum ini, pihak JAIPP akan menyemak semula permohonan ini dan memohon peruntukan untuk memasukkan sekolah mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Ini termasuk peruntukan bagi mengatasi isu Masjid Bayan Lepas yang sempit dan tempat meletak kereta yang terhad. Mengenai isu tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan balik oleh Kerajaan, untuk makluman Yang Berhormat, MAIPP menerima bayaran pampasan dalam bentuk kewangan dan bukan gantian tanah. Melainkan satu kes yang melibatkan tanah wakaf Masjid Negeri di mana MAIPP memohon pampasan dan dalam bentuk gantian tanah dan kini permohonan tersebut sedang diproses oleh Pihak Berkuasa Negeri...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Mengenai isu tadi, Masjid Permatang Bogak dan Sekolah Agama Permatang Buloh, masjid ini sudah diluluskan, Permatang Bogak sudah kerja pecah tanah dan bina masjid. Kerja tanah sudah dibuat dan tambun tanah yang diwakafkan. Cuma peruntukan untuk pembinaan masjid dah lulus, sebelum pilihan raya, sudah lulus, termasuk di Permatang Buloh sudah lulus cuma belum dikeluarkan tender, di peringkat ICU masa itu. Kalau boleh macam YB Pantai Jerjak bangkitkan di kawasan mana, Batu Maung, sudah tarik balik kemudian dipohon dan diluluskan semula. Ini pun saya minta macam itu, sudah lulus, kita minta masuk balik sebab keperluan di Permatang Bogak, masjid dah tidak selamat, di Permatang Buloh sekolah agama itu kecil sahaja, satu bangunan sahaja, di situ ada 7 kampung yang bersekolah di situ dan bermasalah. Sudah lulus cuma kita minta dimasukkan semula, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain):

Terima kasih Sungai Dua. Ada Pantai Jerejak sebut tadi tentang isu Masjid Sungai Nibong Besar yang asalnya 9 masjid, sekolah agama yang telah diluluskan tetapi ditangguhkan oleh sebabkan kekangan kewangan oleh Kerajaan Pusat. Bagaimana pun untuk makluman semua, Masjid Sungai Nibong Besar sudah mendapat kelulusan untuk diteruskan semula. *Insyaa-Allah* kita akan mohon untuk disemak semula pembekuan projek-projek ini oleh ICU mengikut kemampuan Kerajaan Pusat.

Akhir sekali mengenai soalan berkaitan tanah wakaf di kawasan DUN Telok Ayer Tawar, jawapan bertulis telah diberikan kepada YB. ADUN Telok Ayer Tawar. Manakala MAIPP tidak mempunyai data nilai semasa ke atas tanah-tanah tersebut. Nilai hanya akan dibuat bila ada keperluan memandangkan ianya melibatkan kos yang tinggi yang perlu dibayar kepada jurunilai. Telok Ayer Tawar tanya tentang penilaian tanah-tanah ini.

Sebelum saya akhiri ucapan penggulungan saya, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Pegawai Kewangan Negeri yang banyak membantu menjayakan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Tidak lupa juga kepada semua penjawat awam Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, semua jabatan Kerajaan Negeri yang banyak membantu, di Pejabat SUK Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Kewangan Negeri, kelima-lima Pejabat Daerah dan Tanah, juga agensi-agensi Persekutuan seperti MITI, MIDA, MATRADE, SKM, Angkasa yang selama ini telah memberi kerjasama yang cukup baik kepada portfolio saya. Agensi Kerajaan Negeri juga PDC, *Invest Penang*, PWDC, PBT tempatan MBPP, MPSP juga Persatuan-persatuan Peniaga Cina, India, Melayu, FMM yang telah membantu memberi kerjasama menggalas amanah selaku Pengerusi Jawatankuasa MMK Penerangan dan Negeri, Keusahawanan Pembangunan Hal Ehwal Pengguna dan Operasi. Akhir sekali tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi Batu Maung yang telah memilih saya sebagai wakil mereka dalam PRU 14 pada 9 Mei 2018 yang lalu.

Dato' Yang di-Pertua, bersama kita mengotai janji kita kepada rakyat Pulau Pinang yang mengharapkan, menaruh harapan supaya kita memberi khidmat yang terbaik. Sekian, dengan ini saya mohon menyokong. *Assalamualaikum w.b.t.*

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih YB. Batu Uban, Batu Maung, *sorry*. Dipersilakan YB. Ahli Kawasan Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin merakamkan rasa kesyukuran kerana berpeluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan di Dewan yang mulia ini. Dahulu sebagai Ahli Dewan Rakyat pada penggal yang lalu, saya hanya berpeluang untuk membahaskan dan mengajukan soalan tetapi kini di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya dipertanggungjawabkan untuk menjawab bagi pihak Kerajaan. Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan usul Ucapan Terima Kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang khususnya yang berkaitan dengan perkara-perkara di bawah portfolio Kerja Raya, Utiliti dan juga Tebatan Banjir.

Ramai yang telah membangkitkan hujah-hujah menarik dan pastinya pentadbiran ini akan memberi perhatian ke atas apa-apa cadangan yang mampu membawa kepada kemaslahatan rakyat Pulau Pinang secara amnya. Tuan Yang di-Pertua, setelah 10 tahun mentadbir sebagai Kerajaan Pembangkang, bak kata TYT Tun semasa ucapannya sempena Istiadat Pembukaan Dewan Undangan Negeri tempoh hari, Kerajaan Pulau Pinang kini mempunyai peluang keemasan untuk merealisasikan pembangunan infrastruktur dengan amat rancak sekali. Sekiranya dahulu banyak projek infrastruktur yang dirancang tidak dapat dizahirkan atau dihalang atas kepentingan politik semata-mata baik projek pengangkutan awam ataupun projek tebatan banjir, kini saya yakin kita boleh mengharapkan kerjasama yang baik daripada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan yang baru.

Sesungguhnya keadaan semasa infrastruktur di Negeri Pulau Pinang secara relatifnya masih lagi keterbelakang dan tidak selari dengan status negeri ini sebagai bandar sekunder yang paling utama selepas Kuala Lumpur. Pulau Pinang bermatlamat untuk menjadi Bandar Pintar bertaraf antarabangsa, namun sasaran ini tidak mungkin dicapai sekiranya infrastruktur kita tidak lengkap ataupun *underdeveloped* khususnya di bahagian Pulau yang sudah lama tidak diendahkan. Tidak seperti Seberang Perai yang mempunyai infrastruktur dan *hierarki* jalan yang lebih teratur dengan Lebuhraya Utara-Selatan sebagai tunjang belakang, di bahagian Pulau kita tidak mempunyai infrastruktur yang begitu lengkap akibat kekurangan tanah dan pelbagai kekangan yang lain. Lebuhraya yang ada hanya Lebuhraya Tun Lim Chong Eu sepertimana yang dinyatakan oleh YAB. Ketua Menteri tempoh hari bukanlah *dedicated highway* malah mempunyai pelbagai persimpangan yang menghalang kelancaran aliran lalu lintas.

Justeru, pentadbiran ini komited untuk melaksanakan penaiktarafan infrastruktur di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi manfaat rakyat. Selain daripada projek-projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) serta tiga jalan utama dan terowong bawah dasar laut, banyak lagi projek pembinaan infrastruktur yang sedang dilaksanakan oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan mahu pun Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa pada ini Kerajaan Negeri giat meneruskan pelaksanaan 14 projek pembinaan menaik taraf jalan yang telah diperuntukkan dalam Bajet 2018 dengan peruntukan pembangunan berjumlah RM12,448,738.17 di mana satu projek telah pun siap pembinaan, tiga (3) projek lagi dalam peringkat pembinaan, lapan (8) projek dalam peringkat reka bentuk dan kerja awalan, satu projek tertangguh dan satu projek token. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan pembangunan infrastruktur yang mampan di negeri ini dan sehubungan dengan itu setiap projek infrastruktur dirangka dengan teliti berdasarkan kepada keperluan semasa dan peruntukan yang telah tersedia.

Izinkan saya merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh YB. Batu Uban berkaitan tindakan Kerajaan Negeri untuk memantau penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan yang kurang memuaskan dan juga konsesi yang dilantik oleh pihak Persekutuan seperti di Jalan Sultan Azlan Shah dan juga jalan-jalan Persekutuan yang lain. Sebagai makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui pihak JKR Pulau Pinang telah mengenal pasti beberapa kekurangan dan isu setempat yang melibatkan skop kerja di bawah syarikat konsesi penyelenggaraan jalan yang telah dilantik oleh Kementerian Kerja Raya. Pihak JKR Pulau Pinang kini dalam cadangan untuk meningkatkan kekerapan jadual, penyenggara jalan oleh pihak konsesi dari dua (2) kali setahun kepada empat (4) kali setahun. Bergantung kepada isu dan juga aduan pengguna. Khususnya yang menglibatkan kerja-kerja pembersihan di Jalan Persekutuan. Tambahan kepada itu audit bulanan juga dilaksanakan oleh pihak JKR. Dan jika berlaku apa-apa ketidakpatuhan oleh pihak konsesi, maka JKR boleh mengambil tindakan dengan membuat potongan bayaran terhadap konsesi tersebut.

Di samping itu, suka saya maklumkan sekali lagi, Kerajaan Negeri kini sedang meneliti cadangan untuk mewartakan semua jalan-jalan Persekutuan di bahagian Pulau kepada jalan-jalan Negeri. Agar penyelenggaraannya lebih mudah dipantau, mudah dipantau di bawah Kerajaan Negeri. Bagi makluman Yang Berhormat, jumlah Jalan Persekutuan di bahagian Pulau adalah sebanyak 103.93 km. Namun, jalan mana yang akan terlibat dalam cadangan pewartaan semula itu, sedang dikenalpasti dan akan dikaji secara keseluruhannya mengikut kemampuan Pihak Berkuasa Jalan di peringkat Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penanti, iaitu sama ada Kerajaan Negeri boleh memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan agar peruntukan penyelenggaraan infrastruktur asas dapat dipertingkatkan bagi penyelenggaraan longkang, jalan, lampu jalan dan juga pili bomba.

Bagi makluman Yang Berhormat Penanti tapi beliau tidak ada hari ini, keperluan peruntukan penyelenggaraan infrastruktur asas adalah berdasarkan kepada isu dan juga aduan semasa penduduk. Pihak Berkuasa Jalan yakni JKR Pulau Pinang ataupun Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ataupun MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) tertakluk kepada kawasanya, akan memaklumkan keperluan peruntukan semasa dan peruntukan tambahan penyelenggaraan jalan melibatkan longkang, jalan dan lampu jalan kepada pihak JKN (Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang) untuk dipohon kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan di bawah peruntukan MARRIS. Manakala penyelenggaraan pili bomba pula adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Bomba dan Penyelamat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, di mana penyelenggaraannya dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa dan dikenalpasti melalui pemeriksaan tahunan dan aduan-aduan yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi maklumbalas kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bertam yang menyuarakan permohonan penduduk agar projek pelebaran jalan di Kampung Datuk, Kepala Batas dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong dikaji semula kerana pelaksanaannya dikhuatiri akan mengakibatkan banjir, serta isu pampasan nilai tanah yang tidak memadai untuk mendapatkan tanah baru.

Pada dasarnya, sebelum sesuatu projek penaiktarafan jalan dilaksanakan, pihak JKR akan membuat kerja ukur melibatkan data banjir dan pembesaran longkang jalan bagi menampung air hujan yang turut mengambilkira luas permukaan jalan baru yang akan dibina. Setakat ini pasukan projek ini tidak menerima sebarang bantahan atau aduan rasmi berkaitan banjir. Namun, sememangnya terdapat isu yang dibangkitkan penduduk yang tidak berpuas hati dengan ura-ura bayaran pampasan tanah yang rendah, sedangkan pengambilan tanah belum, sebenarnya belum dibicarakan lagi dan kini masih di peringkat semakan Penasihat Undang-Undang di Kementerian Kerja Raya.

Pun begitu, saya telah meneliti petisyen yang telah diberi oleh Yang Berhormat Bertam daripada penduduk Kampung Datuk dan saya mengambil maklum akan kandungannya. Malah, saya juga telah memanjangkan kekhawatiran penduduk kepada Kementerian Kerja Raya bagi dibincangkan dalam mesyuarat *Contract Coordination Panel* (CCP) yang sebenarnya telah diadakan pada petang semalam, 8 Ogos 2018. Buat masa ini, kemajuan kerja di tapak belum mencapai 15% lagi dan hanya melibatkan kerja-kerja awalan ataupun yang skopnya pembersihan tapak sebenarnya, di tapak, tapak milik Kerajaan, jadi masih belum ada kerja-kerja yang terlalu banyak dan masih belum terlambat untuk mengambil tindakan. Itu *point* yang saya nak kata. Jadi sekiranya Kementerian Kerja Raya mendapati bahawa pelaksanaan projek itu membawa kesan-kesan yang memudaratkan, maka saya percaya projek ini akan dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memerhati bahawa Yang Berhormat Air Itam telah membangkitkan isu berkenaan ejaan kawasan, di mana 'Air Itam' mempunyai beberapa ejaan yang berlainan.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Pulau Pinang yang turut dianggotai Yang Berhormat KOMTAR, Yang Berhormat Pulau Tikus dan Yang Berhormat Bagan Dalam, saya telah memulakan proses pembetulan nama-nama jalan. Contohnya, saya telah meluluskan penamaan semula Lorong Kuching di Pulau Tikus yang telah dieja sebagai haiwan kucing. Sebenarnya, jalan itu adalah dinamakan, mendapat namanya daripada ibukota negeri Sarawak, Kuching dengan C-H, dan bukannya binatang kucing. Jadi, kita telah betulkan. Dan untuk Jalan Muntri, juga kita akan betulkan kepada Lebuhraya Muntri sebab dalam Bahasa Inggeris, nama yang asal adalah Muntri Street dan bukan Muntri Road. Ya, jadi pembetulannya, semua ini kita buat.

Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini, Yang Berhormat Air Itam sebenarnya berpunca daripada pertukaran ejaan yang dibuat ekoran pembakuan, *standardization* ataupun penyeragaman Bahasa Melayu yang dimulakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1972. Pada tahun itu, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia telah bersetuju untuk menggunakan ejaan Bahasa Melayu baku. Jadi ejaan lama bagi "air" adalah "ayer", sepertimana Jalan Ayer Rajah yang sudah ditukar nama menjadi Jalan Tunku Abdul Rahman. Ejaan "Itam" pula adalah berdasarkan pertuturan bahasa basahan (*colloquial speech*) di mana ramai yang menyebut hitam sebagai "itam".

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa adalah afdal sekiranya ejaan nama kawasan itu diseragamkan. Justeru, setelah menyemak dengan sistem PEGIS, saya mendapati bahawa nama pekan Air Itam yang diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara adalah "A-Y-E-R I-T-A-M". Maksudnya, ejaan inilah yang akan dipaparkan dalam surat ikatan geran tanah (*land title deed*). So, kalau kita tengok kepada geran tanah, "A-Y-E-R I-T-A-M". Oleh itu, cadangan saya adalah untuk menggunakan ejaan itu, "A-Y-E-R I-T-A-M" sebagai ejaan yang betul bagi semua nama jalan dan papan tanda. Justeru, saya menyarankan agar Yang Berhormat boleh membuat rundingan awam, terhadap... dengan penduduk kawasan terlebih dahulu, dan sekiranya mendapat persetujuan, bolehlah mengemukakan cadangan kepada pejabat saya.

Tuan Yang di-pertua, seterusnya, izinkan saya...(gangguan). Ya, ya. Sila, sila.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Yang Berhormat Tanjung Bunga, ini adakah bermakna di depan saya kena tukar juga dengan Ahli Kawasan Ayer Itam? Untuk tidak mengelirukan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Ya, saya cadang kita cuba betulkan dengan pihak SPR juga. Saya mempunyai masalah yang sama. Tanjung Bunga pun banyak *spelling*. Tanjung Tokong, Tanjung Bunga. Sebenarnya, dia... dia... perkara ini memang satu (1) masalah, kita tengok *signboard*, papantanda di jalan pun, saya akan menunjukkan Tanjung Bunga dengan ada "H" satu tak ada "H". Kawasan dalam SPR tak ada "H". Ada Tanjung dengan "O", ada Tanjung dengan "U" memang mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penanti berhubungan dengan Empangan Mengkuang. Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung keperluan melaksanakan "*user requirements*" bagi projek-projek pembangunan negeri pada masa akan datang. Adapun penetapan "*User Requirements*" perlu dimasukkan dalam penyediaan Dokumen Tender pada peringkat awal projek bagi menyatakan keperluan pelanggan dan pengguna ke atas sesuatu projek. Walau bagaimanapun, bagi projek Pembesaran Empangan Mengkuang, pelaksanaan dan pemantauan projek ini dari peringkat awal sehingga dia siap, adalah sepenuhnya di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yang kini dikenali sebagai Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS).

Bagi makluman Yang Berhormat, kerja-kerja projek pembesaran Empangan Mengkuang telah bermula pada 01 Ogos 2011 dan dijadualkan siap pada 31 Julai 2016. Walau bagaimanapun, tarikh siap sebenar projek ini adalah 10 April 2017, lebih daripada setahun kelewatan dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan ataupun *Defect Liabilities Period* yang akan berakhir pada 16 November 2019. Oleh itu, segala kecacatan yang berlaku dalam tempoh ini, termasuk cerun-cerun yang bermasalah, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penanti, kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan di dalam kawasan tersebut terletak di bawah tanggungjawab Kementerian telah diambil maklum oleh pihaknya dan sedang dalam tindakan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan.

Dalam erti kata lain, kelewatan penyerahan Empangan Mengkuang bukanlah disebabkan oleh pihak Kerajaan Negeri, saya percaya Yang Berhormat, semua dalam Dewan yang mulia ini pun setuju bahawa Kerajaan Negeri tidak boleh menerima penyerahan projek yang tidak sempurna. Adalah amat tidak bertanggungjawab sekiranya perkara itu berlaku. Dalam kes ini, terdapat kecacatan pada struktur "*Draw Off Tower*" di Rumah Pam Mat Sulong yang terkandung dalam skop projek Empangan Mengkuang, kecacatan ini akan menjejaskan pengepaman air daripada Sungai Kulim ke Empangan Mengkuang. Oleh itu, sehingga masalah ini diperbetulkan, Kerajaan Negeri tidak boleh menerimanya.

Walaupun bagaimanapun, perbincangan telah pun diadakan antara Kerajaan Negeri, PBA dengan Kementerian serta pihak, semua pihak yang terlibat dan sukacita saya maklum bahawa pihak Kementerian telah pun bersetuju untuk memenuhi semua syarat yang ditetapkan termasuk pembaikan Rumah Pam Mat Sulong dan seterusnya menjalankan "*testing*" dan "*hands on training*" sebelum diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya masuk pula kepada cadangan daripada Yang terhormat Jawi supaya Kerajaan Negeri menggunakan teknologi...(gangguan). Sila, Sila.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Yang Berhormat EXCO, Jadi, adakah jangkaan tempoh bila Empangan Mengkuang boleh dibuka kepada orang awam. Ini menjadi satu isu yang diambil berat oleh orang tempatan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Buat masa ini, kita tengok dulu bagaimana pembaikan dibuat. Dia beri tempoh masa 60 hari. Jadi, saya rasa dalam bulan September tu kita akan mulakan *training* dan juga *testing*. Itu sepatutnya mengambil tempoh 30 hari itu untuk Rumah Pam Mat Sulong, kita akan membuat keputusan pada masa itu. Saya rasa

saya tak nak beri janji terlalu awal. Sebab dah banyak kali janji. Projek ini dah banyak kali janji. Kita tengok dia punya tempoh projek pun dia siap lebih kurang dalam 17 bulan selepas tempoh yang sepatutnya. Jadi, kalau nak bagi janji memang agak sukar sikit. Tapi mungkin selepas *training* dibuat dan sebagainya, *testing* dan *commissioning* kita boleh bagi maklumat yang lebih tepat.

Tuan Yang di-Pertua. Oh, sila.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

YB. Tanjung Bunga, tadi saya ada mendengar penjelasan oleh Yang Berhormat bahawa *Defect Liabilities Period* akan berakhir pada tahun 2018, 2019. *Defect Liabilities Period* ini akan bermula apabila kita memberikan, memulakan CPC, CPC ini bermaksud apabila berlakunya penyerahan projek kepada kita. Mendengar jawapan Yang Berhormat tadi, Kerajaan Negeri menolak penyerahan tersebut dan mengarahkan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Ya, ya. Kontrak itu antara kontraktor tu dengan Kerajaan Persekutuan. Bukan dengan Kerajaan Negeri. Penyerahan yang saya maksudkan adalah penyerahan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Jadi, *Defect Liabilities Period* tu, *liabilities* tu antara kontraktor dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi, dia memang berjalan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Jadi, pencerahan. Maksud saya adalah jika kita masih belum menerima projek, bermaksud CPC tidak seharusnya dikeluarkan. CPC dikeluarkan *once* kita terima projek. Dan kalau CPC ini kita keluarkan sekarang, *Defect Liabilities Period* tu akan menjadi pendek. Dan ia akan merugikan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Tak, saya rasa Yang Berhormat mungkin tak faham. Dia, dia, klien dia adalah Kementerian. Tapi, Kerajaan Negeri tak mahu ambil milik. Tapi, kliennya dah ambil milik. Maksudnya dah siap dah. So, dah mula dia punya DLP....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Apabila jawapan Yang Berhormat tadi, dikatakan Kerajaan Negeri tidak mahu menerima, jadi apa salahnya satu perbincangan dengan Kerajaan Pusat untuk melihat semula, *review* tempoh *Liabilities Period* ini supaya tidak mendatangkan kerugian kepada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat dan seterusnya melibatkan wang rakyat. Jika dalam tempoh selepas ini, berlaku lagi *defect*, *defective* yang menggunakan kita perlu melakukan kerja-kerja pembaikan, *repair works*, ia akan mendatangkan kerugian kepada kerajaan sekiranya tempoh *Defect Liabilities Period* ini telah tamat. Mengikut *certificate* CPC itu, itu maksud saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Faham, faham. Cadangan Yang Berhormat untuk berbincang dengan Kementerian bagi melihat samada DLP boleh dipanjang lagi akibat daripada kecacatan dan sebagainya. Okey, boleh kita terima dan kita boleh bincang dngan lanjutnya dengan Kementerian KATS. Okey, saya teruskan. Ya, Lee Khai Loon. Sorry. Machang Bubuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB Lee Khai Loon):

Terima kasih. Cuma tadi YB. Berapit ada sebut tentang pembukaan untuk orang ramai menggunakan Mengkuang Dam. Saya rasa saya ada sedikit kemusykilan di mana Mengkuang Dam itu sudah siap. Walaupun dia ada *defect* yang perlu disemak, diperbaiki baru kita boleh mengambil alih, tetapi adakah apa-apa struktur yang boleh menyebabkan keselamatan orang awam tidak boleh masuk? Jika tidak kenapa kita tidak boleh membuka untuk orang ramai untuk menggunakannya. Sekiranya struktur tersebut tidak ada apa-apa masalah yang besar untuk menjelaskan keselamatan orang ramai. Bolehkah kita buka untuk orang ramai guna dulu dan kemudian proses rundingan dengan Kerajaan Pusat dan serta dengan kontraktor itu boleh dijalan secara biasa yang telah ditetapkan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari)

Okey, terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk kita akan teliti namun pada saya. Saya rasa paling mustahak itu adalah keselamatan. Sepertimana Yang Berhormat Penanti bawa apa ni bangkitkan ada berlaku beberapa keruntuhan cerun di kawasan itu dan saya rasa kita perlu memastikan bahawa kerja pembaikan cerun dilakukan terlebih dahulu. Kalau kita nak bagi orang masuk pun. Tapi macam mana pun nanti kita boleh bincanglah. Saya rasa saya faham maksud Yang Berhormat dan saya akan berbincang dengan pihak itu. Tapi saya kena bagitahu sekali lagi, belum lagi menjadi milik Kerajaan Negeri. Jadi macam mana pun sekarang ini adalah milik kementerian ya. Setelah penyerahan dibuat baru saya rasa

Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Okey, ada tak apa-apa siapa lagi dengan isu Empangan Mengkuang. Kalau tidak saya, Yang Amat Berhormat.

YAB. Ketua Menteri:

Dato' Yang di-Pertua sebenarnya Yang Berhormat EXCO telah meringkas ringkasnya isu yang amat kompleks ini. Ada banyak lagi maklumat yang tidak kita, menerangkan sebab akan mengambil masa yang panjang. Sebenarnya, bilakah boleh kita *test and commission*, empangan itu ialah setelah ianya dipenuhi dengan air. Baru boleh *testing* dan *commissioning*. Dan ini akan mengambil beberapa tahun untuk mengisikan penuh Empangan Mengkuang yang diperluaskan itu. Itu mengikut perjanjian pada masalah itu baru Kerajaan Negeri mengambil alih Mengkuang Dam untuk pengoperasian sekarang oleh kerana isu-isu yang dibangkitkan oleh Penanti yang saya rasa menyebabkan semua pihak berkompromi untuk mempercepatkan penyerahan empangan kepada pihak PBA dan kementerian perlu bertanggungjawab tentang *structural integrity*. Sebab Mengkuang Dam itu masih belum dipenuhi dan tidak dapat membuktikan *structural integrity* Mengkuang Dam. Tetapi oleh kerana perlu dipercepatkan, diambil alih oleh PBA maka Kerajaan Persekutuan melalui kementerian pun memberi aku janji untuk tanggung tentang keselamatan dan *integrity structural* Mengkuang Dam yang sepatutnya kalau serah tanggungjawab PBA tetapi kita tak mahu terima sebab ianya belum sampai masanya jadi itulah banyak isu berhubung dengan Mengkuang Dam dan akhirnya saya rasa sudah ada persetujuan antara pelbagai pihak untuk segerakan proses penyerahan namun masih menunggu *test and commissioning* setelah ianya di penuh diisi oleh air.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih, Yang Amat Berhormat saya rasa...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor)

Sikit penjelasan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari)

Ya, silakan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor)

Adakah kerja pemasangan paip untuk dihantar air ke Merbau Kudong adalah sebahagian kerja kontrak. Sebab air daripada Mengkuang akan disalurkan ke Merbau Kudong ke loji, loji PBA. Adakah ia sebahagian daripada itu? Ataupun dia *separate* asing kerja-kerja kontrak yang asing. Sebab dah mula dah kontraktor *lawyer-lawyer firm* masuk buat pengambilan tanah dan sebagainya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari)

Ya akan ada satu (1) paip yang akan dipasang ke kawasan tersebut, sebahagian. Ianya sebenarnya satu (1) projek yang amat besar kalau nak kira skopnya tapi ia yang kita membincangkan tadi adalah hanya Rumah Pam Mat Sulong dan Empangan, struktur empangan sahaja tapi ia memang betul untuk kalau nak melihat pada skop sepenuhnya memang besar dan melibatkan banyak lagi.

Okey, cadangan daripada Yang Berhormat Jawi untuk menggunakan teknologi hijau. Bagi mengatasi masalah banjir dan cadangan penggunaan tenaga elektrik ke atas rumah pam di sekitar Jawi yang dikatakan masih menggunakan diesel dan juga panel solar.

Dalam hal ini kerajaan negeri akan cadangan diutarakan Yang Berhormat Jawi dan suka saya menjelaskan Kerajaan Negeri melalui (JPS) Jabatan Pengairan Dan Saliran sememangnya amat menekankan aspek penjagaan kelestarian alam sekitar dan berminat untuk menggunakan teknologi hijau untuk mengatasi banjir. Justeru saya akan mencadangkan kepada Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir untuk membuat kajian mengenai pelaksanaan teknologi hijau seperti *rain garden*, *green roof*, *rainwater harvesting*, *permeable pavements* dan sebagainya. Seajar dengan strategi peralihan daripada *grey technology* kepada *green technology* yang sedang diusahakan di pelbagai negara.

Di Pulau Pinang, teknologi hijau yang menggunakan tenaga solar sudah pun diaplikasikan di Daerah Seberang Perai Selatan bagi sistem operasi Pintu Air Pasang Surut ataupun *Tidal Control Gate* di Kebun Baru, Pulau Burung dan Gate D. Sungguh pun begitu, berlaku kes vandalisma di kawasan tersebut sehingga memerlukan kekerapan penyelenggaraan oleh pihak JPS bagi memastikan sistem operasi struktur utama dapat berjalan dengan baik.

Sementara itu, berkenaan rumah pam yang dikatakan masih menggunakan diesel pula. Dimaklumkan bahawa di daerah SPS hanya terdapat sebuah rumah pam yang menggunakan diesel iaitu Rumah Pam Bagan Buaya di Parit G2, Nibong Tebal. Pihak JPS sememangnya telah merancang tindakan penyelesaian jangka panjang bagi memastikan keberkesanan sistem operasi rumah pam tersebut agar lebih efisien pada masa akan datang dan cadangan menggunakan tenaga elektrik akan diberi penelitian

oleh pihak Kerajaan Negeri. Sepertimana saya terangkan hari itu juga ia tertakluk kepada pembangunan dan kemajuan kawasan-kawasan yang berdekatan.

Berhubung cadangan untuk meletakkan pengawal keselamatan bagi mengurangkan kegiatan vandalisma, pihak JPS telah mengambil tindakan dengan menempatkan (2) dua orang pekerja daripada kawasan Nibong Tebal dan kawasan Bukit Tambun bagi menjalankan operasi di Rumah Pam Bagan Buaya yang berada di Belakang Taman Desa Jawi. Pam tersebut telah pun beroperasi dan pihak JPS juga telah melaksanakan penyelenggaraan dan menambah bekalan minyak diesel bagi meningkatkan keberkesanan operasi dan mengelakkan masalah luar jangka.

Tuan Yang di-Pertua, yang Berhormat Bagan Dalam...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)

Minta, minta laluan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari)

Oh, sila Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)

Berkenaan dengan pam di Desa Jawi memang saya mengucapkan terima kasih kerana sudah menghantar pegawai JPS untuk pam tersebut. Disebabkan pam ini telah bina saya rasa dua (2) tahun tetapi tak pakai langsung. Setelah saya bangkit dalam satu (1) mesyuarat dengan YB EXCO maka JPS telah laksanakan tugasnya dan lagi satu (1) pintu *gate* yang dikatakan di Byram itu yang menggunakan *solar panel* memang apa yang saya cadangkan semasa perbincangan saya kita harus bina sebuah penjaga, pondok penjaga di kawasan pintu *gate*, Byram disebabkan setiap kali pada waktu malam apabila hujan lebat tiada orang ada berani pergi ke sana. Alasan yang di beri oleh JPS mereka takut sebab kalau nak turun seorang kawasan itu langsung tak ada lampu.

Maka saya minta kalau boleh *since* kita nak pakai *solar panel* kita boleh tambah *solar panel* untuk bina sebuah pondok jaga dan minta upah untuk penjaga keselamatan dan menjaga kawasan tersebut apabila saya rasa kalau sekiranya ada-ada penjaga dekat *security guard* dekat pintu *gate* sana. Saya rasa kes *vandalisme* yang berlaku akan dikurangkan sedangkan kita kena bayar apabila alat-alat yang di curi. Apabila kes *vandalisme* berlaku alat-alat yang di curi saya rasa tak murah dan sekiranya dapat kita mengupah *security guard* maksud kita untuk jangka masa panjang jangka masa pendek kita akan *save* kita akan jimat duit daripada alat untuk gantian alat kecurian itu.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari)

Terima kasih, di atas cadangan Yang Berhormat Jawi. Kawasan itu kawasan ladang, saya rasa saya telah pun menulis surat kepada Kementerian Pertanian untuk melihat kepada satu (1) penyelesaian yang lebih holistik. Bukan sahaja kita nak sekadar nak letak pondok pengawal dan sebagainya tapi mungkin saya rasa boleh dinaik taraf juga. Apa ni jentera-jentera dan juga apa ni alat tebatan banjir di situ. Kalau kita boleh buat satu penyelesaian yang lebih menyeluruh bagi isu pengairan di kawasan itu. Ladang yang selalu banjir maka saya rasa itu adalah lebih baik.

Jadi kalau boleh dapat peruntukan maka saya rasa satu penyelesaian yang boleh termasuk dalam skopnya kita letak pondok dan sebagainya. Tapi kalau lebih baik kita boleh masuk terus bekalan elektrik. Saya rasa itu yang paling afdal, tapi untuk masa ni memang itu masalah yang sepertimana Yang Berhormat cakap. Pencurian berlaku, vandalisma dan sebagainya. Orang pecah masuk dan malam-malam orang pun takut nak pergi ke tempat itu sebab sangat-sangat terpencil.

Tuan Yang Di-pertua, Yang Berhormat Bagan Dalam telah membangkitkan soalan berkenaan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk membuat pengorekkan di anak sungai atau longkang di kawasan-kawasan yang berisiko banjir.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan, dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri pada tahun 2018 menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM4.8 juta untuk melaksanakan kerja-kerja mendalam dan membaiki tebing sungai di Pulau Pinang. Sejumlah 31 kerja dilaksanakan menggunakan peruntukan ini dan dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga turut memberi peruntukan sejumlah RM4.35 juta untuk melaksanakan 35 kerja-kerja yang berkaitan.

Namun sememangnya diakui bahawa jumlah ini jauh tidak mencukupi kerana kita mempunyai banyak sungai di Pulau Pinang dan kerja-kerja pengorekkan adalah tidak murah tapi sekiranya ada keperluan yang mendesak, saya cadang Yang Berhormat mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir bagi dipertimbangkan untuk penggunaan peruntukan caruman perparitan. Iya, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)

Terima kasih, Yang Berhormat Tanjung Bunga. Apa yang saya maksudkan adalah bukan di kawasan saya sendiri di seluruh Seberang Perai apa yang saya lihatlah yang di kawasan saya memang ada masih ada pertikaian di antara JKR, MPSP, JPS siapa yang perlu buat satu (1) parit. Parit itu tak panjang pun tapi masih lagi hari itu JKR kata JPS, JPS kata MPSP dan dia masih lagilah. So saya tidak tahu bila mereka akan selesaikan saya harap tak akan hujan lebatlah sehingga itu.

Yang keduanya anak sungai dan parit yang saya maksudkan adalah satu (1) di Jalan Permatang Tok Kangar yang itu di Bukit Tengah dari Auto City masuk ke Taman Cendana dan sebagainya. Sungai itu saya nampak sudah dikorek beberapa minggu yang lepas. Memang teruk setiap kali sejam hujan jalan semua sudah banjir yang itu perlu kerap itu itu komen saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah. Okey, terima kasih Yang Berhormat Tanjung Bunga, saya juga tadi *when we are in the subject of flooding...* (dengan izin) cakap juga ada yang beritahu bahawa ada bahan-bahan material yang boleh digunakan untuk pembinaan jalan dan *side walk* dan semua yang akan menyerap lebih banyak air. Bolehkah kita buat *study* untuk bahan-bahan macam ni untuk masa depan kita? Supaya *you know because* kerana saya rasa bahawa pada masa ini *flooding* semakin kerap sebab pertukaran iklim *I mean* cuaca semakin *extreme* pada masa ini. Oleh itu, kita patut cari cara-cara penyelesaian ada yang mungkin terlampau mahal la tetapi kita boleh cari *alternative* yang lain juga. Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)

Yang Berhormat, saya tertarik tadi kepada soalan peruntukan yang telah pun diminta daripada persekutuan untuk kerja-kerja mengkorekkan sungai dan sebagainya mengatasi masalah banjir. Sebelum ini saya telah pun membuat satu (1) soalan telah pun menulis satu (1) soalan. Adalah yang diantaranya, apakah tindakan yang telah di ambil di antara 2008 dan 2018? Rancangan terperinci lima (5) tahun ke depan Kerajaan Negeri untuk memulihkan melindungi sungai-sungai. Sungai-sungai dan laluan air sambungan khususnya Sungai Juru, Sungai Jawi dan Sungai Junjung daripada pencemaran dan juga pelepasan sisa buangan kilang-kilang. Saya rasa ini cukup penting sebab di kawasan saya ada dua sungai yang sangat penting yang melalui kawasan saya daripada laut ke Kuala Juru yang masuk sampailah ke Taman Seri Rambai dan disepanjang sungai ini memang ramai orang bergantung kepada sungai ini seperti nelayan di Kuala Juru yang yang buat, yang buat industri kerang dan banyak lagi nelayan-nelayan yang hidup di kawasan-kawasan sungai tersebut. Dan jawapan yang telah pun diberi oleh Yang Berhormat juga amat terperinci, ada untuk jangka masa pendek lebih daripada 13,15 cadangan yang telah pun diberikan.

Tetapi yang saya tertarik adalah berkenaan rancangan bagi lima (5) tahun yang akan datang. Di mana dinyatakan di sini kerajaan bercadang untuk melaksanakan tiga (3) Rancangan Tebatan (RTB) Rancangan Tebatan Banjir iaitu RTB Sungai Junjung, RTB Lembangan Sungai Juru dan juga RTB Lembangan Sungai Jawi yang mana di samping mencapai matlamat mengatasi risiko banjir yang disebutkan. RTB berkenaan juga dapat memulihkan aliran sungai yang tercemar melalui skop kerja mengorek dan mendalamkan sungai-sungai yang berkenaan yang sangat penting saya rasa. Soalan saya adalah dan penjelasannya adalah apakah skop ketiga-tiga projek ini, harga *construction* ataupun harga untuk tiga (3) projek ini dan adakah Kerajaan Negeri telah pun membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk tiga (3) projek ini dan masa jangkaan projek ini akan disiapkan sekiranya Yang Berhormat ada *the facts, the* fakta-fakta untuk

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih kepada semua Yang Berhormat telah menimbulkan isu-isu. Sebenarnya isu yang utama adalah ya kekangan yang paling ketara adalah duit. Kekangan kos dan sebanyak mana yang kita nak buat pun kita bincang isu pengorekkan sebagai contoh. Antara masalah yang dihadapi di Sungai Juru umpamanya, Sungai Juru adalah satu (1) sungai yang amat penting di SPT. Dia, kalau kita nak buat pengorekkan dekat muara dia umpamanya, dia menelan kos berjuta-juta dan dia hanya satu (1) penyelesaian jangka masa pendek. Selepas dua (2) tiga (3) tahun *surtation* akan berlaku sekali lagi dan dia akan menjadi sekali lagi masalah yang perlu pengorekkan dan sebagainya. Jadi penyelesaian jangka masa panjanglah yang saya rasa kita perlu tapi itu semua memerlukan perbelanjaan yang amat besar. Tadi Yang Berhormat telah menyebut beberapa projek RTB yang telah disenaraikan. Itu semua adalah projek-projek persekutuan seperti mana Yang Berhormat maklum tadi dan kalau nak tahu kos dia sebenarnya ratusan juta. Sungai Junjung sahaja RM60 juta. Itu sebenarnya kos dan bertapa besarnya apabila kita nak buat projek tebatan banjir.

Bagi Lembangan Sungai Pinang saya bagi contoh, ini selalu dibincangkan dalam Dewan Undangan Negeri, dalam di luar dan menjadi antara salah satu (1) punca banjir yang utama di bahagian Pulau khususnya dalam Daerah Timur Laut. Kalau kita nak *total solution*, penyelesaian yang menyeluruh bagi

Lembangan Sungai Pinang yang di mana lembangannya adalah seluas 50km *square* ataupun kita memerlukan sebanyak RM650 juta. Tidak termasuk kos pengambilan tanah Yang Berhormat RM654 juta hanya untuk *solution*, untuk pembinaan. Jadi saya rasa Yang Berhormat boleh bayang betapa *cost intensivenya* ya, betapa banyak peruntukan yang diperlukan dan ia tidak boleh dibuat secara sekelip mata juga. Bila kita minta kos yang kita harapkan bila masuk peruntukan ia boleh dibuat secara *rolling* dan kita boleh buat fasa demi fasa. Sebagai contoh di SPT kita buat Projek Tebatan Banjir Parit 4, Parit 5, semuanya dibuat melalui fasa dan di Bukit Mertajam umpamanya, Machang Bubuk ada nanti saya akan jawab soalan mengenai Kolam Takungan Alma. Itu sebenarnya adalah fasa ke-3 yang, yang pertamanya sebelum ini telah dibuat rumah pam di Permatang Tinggi dan satu *by pass* juga di Parit, Parit 5..Parit 4 ya dan kemudian fasa ke-3 adalah Kolam Takungan Alma dan ada lagi fasa ke-4, fasa ke-5 yang akan menyusul. Jadi Yang Berhormat semua saya faham ya banjir ini adalah satu isu yang kita semua terpaksa menghadapi mungkin selain daripada Yang Berhormat Pulau Tikus yang tidak mempunyai banjir di kawasannya. Sikit-sikit. Ya Bagan Jermal dan juga di *border* Tanjung Tokong. Tapi selain daripada tu tak banyak lah, selain daripada apa ni Pulau Tikus saya rasa kita semua menghadapi apa ni kawasan banjir yang susah untuk dihadapi. Namun saya nak minta kesabaran juga ya Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Kita nak selesaikan. Kalau Kerajaan Negeri boleh selesaikan mesti kita akan buat. Namun dia memerlukan bukan sahaja dari segi kos, memerlukan masa. Sebab bila kadang-kadang saya nampak, Ahli Yang Berhormat ya ada banjir lepas tu nak penyelesaian dibuat pada esok hari. Saya rasa proses sebenarnya adalah lebih rumit, sangat rumit dan tidak begitu *straight forward*. Kita memerlukan kajian terdahulu, kita perlu melantik konsultan terdahulu, lepas tu buat apa ni rekabentuk terperinci, kemudian kita buka *tender*, melantik kontraktor ya, semuanya memerlukan masa. Dan saya harap kita ada kesabaran sama-sama sebagai satu (1) Kerajaan Negeri dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada pihak pembangkang, Insya Allah dalam tahun-tahun yang akan datang dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan saya yakin kita boleh mencapai banyak peningkatan dalam isu tebatan banjir ini.

Tuan Yang di-Pertua saya nak masuk pula kepada Yang Berhormat Machang Bubuk yang telah berhujah mengenai projek tebatan banjir di bandaraya Bangkok, Thailand, iaitu Centenary Park di Chulalongkorn University. Kawasan lapang seluas 11 ekar itu telah dijadikan kawasan takungan air ataupun *water detention area* dengan pembinaan tangki bawah tanah yang mampu menampung lebih kurang 3,785 meter padu air hujan, iaitu satu setengah kali ganda isipadu sebuah kolam renang bersaiz Olimpik. Projek ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua amat menarik, bukan sahaja dari segi fungsinya untuk memitigasi banjir tapi juga amat menarik dan juga rekreasi kerana taman itu juga boleh digunakan oleh orang awam semasa tidak hujan.

Sebenarnya, saya telah melawat Bangkok baru-baru ini dan telah menerima taklimat mengenai projek-projek tebatan banjir di bandaraya Bangkok, terima taklimat daripada Bangkok Metropolitan Administration iaitu Majlis Bandaraya dan termasuk dalam taklimat tu adalah penggunaan tangki takungan air bawah tanah, *underground detention tank*. Dalam Bahasa Thai, tangki bawah tanah ini dipanggil sebagai "*kaem ling*", "*kaem ling*". Maksud "*kaem ling*" itu adalah pipi monyet. Dan saya telah tanya kenapa dinamakan sebagai pipi monyet? Lepas tu dia cerita dia kata monyet tu bila dia makan pisang, lepas tu ada monyet-monyet lain datang nak rampas pisang dia, dia akan sumbat semua pisang ke dalam mulut sehingga pipinya berkembang. Jadi lepas tu dia akan pergi tempat lain, dia akan kunyah secara perlahan-lahan. Jadi itulah analogi yang digunakan oleh pihak berkuasa Thailand untuk menerangkan kepada saya. Dia sebenarnya di mana apabila hujan tu, tangki tu akan "disumbat" dengan air sebanyak mana air yang mungkin dan kemudiannya akan "ditelan" ataupun dialirkan secara perlahan-lahan kepada sungai. Jadi itu analogi yang digunakan. Dan konsep ini sebenarnya tidak bukan konsep yang baru malah sudah pun dilakukan di banyak negara. Isunya cuma satu, balik kepada kos untuk membina tangki bawah tanah adalah memerlukan kos yang sangat tinggi. Saya telah tanya juga kepada *Bangkok Metropolitan Administration* berapa banyak kos yang dibuat untuk apa ni yang diperlukan untuk membuat "*kaem ling*" tersebut. Dan mereka telah memaklumkan saya bagi projek tersebut kosnya adalah lebih daripada RM300 juta, Yang Berhormat.

Jadi untuk membuatnya di kawasan Alma saya rasa mungkin bukan kali ini tapi saya mengambil maklum cadangan ini dan kita akan kaji kebolehlaksanaannya sebagai syarat bagi pemajuan-pemajuan yang akan datang. Mungkin kita boleh letak sebagai satu syarat bagi pemaju sekiranya ada buat *town shade* ada buat pembangunan ataupun pemajuan yang besar. Tapi untuk kawasan Alma ni saya rasa kekangan kos kerana *siling* yang telah pun diluluskan adalah tidak mencukupi, namun sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM9.6 juta untuk pelaksanaan projek Kolam Takungan Alma walaupun dia tidak akan berupa sebagai satu "*kaem ling*". Namun saya rasa dia akan melakukan kerjanya sebagai *detention pond* dan kita yang kita akan pilih adalah penyelesaian yang mampu menampung air hujan dengan ARI (*average recurrence interval*) 50 tahun yang dijangkakan dapat mengurangkan air larian ataupun *run off water* sebanyak 50% daripada kawasan *downstream*, hilir.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Uban mengenai longkang-longkang yang perlu diselenggara dan dibersihkan secara berkala, sistem perparitan yang dikatakan tidak sistematik dan memohon agar peruntukan bagi penyelenggaraan sistem perparitan dilakukan di Batu Uban. Untuk menjawab isu dan persoalan yang dibangkitkan, Kerajaan Negeri melalui MBPP telah melaksanakan perkhidmatan pembersihan jalan dan parit awam konkrit di kawasan DUN Batu Uban mengikut taburan empat (4) buah kawasan dengan keanggotaan seramai 138 orang. Saya rasa saya tak akan bagi pecahan di sini memandangkan Yang Berhormat Batu Uban pun tidak ada di dalam Dewan tapi selain daripada itu pembersihan secara *task force* juga turut dijalankan pada setiap hari Jumaat, khususnya di kawasan parit besar serta parit bermasalah sebagai perkhidmatan “nilai ditambah” ataupun *value added*. Di samping itu, MBPP membuat pemantauan kebersihan kawasan dengan melibatkan anggota penyelia dan mandor seramai empat (4) orang. Pemantauan dibuat berdasarkan amalan pentadbiran seperti berikut:

- (i). Membuat rondaan kawasan berdasarkan kepada jadual kerja;
- (ii). Merekodkan pemantauan harian berdasarkan kepada pelbagai skop perkhidmatan pembersihan dan kawasan yang dilawati;
- (iii). Memuatnaik maklumat mengenai keadaan sesuatu kawasan dan tindakan melalui “whatsapp group”; dan
- (iv). Mengambil tindakan mengeluarkan notis dan atau denda kepada mana-mana kontraktor yang tidak menjalankan kerja dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bertam membangkitkan mengenai pembangunan infrastruktur di Bertam khususnya pembinaan sistem perparitan yang tidak sistematik yang menyebabkan kejadian banjir kilat. Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai ketiadaan perancangan yang teliti dalam pembinaan parit di Kampung Kovil dan Kampung Setol dan memohon supaya menegerakan pelaksanaan pelan perparitan. Untuk makluman Yang Berhormat, banjir kilat yang berlaku di Bertam adalah disebabkan beberapa faktor dan pihak Kerajaan Negeri melalui MPSP telah mengarahkan pihak pemaju dan juga Jurutera Perunding yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan pembetulan terhadap masalah banjir yang berlaku di kawasan pembangunan Bertam. Lanjutan itu, setelah kerja naiktaraf parit dijalankan, pihak MPSP tidak lagi menerima aduan banjir yang berpunca daripada sistem perparitan yang tidak sistematik. Dalam masa yang sama, MPSP juga telah mengambil tindakan membersihkan daun-daun dan sampah yang tersumbat di dalam parit dan perangkap sampah sehingga mengganggu aliran air di dalam sistem perparitan.

Berhubung ketiadaan perancangan dalam pembinaan parit di Kampung Kovil dan Kampung Setol, saya ingin menjelaskan bahawa kawasan tersebut adalah perkampungan tradisional yang dari segi topografinya adalah *low laying* ataupun beraras rendah dan sememangnya tiada sistem perparitan tersusun yang dibina sepertimana kawasan perumahan baharu yang dilaksanakan oleh pemaju. Walau bagaimanapun, cadangan agar pelan perparitan dilaksanakan di kawasan kampung sebegini akan diteliti pelaksanaannya dan dibincangkan lanjut di dalam Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir yang dianggotai oleh Yang Berhormat Bertam sendiri.

Beralih kepada Yang Berhormat Sungai Dua yang telah memohon supaya Kerajaan Negeri menyediakan dan membentangkan Pelan Induk Pencegahan Banjir serta membentangkan status perbelanjaan bagi projek-projek Rancangan Tebatan Banjir. Suka saya menjelaskan bahawa pihak JPS telah dan sedang melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam bagi setiap daerah yang boleh dijadikan rujukan bagi pembangunan sistem perparitan. Status kajian-kajian adalah seperti berikut:

- (i). Untuk kajian Daerah Seberang Perai Tengah sudah pun siap sepenuhnya pada April 2016;
- (ii). Bagi Seberang Perai Selatan telah siap sepenuhnya pada Oktober 2017;
- (iii). Bagi Seberang Perai Utara masih dalam proses pelaksanaan dan dijangka siap pada Oktober 2018;
- (iv). Bagi Daerah Timur Laut laporan telah pun disediakan dan akan dibentangkan semula kepada semua ADUN kawasan dalam masa terdekat; dan
- (v). Daerah Barat Daya telah siap sepenuhnya pada November 2013 dan cadangan lantikan perunding untuk semakan semula akan dibuat pada tahun 2019.

Manakala berhubung permohonan-permohonan supaya Kerajaan Negeri membentangkan status prestasi bagi projek-projek tebatan banjir dimaklumkan bahawa terdapat lima (5) projek berimpak tinggi yang sedang dalam pembinaan. Antara projek adalah seperti berikut: Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa di Kampong Tanah Liat, Taman Guru, Padang Lalang dan Kampung Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM30.31 juta, Projek Tebatan Banjir Parit 4 di Bukit Tengah, Taman Desa Damai, Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM16.97 juta, Projek Tebatan Banjir Parit 5 di Taman Mangga dan Jalan Juru, Seberang Perai Tengah juga berjumlah RM14.6 juta, Projek Tebatan

Banjir Kawasan Mak Mandin, Daerah Seberang Perai Utara berjumlah RM42.4 juta dan Projek Tebatan Banjir Sungai Nipah di Taman Iping, Daerah Barat Daya berjumlah RM15.27 juta.

Bagi Projek Tebatan Banjir Bayan Baru, Projek Reka Bentuk Terperinci Membina Kolam Takungan Alma seperti disebut tadi, Daerah Seberang Perai Tengah serta Projek Reka Bentuk Terperinci bagi kerja menaik taraf sistem saliran Sungai Tiram di Kampung Naran, Bayan Lepas, kesemuanya masih dalam penyediaan laporan konseptual dan reka bentuk terperinci. Anggaran kos bagi ketiga-tiga projek ini masih belum dimuktamadkan lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Mohon penjelasan. Saya rasa hendak tambah sedikit, kalau boleh untuk tahun hadapan, rancangan tebatan banjir perlu juga dimasukkan untuk kawasan Seberang Perai Utara. Ada lagi sungai-sungai yang belum didalamkan, ada lagi parit-parit buang yang masih belum selesai saliran, kalau boleh dimasukkan juga senarai di SPU, seluruh SPU dimasukkan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua, kita ambil maklum dan kita akan lihat pelaksanaan projek-projek tebatan banjir khususnya di Daerah Seberang Perai Utara yang amat memerlukan. Okey, Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong, pada hari ini beliau pun tidak ada, berkenaan pewujudan *task force*, dimaklumkan bahawa sedia ada telah wujud satu platform di setiap daerah yang berperanan untuk mengesan banjir iaitu melalui satu jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Bencana Daerah dan Jawatankuasa Bencana Daerah ini diketuai oleh Pegawai Daerah dan Tanah di setiap daerah dan menggerakkan kerja-kerja menangani masalah banjir di kawasan yang telah pun dikenal pasti. Oleh itu, Yang Berhormat bolehlah menggunakan platform ini untuk menyuarakkan keperluan tindakan ke atas kawasan yang kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang kini jauh lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu. Ini adalah hasil usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai pihak sama ada pihak swasta mahupun industri telekomunikasi yang sudi melabur di Negeri Pulau Pinang. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan dasar 3M dan 1S dalam pelaksanaan infrastruktur telekomunikasi. 3M yang dimaksudkan adalah yang pertamanya;

Maju: Negeri Pulau Pinang adalah negeri yang maju dan mempunyai nilai komersial tinggi dari segi jumlah permintaan dan langganan. Ini membuatkan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan berlumba-lumba untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan yang lebih baik secara komersial. Malah kos pelaburan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang adalah lebih rendah berbanding negeri lain berdasarkan bayaran proses, permit dan pembaharuan permit struktur telekomunikasi yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada kadar yang amat berpatutan.

M kedua adalah Mesra. Polisi Kerajaan Negeri yang mesra pelabur dan mengamalkan dasar tiada monopoli atau pemberian hak eksklusif kepada mana-mana pihak dalam menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang. Dasar ini dapat menarik lebih banyak pelabur atau syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan untuk datang ke Negeri Pulau Pinang dan juga menggalakkan persaingan yang sihat.

M ketiga Mudah. Proses pembinaan dan pembaharuan permit di Negeri Pulau Pinang juga dipermudahkan melalui Prosedur dan Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang yang telah berkuatkuasa pada 1 Jun 2015. Permohonan Pelan Bangunan boleh terus dibuat tanpa perlu melalui proses Kebenaran Merancang, ini sebenarnya telah meningkatkan lagi proses. Jadi, proses pembaharuan permit juga dipermudahkan dengan hanya memerlukan perakuan Jurutera Profesional dan bukannya Laporan Audit Keselamatan daripada pihak ketiga yang mungkin tidak bertauliah seperti yang diamalkan di negeri-negeri lain.

Tadi 3M, 1S adalah Smart. Inisiatif Kerajaan Negeri untuk membangunkan Bandar Pintar bertaraf antarabangsa merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan dan meningkatkan penggunaan ICT dan teknologi khususnya yang melibatkan telekomunikasi dan multi media. Peningkatan permintaan terhadap penggunaan jalur lebar seterusnya akan meningaktkan juga penyediaan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data terkini daripada MBPP dan juga MPSP berakhir Julai 2018 terdapat 1,070 buah struktur telekomunikasi yang sah di seluruh Negeri Pulau Pinang iaitu 504 buah kawasan Seberang Perai dan 566 buah di kawasan Pulau. Manakala jumlah struktur telekomunikasi tidak sah adalah sebanyak 122 buah iaitu 98 buah di kawasan Seberang Perai dan 24 buah di kawasan pulau. Tindakan penguatkuasaan kini dijalankan oleh kedua-dua PBT secara berperingkat melalui Serahan Notis Binaan Tanpa Kebenaran dan juga Notis Mengosongkan Bangunan dan operasi tindakan meruntuh struktur mengikut keperluan dengan mengambil semangat Program Moratorium Fasa 1 dan Fasa yang telah tamat pada 31 Disember 2016 iaitu satu program pemutihan. Turut dilaksanakan adalah tindakan *camouflage* atau penyamaran ke atas struktur telekomunikasi di kawasan warisan dan diperluaskan ke seluruh Bandar

George Town oleh syarikat telekomunikasi secara berperingkat dan dipantau oleh Jabatan Konservasi Warisan serta Jabatan Kawalan Bangunan, MBPP. Malah sebagai inisiatif pemantauan struktur telekomunikasi dan memudahkan pengurusan permit struktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kini dalam usaha untuk mengintegrasikan sistem sedia ada yang sedang diguna pakai di MBPP dan MPSP dengan sistem Pengurusan Permit Infrastruktur Komunikasi atau pun CIPM yang dibangunkan oleh SKMM bagi kegunaan seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Fiber Forward Penang (FFP) di Negeri Pulau Pinang yang diluluskan MMK pada 27 Mei 2015 menggalakkan pemasangan fiber optik menggantikan rangkaian kuprum oleh syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi telah berjaya meningkatkan pemasangan fiber optik di negeri kita agar rakyat Pulau Pinang dapat menikmati kemudahan internet berkelajuan tinggi.

Berdasarkan data terkini pemasangan fiber dan data yang dipetakan secara digital oleh PEGIS, kini 50% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah diliputi jalaran fiber sepanjang 3,226 km dengan 600 km daripadanya di jalan-jalan utama negeri. Ini bermaksud 80% jalan-jalan utama di Pulau Pinang telah pun mempunyai liputan fiber. Malah kini, Kerajaan Negeri dalam cadangan untuk melaksanakan pemasangan Saluran Bersepadu Telekomunikasi ataupun *Telecommunication Common Ducting* khusus bagi pemasangan fiber optik di kawasan pembangunan baru (*green field*). Batu Kawan telah dipilih menjadi projek perintis.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan broadband secara *wireless* yang disediakan oleh kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui program *Penang Free Wifi* (PFW) telah bermula pada tahun 2009 di setiap KADUN dengan pemasangan 1,560 *Access Point* ataupun AP di seluruh Negeri Pulau Pinang yang mampu menampung 30 orang pengguna pada satu masa bagi setiap AP. Selaras dengan kemajuan capaian internet dan telekomunikasi, konsep pelaksanaan *Penang Free Wifi* secara penjenamaan bersama ataupun *co branding* dengan mana-mana syarikat telekomunikasi telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada April 2017 beserta dengan SOP pelaksanaannya. Oleh itu Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan mana-mana syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang berminat untuk meneruskan kemudahan ini di masa yang akan datang.

Bagi menjawab ulasan Yang Berhormat Batu Uban yang telah menyatakan bahawa kualiti perkhidmatan *Penang Free Wifi* di KADUN Batu Uban adalah tidak baik, kerajaan Negeri kini dalam proses menambah baik dan menaik taraf perkhidmatan *Penang Free Wifi* di Negeri Pulau Pinang dengan mengalu-alukan mana-mana syarikat. Sebenarnya kita akan buka satu RFP untuk memanggil mana-mana syarikat telekomunikasi yang berminat untuk meneruskan *Penang Free Wifi* dengan teknologi yang lebih canggih dan sudah ada minat daripada beberapa syarikat besar dan saya rasa Yang Berhormat pun akan dimaklumkan dalam masa terdekat apabila kita berupaya untuk membuat pengumuman.

Timbalan yang di-Pertua, sebagai penutup...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Minta penjelasan. Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih YB. Tanjung Bunga, saya menyambut baik berkenaan dengan *Penang Free Wifi* ini dan juga langkah-langkah yang diambil untuk kita membaiki kelajuan sistem internet ini. Tetapi apa yang saya mohonlah pada masa hadapan mungkin perkhidmatan *free wifi* ini kita dapat kita bagi di tempat-tempat kemudahan awam seperti perpustakaan dan juga taman-taman awam dan sebagainya dapat diperluaskan lagi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih YB. Batu Uban...ada dua, sila, sila, *ladies first*.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih. Mohon daripada Yang Berhormat Tanjung Bunga, harap tidak menganak tirikan juga Daerah Seberang Perai Utara untuk menerima *coverage* yang sama. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

YB. Yang di-Pertua, YB. Tanjung Bungah, sebelum penutupan saya hendak mencelah sedikit, sebab tadi saya tunggu YB. EXCO Pelancongan saya terlambat, sebelum penutupan saya hendak cepatkan, saya tunggu semua jawapan dahulu tetapi tidak dipanggil. Dalam perbahasan saya ada bangkitkan isu-isu tentang SOP JKR, tentang speks yang digunakan untuk jalan raya, tiada dibangkitkan dan tentang *centre divider*...(dengan izin), yang telah diberi kepada JKR untuk menurap terus dengan simen dan akan menyebabkan banjir di kawasan-kawasan tersebut sebab ia tidak menyerap turun, dia ke bawah lantai.

Satu lagi yang saya bangkitkan tentang isu dan pada pandangan saya ia sangat serius tentang speks yang digunakan oleh JKR tentang *tar road* kita dengan cara-cara teknik yang digunakan untuk menurap semula jalan-jalan itu tanpa *milling*...(dengan izin), maksud tanpa dikorek setiap kali lapisan-

lapisan diturap semula. Saya hanya mengira dari sejak saya dilahirkan sampai sekarang 50 tahun, saya katakan setiap lima (5) tahun sekali menurap 6 cm tinggi, sudah 50 tahun maksudnya 10 kali ganda 6cm sudah dua (2) kaki tinggi penurapan telah dibuat di kawasan-kawasan seluruh *island*.

So, maksudnya dua (2) kaki yang tinggi itu, saya dapat dari *Pan Malaysia* kita mempunyai 2,636 hektar keluasan jalan di seluruh pulau dan berdasarkan pengiraan itu maksudnya air hujan yang tidak dapat menakung air di jalan raya kita itu telah melebihi dua (2) kaki lebih kurang 15,816 juta liter. Itu satu sebab yang menyebabkan banjir juga di Pulau Pinang, saya ingat itu satu faktor yang kena difikirkan oleh JKR atau MBPP macamana hendak mengatasi kemungkinan 50 tahun akan datang kena jaga, kena korek sebelum di tar dan sebagainya. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih YB. Batu Lanchang, saya akan mengambil maklum dan juga berbincang dengan pihak JKR mengenai SOP dan speks JKR. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, SOP JKR memang dia akan membuat *milling* dan *paving*, jadi memang akan dikorek atau dibuat *milling* sebanyak 50 milimeter...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Maaf saya mencelah sedikit. Kebanyakan tempat itu tidak ada *milling* dan *paving*, tidak ada. Satu contoh berlakunya kemalangan di Farlim hendak ke Thean Teik, kemalangan disebabkan *resurfacing* yang tinggi yang berdekatan dengan tepi *pavement* itu telah menjadi besar. Motor telah terbabas dan termasuk dekat cabin itu dan berlaku kemalangan nyawa. Buktinya memang tidak ada, memang tidak ada di situ *milling and paving*. Ia akan tinggikan sahaja di tepi-tepi *pavement*, kita panggil itu *curve*, kita nampak selepas *milling* mereka akan tinggikan supaya ia akan nampak sama tinggi tapi sebenarnya kita hanya menggunakan teknik menurap semula.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih. Saya mengambil maklum secara serius dan saya rasa kalau SOP itu tidak diikuti ia adalah satu kesalahan yang tidak sepatutnya atau pun ketidakpatuhan terhadap SOP, ini saya akan bincang dengan pihak JKR untuk memastikan apabila kerja-kerja yang dibuat haruslah kita mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Bagi YB. Permatang Berangan dan juga Batu Uban, kedua-duanya telah menimbulkan mengenai kawasan-kawasan-kawasan liputan *Penang Free Wifi*, saya rasa kita akan pastikan setiap KADUN itu akan menerima kemudahan tersebut. dan saya rasa kawasan-kawasan yang kita tumpukan adalah kawasan-kawasan di mana orang ramai berkumpul dan kawasan-kawasan orang awam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan. *Since we are talking about communication*, dengan izin, tentang *wifi connection*, saya dapat aduan dari penduduk kawasan saya, walaupun Butterworth adalah satu tempat yang boleh dikatakan maju dan padat di kawasan Seberang Perai, masih ada lagi tempat-tempat yang tidak ada *connection unifi*. Jalan utama iaitu Jalan Siram yang menghubungkan di antara Jalan Raja Uda dan Jalan Sungai Nyior, jalan utama tidak ada *connection unifi*. Apabila saya bertanya seorang kontraktor apa yang diberitahu adalah JKR menjadi penghalang sebab ia mohon untuk korek jalan dan menurap semula, kadang kala permohonan itu mengambil masa sehingga ada maksimum enam (6) bulan pun ada, dulu memang dalam sebulan, keadaan ini tidak berlaku di SPT dan SPS hanya di SPU, tiga (3) bulan ke enam (6) bulan. Ini perlu dikaji balik, itu pandangan saya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Saya akan meneliti perkara ini namun dalam kebanyakan kes, kelewatan atau pun liputan unifi adalah sebab TM sendiri dan tak payah kata SPU ataupun di Jalan Siram, di Pulau Tikus pun ada banyak tempat termasuk *Penang Institute* tidak diliputi oleh unifi. Ini sebenarnya adalah TM sendiri, sebab bila dia nak masuk ke sesuatu kawasan dia akan kira dari segi komersial *value*. Jadi kalau dia nak masuk dia akan memastikan sama ada boleh mendapatkan balik dia punya pelaburan. Kadang-kadang kita perlu tanya kepada TM dan bukan kontraktor sebab mungkin kontraktor tidak mempunyai fakta yang penuh. Jadi terima kasih tetapi saya akan meneliti...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Tetapi ada aduan dia akan memotong jalan permohonan itu. (gangguan). Ada juga dari *developer* pun ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Okey, kita boleh teliti. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan saya yang panjang lebar. Adalah menjadi impian agar Negeri Pulau Pinang membangun maju dengan infrastruktur yang efisien, yang mampan bagi kesejahteraan semua rakyat Pulau Pinang. Justeru Kerajaan Negeri sentiasa berusaha

dengan gigih melalui pelbagai platform untuk memastikan Negeri Pulau Pinang memiliki infrastruktur terbaik selaras dengan agenda mentransformasikan negeri ini menjadi Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa dan menyediakan kehidupan yang lestari kepada rakyat.

Untuk itu Kerajaan Negeri mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk pihak swasta dan juga Kerajaan Persekutuan untuk merealisasikan sebarang perancangan projek infrastruktur. Semoga dengan kerjasama yang erat di antara semua pihak, Negeri Pulau Pinang akan terus bergerak maju ke depan dan membawa kemakmuran kepada semua warga Pulau Pinang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih YB. Tanjung Bungah. Dipersilakan YB. Ahli Kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera dan salam reformasi. Terima kasih YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi. Izinkan saya mulakan sesi penggulungan saya dengan merakamkan rasa bangga saya bergelar sebagai seorang rakyat Malaysia dan juga rakyat Pulau Pinang lebih-lebih lagi pasca 9 Mei 2018. Bangganya saya pada hari ini kerana rakyat Malaysia telah menunjukkan kematangan dan keberanian untuk menjatuhkan satu rejim kleptokrasi yang berumur lebih 60 tahun. Lebih membanggakan adalah apabila perubahan ini dilakukan hanya dengan sebatang pen dan sekeping kertas, berjalan dengan aman dan melalui lunas demokrasi iaitu pilihan raya. Pasti sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini menjadi lebih manis dan bermakna kepada kita semua kerana kini Malaysia baru menjadi negara contoh dan inspirasi kepada perjuangan demokrasi dan kebebasan di seluruh dunia.

Di kesempatan ini, juga saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada rakyat Pulau Pinang khususnya pengundi-pengundi di Seberang Jaya dan juga Permatang Pauh kerana sekali lagi memberikan mandat kepada saya untuk mewakili suara mereka di negeri ini. Dulunya kita di negeri ini walau dipilih oleh rakyat tetapi kita dianak tirikan oleh Kerajaan Persekutuan yang terdahulu. Kini masa telah berubah, atas kesedaran itu kita harus menjadi kerajaan yang inklusif, peduli kepada rakyat dan yang lebih penting adalah kerajaan yang menjunjung prinsip keadilan, kebebasan dan demokrasi. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat negeri ini yang telah bertungkus lumus tanpa mengira penat lelah, siang dan malam dalam usaha untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang ini. Dengan kepimpinan baharu di peringkat Persekutuan, saya yakin dan percaya bahawa semua agensi dan jentera kerajaan akan bergerak sebagai satu pasukan demi membela kepentingan rakyat di negeri ini.

Untuk makluman Ahli Dewan, saya ingin melaporkan dengan sukacitanya bahawa sebelum tempoh 100 hari tamat, ketiga-tiga menteri yang bertanggungjawab dengan portfolio saya iaitu Menteri Pertanian, Menteri Kesihatan dan Menteri Pembangunan Luar Bandar telah mengadakan mesyuarat bersama dengan semua EXCO-EXCO Kerajaan Negeri bukan hanya dari negeri Pakatan Harapan tetapi juga dari negeri yang dipimpin oleh Pembangkang. Ini adalah satu amalan baru yang tidak pernah saya lihat sebelum ini pada penggal yang lepas. Platform ini pastinya dapat memberi banyak manfaat kepada kita di peringkat Kerajaan Negeri dan inilah bukti komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk membawa reformasi dan menjunjung prinsip Persekutuan yang sejati.

Kerajaan Negeri komited dalam meneruskan dasar Cepak, Akauntabiliti dan Telus dan elemen-elemen ini merupakan tiang seri dalam pentadbiran Kerajaan Negeri yang telah mendapat sokongan dan dokongan yang luar biasa dari rakyat dalam PRU yang lepas.

Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor pertanian merupakan sektor yang penting di negeri ini terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu pertanian, penternakan dan perikanan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor pertanian telah menyumbang sebanyak RM1.54 bilion kepada KDNK negeri ini pada tahun 2017 jika dibandingkan pada tahun 2016 sektor ini hanya menyumbang sejumlah RM1.5 bilion. Jika kita perhalusi terdapat peningkatan sebanyak RM47 juta bagi sumbangan sektor pertanian. Bagi tahun 2017 sektor pertanian di negeri ini telah mengeluarkan sejumlah 113,741.71 tan metrik produk pertanian yang merangkumi florkultur, herba dan rempah ratus, padi, sayur-sayuran, tanaman buah-buahan, tanaman industri dan tanaman ladang.

Manakala bagi industri perikanan pula, sektor ini telah mencatatkan perkembangan yang sangat positif iaitu pada tahun 2017 nilai daripada hasil yang disumbangkan oleh sektor ini adalah berjumlah RM819 juta berbanding hanya RM679 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak RM140 juta. Bagi pengeluaran sektor penternakan pula, bagi tahun 2017 adalah sejumlah RM854.02 juta iaitu peningkatan sebanyak RM6.95 juta berbanding tahun 2016.

Sektor Industri Asas Tani dan Pertanian sememangnya menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Buktinya Kerajaan Negeri telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memperkasakan industri ini di negeri Pulau Pinang. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Seberang Perai

Fiesta 2017 iaitu Karnival Industri Asas Tani dan Makanan bertempat di Tapak Ekspo Seberang Jaya pada 24 hingga 27 Ogos tahun lalu. Penganjuran program ini telah berjaya menarik kehadiran seramai 34,456 orang pengunjung dalam tempoh empat (4) hari berlangsung. Inisiatif Kerajaan Negeri bagi penganjuran program berskala besar seumpama ini adalah bertujuan mempromosikan industri asas tani, perikanan dan juga penternakan sebagai salah satu komponen utama di Negeri Pulau Pinang. Selain itu melalui penganjuran program ini jelas menunjukkan penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas sumbangan petani, penternak dan nelayan dalam pembangunan negeri ini.

Insya-Allah pada tahun ini program akan diteruskan lagi dan tempoh penganjuran akan dilanjutkan daripada empat (4) kepada lima (5) hari bermula 26 September hingga 31 September 2018. Di kesempatan ini juga saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut mempromosikan acara tahunan terbesar khusus bagi sektor industri asas tani di Negeri Pulau Pinang. Selain itu juga, Kerajaan Negeri juga bakal menyertai program *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show (MAHA) 2018* yang bakal bertempat di MAEPS Serdang pada tahun ini. Melalui penyertaan program-program seumpama ini produk usahawan industri asas tani di negeri ini akan dapat memperluaskan lagi rangkaian pasaran dan memperkasakan jenama keluaran Pulau Pinang. Dengan perubahan tampuk pimpinan pada PRU 14 ini, agensi-agensi Persekutuan kini sudah tiada halangan dalam membentuk kerjasama dan memperkasakan jenama tempatan. Dengan usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memasarkan produk negeri Pulau Pinang sehingga ke luar negara. Saya sendiri bakal menghadiri satu lawatan kerja yang telah diatur oleh FAMA pada hujung minggu di Singapura bagi memantau dan juga mempromosikan produk-produk Negeri Pulau Pinang di sana. Ini adalah sebahagian daripada komitmen Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang cakna kepada keperluan untuk memperkembangkan Industri Asas Tani di kalangan usahawan negeri ini.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian juga telah mengadakan beberapa siri program promosi dan jualan terus usahawan IAT. Antara program yang dilaksanakan adalah semasa *Penang International Halal Expo 2018* di SPICE, Program Promosi di PKNS Mall, Shah Alam, Program Seberang Jaya Maju Bersama di Mydin Mall, Bukit Mertajam dan juga Program Promosi di Berjaya Megamall, Kuantan baru-baru ini. Ke semua program ini telah berjaya mencatatkan hasil jualan berjumlah RM178,000.00 daripada program-program promosi seperti ini. Melalui program-program promosi ini pendapatan bagi usahawan IAT akan dapat dipertingkatkan dan jenama usahawan tempatan akan dapat dimartabatkan agar dikenali umum. Kerajaan Negeri juga maklum tentang populariti buah durian di Negeri Pulau Pinang. Baru-baru ini telah dianjurkan satu program *Penang Durian Fest 2018* bertempat di Mydin Mall Bukit Mertajam pada 27 dan 28 Julai 2018. Untuk makluman YB. Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Tani iaitu YB. Ahli Parlimen Bayan Baru, Saudara Sim Tze Tzin pada 27 Julai 2018. Beliau juga telah memohon agar program ini akan dapat diteruskan pada masa hadapan dan mencadangkan satu durian *map* diwujudkan untuk meningkatkan lagi *agrotourism* di dalam industri durian di Negeri Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan, bagi pembangunan modal insan dan ke arah melahirkan usahawan pertanian dan IAT pelapis, sejak tahun 2015 hingga Ogos 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM750,000.00 bagi Program Usahawan Tani Muda atau kini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani. Mendengar kepada permohonan dan juga keperluan yang dibangkitkan oleh usahawan-usahawan ini Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk turut membuka peluang kepada usahawan IAT yang berumur lebih daripada 40 tahun dan tidak melebihi 60 tahun untuk turut sama menyertai Tabung Usahawan Tani. Bagi pemohon yang berumur bawah 40 tahun pinjaman tanpa faedah berjumlah RM6,000.00 disediakan. Manakala bagi mereka yang berumur 40 hingga 60 tahun sumbangan mikro kredit sebanyak RM5,000 disediakan untuk usahawan ini. Ke semua pemberian mikrokredit ini adalah dibiayai tanpa sebarang pembayaran faedah, *zero interest*..(dengan izin).

Kepada soalan yang dibangkitkan, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penanti dan juga Yang Berhormat Sungai Dua mengenai tindakan berkesan yang perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menghalang berlakunya kerja-kerja tambun tanah padi terutamanya di Daerah Seberang Perai Utara. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan program pemutihan kawasan padi yang dilaksanakan oleh pihak IADA sehingga Mac 2018, kawasan tanah padi sebenar di negeri ini adalah berkeluasan 12,105 hektar di mana di SPU sahaja berkeluasan 8,814 hektar, SPT berkeluasan 2,398 hektar, SPS berkeluasan 1,267 hektar dan DBD berkeluasan 298 hektar. Daerah SPU merupakan kawasan tanaman padi yang paling luas dan aktif di negeri ini dengan bilangan petani seramai 4,048 orang dan menyumbang kepada 67% daripada keluasan keseluruhan kawasan padi di negeri ini.

Pihak Jabatan Pertanian dan IADA secara konsisten tidak menyokong sebarang permohonan perlingkungan semula atau permohonan ubah syarat tanah jelapang padi kepada tujuan lain. Kerajaan Negeri juga berhasrat agar tanah jelapang padi dapat dikekalkan dan tahap sara diri atau *self sufficiency level* boleh mencapai 85%. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Pihak Berkuasa Tempatan telah melaksanakan tindakan-tindakan penguatkuasaan seperti mengeluarkan Notis Berhenti Kerja di bawah

Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, mengambil tindakan mahkamah di bawah Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang memperuntukkan apabila disabitkan denda RM50,000.00 atau penjara tidak lebih lima (5) tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang berterusan selepas disabitkan denda boleh meningkat sebanyak RM500.00 setiap hari kesalahan diteruskan dan tindakan penguatkuasaan terhadap kerja-kerja tambun tanpa kebenaran Majlis di bawah Seksyen 27 atau 28 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian juga telah menubuhkan Briged Tani bertujuan untuk melaksanakan tugas bagi menanam padi, membaja, meracun, merumpai dan aktiviti memantau serangan penyakit dan juga perosak. Briged Tani ini terdiri daripada golongan muda yang dilatih dan dibimbing untuk melaksanakan tugas di atas. Briged Tani juga tempat di mana melahirkan ramai petani muda pakar dalam industri tanaman padi. Terdapat keseluruhan 15 kumpulan dalam briged ini iaitu empat (4) di SPT, tujuh (7) di SPU, tiga (3) di SPS dan satu (1) di DBD. Melalui penubuhan Briged Tani ini juga, saya berharap ia akan bertindak sebagai mata dan juga telinga kepada Kerajaan Negeri dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan dalam menyalurkan maklumat-maklumat terutamanya kegiatan menambun tanah-tanah padi secara haram.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat Sungai Dua agar peruntukan bagi sektor pertanian dipertingkatkan. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam aspek pembangunan sektor pertanian memandangkan perkara ini turut memberi kesan kepada *food security*. Walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah berdasarkan kepada kemampuan kerajaan memandangkan peruntukan bagi sektor-sektor lain turut diperlukan. Walau bagaimanapun, dengan wujudnya kerajaan yang sama di peringkat Negeri dan Persekutuan, saya percaya kita akan dapat mencapai sinergi dalam hal ini. Saya juga telah memanjangkan isu-isu sektor ini di peringkat kementerian semasa kunjungan hormat pertama saya yang pertama kepada Yang Berhormat Menteri Industri Asas Tani pada 3 Julai 2018 dan semasa Mesyuarat Exco-Exco Pertanian bersama Menteri Pertanian pada 12 Julai 2018 yang lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2.96 juta bagi tujuan pembangunan industri penternakan di negeri ini. Manakala Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan hanya sejumlah RM45,000.00 bagi maksud yang sama. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membiayai Perolehan Anak Ayam Pirus dari United Kingdom yang melibatkan kos RM49,500.00 dan Kambing Tenuku Pejantan dari Australia melibatkan kos hampir RM100,000.00. Tujuan utama adalah untuk kita kembangkan dua industri iaitu Industri Penternakan Ayam Pirus dan juga Industri Tenuku Susu Kambing. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sedang dalam perolehan Baka Kambing dan Bebiri Pejantan Tempatan. Bagi tujuan perolehan baka ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 dalam memastikan perkembangan sihat industri penternakan di negeri ini. Usaha-usaha yang dibuat ini adalah untuk memastikan sektor penternakan di negeri ini terus berkembang seiring dengan perkembangan industri lain. Saya ingin menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan ini kepada sesiapa yang berminat untuk melihat secara *closed house* ayam pirus ini boleh datang ke Jabatan Veterinar Bukit Tengah dan dapat melihat sendiri bagaimana ternakan ayam pirus ini dijalankan.

Untuk makluman Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Enakmen Penternakan Babi pada tahun 2016. Kerajaan Negeri kini sedang dalam proses akhir semakan Peraturan-peraturan Perlesenan Penternakan Babi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri juga sedang menyiapkan SOP perlesenan, pengkompaunan dan juga tutup ladang bagi pelaksanaan enakmen. Kerajaan Negeri juga akan mengadakan satu lagi siri perjumpaan bersama penternak pada bulan September ini. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri masih mengeluarkan notis dan memantau semua ladang-ladang babi untuk penambahbaikan dan menaik taraf. Ini adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan industri ini bukan hanya menjadi industri yang bersih dan selamat, yang paling penting tidak mencemarkan dan tidak mengganggu kehidupan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan kaedah pemberian bantuan nelayan dalam bentuk baucer yang bernilai RM400.00. Pada tahun 2017 seramai 2,098 orang nelayan pesisir pantai telah menerima manfaat daripada program ini melibatkan kos sebanyak RM838,842.00. Pada tahun 2018 pula seramai 2,208 orang nelayan pesisir pantai telah menerima manfaat ini dengan perbelanjaan berjumlah RM883,156.00. Selain daripada itu Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan turut melaksanakan program-program seperti Program *Touch Point* kepada 120 orang nelayan dengan kos RM75,000.00.00 program kemahiran seperti Kursus Pemprosesan Produk Perikanan, demo *in site to* enjin sangkut dan peralatan elektronik serta demo *in site to* pemprosesan produk perikanan.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia turut memberikan elaun sara hidup kepada nelayan berjumlah RM5.6 juta dan insentif tangkapan ikan berjumlah RM454,000.00. Matlamat Kerajaan Negeri bukan hanya membantu golongan nelayan dari aspek kewangan atau peralatan sahaja, bahkan turut memberi penekanan dalam membangunkan modal insan golongan nelayan agar memiliki kemahiran yang dinamik dan *diverse*. "*Fishermen is not just a job, it is a profession*". Besar hasrat Kerajaan

Negeri dalam memastikan golongan nelayan sentiasa terbela terutamanya dalam era Kerajaan Pakatan Harapan.

Bagi meningkatkan sumbangan industri akuakultur di negeri ini, Kerajaan Negeri juga dalam proses melaksanakan Zon Industri Akuakultur di Penaga iaitu ZIA Penaga. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ZIA Penaga ini dibangunkan di atas tanah seluas 479 ekar selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020. Permohonan perlingkungan semula kawasan tersebut daripada zon hutan paya bakau kepada zon pertanian telah diluluskan pada tahun 2014. Menjawab kepada persoalan daripada Yang Berhormat Bagan Dalam, berhubung isu pemeliharaan paya bakau di kawasan ZIA Penaga, Kerajaan Negeri sangat memberi perhatian dalam perlindungan hutan paya bakau. Buktinya Kerajaan Negeri telah menghasilkan garis panduan akuakultur yang pertama di Malaysia yang melibatkan kesemua agensi-agensi berkaitan. Garis panduan ini dihasilkan setelah mengambil kira input dan pandangan dari semua jabatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Institut Penyelidikan Perikan dan Institut Pendidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Pembangunan garis panduan ini juga turut melibatkan pengusaha akuakultur yang diwakili oleh Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang dan beberapa syarikat penternak ikan dan udang di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mengguna pakai garis panduan ini dalam pelaksanaan projek ZIA di mana zon penampakan dari pesisir pantai adalah 200 meter dan membolehkan kawasan hutan paya bakau tersebut masih dipelihara dan dalam masa yang sama pembangunan masih boleh dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek ZIA adalah projek yang pertama mengguna pakai garis panduan akuakultur dan akan menjadi projek contoh kepada projek-projek akuakultur di Negeri Pulau Pinang. Bagi memastikan pelaksanaan projek ZIA tidak memberi kesan buruk kepada penduduk persekitaran dan keadaan alam sekitar, Jawatankuasa Perancang Negeri telah mensyaratkan penyediaan Laporan EIA, *Environmental Impact Assessment*. Mesyuarat berkaitan pembentangan Terms of Reference, TOR bagi penyediaan laporan EIA telah diadakan pada 22 Januari 2016 di Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya. Walau bagaimanapun, pihak konsultan yang dilantik telah diminta untuk membuat penambahbaikan dan mengemukakan semula TOR tersebut. Setelah beberapa siri perbincangan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dan pendekatan selaku tuan rumah untuk CMI, Chief Minister Incorporated, melantik semula juruperunding yang mempunyai pengalaman dalam penyediaan laporan tersebut yang kini dikenali sebagai Laporan EIA Jadual II serta berpengalaman dalam sektor marin. CMI telah melantik juruperunding baru bagi penyediaan laporan tersebut iaitu Fundley Marine and Consultancy Sdn Bhd. Pihak juruperunding yang telah dilantik telah mengadakan perbincangan awalan dan membentangkan pra laporan kepada Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya dan Jabatan Perikanan pada 17 Mei 2018 dan juga 5 Jun 2018.

Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Acheh telah membangkitkan isu berkenaan pencerobohan vessel KENKA di perairan negeri ini. Seperti mana perbahasan bagi soalan saya ID649 sebelum ini, Kerajaan Negeri sedar isu pencerobohan vessel KENKA dua (2) bot ini dan sedang berusaha untuk menangani aktiviti-aktiviti yang menyalahi syarat-syarat lesen di bawah Seksyen 8 Akta Perikanan 1985. Antara pelan jangka pendek yang telah diambil adalah program pemantauan dan pengawasan merangkumi penguatkuasaan undang-undang di kawasan perairan negeri ini. Bagi pelan jangka panjang, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengenakan kadar kompaun yang lebih tinggi sebagai langkah pencegahan mulai 1 Jun 2015. Mulai tarikh tersebut juga lesen akan digantung setahun mulai dari kesalahan pertama, manakala peralatan akan dirampas bagi kesalahan ketiga. Kes pula akan dibawa ke mahkamah bagi kesalahan keempat. Sebagai langkah drastik mengatasi masalah tersebut, Jabatan Perikanan Malaysia juga telah meminda syarat-syarat lesen yang lebih ketat di bawah kuasa Seksyen 10, Akta Perikanan 1985 bagi mengawal operasi vessel pusat kanker dan mengeluarkan pekelling penghapusan vessel pukut KENKA dua bot secara berperingkat dan mengambil langkah-langkah kawalan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa tindakan membakar dan menenggelamkan vessel KENKA dua bot itu tidaklah selaras dengan perundangan sedia ada. Saya tidak berani buat Yang Berhormat Sungai Acheh. Kalau Yang Berhormat berani, silakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Soalan. Tadi saya hendak tanya tapi YB EXCO terlalu pantas sangat. Berkenaan dengan baucer RM400.00 saya hendak tanya, sama ada pejabat YB. EXCO adakah pernah terima aduan berkenaan dengan baucer RM400.00 tersebut disebabkan bagi pihak saya, saya pernah terima aduan menyatakan bahawa baucer yang diterima RM400.00 itu berdasarkan jawapan yang saya tanya Kerajaan Negeri melalui LKIM telah mengenal pasti tiga (3) buah kedai yang boleh memenuhi dan menampung keperluan nelayan pantai dalam program pemberian bantuan nelayan. Aduan yang saya terima apabila nelayan pergi beli pukut ataupun barang-barang tersebut, harga nilai barang tersebut dalam pasaran lebih kurang rendah daripada RM300.00 tetapi mereka terpaksa guna baucer RM400.00 untuk beli barang yang bernilai hanya RM300.00. Oleh sebab itu saya minta pihak EXCO harus semak balik sama ada nilai-nilai harga daripada

alat-alatan dibekalkan untuk menukar dengan baucer tersebut. Sama ada pihak EXCO adakah senarai harga berkenaan dengan alat-alatan yang dibeli oleh nelayan ataupun sama ada pihak EXCO berasa lebih baik kita terus ambik baucer tukar secara wang tunai kepada nelayan. Oleh sebab itu nelayan boleh pakai duit, pakai cash RM400.00 untuk beli barang-barang tersebut. Kalau tidak kita harus semak balik tiga (3) buah kedai tersebut. Saya rasa sebelum ini salah satu kedai terletak di Tanjong Piandang di Negeri Perak dan bukan di Negeri Pulau Pinang. Kalau kita hendak bekal kita *priority* tetapi sekarang kita sudah sama tetapi sebelum ini kita harus bagi *priority* untuk anak-anak tempatan Pulau Pinang untuk membekalkan peralatan seperti ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih pada Yang Berhormat Jawi untuk makluman Yang Berhormat program ini kalau boleh saya cerita dari awal asalnya bermula kita membeli pukut itu sendiri. Kerajaan Negeri membekalkan pukut terus kepada nelayan tapi bila kita buat program ini kita hadapi masalah kerana kita tak dapat nak *achieve* jumlah pukut yang sesuai yang mana sebelum ini kita bekalkan RM360 untuk seorang nelayan dan kita beli pukut itu.

Dari tahun ke tahun harga makin naik pertama kerana masalah tukaran mata wang, keduanya masalah GST ketika itu menyebabkan harga pukut ini semua melambung sehinggakan lebih daripada kos yang kita layak untuk beri. Bila kita membincangkan bagaimana kita dapat memberikan semula program ini bantuan kepada nelayan ini timbul *idea* untuk mengadakan *voucher* ini. Yang mana *is a fixed amount*. Jumlah yang tetap RM400 yang mana nelayan tetap akan mendapat *value* barang RM400. kejap, kejap Yang Berhormat. Sabar, sabar.

Jadi RM400 saya juga terima aduan daripada nelayan-nelayan tentang isu peniaga-peniaga yang telah mengambil kesempatan pembekal ini mengambil kesempatan menaikkan sedikit harga berbanding dengan harga di pasaran. Saya sebenarnya telah membuka ruang kepada semua pembekal-pembekal dan juga peniaga-peniaga yang menjual pukut di dalam Negeri Pulau Pinang untuk berdaftar kepada Kerajaan Negeri ada tiga (3) ini sahaja yang sanggup.

Sebenarnya kita terpaksa rayu kepada mereka untuk mereka buat program ini. Jadi saya alu-alukan kalau Yang Berhormat juga boleh meuar-uarkan kepada peniaga-peniaga yang lain yang mana jika mereka *sign-up* menjadi panel kepada Kerajaan Negeri kita akan boleh bekalkan senarai bahawa kedai-kedai ini juga boleh membekalkan pukut kepada nelayan Pulau Pinang *voucher* ini boleh dipakaikan, jadi harga itu tidaklah dimonopoli oleh tiga (3) kedai ini sahaja. Dan kita juga telah minta supaya kedai-kedai ini pembekal-pembekal ini memberikan kita senarai harga sebelum mereka membekalkan sebarang peralatan kepada nelayan. Dan kita juga memantau dari semasa ke semasa adakah *fluctuation* daripada jumlah harga itu melambung tinggi.

Tetapi sehingga sekarang saya percaya banyak *voucher-voucher* ini telah banyak ditebus di kedai-kedai ini yang mana sekarang ini nelayan secara rasminya menerima sumbangan sebanyak RM400 daripada Kerajaan Negeri. Cadangan untuk memberikan sumbangan *cash* atau tunai sebanyak RM400 ini pernah juga dibincangkan pada penggal yang lepas tetapi tidak dipersetujui di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Yang Berhormat mohon penjelasan. Berkaitan dengan bot pukut tunda 2 bot tu. Maksud saya tu bukan bakar ataupun tenggelam waktu tangkap itu maksudnya ketika tangkapan dalam Hakim Mahkamah itu perundangan itu macam mana di Indonesia bakar ataupun mungkin kalau tak boleh bakar pun sekurang-kurangnya kita injakkan setahun tu ke lima (5) tahun supaya menjadi pengajaran untuk mereka sebab mereka di kawasan perairan di Pulau Pinang ini terlalu ganas. Baru dua (2) minggu lepas langgar terus jeti orang yang buat laporan pada buat laporan Polis. Mereka sampai mengancam nyawa padahal mereka dari Perak masuk ke perairan kita. Bahkan di kawasan Perak sendiri pun mereka labuh pukut itu di kawasan bawah 5 batu nautika. Jadi tak pa itu kawasan Perak YB. Tetapi kawasan kita ni di kawasan Pulau Pinang mereka menceroboh terus di perairan kita itu yang kita minta supaya dikuatkuasakan lagi daripada setahun tahun ke lima (5) tahun ataupun tenggelam jadi tukun bila dah sah oleh mahkamah sahkan jadi tukun. Betul ka?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Acheh saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat ini pertamanya saya setuju soal penguatkuasaan ini diperlukan tindakan tegas daripada agensi dan dalam masa yang sama perlukan integriti juga dan semua pihak termasuk juga Polis termasuk pihak APMM dan Marin dan juga Jabatan Perikanan dan saya juga akan bincangkan lagi perkara ini bersama Jabatan Perikanan dan juga pihak KDN untuk kita lihat bagaimana langkah-langkah lain yang kita boleh ambil dan kenal pasti mereka-mereka yang menganggap diri mereka ini samseng-samseng di laut yang menyebabkan kesukaran kepada nelayan dan juga dan usahawan-usahawan akuakultur kita di sana.

Untuk menjawab juga soalan Yang Berhormat Sungai Aceh berkenaan jeti-jeti nelayan yang dirobuhkan bagi memberi laluan kepada Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kerian. Sekiranya Yang Berhormat merujuk kepada pelantar yang digunakan bagi nelayan sungai untuk menambat bot, struktur tersebut merupakan struktur yang tidak sah.

Sekiranya terdapat cadangan untuk membina baru pelantar tersebut Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ke Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan sebelum kerja-kerja perlu dilakukan sebelum kerja-kerja dimulakan. Kerajaan Negeri juga telah memberikan jawapan bertulis kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan ICU Jabatan Perdana Menteri untuk melihat perkara ini.

Ahli-ahli Dewan dan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi sedikit ulasan mengenai penyakit *hand, mouth and food disease* (HMFD) yang untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat bukan hanya berlaku di Negeri Pulau Pinang bahkan di seluruh negara. Penyakit yang berpunca dari virus *coxsackie virus A16 and enterovirus EV 71, EV 71 ini menular melalui kaedah* sentuhan langsung, cecair hidung, air liur, lepuh atau *blister* dan najis kanak-kanak dijangkiti serta sentuhan pada permukaan dan alatan permainan yang tercemar dengan virus HMFD.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha dalam menangani masalah peningkatan kes HMFD. Walau bagaimanapun kejayaan langkah kawalan ini turut perlu mendapat kerjasama daripada ibu bapa, pengusaha taska, tadika, pusat jagaan dan juga sekolah. Antara tindakan yang telah diambil adalah lawatan di semua taska, tadika dan pusat jagaan bagi tujuan pemeriksaan tahap kebersihan dan keselamatan premis. Sehingga kini liputan lawatan adalah 100 peratus iaitu meliputi sejumlah 850 premis. Menjawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat KOMTAR, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan sentiasa menjalankan usaha-usaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai HMFD. Kerajaan Negeri telah menjalankan aktiviti penyelidikan kesihatan bagi meningkatkan kesedaran berhubung penyakit HMFD terutamanya di kalangan pengusaha taska, tadika, pusat jagaan sekolah dan komuniti setempat.

Untuk rekod Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun ini sahaja khidmat nasihat individu telah diberikan kepada 20,897 orang, sesi tunjuk ajar kepada 25,300 orang, perbincangan kumpulan sebanyak 2,637 sesi, ceramah kesihatan sebanyak 164 sesi iaitu kepada 13,127 orang, 95 pameran dan sebanyak 2,326 keping poster telah dicetak dan dipamerkan. Ke semua aktiviti ini merupakan usaha kerajaan dalam mendidik dan memberikan kesedaran kepada rakyat mengenai penularan penyakit ini.

Merujuk kepada penyakit denggi yang merupakan penyakit yang lazim berlaku di kawasan-kawasan urban atau bandar. Pendirian Kerajaan Negeri masih sama iaitu memerangi denggi habis-habisan. Sehingga Minggu Epimodologi ke-31 terdapat peningkatan 80.73% berbanding tempoh yang sama tahun 2017 iaitu sebanyak 2,832 kes dilaporkan berbanding hanya 1,562 kes pada tahun 2017.

Menyedari peningkatan ini Kerajaan Negeri telah pun menggerakkan usaha kawalan vektor di semua lokasi-lokasi yang dikenal pasti dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta komuniti setempat. Untuk makluman Ahli-ahli Berhormat juga Kerajaan Negeri juga telah melanggan Sistem Ramalan Wabak Denggi atau *Crush Aedes Totally* (CAT) yang menggunakan khidmat *Artificial Intelligence*. Melalui pengenalan sistem ini ianya mewujudkan *Sense of Urgency* kepada petugas yang terlibat dalam kawalan vektor. Dan walaupun sistem ini bukan sistem pencegahan denggi, ianya membantu meramal kawasan-kawasan yang dijangka akan menjadi wabak denggi agar kawalan vektor dapat dijalankan secara lebih sistematik.

Yang Berhormat Bayan Lepas telah memohon agar Kerajaan Negeri mengusulkan semula cadangan menaik taraf klinik kesihatan di Teluk Kumbar bagi diambil kira dalam *Rolling Plan* ke-4 dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimanapun, buat masa ini kerajaan tidak bercadang lagi untuk menaik taraf Klinik Desa di Teluk Kumbar. Penduduk di Teluk Kumbar masih boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif di Klinik Kesihatan Bayan Lepas yang berada dalam lingkungan jarak 5 kilometer dari klinik kesihatan.

Ekoran dari projek naik taraf jalan yang dilaksanakan baru-baru ini juga, masa yang diambil untuk pesakit ke Klinik Kesihatan di Bayan Lepas juga telah dapat dipendekkan. Penduduk di Teluk Kumbar juga boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Komuniti Sungai Batu yang terletak pada jarak 3 kilometer. Keutamaan Jabatan Kesihatan pada ketika ini adalah untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Bayan Lepas. Walau bagaimanapun, cadangan naik taraf yang telah diusulkan pada RMK-11 dalam *Rolling Plan* ke-4 masih belum lagi mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi terus memperkasakan sektor kesihatan di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Kesihatan yang diPengerusikan saya memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa *Non-communicable Disease* atau Pencegahan Penyakit, Jawatankuasa Pemantauan Projek-Projek Infrastruktur Kesihatan, Jawatankuasa Pelancongan Perubatan dan dalam masa yang sama mengekalkan Jawatankuasa Petugas Khas Denggi. Ke semua ini dibuat dalam demi memastikan Kerajaan Negeri dapat meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang akan disampaikan kepada rakyat di negeri ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya juga memerlukan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi mendokong usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam program yang dipanggil PENBAR (Penang Bebas Asap Rokok). Penang Bebas Asap Rokok adalah program yang mana kita telah mengistiharkan lebih daripada enam (6) kawasan rekreasi termasuk semua kesan warisan Tapak Warisan Dunia George Town UNESCO Heritage status sebagai Kawasan Bebas Asap Rokok. Adalah menjadi cita-cita saya dan juga Kerajaan Negeri untuk mengumumkan dalam tempoh yang terdekat ini bahawa seluruh Negeri Pulau Pinang adalah Kawasan Bebas Asap Rokok. Tepuk la sikit... (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan Yang Berhormat Seberang Jaya. Sebelum beralih ke PENBAR ataupun Bebas Asap Rokok saya nak ulas tentang hospital diberitahu kita memang ada pelancongan *Medical Tourism*, Pelancongan Perubatan memang cukup banyak hospital swasta di Pulau Pinang yang membawa Pelancong Perubatan dari Indonesia tetapi saya akan fokuskan kepada perkhidmatan kesihatan di hospital awam kita.

Pada dua (2) minggu lepas Menteri Kesihatan telah melawat Hospital Sungai Bakap dan melihat sendiri keadaannya juga Seberang Jaya baru dinaik taraf kawasan Yang Berhormat Seberang Jaya sendiri, tetapi *concern* saya adalah tentang Hospital Besar Pulau Pinang. Diberitahu pada Bajet tahun lepas mantan Perdana Menteri telah meluluskan sebanyak RM500 juta untuk *expenditure of the hospital*...(dengan izin) diberitahu tetapi ada masalah yang dihadapi adalah ketiadaan tempat ruang tidak cukup dan juga ada masalah-masalah teknikal seperti dikatakan JKR teragak-agak kalau dia boleh dapat kelulusan daripada PBT kerana bangunan hospital lama yang ada di sana adalah bangunan warisan. Itu dinyatakan melalui menurut maklumat yang saya dapat. Saya harap Kerajaan Negeri juga akan mencari jalan penyelesaian kalau ada isu-isu teknikal seperti warisan yang boleh kita atasi kita perlu atasi dan blok baru ini perlu dibina segera kerana cukup banyak pesakit-pesakit jantung telah meningkat dan saya diberitahu hampir setiap hari menjalankan 15 prosedur di Hospital Pulau Pinang dan kita adalah yang terbesar di daerah *I mean this* Wilayah Utara ini so saya harap Kerajaan Negeri akan membuat sesuatu tentang itulah kalau boleh dapatkan tanah bagi mereka.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih YB Bagan Dalam. Sebenarnya Yang Berhormat lebih awal daripada penggulungan saya. Saya belum habis lagi. Belum sampai situ lagi. Cuma saya nak Yang Berhormat Bagan Dalam sokong saya dulu untuk laksanakan PENBAR Yang Berhormat sokong...(gangguan), sokong. Terima kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua inisiatif PENBAR ini adalah supaya seluruh Negeri Pulau Pinang diisytiharkan sebagai Kawasan Bebas Asap Rokok bagi mengurangkan toleransi masyarakat terhadap perokok. Kita tidak menghalang perokok. Perokok nak merokok boleh tapi ada kawasan yang telah digazetkan untuk mereka merokok. Seluruh kawasan yang lain adalah kawasan yang diharamkan daripada merokok jadi itu tujuan kita melaksanakan program PENBAR bagi seluruh Negeri Pulau Pinang.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Dalam kerana memberikan *teaser* kepada apa yang akan saya bentangkan selepas ini, iaitu tentang projek-projek pelaksanaan projek-projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 yang melibatkan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan banyak projek-projek pembangunan di Negeri ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, semua maklumat ini saya hanya dapat selepas 9 Mei kerana tidak banyak maklumat yang saya dapat sebelum itu kerana ada arahan untuk tidak berkongsi semua maklumat kepada saya tetapi kita tinggalkan yang lama, kita mulakan yang baru walau pun kita dengan perit terpaksa menghadapi baki-baki dan sisa-sisa daripada kesilapan lama yang menyebabkan masalah kepada pembangunan banyak projek-projek infrastruktur di Negeri Pulau Pinang yang melibatkan hospital.

Seperti yang semua Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, untuk Hospital Pulau Pinang sekarang ini berlaku projek naik taraf Hospital Pulau Pinang fasa dua yang telah dimulakan untuk menaik taraf beberapa kemudahan yang terutamanya iaitu penyaman udara dan juga kemudahan di *Operation Theater*, Dewan Bedah. Projek ini dijangka siap pada awal Februari 2018, walau bagaimana pun tempoh siap projek ini terpaksa dilanjutkan sehingga Disember 2018, maka projek ini telah diberikan *extension of time* sebanyak dua (2) kali sehingga Disember 2018 kerana isu utama yang dihadapi, telah menjejaskan isu utama dihadapi kerana kelewatan projek ini iaitu menjejaskan penyaman udara di Blok B yang berhubung empat (4) bilik tidak mencapai parameter yang diperlukan dan untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, ramai pesakit yang terpaksa menunggu giliran mereka terutamanya bila Dewan Bedah tak dapat digunakan, ini hanya *tip of the iceberg* kepada masalah yang dihadapi daripada pelaksanaan projek-projek Infrastruktur melibatkan kemudahan kesihatan awam di Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Dewan, masalah utama di Negeri Pulau Pinang ini yang melibatkan hospital-hospital kita adalah masalah, masalah kesesakan, *congestion* yang mana banyak hospital-hospital ini tidak dinaik taraf pada waktu yang selayaknya yang menyebabkan banyak *back log* berlaku sehingga banyak kawasan-kawasan ini, hospital-hospital ini menghadapi kesukaran untuk menampung kemasukan pesakit-pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ada berapa projek dalam perancangan sekarang ini, yang telah saya kenal pasti antaranya yang utama adalah menaik taraf blok wanita dan kanak-kanak, pembinaan blok baru wanita dan kanak-kanak ini adalah *Maternity Hospital Child and Maternity Hospital* Pulau Pinang yang sepatutnya dibina pada di tapak *Maternity Hospital* yang lama. Untuk maklumat Yang Berhormat *Maternity Hospital* yang lama ini telah sudah tidak selamat untuk diduduki maka telah dikosongkan pada sekitar tahun 2016 dan sehingga kini projek ini masih lagi di peringkat tender semula dan MOF telah memanggil semula, pihak Kementerian telah memanggil semula tender dan dijangka SST terbaru akan dijangka dikeluarkan pada bulan Mac 2019 untuk pembinaan Hospital *Maternity* ini.

Keduanya, adalah pembinaan yang utama iaitu pembinaan satu bangunan klinik pakar yang bernilai RM500 juta. Saya percaya ini juga masih lagi dalam proses penilaian dan dijangka SST Surat Setuju Terima hanya akan dikeluarkan pada April 2019 juga. Jadi ini adalah sebahagian projek yang *delay* dan tidak dapat dimulakan lagi kerana kekangan-kekangan dan masalah-masalah yang dihadapi sebelum ini. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, semalam saya telah terpaksa meninggalkan Dewan ini separuh hari untuk menghadiri mesyuarat bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan di Kuala Lumpur dengan semua EXCO-EXCO Kesihatan Negeri di Malaysia dan perkara-perkara ini telah dibangkitkan dan beberapa langkah-langkah mitigasi sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah kesesakan ini dan untuk mempercepatkan projek-projek ini dilaksanakan di Negeri kita In Shaa Allah.

Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bertam berhubung kekerapan pemantauan takungan air di sekolah bagi mengatasi masalah penularan wabak denggi. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan pada dasarnya melakukan pemeriksaan takungan air di sekolah-sekolah sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau enam (6) bulan sekali. Walau bagaimanapun pemeriksaan ini akan dilaksanakan dengan lebih kerap sekiranya terdapat keperluan dan bergantung kepada keadaan semasa, sebab itu kita mengalakkan kepada pihak sekolah sendiri melaksanakan program pemantauan ini dan bukan hanya melatih pegawai-pegawai penyelenggara di sekolah tapi juga melatih anak-anak murid mereka dan juga guru supaya dapat mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menjadi kawasan penularan wabak denggi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi Sektor Pembangunan Desa Kerajaan Negeri masih lagi meneruskan Projek Khas Ekonomi dengan matlamat untuk membantu masyarakat khususnya masyarakat di desa. Program-program yang dirangka di bawah inisiatif ini merangkumi Program Bina Baru dan Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin, Program Peningkatan Dan Pemulihan Ekonomi iaitu bantuan peralatan dan Program Pembaikan Gerai. Sehingga Ogos 2018, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM977,000 bagi melaksanakan program bina baru dan sejumlah RM965,000 bagi projek baik pulih rumah rakyat miskin. Manakala bagi Program peningkatan dan pemulihan ekonomi sejumlah RM142,000 telah dibelanjakan.

Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan 18 kursus jangka pendek dalam memperkasakan kemahiran masyarakat khususnya di luar bandar melibatkan peruntukan RM95,455. Bagi pembaikan gerai tahun ini Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sejumlah RM873,000 bagi tujuan ini. Usaha ini tidak terhenti di sini dan Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sejumlah RM788,000 bagi projek-projek Jalan Kampung di Negeri ini. Bagi menambah baik program-program Pembangunan Desa sedia ada Kerajaan Negeri telah melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Desa telah memutuskan untuk menubuhkan dua (2) jawatankuasa baru iaitu Jawatankuasa Dasar Pembangunan Desa Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa Projek-Projek Pembangunan Desa. Penubuhan jawatankuasa ini penting dalam memantau program-program yang bermatlamat memperkasakan penduduk luar bandar. Buat masa ini terdapat 12 kelas *prep* yang telah dilaksanakan oleh JKKK di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pejabat Daerah dan Tanah juga dalam proses untuk bekerjasama dengan Zakat Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia bagi menjalankan kelas *prep* di kawasan-kawasan Kampung termasuk di Surau Dondang Madrasah Darut Taqwa di bawah kelolaan JKKK Sungai Dondang, Paya Terubong. Saya juga memuji kerjasama pintar ini dan berharap semua JKKK dan juga agensi Kerajaan akan dapat bergerak ke arah merealisasikan pembangunan desa yang lebih mampan.

Bagi mencapai matlamat ini Jawatankuasa MMK Pembangunan Desa juga akan merangka satu *retreat* bersama antara semua agensi-agens persekutuan dan agensi-agens Kerajaan Negeri bagi melakukan sesi *ice breaking* supaya dapat kita koordinasi dan dapat kita mengumpul semua *resources* yang ada bagi melaksanakan pembangunan desa yang lebih baik untuk Negeri Pulau Pinang.

Akhir kata saya ingin menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab dan amanah kita bagi membangunkan negeri ini ke arah sebuah Negara Malaysia baharu yang lebih dinamik, mampan, berjiwa rakyat dan berintegriti, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyambut Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan..(gangguan). Nak habis dah.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Takut nak habis nak mencelah sedikit.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Nak bagi Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Bagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Last.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Terima kasih Yang Berhormat YB. Speaker, Yang Berhormat Seberang Jaya saya tertarik dengan yang berkenaan dengan nyamuk Aedes di Sekolah, seperti yang saya cadangkan di sekolah boleh tak kita mulakan dengan setiap minggu dengar perhimpunan minta murid-murid sekolah mengadakan *fogging* di setiap minggu sekali sudah 10 minit sudah dia akan membantu membersihkan kawasan-kawasan sekolah juga akan mengurangkan kes-kes denggi di kawasan sekolah so itu cadangan saya.

So cadangan kedua untuk memohon YB. Seberang Jaya semasa saya di MBPP sebagai Ahli Majlis juga telah lama kita memohon dengan Kementerian Kesihatan Negeri tentang menurunkan kuasa kepada Majlis untuk penutupan premis tapi perbezaan kerajaan pada masa dahulu memang tidak ditunaikan, so saya berharap kali ini saya memohon di sini agar YB. EXCO bawakan isu ini ke Kementerian Kesihatan Negeri or Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menurunkan kuasa kepada MBPP dalam Akta Cukai Makanan 1983. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya ulas sikit? Bukan sahaja untuk menutup premis makanan sahaja *since* YB. Seberang Jaya tadi telah memberitahu PENBAR, Penang Bebas Asap Rokok memang untuk mereka yang merokok di tempat awam di tempat larangan tidak boleh dikeluarkan apa-apa kompaun atau saman daripada mereka daripada PBT tetapi hanya daripada Kementerian Kesihatan dan mereka tidak cukup pegawai untuk mengeluarkan kompaun ini, saya minta Seberang Jaya kalau kita nak PENBAR itu berjaya kita perlu beri tekanan kepada Kementerian Kesihatan untuk memberi kelulusan apa yang kawan saya dari Batu Lancang minta.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sungai Bakap boleh, Sorry minta maaf Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Berkenaan dengan cuma nak tanya kepada EXCO berkenaan dengan Hospital di Sungai Bakap bawa dalam dua (2) minggu lepas, tiga (3) minggu lepas kita dapat lawatan Timbalan Menteri Kesihatan menyatakan bahawa ada cadangan untuk membina sebuah hospital di Batu Kawan tetapi bagi anak-anak tempatan yang lahir di Hospital Sungai Bakap saya berasa kawasan yang lebih sesuai adalah di kawasan Sungai Bakap sekiranya kita nak dapat di kawasan Sungai Bakap saya rasa sebelum ini kita ada cadangan dekat sebelah *jail*, penjara sebelah penjara saya rasa Yang Berhormat kawasan Sungai Bakap pun 100% setuju (dengan izin) sebab di kawasan Batu Kawan memang tidak sesuai sebab lokasi yang berada di Bukit Tambun ada kawasan Bukit Tambun memang tak sesuai bagi kita memang kawasan Sungai Bakap *area* Sungai Bakap adalah tempat yang paling sesuai..(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Seberang Jaya, saya bantah yang ini sebab Batu Kawan bukan Bukit Tambun sahaja, dari Perai sehingga ke Bukit Tambun pergi ke klinik kesihatan Bukit Minyak penuh so kita perlukan...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Actually Hospital Sungai Bakap...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya bukan Menteri Kesihatan, Saya bukan Menteri Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah-sudah...(gangguan). Okey, okey YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Timbalan Menteri Kesihatan ada merujuk kepada YB. EXCO so inilah hasrat-hasrat daripada rakyat-rakyat di Sungai Bakap dan juga di kawasan Jawi, saya rasa Tambun juga setuju dengan kita terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya jawab satu-satu dulu, terima kasih Yang Berhormat. Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Lancang membangkitkan tentang program kesedaran saya setuju cuma kreativiti program harus kita olah semula, *Combi* juga kita giatkan di kalangan komuniti dan kita juga banyak anjurkan sebagai contoh untuk maklumat Yang Berhormat Batu Lancang untuk kita galakkan penyertaan anak muda, kanak-kanak ini di dalam program gotong royong sebagai contohnya kita banyak anjurkan program pertandingan, siapa kutip sampah paling banyak dapat hadiah, ini antara programlah contoh kreativiti yang kita lakukan dan saya alu-alukan pandangan Yang Berhormat Batu Lancang saya akan lihat bagaimana kita boleh kerjasama bersama Jabatan Pendidikan Negeri untuk melihat menambah baik kepada program-program sedia ada yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dan juga Jabatan Pendidikan.

Untuk makluman tentang perundangan kuasa ada berapa isu tentang isu kuasa ini, sebenarnya Kementerian tidak ada halangan untuk menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai di Majlis Perbandaran dan juga Majlis Bandaraya. Cuma antara isu yang dibangkitkan sebelum ini adalah bila kita saman contoh kita saman merokok di tepi bangunan Dewan Undangan Negeri, duit kompaun saman itu masuk kat mana? Siapa yang kompaun, sekarang ini apa saja yang kompaun itu akan masuk ke The National COFER, dia akan masuk kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi sebab itu ada isu pertikaian sebelum ini. Maknanya kata kalau Pegawai MBPP yang saman *amount* kompaun dan saman itu akan masuk kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi perkara ini sedang kita uruskan sebab itu sebahagian daripada usaha untuk kita laksanakan PENBAR di seluruh Negeri Pulau Pinang ini antara perkara yang telah saya bangkitkan untuk dibincangkan dalam Jawatankuasa untuk kita perhalusi supaya ada *win-win situation* kerana kita perlukan juga saya setuju kepada satu tahap kita perlukan penguatkuasaan yang lebih berkesan tapi yang lebih penting *achievable goal* yang kita nak capai ini matlamat yang kita nak capai adalah mengurangkan toleransi masyarakat terhadap perokok dan juga mengubah sikap perokok bahawa mereka sendiri sedar bahawa mereka tidak boleh hanya merokok di mana-mana tetapi mereka perlu merokok di kawasan yang telah digazetkan untuk perokok sahaja. Itu sedikit menjawab persoalan tentang isu kuasa kepada *Local Council*.

Keduanya tentang isu hospital di Sungai Bakap. Untuk makluman Yang Berhormat memang kita telah menyediakan tanah di Batu Kawan untuk pembangunan sebuah hospital baru. Pembangunan hospital baru tanah ini telah disediakan sebahagian daripada Rancangan Pembangunan keseluruhan kawasan Batu Kawan untuk pembangunan sebuah hospital kerajaan dan saya telah menyampaikan hasrat ini. Jangan marah YB-YB, menyampaikan hasrat ini kepada Kementerian Kesihatan dan juga kepada pihak Menteri kerana sekarang ini baru hanya *preprimary* perbincangan kerana kita melihat ada keperluan Batu Kawan sedang membangun dengan pesat keperluan dalam tempoh akan datang untuk mempunyai sebuah Hospital di kawasan Daerah Seberang Perai Selatan dan untuk itu saya cukup sampai di situ sahaja.

Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 ini, 2018 ini, 2018 ini dengan tema "Sayangi Malaysiaku". Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan lafaz ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih. Yang Berhormat Seberang Jaya. Dipersilakan Yang Berhormat Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, izinkan saya mengambil peluang menzahirkan rasa syukur dan mengucapkan sekalung tahniah kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya rakyat Pulau Pinang yang telah bersama-sama melakukan anjakan paradigma yang inginkan perubahan drastik dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia. Ini terbukti dengan penerimaan Pakatan Harapan sebagai wadah perjuangan yang akan kembali kegemilangan Malaysia Baharu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakyat Pulau Pinang khususnya pengundi KADUN Sungai Puyu yang telah memberikan mandat sekali lagi kepada saya dan rakan Pakatan Harapan saya dan rakan-rakan dalam Pakatan Harapan untuk bersama mentadbir Kerajaan Negeri. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pimpinan parti khususnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas kepercayaan dan lantikan saya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab di bawah portfolio Kebajikan,

Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar. Kepercayaan rakyat ini akan saya balas dengan taat setia dengan mempelbagaikan lagi program-program kebajikan dan akan berusaha untuk menambah baik mekanisma sumbangan program kebajikan sedia ada.

YB. Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan tema belanjawan marhaen yang merupakan asas kepada nilai-nilai teras Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sememangnya menjaga kebajikan rakyat marhaen iaitu orang kebanyakan dan keluarga-keluarga bekerja dan akan memastikan hidup rakyat menjadi kalis masa depan *future proof* agar tiada sesiapa yang ketinggalan dalam Ekonomi Digital Revolusi Industri Ke-4. Dalam usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf Antarabangsa dan pintar, Kerajaan Negeri perlu menjayakan transformasi ke arah negeri keusahawanan dan kebajikan di mana semua rakyat diberikan peluang yang sama untuk mengecapi kemajuan ekonomi serta hasil kemakmuran juga dapat dinikmati oleh semua tanpa kira agama dan kaum, bangsa dan kefahaman politik.

Sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri melalui Agenda Ekonomi Saksama (AES) atau dahulunya dikenali sebagai Program Pembasmian Kemiskinan masih konsisten dan memberikan sepenuh komitmen dalam membantu rakyat miskin setiap tahun seperti kawasan tanpa prejudis terhadap kawasan pembangkang. Ini dapat dibuktikan melalui data kumpul terkumpul bantuan ini bahawa kebanyakan penerima bantuan AES adalah daripada kawasan-kawasan Pembangkang di Seberang Perai Utara. Setakat Julai 2018, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM29,925,010.00 dan secara keseluruhannya seramai 1,116 individu dan keluarga yang sedang menerima bantuan ini. Seramai 379 penerima bantuan Seberang Perai Utara (SPU), 163 penerima bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), 266 penerima bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), 163 penerima bagi Daerah Barat Daya dan 145 penerima bagi Daerah Timur Laut.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga begitu komited menjalankan pelbagai program kebajikan yang lain bagi memastikan rakyat menikmati kemakmuran dan kesejahteraan serta menikmati hasil penjimatan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri, usaha Kerajaan Negeri dalam terus memberi perhatian terhadap kebajikan rakyat melalui pelbagai pemberian bantuan kebajikan, bayaran wang ehsan dan penghargaan kepada warga emas, pelajar emas sekolah rendah dan menengah, bantuan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal, suri rumah dan penghargaan anak emas wajar diberi pengiktirafan. Saya lagi nak merayu kepada semua ADUN-ADUN di sini bahawa program ini apabila ada majlis-majlis merayu bahawa penerima-penerima mendaftar diri untuk bayar melalui EFT kerana ada begitu banyak dan Kerajaan Negeri telah membuat satu tetapan yang mana boleh EFT kami akan buat EFT.

Program-program kebajikan yang dijalankan di Pulau Pinang telah mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Bermula dengan program Penghargaan Warga Emas dan sumbangan kepada waris Warga Emas meninggal dunia pada 2009, prihatin Kerajaan Negeri diteruskan lagi dengan Program Bantuan Ibu Tunggal pada tahun (2011), Program Bantuan OKU (2011), Program Anak Emas (2011), Program Skim Pelajar Emas (2012) dan Program Ibu Emas tahun 2014 yang telah berjaya dilaksanakan. Setiap program bantuan tersebut juga mempunyai modul khusus yang dibangunkan dalam sistem I-Sejahtera dan program-program kebajikan ini yang meliputi semua lapisan masyarakat menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam pemberian bantuan kepada rakyatnya.

Keseluruhan perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi program I-Sejahtera setakat Ogos 2018 adalah sebanyak RM249,454,140.00. Ke semua perbelanjaan besar ini bagi program-program kebajikan ini dapat dilaksanakan adalah hasil daripada kepimpinan Kerajaan Negeri yang bersih dan menerapkan amalan CAT dalam pentadbiran dengan telus dan komited.

Ahli Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota telah bertanya mengenai Pasukan Peronda Sukarelawan. Ini adalah masyarakat penyayang. Menjawab cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pengkalan Kota berkenaan cadangan penubuhan semula Pasukan Peronda Sukarela (PPS), Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kebajikan dan Masyarakat Penyayang sememangnya berhasrat untuk mengaktifkan semula pasukan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, setelah segala aktiviti PPS dibekukan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu pasukan peronda baru menggantikan PPS iaitu Badan Perondaan Sukarelawan (BPS) pada tahun 2016 bagi menggantikan PPS yang dikatakan tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dan masih di Mahkamah. Tujuan utama penubuhan BPS ini adalah untuk menguruskan hal ehwal keselamatan di kelompok komuniti masing-masing bagi mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan bersatu padu. BPS yang diletak di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) telah menerima nasib yang sama dengan PPS iaitu mana pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memberi arahan kepada Kerajaan Negeri untuk hentikan segala aktiviti dan sebarang program melibatkan BPS ini.

Walau bagaimana pun dalam kejayaan besar Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum Ke-14 di mana telah berjaya mencipta sejarah menubuhkan kerajaan yang berkuasa selama 60 tahun dan seterusnya membentuk Kerajaan Baharu. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk mengadakan kunjungan kehormat ke Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi memohon pertimbangan serta

kelulusan untuk mengiktirafkan semula PPS ini. Selain itu, Kerajaan Negeri akan turut meneliti dan mengkajikan peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) serta kesediaan kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum meneruskan pelaksanaan PPS ini. Ini juga saya ada perbincangan dengan pengarah untuk macam mana akan bersatu dengan semua agensi yang lain di PPS bahawanya Mahkamah Rayuan kami telah menang kes ini. Kerajaan Persekutuan pada masa itu mereka telah buat rayuan di Mahkamah *Federal* sehingga kini tidak ada keputusan walau pun kes-kes ini telah didengar.

ADUN Berapit telah membangkitkan isu mengenai *Aging Group* yang sedang di hadapi Negeri Pulau Pinang. Saya turut bersetuju dengan Yang Berhormat ADUN Kebun Bunga mengenai meningkatkan *Aging Group* di Negeri ini. Peningkatan ini juga melibatkan mereka yang berada di luar negara yang memilih untuk berpindah ke negeri ini selepas bersara. Perkara ini menunjuk ramai yang memilih Pulau Pinang sebagai destinasi utama sebagai bagi tempat tinggal semasa lanjut usia disebabkan Negeri Pulau Pinang mempunyai kemudahan yang baik hal ehwal kebajikan dipelihara melalui beberapa program-program kebajikan yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri. Yang penting warga Negeri Pulau Pinang yang menunjukkan kasih sayang kepada semua orang.

Pada ketika ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mendirikan Kompleks Sinar Kasih di Daerah Seberang Perai Selatan dan dijangka akan siap pada September 2019. Kompleks Sinar Kasih ini akan berfungsi sebagai pusat jagaan warga emas yang diselia sepenuhnya oleh JKJ dan setiap permohonan ke Kompleks ini akan diteliti terlebih dahulu sebelum kebenaran mereka menginap.

Selain itu, terdapat dua (2) Pusat Aktiviti Warga Emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang iaitu di Balik Pulau dan Pongsu Seribu, Kepala Batas. PAWE adalah merupakan tempat berkumpul dan menjalankan aktiviti bagi warga emas tetapi bukan pusat jagaan kediaman dan beroperasi mengikut waktu pejabat selama lima (5) hari seminggu. Setiap PAWE mempunyai jawatankuasa yang mengerakkan operasi yang penyelia yang dilantik bagi menguruskan PAWE tersebut.

Kerajaan Negeri turut melaksanakan *Program Empowering The Street Citizens* di mana salah satu strategi program ini akan membantu gelandangan termasuk golongan warga emas yang disisihkan akan ditempatkan di sebuah pusat transit yang akan dibekal dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan. Program ini juga akan menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Tzu Chi Buddhist Society yang akan membantu menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan kepada gelandangan termasuk warga emas yang berada di pusat berkenaan. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti lokasi sesuai menjadi pusat transit gelandangan iaitu di Lot. 19, Jalan C.Y. Choy, iaitu bangunan kedai milik MBPP.

Di antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah program “Jom Hidup Sihat” yang disasarkan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang di untuk mengamalkan gaya hidup sihat khususnya di kalangan Warga Emas. Kerajaan Negeri menggalakkan setiap-setiap KADUN untuk mewujudkan pusat komuniti supaya aktiviti komuniti seperti Tai Chi, Qi Gong, *Line Dance*, Aerobik dan dapat dijalankan dengan peralatan *out door gym* juga dapat disediakan. Program ini juga menjadi kawasan perumahan sebagai pusat aktiviti dan riadah seharian kepada warga emas untuk bersama-sama memupuk kepentingan penjagaan kesihatan dan membina ikatan silaturrahim yang baik serta dapat menanam sikap kejinan dan prihatian di kalangan komuniti di sini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Sikit sahaja, selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut menyediakan kemudahan peralatan senaman iaitu *outdoor gym* yang giat dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan taman-taman rekreasi dan kawasan tanah lapang yang digunakan oleh masyarakat setempat termasuk warga emas.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu diatas, saya sememangnya mengucapkan ribuan terima kasihlah atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Sungai Puyu tadi khususnya berhubung dengan pusat aktiviti warga emas dan kita difahamkan bahawa kini kita ada dua yang dijalankan operasi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu di Balik Pulau dan Pongsu Seribu, cuma boleh saya dapat tahu tidak, Apakah kadar penggunaan bagi kedua-dua pusat aktiviti tersebut buat masa ini agar berapa banyakkah warga emas yang datang ke pusat aktiviti tersebut untuk menjalankan aktiviti? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Pusat ini adalah untuk harian sahaja, harian sahaja iaitu apakah selepas melihat di Pongsu Seribu dan juga di Balik Pulau menggalakkan dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri pun ada berhubung dengan persatuan-persatuan dimana menggalakkan mereka menggunakan bangunan-bangunan mereka yang kepada kini terbiar kosong untuk jadi satu pusat harian. Oleh demikian, lepas itu anak-anak yang hendak pergi kerja boleh bawa mereka letak disana. Kami telah memohon NGO-NGO tertentu dan juga bagi peruntukkan-peruntukkan melalui di peruntukkan daripada *empowerment citizen* supaya mereka ada sedikit sebanyak dan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di sana.

Ini boleh banyak membantu keluarga-keluarga yang ada ibu bapa yang mereka boleh bawa ke sana dimana kami uruskan makanan dan lain-lain. Juga daripada Tzu Chi rela pergi, perkhidmatan oleh untuk jaga kesihatan di sana. Ini telah dirancangan akan diuruskan dan saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat kerana satu projek perintis akan diwujudkan di KADUN Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Minta laluan ya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu, saya tertarik dengan pusat aktiviti harian oleh warga emas, memang seperti seruan oleh Ketua Menteri kita bahawa daripada, kepada semua organisasi yang ada terutamanya di George Town supaya mereka bukakan ruangan kepada warga emas sama ada untuk mereka membaca suratkhbar atau ada pergualan bersama dan saya rasa saya nampak di KOMTAR, di kawasan KOMTAR, tahu tidak Sungai Puyu bahawa ramai warga emas dari Padang Tembak. Padang Tembak, flat-flat Padang Tembak ramai warga emas, mereka selalu ambil bas, *free bus* ke KOMTAR sebab KOMTAR ada *air-cond*, ada *air-cond*, mereka tidak tahu nak pergi mana. So datang ke KOMTAR duduk di sana merayau-rayau tidak tahu nak buat apa terutama di tingkat empat. So di sini saya rasa, adakah kemungkinan bahawa Kerajaan Negeri *may be* ada ambil satu dua unit kedai yang sedia ada, unit di KOMTAR di mana bawah di PDC dan jadikan dia satu pusat aktiviti harian untuk warga emas yang ini, *may be* kemungkinan boleh juga biarkan mereka lakukan sesuatu yang boleh memanfaatkan polisi Kerajaan Negeri kita juga, ya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih atas cadangan, cadangan ini akan digunakan di Jalan C.Y.Choy dimana kami ada satu tanah di sana akan diubah suai jadi pocket park. *Pocket Park* dan di sana juga ada satu rumah kedai No.19, di mana kami akan buat pembaiki *renovation* dan itu akan jadi satu pusat untuk warga emas pergi sana, ini juga ada satu tempat di mana NGO-NGO yang begitu rela memberi bantuan makanan dan mereka tidak di susun atur pagi-pagi makan pagi pun ada, makan tengahari pun ada, makan *hi-tea*, makan malam pun ada. Oleh demikian, menarik bantu banyak gelandangan-gelandangan untuk duduk di KOMTAR, yang tapak itu akan juga akan jadi satu *night shelter*, *night shelter* di sana. Rumah kedai itu juga telah sedang dikaji sebagai jadi juga dibawah Mutiara *Food Fair*. Di mana sesiapa yang hendak bagi makanan-makanan yang tarikh belum luput disana supaya orang miskin di sana boleh pergi sana ambil best disana. Ini adalah rancangan dan saya apabila telah dilulus oleh BPEN. Pengubahsuai memang Yang Berhormat-Yang Berhormat tertentu akan dilantik untuk jadi jawatankuasa untuk mentadbir pusat itu.

Selepas di sini kami berharap bahawa Tuhan izinkan kami rombak *whole of Penang*. Ini sedang dicadangkan dan untuk macam pusat-pusat yang kecil, saya menjemputlah datang pada KADUN saya, memang tempat-tempat yang ada, kami ada warung-warung tertentu di mana kami telah beri mereka kemudahan, mereka tidak buat apa-apa kemudahan seperti ada satu televisyen, ada satu tempat untuk bakar masak air supaya boleh minum teh dan kopi dan lain mereka akan duduk di sana duduk sembang, baca *newspaper* dan juga tengok TV di sana sahaja. Di sana kami tidak menggalakkan bergaul main mahjunglah tetapi mereka ada di sana satu hari lah dan ini bolehlah di *roll out* dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, cadangan daripada ADUN Berapit yang memohon Kerajaan Negeri wujudkan Pusat Jagaan Warga Emas akan dikaji dan bagi pertimbangan setelah mengambilkira pelbagai aspek terutamanya implikasi kewangan Kerajaan Negeri. Ini kami akan buat kajian supaya akan terlibat NGO-NGO supaya masyarakat juga ambil kira *stakeholder shift*. *All the stakeholder* dan di sana rakyat melalui satu peruntukkan di mana *empowerment state citizen* kami boleh bagi peruntukan.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu Uban ada tanya satu soalan berkenaan dengan kewujudan satu *dialysis* mesin satu pusat *dialysis*, memang di pada kini di Pulau Pinang jumlah ada data mendapat daripada kesihatan. Jumlah ada 1,964 pesakit yang sedang ke menerima rawatan, daripada sana kita melihat lokasi dan lain-lain untuk di *dialysis* di kerajaan, Hospital Kerajaan di Timur Laut, Hospital Pulau Pinang ada 48 mesin ada 48 pesakit yang sedang dapat rawatan di sana, di sana ada 34 mesin. Di Barat Daya, Hospital Balik Pulau ada 24 pesakit dan mereka ada 8 mesin. Di SPU, Hospital Kepala Batas ada 23 pesakit dan ada 10 mesin, untuk SPT, Hospital Seberang Jaya, 35 pesakit 17 mesin. Di SPS Hospital Sungai Bakap, ada 26 pesakit, ada 9 mesin iaitu kadar daripada 190 pesakit, kerajaan ada 94 mesin. *Its almost* dua (2) orang satu (1) mesin dan daripada swasta di Timur Laut ada jumlah 659 pesakit dan ada 162 mesin. Di Barat Daya, 215 pesakit 58 mesin, di SPU 453 pesakit ada 131 mesin, di SPT 283 pesakit

208 mesin, untuk SPS 164 pesakit 97 mesin iaitu kata di swasta 1,774 pesakit jumlah adalah 638 mesin. Bayaran untuk kerajaan memang adalah RM13.00 *per session*, RM6.50 untuk warga emas dan untuk OKU percuma. Untuk di swasta adalah di antara RM120.00 sehingga RM250.00.

Kerajaan Negeri memang ada satu Pusat Dialysis CAT di Balik Pulau, disana kami ada 14 mesin pada kini kami ada 60 pesakit, kami telah jalankan tiga (3) shift dan bayaran adalah hanya RM10.00, pesakit yang lain ditanggung oleh kerajaan dan juga PCC. Kerajaan Negeri telah mencadangkan macam mana akan berusaha bersama-sama dengan semua 44 di Pusat Dialysis di seluruh Pulau Pinang untuk bekerjasama berusaha sama-sama dengan Kerajaan Negeri untuk bagi bantuan kepada pesakit-pesakit yang memang dalam golongan miskin atau termiskin kerana dapat rawatan.

Untuk mendapat kelulusan, kami hendak daripada JKPP dan atau PTK atau ADUN kawasan yang buat *recommendation*, selepas akan di siasat oleh Kebajikan dan juga Penghulu dibawa kepada majlis di mesyuarat di Pejabat Daerah dibawah Jawatankuasa Kemiskinan Daerah dan selepas kelulusan akan dihantar kepada pejabat saya sebagai dilulus PCC (*Penang Committee Case*) untuk dapat kelulusan. Memang PCC (*Penang Committee Case*) adalah satu pertubuhan oleh Kerajaan Negeri di mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah pengerusi dan saya diturun kuasa untuk saya kepada saya untuk mengusahakan. So..(*gangguan*).

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Mohon mencelah. Yang Berhormat Sungai Puyu, yang Berhormat Timbalan Speaker, tentang *figure*, angka yang diberi sebentar tadi iaitu pusat hemodialisis swasta, adakah angka ini melibatkan pusat hemodialisis kebajikan yang *non-profit* seperti Pusat Hemodialisis Seberang Perai Selatan. Kedua, adakah Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif untuk memberi seperti peruntukan secara berkala kepada pertubuhan hemodialisis tanpa *profit* seperti Pertubuhan Hemodialisis Seberang Perai Selatan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang Kerajaan Negeri telah bagi satu minta saya berhubung dengan yang lain 44 termasuk *dialysis center* untuk berbincang macam mana boleh berkoordinasi dan berusaha bersama-sama. Dan di sini *non-profit* iaitu *non-profit* kami juga semak dengan kerajaan dan kesihatan di mana pada kini telah Kementerian telah bagi RM100.00 dan kami minta bahawa pesakit ini hanya bayar RM10.00, Kerajaan Negeri bayar RM30.00, yang baki dia punya *everyday supplement* akan dibayar oleh PCC, *Penang Community Case*. Ini adalah satu pertubuhan oleh Kerajaan Negeri. Saya rela berusaha, kami boleh berbincang dan macam mana berusaha bersama-sama. So berharap bahawa tahun depan pada tahun 2019, kami terus boleh mula usahakan ini semua. Memang kerana ada MoU sign di mana macam mana buat tarafan dan pesakit yang dapat rawatan di sana akan disemak dia punya status akan disemak oleh Pejabat Daerah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Untuk alam sekitar. Sesungguhnya kita semua sedar, isu-isu alam sekitar semakin hari ini semakin mencabar dan usaha-usaha untuk menanganinya memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak. Masalah alam sekitar seperti pencemaran udara, pencemaran air, pembuangan sisa-sisa pepejal toksik, penebangan hutan secara haram, pengurangan sumber semula jadi dan sebagainya, telah mengakibatkan berlakunya ketidakseimbangan kepada alam sekitar. Isu-isu ini perlu dan saya tegaskan di sini perlu ditangani secara kolektif dan *holistic* di peringkat Negeri dan Persekutuan. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan memberikan penekanan kepada kecekapan penggunaan tenaga, tenaga boleh diperbaharui dan pengurusan sisa pepejal yang lestari. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah mula membangunkan Agenda Hijau Pulau Pinang (*Penang Green Agenda*) 2018 – 2030 yang bertujuan untuk menyusun strategi ke arah pembangunan lestari berteraskan kepada *United Nations Sustainable Development Goals* (UNSDGs) demi menghadapi cabaran alam sekitar secara *global* di masa hadapan. Agenda Hijau Pulau Pinang akan berfungsi sebagai asas atau *blue print* dalam memacu Pulau Pinang ke arah menjadi negeri hijau yang mampan. Negeri Pulau Pinang sememangnya telah mempelopori pelbagai inisiatif hijau di peringkat negeri ke arah membawa kelestarian dalam hidup harian masyarakat. Namun begitu, usaha-usaha ini tidak dipandang serius oleh Kerajaan Persekutuan terdahulu dan Kerajaan Negeri sentiasa dilihat bersendirian dalam hal ini.

Walau bagaimana pun, peralihan kuasa dan tampuk kepimpinan baharu di Putrajaya pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU 14) nescaya akan membawa nafas baharu dalam usaha kolektif ke arah kelestarian di peringkat Negeri bersama dengan pihak Persekutuan. Sehubungan ini, saya percaya di masa hadapan Negeri Pulau Pinang akan maju terus ke hadapan dalam isu-isu alam sekitar dengan tidak lagi menoleh ke belakang dengan kerjasama Kementerian-kementerian berkaitan di peringkat Persekutuan. Memang daripada dulu bila Kerajaan Persekutuan adalah daripada Barisan Nasional ada banyak hal yang kami telah mencadangkan dan mereka tidak akan sokong dan tidak dapat kelulusan. Bila saya pergi mesyuarat-mesyuarat di Putrajaya, semua cadangan tidak diberi pertimbangan seperti bila kami *migration* daripada lampu, lampu *fluorescent lamp* ke LED dan kami minta bahawa nya untuk *battery waste*, kehendak dalam senarai iaitu kata *schedule* mereka pun tidak dibagi pertimbangan dan lain-lain lagi. Di

sini oleh yang demikian saya merayu bahawa ini adalah peluang supaya Pulau Pinang melalui semua ADUN-ADUN dapat berusaha bersama-sama *so we have this sustainable development goals*, 17 ini kan sokong sama sepenuh-penuh dan menunjukkan bahawa Pulau Pinang seperti dalam pilihan raya *manifesto Penang will be the first free state whole of Malaysia*.

Isu yang dibangkitkan oleh ADUN Pantai Jerjak yang mana Yang Berhormat ADUN Pantai Jerjak telah membangkitkan isu pencemaran di Sungai Nibong Kechil yang terletak dalam KADUN Pantai Jerjak. Pada masa ini, sungai tersebut menampung *discharge* dari kawasan industri Bayan Baru dan Bayan Lepas serta beberapa kawasan perumahan di sekitarnya. Kerajaan Negeri dalam usaha ke arah pemulihan sungai tersebut akan menggunakan pendekatan kesedaran melihatkan *stakeholders* yang terdiri daripada persatuan penduduk, pengilang, peniaga di samping penguatkuasaan secara bersepadu melibatkan jabatan-jabatan seperti JAS, JPS dan MBPP. Di sini saya ada yakinlah boleh berjaya dan saya juga ucapkan tahniah kepada MPSP di mana pada satu masa terjadi satu masa apabila nak mai Pulau Pinang jalan di Jambatan Pulau Pinang sampai tol amat berubah dan MPSP telah berjaya melalui program macam ini di mana kami jadi *stakeholder* bincang klinik SOS dan semua jadi *stakeholder* dan kami telah berjaya. Untuk kes ini saya ada keyakinan.

Sehubungan itu, Jabatan Alam Sekitar juga akan memastikan setiap industri yang beroperasi dan tertakluk perlu mematuhi kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) tahun 2009. Mana-mana pihak industri yang didapati melanggar peraturan-peraturan tersebut boleh diambil tindakan penguatkuasaan yang tegas seperti tawaran kompaun dan tindakan mahkamah. Di samping pemeriksaan rutin, Jabatan Alam Sekitar juga telah memperkenalkan *Guided Self Regulations* (GSR) di mana pihak industri perlu memastikan operasi premis sentiasa patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dengan mengarus perdanakan pengurusan dalam sekitar (*environmental mainstreaming*). Salah satu elemen dalam *environmental mainstreaming* ialah pihak kilang perlu melantik orang yang berwibawa (*competent person*) yang telah menghadiri kursus yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar seperti Operasi Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian untuk memastikan setiap sistem rawatan efluen sentiasa berfungsi dengan baik bagi memastikan pematuhan terhadap *standard* pelepasan oleh pihak industri adalah sentiasa dipantau dan mematuhi kehendak perundangan. Ini telah dibuat.

Ahli Yang Berhormat daripada Machang Bubuk telah membangkitkan mengenai keperluan Kerajaan Negeri untuk memantau kilang-kilang yang mengimport dan memproses plastik kitar semua di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius terhadap isu sisa plastik import yang dibawa masuk ke Negeri Pulau Pinang. Pada masa ini, sebanyak 27 syarikat atau kilang yang diberi lesen untuk mengimport sisa plastik di Pulau Pinang dengan kapasiti keseluruhan dibenarkan berjumlah 109,655 metrik tan sebulan. Sebagai makluman Yang Berhormat, punca kuasa bagi meluluskan import sisa plastik berada di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sehubungan itu, larangan import sisa plastik oleh Kerajaan Negeri adalah selaras dengan larangan import sisa plastik kod tarif HS3915 yang dikuatkuasakan oleh KPKT pada 23 Julai 2018 untuk tempoh tiga (3) bulan. Larangan tersebut terpakai di seluruh Negeri Semenanjung Malaysia dan Sarawak selaras dengan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017. Di samping itu, KPKT melalui JPSPN akan menubuhkan satu pasukan petugas (*taskforce*) *Approved Permit* sisa plastik yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPSPN untuk mengkaji semua prosedur dan polisi semasa bagi mengimport sisa plastik kod tarif HS3915.

Keanggotaan *task force* tersebut terdiri daripada agensi-agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KASTAM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Justeru itu, pendirian Kerajaan Negeri adalah selaras dengan ketetapan KPKT buat masa ini. Selain itu, sebagai inisiatif susulan, Kerajaan Negeri melalui JAS dan Pihak Berkuasa Tempatan akan memantau pematuhan operasi kilang-kilang yang mengimport sisa plastik supaya selaras dengan undang-undang berkuatkuasa. Di sini memang saya ada satu mesyuarat di mana setiap kilang itu akan diperiksa. Adakah mereka ada sistem rawatan air kerana mereka cuci air dan melepas. Di sini pada masa sebelum Pakatan Harapan ambil, kami telah suarakan kebimbangan mereka bagi kepada mereka AP-AP untuk *import* plastik-plastik untuk kitar semula. Mengapa mereka tidak ambil kira bahawa ini tempat sesuai, tak sesuai. Adakah kilang ini ada sistem rawatan air atau tidak ada. Itulah Barisan Nasional pada masa itu. Pada kini tak serupa. So kami akan siasat dan selain daripada 27 ini memang lagi ada banyak yang tanpa izin. Tanpa izin ada kami akan ambil tindakan dan tindakan adalah dengan sepenuh-penuh sampai tahap untuk tutup kilang-kilang mereka. Alam sekitar hendaklah *diprotected*.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan, Yang Berhormat Sungai Puyu. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan tentang kilang kitar semula sisa plastik khususnya yang *diimport*. Tadi mengikut jawapan yang telah dijawabkan, adalah terdapat 27 syarikat yang memproses sisa plastik *import* ini di seluruh Negeri Pulau Pinang. Dan satu bulan mereka telah dibenarkan untuk mengitar semula lebih 100,000 metrik tan. So ini adalah satu kuantiti yang amat besar dan sejurus dengan larangan daripada KPKT tentang plastik *import* ini, adakah kilang-kilang itu masih boleh menjalankan proses sisa plastik *import* ini. Satu adalah sumber itu sudah tidak boleh *diimport* masuk lagi. Maka kilang-kilang yang diberi kelulusan ini dari mana mereka boleh dapat sisa plastik lagi. Saya rasa itu adalah satu perkara yang amat mustahak kerana kita tak mau Pulau Pinang dijadikan tong sampah kerana sisa plastik *import* ini sebenarnya ia *diimport* daripada negara-negara Eropah yang dulunya sebelum ini mereka hantar pergi ke Negara China. Dan sekarang Negara China sudah tidak mahu sisa plastik ini, mereka tidak mahu menerima kemudian negara-negara Eropah ini yang telah hantar ke *South East Asia*.

Merujuk apa yang kita terima, jawapan daripada YB. Sungai Puyu, setiap bulan 100,000 lebih tan. Itu bukan kecil dan itu sangat besar dan kebanyakan kilang-kilang itu adalah di Seberang Perai Tengah dan saya nampak ini banyak di kawasan Bukit Minyak, Permatang Tinggi dan banyak kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kawasan perumahan. So ini yang kita ramai penduduk-penduduk amat khuatir tentang penumbuhan macam cendawan selepas hujan yang kita amat risau tentang kilang-kilang seperti ini dan boleh kita Kerajaan Negeri buat satu ketetapan bertetapan dengan KPKT di mana kita perlu haramkan *stop* semua kilang-kilang yang memproses sisa plastik *import* ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang seperti yang saya kata tadi, AP ini telah dikeluarkan kepada mereka pada zaman Barisan Nasional. Saya telah mengatakan bahawa semua kilang walaupun *you* ada AP, harus tinjauan untuk semak kilang itu adakah mereka ada semua peralatan-peralatan untuk pembersihan iaitu kata rawatan air sebelum melepaskan. Kerana apabila mereka mencuci plastik ini, air dilepaskan di longkang masuk ke parit dan sungai, dan selepas itu laut akan menghapuskan *biodiversity*. Kerisauan telah juga dimaklumkan kepada Kerajaan Pusat pada masa itu. Dan pada kini, mengapa mereka masih ada iaitu kata dalam perbincangan apa yang ada di tapak yang lepas port eksport, dah *on the way*, tidak boleh tahan. Kalau tahan mereka nak letak di mana. Buang dalam laut atau di sana. Apabila pada hari itu kami membuat satu *objection* di sana, di NBCT sahaja tidak kurang dari 500 kontena tersangkut di sana. Selepas itu, perbincangan siapa yang ada *bill of landing* mereka bagi dia masuk. Yang belum tak boleh. Semakan daripada *bill of landing*. Ini telah dibuat, *so this is to the tyrant, if the tyrant* lepas Dewan bersidang satu mesyuarat akan dipanggil kerana kebanyakkan ada di Seberang Perai dan kebanyakkan memang di KADUN Bukit Tengah. Semakan akan dibuat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Minta pencerahan YB. Sungai Puyu. Di sini ada jawapan bertulis daripada Alam Sekitar, ada sebut pencemaran bau busuk yang tidak mempunyai had seperti bau busuk organik tidak dapat diambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Mengenai kepincangan ini, apakah tindakan yang boleh diambil selain daripada akta ini?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang untuk kawal bau memang ada satu dia punya tarafan, *dioxide level* dan lain-lain. Di sini kami telah membangkit keputusan Kerajaan Negeri bahawa apabila mereka selepas cuci mereka akan masak plastik dan plastik campur dengan *virgin* plastik supaya mereka boleh dapat semula plastik palet. Semasa mereka bakar, bukan hanya bau yang Kerajaan Negeri bimbang. Kerajaan Negeri bimbang dan rusing. Ia begitu bahaya. Walaupun kami di KOMTAR, kami juga bersama anda di tapak kerana bau dan juga *dioxide* yang kami rasa amat bimbang. *We are with you, we will take action*. Selepas Dewan bersidang, saya akan buat lawatan kepada di Bukit Tambun untuk pemeriksaan beberapa kilang di mana saya dapat laporan daripada pegawai-pegawai bahawa pengusaha kilang itu banyak sombong. Pegawai kerajaan nak masuk periksa pun tak bagi masuk. *I will personally go down there. Thank you*, (Dewan bertepuk meja).

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Minta laluan. Saya minta juga YB. Sungai Puyu datang ke Jawi untuk kita buat lawatan ataupun minta Alam Sekitar buat operasi kilang-kilang yang tanpa lesen atau kilang-kilang haram.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang kami telah ambil tindakan terhadap satu kilang plastik di Jawi di mana mereka langgar syarat dan juga pembinaan kilang itu tidak sah. Saya tak mau kata haram, tidak izin dan tidak sah. Separuh telah dirobah dan mereka buat rayuan, jika masa sudah cukup, kami juga akan ambil tindakan di sana.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Untuk makluman YB, sekarang kita dapati ada satu kilang lagi untuk buat plastik yang seperti dikatakan plastik *import* di kawasan Jawi juga.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang dalam siasatan yang dijalankan kami dapat bahawa kilang mereka bila mereka nak mohon AP mereka buat satu model yang begitu cemerlang. Semua peralatan ada tetapi apa yang saya tak faham, kalau ambil kira kapasiti dia punya mesin, dia punya kapasiti begitu sikit mengapa boleh import begitu banyak. Dia *import* sikit untuk dapat dia punya AP, dia usaha dia punya kilang dan yang lain dia bagi kilang-kilang yang tanpa izin di tempat-tempat yang tersembunyi untuk jalan selepas mereka ambil balik. Ini adalah untuk kurangkan dia punya kos. Ini juga dalam siasatan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Sungai Puyu. Saya rasa ada pentingnya juga sekiranya Jabatan Alam Sekitar atau MPSP boleh membuat siasatan ke atas kilang-kilang yang beroperasi untuk proses sisa plastik import ini tanpa berlesen atau yang haram. Kita nak tau berapa banyak lagi sebab sekarang jawapan ini hanya 27. Dan seperti apa yang dikatakan oleh Sungai Puyu, saya rasa ada banyak lagi macam di kawasan saya juga ada membuat laporan sekurang-kurangnya sudah ada dua. Saya tadi pun ada rakan-rakan ADUN yang lain juga di kawasan mereka juga mempunyai masalah yang sama. So sementara kita menyiasat kilang-kilang yang berlesen itu untuk memastikan mereka tidak membuat apa-apa penyelewengan dan salah SOP, kita juga kena pastikan yang kilang-kilang haram itu, yang mungkin sedang beroperasi sekarang yang kita tak ada rekod. So saya cadang JAS, MPSP kena lebih proaktif lagi. Turun dengan lebih cepat untuk memastikan bahawa kilang-kilang haram ini perlu ditangani dengan lebih cepat. Itu cadangan saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Cadangan ini akan terima kerana pada kini semua usaha-usaha adalah operasi bersepadu. Operasi bersepadu *we are no longer silent mentality*. Operasi bersepadu iaitu kata jabatan-jabatan yang berkaitan termasuk Imigresen juga. Bila kami turun padang kami juga bawa Imigresen supaya penguatkuasaan akan dijalankan. Saya memang terima kenyataan daripada Yang Berhormat Machang Bubuk. Betul, ini 27 kata yang sah tetapi dari pada 27 itu memang lagi ada banyak di Juru saja, ada satu tempat saya kenal pasti ada lebih kurang, ada 20 kilang yang tidak ada keizinan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Memang ada begitu banyak. Kami telah jalankan siasatan dan selepas siasatan akan ada mesyuarat dan selepas mesyuarat operasi bersepadu akan dijalankan. *We are very determined and we are very firm* kerana apabila mereka memasak plastik itu tanpa kawalan dia akan *release dioxide* dalam udara, *dioxide* itu akan menjahanam kesihatan warga-warga ataupun penduduk-penduduk sekitar di sana. *We are in the same page*.

Yang Berhormat ADUN Komtar telah membangkitkan dua (2) perkara mengenai pelaksanaan dasar '*No Single-Use Plastic*' iaitu memohon supaya polisi '*No Straw*' dapat dilaksanakan secara berfasa (satu tahun) bagi memberi peluang kepada peniaga dan pengilang mencari alternatif dan keduanya Kerajaan Negeri diminta menjadi teladan untuk tidak menggunakan *single-use plastic* dalam program-program rasmi Kerajaan Negeri. Ini memang telah diterima, ini telah dalam garis panduan yang sedang dibuat oleh BPEN. Sebagai maklumat Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk melaksanakan Dasar Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna (*No To Single-Use Plastic*) bermula pada 1 Januari 2019 secara berfasa dimulakan dengan Polisi Larangan Penggunaan Straw Plastik (*No To Plastic Straw*) secara menyeluruh di peringkat negeri. Kaedah yang akan digunapakai bagi larangan ini distrukturkan kepada tiga fasa yang melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

(a) Fasa Pertama

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu sebagai urusetia bagi merangka dasar baharu ke arah larangan penggunaan *single-use plastic* termasuk penyelarasan polisi sedia ada; dan
- (ii) Pelaksanaan kajian dan soal selidik bagi mendapatkan pandangan orang awam terhadap cadangan pelaksanaan dasar dan polisi. Ini pada kini melalui *Penang Green Council* kami telah mula melalui telefon, melalui jumpa orang tanya untuk dapat *feedback* dan lain-lain.

(b) Fasa Kedua

- (i) Proses gubalan Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meletakkan asas punca kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan selaku agensi pelaksana dasar dan polisi;
- (ii) Penyediaan garis panduan bagi pematuhan dan penguatkuasaan; dan

- (iii) Pembentangan draf dasar dan polisi kepada Jawatankuasa MMK Alam Sekitar dan Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan.

(c) Fasa Ketiga

- (i) Taklimat, publisiti dan proses penglibatan pihak berkepentingan (*stakeholders*) iaitu Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pengusaha sektor makanan dan minuman serta industri plastik.
- (ii) Permurnian draf dasar dan polisi dengan mengambil kira *input* daripada pihak berkuasa berkepentingan; dan
- (iii) Pembentangan dasar dan polisi akhir kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk kelulusan bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan.

Proses penyediaan dasar dan polisi ini akan mengambil masa selama enam bulan dari Julai sehingga Disember 2018 dan dicadangkan berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2019 bermula dengan Polisi *No To Plastic Straw*. Serentak dengan proses ini, Kerajaan Negeri melalui *Penang Green Council* (PGC) telah memulakan pendekatan *soft approach* dengan mendekati masyarakat serta peniaga makanan dan minuman untuk memberikan informasi dan kesedaran supaya menyokong dasar *No To Single-Use Plastic* secara amnya dan Polisi *No To Plastic Straw* secara khususnya.

Selain itu, dasar dan polisi ini sememangnya telah dirancang untuk dimulakan melalui program-program rasmi negeri sebagai teladan kepada seluruh rakyat Pulau Pinang. Ini memang kita telah berhubung dengan Plastic Manufacturer Association dalam perbincangan dan mesyuarat rasmi akan diadakan apabila draf ini disediakan. Saya merayu kepada semua ADUN-ADUN jadilah orang kata *please take the lead and ownership* di mana di majlis-majlis tertentu elakkan menggunakan botol *water* atau apa, ambillah *tumbler*, macam YB. daripada Padang Kota supaya ini boleh jadi teladan dan menarik perhatian orang ramai bahawa *we are committed*, ADUN-ADUN *committed* iaitu bukan ADUN-ADUN Kerajaan sahaja termasuk ADUN pembangkang kerana apabila kami bincang alam sekitar, marilah kita satu hati untuk menyelamatkan bumi ini. *There's only one earth, mother earth...* (Dewan bertepuk meja).

Isu penyaluran kutipan dana *no free plastic bag* untuk tujuan program alam sekitar yang dicadangkan oleh ADUN Bagan Dalam. Yang Berhormat ADUN Bagan Dalam telah memohon supaya Kerajaan Negeri dapat menyalurkan dana yang dikutip dari Program *No Free Plastic Bag* digunakan untuk program kebajikan dan kelestarian alam sekitar. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip dan tujuan asal kutipan Program *No Free Plastic Bag* dilaksanakan adalah bertujuan untuk membentuk kesedaran dan bukan untuk bertujuan untuk mengisi dana Kerajaan Negeri.

Justeru itu, satu ketetapan telah dipersetujui diperingkat Pihak Berkuasa Negeri supaya semua hasil di kutip dari Program *No Free Plastic Bag* perlu dimanfaatkan semua warga negeri Pulau Pinang melalui program-program kebajikan, iaitu kata bila kami jalankan program ini, kami bukan adalah untuk kutip dana, tiada. Tetapi, lebih kepada kesedaran dan saya ucapkan terima kasih pada semua ADUN, kerana Adun telah membantu untuk bagi kesedaran daripada kini negeri Pulau Pinang adalah satu negeri saja di seluruh Malaysia yang 365 hari *no free plastic bag day*. Saya ucapkan tahniah pada semua khususnya pada juga di warga Negeri Pulau Pinang kerana dalam beberapa, kami ada buat siasatan dan lain-lain bahawa ke semua warga negeri Pulau Pinang sokong program ini dan kami dapat capai, untuk ada orang juga bertanya pada saya kenapa alagi lihat ada orang dia ambil *plastic bag*, kebanyakannya adalah, kebanyakan adalah daripada lain-lain negeri dan di sini saya juga nak bagitahu kepada rakan daripada Pembangkang. Program ini nyaris-nyaris juga di *sabotaj* oleh Kerajaan Barisan Nasional, kerana apabila kami kutip kami ada cara untuk kutip dana di mana boleh pakai, Kerajaan Pusat kalau di Pulau Pinang mereka pun letak hari Sabtu, hari Ahad dan cara untuk kewangan disalur mereka tak bagi ikut nilai sukat, dan di sini ada satu syarikat kira multinasional di mana ia adalah *one of the biggest so call this supermarket, hypermarket*. Mereka tak mahu salur kepada Kerajaan Negeri mereka hantar pi Kuala Lumpur kerana dasar Kerajaan Pusat adalah mereka boleh pakai kewangan itu di mana mereka suka.

Dengan itu, saya bersyukur pada Tuhan sekarang Kerajaan Pusat pun juga Pakatan Harapan mereka lebih *best* kewangan kembali ke Kerajaan Negeri. Kalau tidak ada, kami akan ambil tindakan kepada mereka. *Many of this supermarket, hypermarket* dan di sini saya juga telah mengambil maklum kepada Dewan yang mulia ini iaitu *kata untuk no free plastic bag day*, satu kajian semula akan dijalankan pada kini bila kata *no free plastic bag* atau *Single-Use Plastic* pada kini plastik yang digunakan di *supermarket* adalah terlampau terlampau nipis, *fifteen (15) microns so the possibility of* kami bagi dia *lebih tebal empat puluh (40) microns* dan juga pada dua puluh sen akan naik kepada satu, seperti satu kadar yang akan dipersetujui oleh jawatankuasa.

Isu, berkenaan aplikasi ramalan kaji cuaca daripada ADUN Pulau Tikus saya ucapkan ribuan terima kasih kerana ini adalah satu-satu ADUN yang sentiasa setiap-tiap hari, tiap-tiap malam ada apa-apa perubahan maklum kepada semua ADUN untuk siap sedia menghadapi apa-apa bencana. Dia bukan

bomoh. Yang Berhormat ADUN Pulau Tikus telah menyaran supaya Kerajaan Negeri lebih bersedia *alert* sekarang dengan keadaan cuaca sekarang yang tidak menentu dan menggunakan aplikasi ramalan kajicuaca *alternative, weather apps* dan tidak bergantung semata-mata ramalan kaji cuaca dari Jabatan Meterological sahaja. Memang di Jabatan Meterologi ada satu jabatan yang rasmi jadi kami kena ikutlah akan tetapi di sini cara untuk membekal informasi kerna di semak semula. Kerana saya di sini saya mengakui bahawa pada 4hb November memang dia punya ramalan cukup-cukup tepat, *very free size* kerana dia bagi makluman laporan selepas kejadian. *Is not for cast is just reporting* kerana ia terjadi pukul 4.00 petang, pada waktu malam pukul 9.00 kami di maklum akan ada ini punya keadaan. Tetapi saya tidak salah kepada mereka kerana orang atasan yang tidak memantau.

Oleh yang demikian, sebagai makluman Yang Berhormat berikutan ada berapa siri bencana yang melanda Negeri Pulau Pinang, pentadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha memastikan supaya pengurusan bencana sama ada banjir atau sebagai sekiranya berlaku akan di ambil kira kesiapsiagaan antara penyelar *infrastruktur system* amaran awal bencana. Memang selepas amaran bencana iaitu 4hb, 5hb November kami dapat tawaran-tawaran dari swasta-swasta dan juga kerajaan-kerajaan asing, di mana mereka akan bantu negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan satu sistem atau *protect double system* daripada Hong Kong dan daripada Siam. Ini adalah percuma, akan tetapi apabila kami umum kami akan kaji, kami telah di bagi amaran oleh kementerian, iaitu kata tidak boleh. Keperluan kepada aplikasi alternatif sistem amaran awal bencana selain sistem sedia ada di Jabatan Meterological pernah di utarakan oleh mantan, oleh mantan YAB Ketua Menteri kepada Kerajaan Persekutuan. Malah, Kerajaan Negeri juga telah menerima cadangan daripada swasta yang bersetuju untuk kerjasama membangun aplikasi tersebut.

Walau bagaimanapun, perkara ini terpaksa ditangguh kerana tidak dapat persetujuan daripada kementerian yang berkaitan melibatkan Kerajaan Persekutuan sebelum ini, Namun begitu, perkara ini akan dibawa semula ke meja rundingan dekat Kerajaan Persekutuan, Pakatan Harapan untuk berbincang semula, iaitu saya percaya bahawa ini, hendak dibincang semula dan Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Tikus adalah juga ahli panel yang dilantik untuk buat semakan semula.

Isu mengenai *poachers* oleh ADUN Bagan Dalam. Yang Berhormat Bagan Dalam dalam perbahasan beliau telah memohon supaya pihak Perhilitan mengadakan usaha-usaha menangkap *poachers* yang mengancam hidupan liar yang melindungi. Berhadapan dengan isu ini, kerajaan melalui Jabatan Perhilitan Negeri memandang serius isu pemburuan haram yang melibatkan hidupan liar. Sehubungan dengan itu, pelbagai tindakan penguatkuasaan telah dijalankan oleh pihak jabatan untuk membanteras aktiviti tersebut. Jabatan Perhilitan juga telah mengisytiharkan pada 2018 sebagai Tahun Perangi Jerat. Justeru itu, lapan belas (18) operasi jerat dan penguatkuasaan telah dijalankan dikawasan *hotspot* dan Taman Negara Pulau Pinang. Untuk makluman sehingga Julai 2018, sebanyak tujuh (7) kes yang terlibat kesalahan pemilikan hidupan liar tanpa lesen ataupun permit khas di tuduh di mahkamah dan telah dikena denda atau penjara.

Konflik manusia dengan hidupan liar ADUN Sungai Acheh dan ADUN Sungai Dua, mana Sungai Dua?. Yang terhormat Adun Sungai Acheh dan Yang Berhormat Sungai Dua telah membangkit isu konflik antara manusia dengan hidupan liar khususnya terlibat monyet dan babi hutan. Sebagai makluman Yang Berhormat, Jabatan Perhilitan Pulau Pinang dari semasa ke semasa menjalankan tindakan bagi aduan konflik kehidupan di Negeri Pulau Pinang. Operasi bersepadu bersama dengan agensi lain terus dijalankan bagi membasmi musuh tanaman. Pada tahun 2017, sebanyak sembilan (9) operasi bersepadu telah dilaksanakan. Seterusnya, pada Januari sehingga Julai 2018 sebanyak (4) empat operasi bersepadu telah di jalan, berjaya dilaksanakan mengikut, melalui rekod Jabatan Perhilitan Pulau Pinang daripada Januari sehingga Julai 2018 terdapat tiga (3) adun, aduan baru spesies kera dan tujuh (7) aduan baru yang berkemungkinan sepsis babi hutan yang telah di KADUN Sungai Dua. Tindakan telah diambil berkenaan dengan mengatasi masalah konflik tersebut dan memasang perangkap di lokasi aduan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat minta laluan, Yang Berhormat berkenaan dengan Perhilitan dan juga *poachers*, saya tidak tahu perkataan yang tepat dalam Bahasa Malaysia. *Poachers* ini satu fenomena yang sedang berkembang di mana binatang liar di tangkap dan di hantar badan binatang itu selepas mereka bunuh mereka menghantar ke luar negeri. Oleh sebab itu, angka binatang liar kita sedang menurun. Seterusnya di kawasan Utara juga selepas di kawasan ulu muda, Sungai Muda ada satu jenis kucing liar, memang ada di Pulau Pinang saya dengar di tangkap dan sedang, sering diseludup melalui Thailand ke Negara China.

Perhilitan kena ambil perhatian masalah ini dengan serius, sebab saya rasa Malaysia masih lagi dibelakang dalam melindungi binatang ataupun hidupan liar termasuk di lain-lain negeri, di Kelantan ada harimau dilanggar kereta, gajah dilanggar kereta. Walau pun di Singapura tidak ada haiwan liar dia pun boleh bina satu jambatan untuk binatang liar menyeberangi jalan, kita satu negara yang begitu kaya dengan binatang liar tidak dapat berbuat sedemikian, dan satu lagi adalah tentang monyet tadi, dia ditakrifkan sebagai gangguan kepada tanaman.

Saya harap pihak Perhilitan atau mana-mana jangan tembak monyet-monyet ini. Tangkap dan, sebenarnya binatang-binatang ini telah wujud di kawasan itu, apabila manusia pergi perkembangan *development* ataupun pembangunan kita yang *encroach* kawasan mereka, dan apabila mereka datang ke kawasan asal mereka kita menembak mereka. Ini suatu yang tidak adil dan saya harap tangkap dan melepaskan mereka ke dalam hutan. Saya dengar di *Penang Hills* di Bukit Bendera hampir 200 monyet pernah dibunuh pada satu ketika dulu. *So, i think* saya kira dulu ke sekarang lebih kurang enam (6) tahun lepas, *I think* perkara ini perlu dihentikan menunjukkan sedikit rasa kemanusiaan itu juga kepada binatang. Itu saja, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Minta laluan Yang Berhormat, Yang di-Pertua, saya memang tidak bersetuju dengan apa yang Bagan Dalam katakan bahawa Jabatan Perhilitan tidak boleh tembak. Memang kita tahu, bahawa kera atau monyet adalah satu kacau ganggu yang begitu serius berlaku di kawasan Dun Jawi. Saya boleh bagi kawasan-kawasan seperti Kampung Sanglang, seperti Taman Cenderawasih, Kampung Arjuna, dan kami telah melakukan dua (2) operasi iaitu pada bulan, bulan April ataupun bulan Mac. Operasi yang pertama, sebelum ini kami pakai peruntukan kita dan beli peluru untuk Jabatan Perhilitan untuk melakukan operasi. Apa teruk, kalau teruk datang buat lawatan dan perjumpaan dengan penduduk-penduduk di sekeliling. *First round*, kita dapat tembak 75, *second round* baru-baru kita tembak 45 ekor dalam 10 kawasan.

Tapi masih ada aduan masuk lagi sehingga hari ini, yang kera itu ia boleh pecahkan bumbung boleh *even* sampai angkat keluar bumbung atau *antena-antena* di seluruh kawasan patah, saya rasa kawasan Bagan Dalam tidak pernah terima aduan sebegini, mungkin kamu tidak tahu lagi apa yang sebegini serius yang berlaku di kawasan Jawi. *So*, saya harap kalau boleh saya sokong untuk Jabatan Perhilitan untuk teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat Jawi, Yang Berhormat Sungai Puyu minta laluan. Sebenarnya dia tembak boleh, guna tembak ubat pelali. Kita sudah *approach* unit *area ground even* anjing liar pun kita tidak menembak, ini hidupan liar, anjing liar bermaksud *street dogs* pun kita tidak menembak. Kawan saya Jawi ni lima (5) tahun dengan saya di MPSP. Dia tahu bagaimana saya membantah apa-apa aktiviti yang kejam seperti membunuh anjing, kucing apa-apa hidupan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Jawi, Jawi, duduk, ADUN Jawi duduk.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Apa-apa yang kejam ini. Saya harap, kalau dia tembak guna ubat pelali hantar dia ke kawasan. Kita ada di Bukit Panchor, di Jawi juga, Nibong Tebal, Sungai Bakap boleh-boleh hantar mereka ke dalam hutan. Kita ada hutan simpan kekal yang banyak boleh hantar binatang-binatang hidupan liar ini ke hutan. Jangan-jangan bunuh mereka. *I think* it not fair lah, kita belum matang lagi pemikiran orang Malaysia. Sikit saja mahu bunuh binatang. Apalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Minta laluan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin Bagan Dalam tidak pernah terima aduan sebegini sampai monyet itu dia boleh tiap-tiap hari datang ke rumah tersebut dan apabila lihat ada orang buat apa *exercise* dia pun boleh ikut, lepas itu dia boleh pecah semua bumbung dan sebaris rumah teres bumbung itu telah dibuka siling di atas itu, dan apabila hujan semua akan kena. *So* saya minta, Jabatan Perhilitan selain daripada tambah peruntukan untuk buat perangkap dan juga operasi untuk menembak monyet diteruskan kepada kawasan *hotspot* yang selalu terima apa.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli Kawasan Jawi boleh duduk, Ahli Kawasan Sungai Puyu boleh bersambung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, sebagai makluman Yang Berhormat pada masa ini terdapat dua pendekatan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) guna pakai oleh Jabatan Perhilitan unruk mengawal konflik diantara manusia dan haiwan itu. Pendekatan pertama adalah, memelihara haiwan tersebut dengan sebaiknya mengikut habitat sedia ada tanpa melibat unsur kacau-kacau ganggu *interference* oleh manusia. Kedua, pendekatan

kedua adalah dengan mengurangkan konflik akibat pertembungan atau haiwan-haiwan tersebut dengan manusia. Justeru itu, berdasar SOP yang diguna pakai oleh Perhilitan adalah dipercayai bahawa konflik di antara manusia dan haiwan tersebut dapat diminimumkan. Memang ada tempat-tempat yang seperti di Kuala Muda, di Kuala Muda di mana kami juga ada di kawalan terjadual, dan juga pada suatu masa saya bagi kebenaran bahawa tidak akan suka oleh apa ni Bagan Dalam untuk hapuskan kerana ada satu kematian. Kematian kerana waktu malam bila seorang *driver* dia balik mai dia bawa *motorcycle* tiba-tiba ada satu kumpulan, satu keluarga babi hutan yang lintas jalan terlanggar sama dia, mati di sana.

So, saya tidak ada pilihan kerana nyawa telah terjadi kena hapus, kena hapus. Yang mana boleh, yang mana boleh di pindah, akan di pindah. Tapi lihat keadaan bukan semua di tembak, tapi bukan semua di pindah. Tengok, dan di sini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Perhutanan, Perhutanan ni memang sudah jalan satu, satu jadual, satu apa ni perancangan di mana makan-makan buah-buahan dalam apa ni di hutan-hutan tertentu supaya mereka ada makanan dan saya merayu bahawanya ada tempat-tempat tertentu seperti macam di To'kun, CheroK To'kun, di mana masih ada orang yang nak jadi orang baik, bagi makanan kepada monyet-monyet. Bila bagi monyet mereka juga bagi makan kepada anjing liar di sana.

Oleh yang demikian, telah menarik begitu masalah-masalah untuk orang di sana. So, ada satu ketika saya tutup CheroK To'kun untuk satu bulan supaya mereka tidak ada makanan, dan kawan saya kawal dengan rapi bahawa tidak ada sesiapa pergi untuk bagi makanan. Saya kena *settle the conflict between the human being dan animals* dan dia selepas tu memang ada pada kita banyak monyet-monyet tu lari dalam hutan pi cari makan. Kalau orang bagi makan dia pun tak mau cari makanan. Dia dok sana tunggu, kalau lu tak bagi dia marah lagi tak sedar dia akan kacau ganggu anda. So, *these are the things which to look into the consideration*.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Dato' Yang di-Pertua cuma satu saja yang saya kawatir sebab aduan berkenaan dengan monyet memang serius dekat kawasan Nibong Tebal sampai monyet tersebut lari masuk rumah dan seorang *baby*, bayi empat (4) bulan, empat (4) bulan dan so monyet itu pergi angkat untuk kacau. Lagi satu... (gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dan bayi ya...

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Bayi, bayi.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Bukan bai'e.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

So perkara yang kedua aduan diterima di Sekolah Menengah Kebangsaan Jawi di mana pengetua beritahu kami bahawa mereka telah sediakan 200 *maggi mee* untuk pelajar-pelajar, tetapi apabila monyet masuk dalam kelas itu, dalam satu malam habis semua. So, ini perkara yang serius dan mungkin juga kita apabila Jabatan Perhilitan dah tangkap monyet itu mungkin kita boleh hantar pergi Bagan Dalam seperti tempat perhutanan yang tengok burung tu mungkin kawasan itu mungkin saya rasa lebih sesuai untuk kita bagi monyet itu lepas di sana.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang berhormat Sungai Puyu. Sambung.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Minta laluan sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Sungai Puyu sambung, kita kalau cerita pasal monyet dan babi hutan tak habis. Ahli Kawasan Sungai Puyu sambung

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Saya mintak laluan Ahli Kawasan Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Dia kata memang Bagan Dalam sudah ada monyet, di lepas Jambatan Tunku Abdul Rahman, di tepi jalan memang ada monyet. Saya pun kadang-kadang ada bagi makan untuk monyet itu, di tepi jalan, itu bukan kesalahan itu...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk, duduk. Ahli Kawasan Sungai Puyu bersambung.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Saya minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya minta Ahli Kawasan Sungai Puyu siasat Ahli Kawasan Jawi ada dapat kebenaran tak untuk tembak.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya kata Bagan Dalam, Bagan Dalam, duduk

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Serius saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kita bagi satu minit kepada Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Okey, terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu. Boleh tak macam cadangkan kelmarin dimana Perhilitan mungkin boleh bekerjasama dengan JKKK sama ada disediakan perangkap atau juga apa-apa sama ada buah, sisa-sisa buah tembikai, sisa-sisa yang daripada ladang tu untuk buat tangkapan dan *cooperate* sekali dengan Jabatan Perhilitan, JKKK yang terlibat, macam *especially* kawasan Sungai Aceh, kawasan Jawi, Sungai Dua yang kawasan-kawasan tumpuan yang menjadi kacau ganggu antara monyet dan juga manusia ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, kami rela bekerjasama dengan sesiapa jika ada apa maklumat-maklumat dan jika kehendak apa bantuan kepada Perhilitan panjang kepada saya dan saya akan urus di sana. Untuk babi hutan iaitu dalam semakan di Sungai Aceh tidak begitu banyak dan kami *have to balance out* kerana di Sungai Aceh adalah juga berdekatan dengan hutan boleh sampai kepada, kepada Bukit Panchor dan lain-lain. Itu juga ada tempat-tempat di mana kadang-kadangnya harimau datang memakan durian juga.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Sungai Puyu tolong ringkaskan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya kena bagi penjelasan kerana soalan telah di tanya.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Okey sambung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Itu tanggungjawab saya di sini.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila sambung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Yang Berhormat ADUN Bagan Dalam, telah memohon supaya kawasan paya bakau sepanjang pesisir pantai daripada Penaga sehingga Teluk Ayer Tawar tidak dibangunkan untuk menjadi, tidak dibangunkan dan menjadikan ia sebagai tapak Ramsar. Sebagai jawab, jawapan bertulis saya kepada Yang Berhormat Bagan Dalam, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa perancangan untuk menjadi kawasan paya bakau sepanjang Teluk Air Tawar, Penaga sebagai tapak Ramsar. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, JPNPP dalam tindakan untuk mewartakan 200 hektar hutan paya bakau di atas tanah kerajaan Penaga dan tidak terlibat dengan pembangunkan kawasan hutan simpanan kekal secara peringkatnya tu, kata kami tidak mencadangkan untuk Ramsar tetapi akan jadi

hutan simpanan kekal. Bukan sampai ini Penaga sahaja, akan sampai di apa ni sampai di Kuala Muda, telah dicadangkan.

Okey, Teluk Bahang juga ada soalan berkenaan dengan *peppa*, ada Teluk Bahang. Tak ada ada lompatlah. Teluk Bahang juga menyual berkenaan dengan Taman Negara, saya ingat taman negara tapi kerana tambak telah dijelaskan oleh doktor, Ahli Yang Berhormat Seberang Jaya, saya terus pergi Taman Negara. Kejadian ribut petir pada 15 September dan taufan pada 4 dan 5 November 2017, memang ada rosak banyak peralatan di Taman Negara. Peruntukan baik pulih dan pengiraan yang diterima susulan kejadian ribut di Taman Negara pada 4hb November 2017 kami bagi sedikit untuk mereka untuk buat pembersihan dan ini kos adalah lebih kurang RM50,000. Pendekatan dan kadar yang dijalankan oleh pihak Taman Negara Pulau Pinang bagi menarik isu sampah di Taman Negara seperti berikut. Kami merayu bahawa semua pelawat-pelawat dan pelancong yang masuk di Taman Negara Pulau Pinang perlu bawa keluar sendiri sampah yang mereka bawa masuk kerana apabila mereka masuk di sana selepas tu mereka buang sampah. Itu ada satu *cause* yang akan merosakkan taman negara. Kawalan dan pemantauan yang dibuat oleh renjer dan pemandu pelancong terhadap aktiviti pelancong, *I mean* mereka-mereka, pemeriksaan secara rutin dan rintis di pos kawalan oleh kakitangan Taman Negara Pulau Pinang. Pemeriksaan harian oleh kontraktor pembersihan dilantik oleh pihak Taman Negara di kawalan di kawasan Pasir Pendek sehingga Sungai Tokun. Anjuran Program-Program CSR seperti *Beach Clean Up* sentiasa dijalankan, melibatkan kegiatan orang awam daripada syarikat dan kilang, pelajar sekolah dan IPT dan agensi-agensi kerajaan bagi menangani isu sampah dari laut yang di pantai.

Di sini saya juga nak maklumkan bahawa isu bot yang tidak berdaftar yang masuk kawasan Taman Negara adalah bot yang datang daripada pengusaha-pengusaha bot pelancong di Batu Feringghi yang mengambil pelawat daripada hotel sekitar terus Teluk Duyung, Monkey Beach merupakan tanah milik sendiri. Di samping taklimat berkala oleh Taman Negara Pulau Pinang kepada operator pengusaha bot memantau dijalankan oleh APM dan Jabatan Laut. Memang di sana Taman Negara ada sedikit tanah swasta. Bila mereka pi Monkey Beach mereka pi sana so tak dapat kawal, kalau boleh saya, kalau boleh minta bahawa bawa mereka dan mereka di bawah kawalan Taman Negara. Dan maklumat tambahan bahawanya taman negara pada kini kehendak membaiki jeti yang telah, masalah jeti dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat Teluk Bahang semua kos perbelanjaan operasi Taman Negara Pulau Pinang adalah digunakan peruntukan daripada Kerajaan Pusat, kerana beberapa tahun kebelakangan ini tak ada duit, tak ada dapat peruntukan dari Kerajaan Pusat mereka tidak boleh membersihkan dan buat *repair* semua lah. Kena bersyukur kepada Tuhan sekarang sudah tukar dan mereka telah panjangkan satu permohonan untuk dapat, dapat peruntukan dan permohonan peruntukan Taman Negara kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi kerja-kerja baik pulih dan naik taraf kemudahan pelawat di Taman Negara ada jumlah ada RM20,400,000.

Di sini bilangan bot operator yang berdaftar sebanyak 43 operator bot berdaftar mempunyai kebenaran untuk beroperasi dalam kawasan Taman Negara. Ada satu kelemahan saja saya telah mintak bahawa mereka bagi kerjasama untuk sediakan satu manifest, manifest siapakah bot yang mereka bawa pi sana dan kalau semua telah keluar untuk maklum. Jadi ini untuk kawal keselamatan dan juga jika apa-apa tidak ingin terjadi sekurang-kurangnya kami boleh tahu siapa yang akan terlibat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya tau, sudah pukul tujuh...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

7.15 pm.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ahli-ahli Yang Berhormat, akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak termasuk jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan termasuk NGO-NGO serta komuniti dan institusi swasta yang membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Program-Program Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Pulau Pinang.

Saya juga ingin rakamkan bantuan-bantuan yang salur kepada Kerajaan Negeri dalam semasa cabaran iaitu datang bencana. Semoga kerjasama antara kerajaan dan masyarakat akan sentiasa membantu Kerajaan Negeri dalam membaiki perkhidmatan kepada rakyat negeri Pulau Pinang. Bagi mengakhiri ucapan saya menggulung saya sedikit ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkit pertanyaan dan isu-isu yang berkaitan. Perkara-perkara yang telah dibangkit akan...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Lagi sikit sahaja, perkara-perkara yang dibangkit akan menjadi pemangkin untuk saya bekerja lebih keras dan gigih bagi menambah nilai dan memperkukuhkan lagi mutu kepada portfolio Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke 60 kepada seluruh rakyat Malaysia, amnya rakyat Pulau Pinang khususnya Sayangi Malaysiaku.

Sebelum saya kata sekian terima kasih saya juga nak maklum di sini. Kali pertama dalam Dewan yang mulia ini, 10 tahun saya jadi EXCO pembangkang tidak bangkit dan jalan keluar. Saya ucapkan terima kasih kerana sepuluh tahun..(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat terima kasih. Yang Berhormat Sungai Puyu, Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 8.00 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada di dalam sesi penggulungan. Dipersilakan Yang Berhormat Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kerana bersempat untuk mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan ke atas ucapan perasmian mesyuarat Dewan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini kerana telah dipilih oleh rakyat untuk mewakili kepentingan mereka khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang pertama kali dia berada di Dewan ini (Dewan tepuk meja) dan saya rasa juga perbahasan mereka memanglah bagus dan berkualiti (Dewan tepuk meja) jadi saya harap akan *keep it up*.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam komitmen dengan komited dalam perbahasan melibatkan Portfolio Pembangunan Wanita dan Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama selain Islam. Jadi saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Pinang dan Yang Berhormat Seri Delima kerana membangkitkan isu gangguan seksual.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, gangguan seksual merupakan kes jenayah yang perlu diberikan perhatian serius. Memandangkan kes-kes baru mula muncul, yang terkini dalam sektor kesihatan awam, gangguan seksual adalah jenayah disebabkan oleh ketidakseimbangan kuasa (dengan izin)...*power imbalance* antara pelaku dan bangsa. Terdapat beberapa jenis gangguan seksual yang tidak diketahui umum seperti gangguan visual, lisan dan secara fizikal yang ramai yang tahu ialah secara fizikal. Gangguan seksual mengurangkan kualiti kehidupan kerja untuk bangsa yang terlibat. Menjejaskan kebajikan para pekerja dan menjejaskan reputasi firma yang terlibat. Semua ini memberikan kesan negatif kepada produktiviti pekerja ini di tempat kerja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hal-hal berkaitan gangguan seksual termaktub di bawah kanun keseksaan Akta 574, Akta Kerja 1955, Akta 265, Akta Perkembangan Industri 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 dan Undang-Undang Pentadbiran seperti Kod Tatalaku atau *Code of Conduct* Penjawat Awam 1993 dan Garis Panduan untuk menangani gangguan seksual di tempat kerja. Mengikut statistik daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, dari tahun 2013 hingga Mei 2018, sebanyak 1,340 kes telah dilaporkan. Namun, angka ini pasti jauh lebih tinggi jika termasuk kes-kes yang tidak dilaporkan.

Budaya kita yang 'jaga muka' dan 'sabar' menjadikan isu ini lagi tenat. Tambahan juga, mangsa yang tidak melapor atau tidak mengambil tindakan di atas sebab susah hendak membuktikan kesnya (dengan izin)...*burden of proof*. Ada yang takut kehilangan kerja ataupun diperlekehkan oleh rakan kerja.

Oleh yang demikian, satu undang-undang pencegahan gangguan seksual yang spesifik perlu digubal dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyarankan agar Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Rang Undang-Undang pencegahan gangguan seksual tersebut untuk mengatasi masalah gangguan seksual atau sekurang-kurangnya memberi cegahan kepada pelaku-pelaku supaya *they think twice or three times before they do that*.

Untuk mangsa-mangsa gangguan seksual, mereka perlulah diberikan sokongan dan perlindungan yang sewajarnya untuk tampil dan membuat aduan kepada pihak berkuasa. Mereka tidak harus dihina dan disenyapkan daripada mendapat aduan. Undang-undang yang akan digubal perlulah memberikan jaminan keselamatan kepada para pengadu, supaya tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap pelaku. Saya rasa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di sini mungkin juga anggap ini merupakan gangguan seksual merupakan isu wanita, *actually* bukannya. Mangsa-mangsanya juga termasuk lelaki khususnya budak-budak lelaki. Ini ada beberapa kes yang kita petik dari suratkhbar saja ya, pada 9 Oktober, *there is The Star Online, "male teacher charged with sexual assault on five primary school boys", teacher* iya. Dan sini juga *Lenggong teacher faces 19 more charges of sexual offences, this times against three males students*. Kita sangat hormati cikgu tapi dia pun buat begitu. *Tahfiz teacher arrested for performing oral sex on students, tahfiz teacher*. Bekas guru agama dituduh cabul 10 murid lelaki, *this one is Bernama 15 May this year. Sexual assault by ustaz, students offers to testified*, ini berlaku di Pulau Pinang *25th July this year*. Jadi, ini hanya untuk menunjukkan bahawa gangguan seksual ini juga berlaku ke atas budak-budak lelaki. Jadi ini bukan satu..bukan *specific gender* tapi dia adalah *power in equality*. Siapa yang lebih berkuasa, dia akan buli mereka yang lebih lemah. Itu sahaja. Ini adalah satu kelakuan buli. Jadi adalah penting kita mengajar anak-anak kita tak kira perempuan ataupun lelaki.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta pencerahan. Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang. Kita berbincang pasal isu gangguan seksual ini dan di sini juga saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen Tasek Gelugor yang juga merupakan mantan Ahli Permatang Berangan di Dewan yang mulia ini di mana beliau telah mengeluarkan satu kenyataan bahawasanya, sekiranya kita nak mengatasi masalah rogol iaitu salah sebuah masalah gangguan seksual juga, beliau telah mencadangkan agar yang perogol itu berkahwin dengan mangsa rogol tersebut dan jadi dengan isu ini dan juga pada Dewan Yang Mulia ini kesemua wakil rakyat wanita kita ada bersama dengan kita di Dewan yang mulia ini jadi juga ingin kita dapatkan pandangan khususnya daripada Yang Berhormat Permatang Berangan berkenaan isu ini. Yang Berhormat yang kini masih Ahli Parlimen bagi Kawasan Tasek Gelugor, beliau masih Ahli Parlimen di kawasan sana dan jadi sememangnya khususnya Yang Berhormat Permatang Berangan, saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat berhubung dengan isu ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Kota, Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Padang Lalang, saya mohon untuk penjelasan. Pada pandangan saya, waktu Ahli Parlimen Tasek Gelugor mengeluarkan kenyataan tersebut, beliau mengkhususkan peruntukan perundangan ini untuk masyarakat Islam, untuk umat Islam dan tidak termasuk kepada yang bukan Islam dan peruntukan untuk umur bagi perkahwinan bagi yang lelaki adalah untuk 18 tahun dan juga yang perempuan untuk 16 tahun dan juga diberi kebenaran untuk berkahwin di bawah 16 tahun sekiranya pihak-pihak bersetuju dengan kebenaran hakim syarie dan untuk kes yang dimaksudkan itu adalah untuk ada kes-kes tertentu sahaja. Tidak kepada semua perogol, maksudnya apabila berlaku seks di antara dua pihak lelaki dan perempuan di bawah umur, dan pada kategori apabila seorang perempuan itu berusia di bawah 18 tahun maka dikategorikan lelaki yang melakukan persetubuhan itu adalah perogol. Itu dalam peruntukan undang-undang sivil.

Tetapi bagi saya selaku umat Islam dan kami mempercayai bahawa hukum itu ditetapkan adalah memang tidak bolehlah kalau pelaku sebelum sebelum perkahwinan tetapi apabila terjadi kes-kes tertentu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Tasek Gelugor adalah untuk kes-kes yang terjadi dengan secara sukarela. Maksudnya, si perempuan yang di bawah umur itu telah melakukan persetubuhan seks dengan pasangannya secara rela tetapi memandangkan beliau adalah di bawah umur, jadi untuk memastikan kedua-dua pihak itu menyelesaikan kes secara sendiri, maksudnya atas persetujuan kedua-dua pihak jadi mereka boleh berunding untuk..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Mohon menceleh. Beri laluan...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Bagi penjelasan dulu nanti boleh habiskan dulu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Minta saya jelaskan dulu nanti kalau..mungkin hari tu waktu Yang Berhormat Seri Delima tu saya ada kat luar sebab saya keluar untuk waktu rehat. Jadi, maksud saya di sini apabila ada kes-kes tertentu sahaja. Untuk yang tuduhan sivil kerana melakukan persetubuhan kepada bawah umur itu memang dikenakan atas tuduhan rogol sekiranya ada aduan tetapi apabila ada kes-kes tertentu yang berlaku di mana pasangan tersebut secara sukarela. Jadi mungkin untuk masyarakat Melayu kebiasaannya untuk menyelesaikan kes-kes apabila berlaku di kampung dan nak menyelesaikan kes tersebut jadi..sudah jelas, jadi saya rasa Yang Berhormat Padang Lalang pun faham jadi kali ini saya rasa itu bukan semata-mata kita nak menganjurkan semua perogol boleh berkahwin dengan pasangan yang dirogol.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey sudah jelas. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Berangan. Alasan ini ada kebayaannya. *There is a danger in this explanation, because* kita tahu umpamanya kes baru-baru ini, dia adalah seorang lelaki 41 tahun, dia nak ambil perempuan ini, *11 years old*. Dia sebagai isteri ketiga. Ini adalah *danger*. Maksudnya, dia boleh di *grooming*, dia boleh pikat hati dia, ambil hati dia secara kecil. Ini dipanggil *grooming*. Dan sebagai budak-budak, mereka tak boleh buat keputusan seperti itu, yang pertama. Yang kedua, mengatakan bahawa selepas ada hubungan seks jadi bolehlah dikahwinkan. Ini juga ada bahayanya kerana kalau begitu, ada sesiapa selalunya lelakilah, kalau dia suka perempuan itu dan perempuan itu pun tak suka dia tapi dia boleh paksakan. Nanti saya habis..(gangguan), dia boleh paksakan. Rogol lah. Tapi selepas itu, dia kata boleh selesaikan dengan kawin dia. Ini adalah bahayanya, *approach* ini dan saya rasa pada waktu sekarang ialah kita semua tahu di bawah 16 pun semuanya masih kecil, belum habis sekolah menengah lagi. Macam mana nak kahwin, saya rasa dahulu, *long long time ago*, pada *confucius* punya *time*, dia pun begitu. Orang Cina pun kata begitu, kalau dia ada hubungan seks dengan siapa-siapa sebelum kahwin, dia dihukum mati.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Saya mohon mencelah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti. Tapi sekarang tidak diterima lagi dan juga saya pernah ambil kes di mana pelajar perempuan ini dia *form 4*, dia sudah hamil. Dia mahu kahwin tapi bapanya cakap tak mahu kahwinkan dia kerana dia pun tahu yang *boyfriend* dia pun 17 tahun sahaja. Pun tak ada kerja, tak boleh jaga sendiri lagi macam mana nak mendirikan rumah tangga. Perkahwinan ini tidak akan bahagia punya. Dia akan *end up with divorce* juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Bolehkah saya mencelah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Generally yang kita kata kita seharusnya tidak membenarkan mana-mana kanak-kanak...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Yang Berhormat Padang Lalang, saya mohon mencelah?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Nanti, nanti, saya habiskan dulu. Kanak-kanak yang kecil ini jangan dibenarkan kahwin. (Dewan tepuk meja) sekurang-kurangnya 18 tahun lah. 18 tahun sekarang pun dikira masih muda lagi. Okey.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Yang Berhormat Padang Lalang, kes ini berlaku untuk umat Islam. Maksudnya kita ada peruntukan daripada perundangan Islam yang memberi kebenaran kepada anak-anak yang mencapai akhil baligh dan secara rela dan dengan kebenaran wali. Maksudnya walaupun berusia di bawah 16 tahun bagi wanita dan juga 18 tahun bagi lelaki...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Itu saya pun faham..itu saya pun faham. Saya memang kajilah tentang situasi ini.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Maksudnya kalau untuk masyarakat Islam, maksudnya diberi kebenaran melalui peruntukan perundangan syariah, jadi dengan kebenaran wali dan juga cukup syaratnya maka berhak untuk...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Diminta duduk sorang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa ibu bapa tak boleh diberi kebenaran untuk *cannot be given* tanggungjawab untuk memberi kebenaran ini kerana seharusnya ibu bapa yang seharusnya menjaga kepentingan anak dia dan bukan nak kahwinkan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Bayan Lepas, Yang Berhormat Bagan Dalam, Yang Berhormat Pengkalan Kota dan Yang Berhormat Permatangan Berangan, *this is Padang Lalang floor.*

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya rasa saya bagi Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang. Saya nak tanya kawan-kawan saya dari sebelah sana boleh jawablah, Permatang Pasir dan juga Bayan Lepas tentang saya diberitahu oleh salah seorang rakan saya selepas Ketua Pembangkang hari tu dia isu yang sama apabila Seri Delima timbulkan isu ini, apabila saya keluar dewan dia telah memberitahu saya memang apa yang Ketua Pembangkang kata memang itu memang zaman dulu-dulu, dia kata hukum ini bukan hukum yang..saya tak faham, saya minta penjelasan, boleh kawan-kawan saudara selam saya boleh jelaskan kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Bagan Dalam, kalau macam tu kita bagi kat...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

No no, Timbalan Speaker saya nak habiskan soalan saya dulu.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

You kata tentang kaum agama atau kita bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya habiskan soalan saya dulu, dia bagi penjelasan. Okey. Dia beritahu ini bukan adalah satu hukum yang tetap seperti hukum yang setiap orang Muslim kena sembahyang 5 kali sehari, dia kata ini bukan hukum yang tetap macam itu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Hukum yang Qat'ie, boleh sebut tak.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Qat'ie.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ha sedap pun sebut.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Itu yang diberitahu. So saya nak faham di mana..bagaimana kita boleh gunakan kalau itu bukan Qat'ie, bolehkah dia dilanggar. Itu soalan saya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Penjelasan. Okey. Itu *child marriage* ini dengan izin Timbalan Yang di-Pertua, kedua-dua undang-undang ada peruntukannya. Baik di sebelah yang Muslim, *under family law civil* dan juga dalam syariah juga ada peruntukan. Di bawah *civil law* untuk *non Muslim* mana-mana perempuan di bawah umur 18 yang nak berkahwin perlu mendapat kebenaran daripada Menteri Besar ataupun *Chief Minister* dan dalam syariah perlu mendapat kebenaran mahkamah di bawah umur 16. Persoalan yang timbul bukan soalan undang-undang. Kira dalam Islam, memang tidak ada had umur tetapi kita sebagai kerajaan, kita mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat. Dalam proses nak membina sebuah negara yang bertamadun, negara yang progresif, negara yang berintegriti, nak membina negara ini bukan dari segi fizikal bangunan sahaja, bukan dari segi fizikal kilang-kilang sahaja tetapi perlu bina rakyat dengan mentaliti, pemikiran, pendidikan yang paling penting. Jadi apa yang kita mahukan adalah setiap rakyat mendapat pendidikan yang sempurna sekurang-kurangnya SPM.

Sebab itu saya nak pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Lalang samada Kerajaan Pulau Pinang akan menaikkan had umur daripada 16 ke 18 kerana kita perlu *deal* isu ini mengikut isu. Kalau ada masalah seks di kalangan pelajar-pelajar ataupun bawah umur, kita didik mereka dengan pendidikan seks. Jangan kita terlalu pesimis dengan pendidikan seks. Cakap tentang pendidikan seks, kita akan membayangkan tentang perkara-perkara yang tidak baik sedangkan untuk pengetahuan Timbalan Yang di-Pertua, kalau kita belajar di sekolah agama, sekolah agama terasnya Arab, kita akan belajar tentang Fiqh-Munakahat iaitu Fiqh-Perkahwinan. Kenapa di sekolah agama dibenarkan untuk belajar tentang Fiqh-Perkahwinan tetapi di sekolah biasa tidak diajar tentang ilmu-ilmu perkahwinan. Ini timbul diskriminasi. Sedangkan yang memainkan isu ini adalah orang-orang agama sedangkan pelajar agama boleh belajar tentang perkahwinan pula. Jadi bagi saya, kita kalau ada masalah *sexual activities* di kalangan bawah umur, kita didik mereka dan dengan hasrat kerajaan di Selangor dan juga di peringkat Persekutuan nak menaikkan had umur ke 18, adakah Ahli Kawasan Padang Lalang bersetuju yang itu juga sebagai satu amaran kepada kanak-kanak di luar sana, remaja di luar sana bahawa mereka tidak boleh melakukan seks kerana mereka melakukan seks, mereka tak boleh berkahwin. Jika mereka tahu mereka tak boleh berkahwin, mereka bawah umur, mungkin mereka tidak akan melakukan seks. Jadi saya pohon penjelasan samada Kerajaan Negeri akan meningkatkan had umur ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Permatang Pasir. Memang Mesyuarat EXCO pun telah mengarahkan *Legal Advisor* untuk mengkaji tentang undang-undang ini. Macam mana kita boleh mengubah supaya menaikkan umur perkahwinan ini dari 16 ke 18, tapi saya ingin dengarlah juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini khususnya Permatang Berangan sama ada Permatang Berangan boleh sokong pemindahan ini. Walaupun kata ada hukum syariah dan lain-lain tapi saya rasa undang-undang itu pun mengikut masa dan mengikut keperluan masa ini dan gunakan *common sense* kita bahawa kita faham budak-budak yang belum boleh menjaga diri, bertanggungjawab ke atas diri lagi tidak boleh, tidak sepatutnya dibenarkan kahwin. Jadi saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bersetuju dengan *point* ini.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang, cuma saya nak mencelah sepanjang pengetahuan Yang Berhormat Padang Lalang, berapa banyakkah kes seperti ini? Umur 41 kahwin dengan umur 11 tahun.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kalau kata umur 11 dengan 41, ini kes terlalu *detail* ada tapi di bawah umur *under age* perkahwinan ada banyak. Saya tak ada statistik di sini tapi memang ada banyak. Jadi saya bersetuju dengan tadi Ahli Kawasan Permatang Pasir juga kata sekiranya kita ada kebimbangan ataupun kerana berlakunya hubungan seks jadi kita kahwinkan, saya rasa kita ini mengambil cara yang mudah. *We take it easy way, we don't care*. Kita tak peduli pada masa 50 tahun yang akan datang, apakah kehidupannya. Kalau dia 11 tahun, 15 tahun, dia belum *mature* lagi, dia tak pergi sekolah, macam mana dia akan dapat kerja...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Yang Berhormat, saya mohon penjelasan. Yang Berhormat Padang Lalang. Saya tidak menolak sekiranya ini cadangan untuk penambahbaikan dan juga untuk menjaga kebajikan wanita dan masyarakat tetapi saya cuma nak maklumkan tadi kenyataan daripada rakan daripada Yang Berhormat Pengkalan Kota tentang kenyataan Ahli Parlimen. Cuma saya rasa di sini, jika ada cadangan-cadangan untuk kebaikan mendidik masyarakat dan menjaga kesejahteraan kanak-kanak, itu boleh dibincangkan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sudah fahamlah. Tetapi akan sokonglah kalau ada perubahan ini ataupun meningkatkan umur perkahwinan ini.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Husni Bin Mat Piah):

Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang. Timbalan Yang di-Pertua, jadi saya suka juga untuk mencelah dalam soal apa yang telah dibangkitkan tadi oleh EXCO kita berkaitan dengan perkahwinan ataupun isu seks bawah umur ini dan saya juga bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat daripada Permatang Pasir. Perkara ini ataupun isu ini mesti dilihat dengan pelbagai sudut bukan dari satu sudut. Mungkin di sudut satunya, untuk kita adakan peraturan ataupun ketetapan, kuatkuasakan undang-undang dan dari satu sudut lagi perlu dilihat juga sebagai mana disebut tadi soal pendidikan kepada kanak-kanak ini kerana perkara ini sememangnya kalau kita sedari memang tidak sesuai perkahwinan itu tetapi dalam agama saya kira mungkin agama lain pun ada pertimbangannya dan Islam ada hukumnya sendiri dan saya melihat di dalam negara kita dengan statistik yang saya ada ini memang agak banyak kes-kes yang berlaku yang dilaporkan untuk tahun 2017 sahaja. Maknanya tahun lepas, jumlah perkahwinan kanak-kanak di bawah umur ini adalah seramai ataupun kesnya adalah 1,845 kes. Daripada 1,845 kes ini

yang melibatkan kanak-kanak beragama Islam adalah seramai 877 dan kanak-kanak bukan Islam adalah seramai 968 kes melibatkan pelbagai etnik termasuklah daripada kaum Tionghua, daripada kaum India. Kalau saya boleh sebut statistik di sini, daripada kaum Tionghua sebanyak 384 kes, kaum India 122 kes, etnik Sabah 31 kes, etnik Sarawak 268 kes dan Orang Asli di Semenanjung sebanyak 185 kes dan juga lain-lain etnik 18 kes menjadikan jumlah keseluruhannya 968 kes. Jadi kita perlu melihat semua ini dan apa yang dibuat itu untuk generasi yang akan datang, kebaikan bersama dan kita nak jaga juga soal perkahwinan bawah umur ini tapi dalam Islam, hukum itu satu soal dan dari satu sudut, hukum walaupun membolehkan, sebagaimana disebut oleh saudara saya tadi Ahli Kawasan Permatang Pasir, tapi untuk membenarkan itu dia mesti terletak di bawah Mahkamah Syariah. Makna kalau pihak mahkamah tidak membenarkan walaupun hukumnya boleh, sama sekali perkahwinan itu tidak boleh berlaku. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kita semua bersetuju bahawa kita mesti memberi pendidikan dan juga untuk mencegah gangguan seksual ini kepada kanak-kanak, Kerajaan Negeri telah menerbitkan satu buku "*Educate your children to protect themselves*". Ini *body safety educations*. Ini dalam Inggeris, tapi sekarang dalam *printing*, pencetakan Bahasa Malaysia, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin. Jadi saya harap semua KADUN, semua YB-YB akan ambil senasak atau lebih lagi tak apa dan hasrat Kerajaan Negeri ialah supaya setiap ibu-bapa dapat satu naskah supaya ibu-bapa sendiri baca dan boleh ajar anak-anak mereka macam mana boleh melindungi diri sendiri.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

YB. Padang Lalang, bagi saya laluan untuk mencelah sedikit. Saya bukan Umat Islam, saya tak pandai dengan tentang agama Islam tetapi saya percaya kepada 'Kepercayaan Kepada Raja dan Negara'. Apa yang telah dibuat Selangor, Sultan telah bersokong untuk meningkatkan umur ke 18. So, saya tidak faham tapi saya ingat sebagai seorang Sultan atau Raja adalah ketua agama, sebagai satu ketua agama islam. So, saya ingat saya percaya kepada apa yang Sultan telah setujukan. Itulah sokongan saya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun mengkaji nak mengubah umur perkahwinan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

I think Yang Berhormat Padang Lalang, kalau dibawa *amendment*, *I think* Penaga dan rakan-rakan saya lagipun akan sokong. Saya percaya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Terima kasih. YB. Sungai Pinang juga menyentuh, tentang ibu tunggal di PPR Jalan Sungai yang telah diberi peluang untuk menjana pendapatan menerusi latihan kemahiran kelas pembuat roti. Saya ingin menegaskan bahawa bukan sahaja kaum ibu tunggal, tetapi kaum wanita pada umumnya, amat memerlukan peluang untuk mempelajari cara menjana pendapatan. Tapi saya rasa Sungai Pinang menunjukkan satu kes yang baik. Dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga boleh buat demikian. Memperkasakan wanita untuk menjana pendapatan adalah strategi yang paling efektif dan lestari untuk membawa perubahan positif kepada wanita sendiri, bahkan untuk keluarganya dari segi kuasa membeli, atau (dengan izin)..*purchasing power*. Kesan-kesan ialah keluarga akan rasa kurang tertekan, sebaliknya menjadi lebih bahagia dan harmoni. Hakikatnya, ia akan meningkatkan status sosioekonomi mereka dan membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan tegar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Penang Women Development Corporation (PWDC) telah memperkenalkan Projek Transformasi Ekonomi Komuniti di bawah Program Pemerksaan Ekonomi Wanita ataupun WEE. Ia merupakan sebuah projek yang direka khusus untuk membantu menjana pendapatan bagi penduduk, termasuknya golongan ibu. Sebagai projek perintis, PWDC telah memperkenalkan program ini kepada penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dewan Wawasan pada bulan Februari 2018, di atas permintaan penduduk setempat. Satu siri bengkel membuat kraftangan kertas dan plastik telah dilaksanakan untuk penduduk yang berminat. Kini, hasil kraftangan telah mula mendapat tempahan dan ada penduduk yang sudah mula menjana pendapatan. Bukan banyak tetapi saya rasa sikit-sikit, nanti lama-lama dia jadi bukit.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PWDC akan mengadakan satu Persidangan Pemerksaan Ekonomi Wanita Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 24 hingga 25 September 2018, iaitu bulan depan. Dengan tema "Memikirkan Semula Keusahawanan Untuk Wanita Hari Ini". Persidangan ini adalah satu platform untuk usahawan-usahawan baru yang ingin menceburi bidang perniagaan, usahawan-usahawan yang ingin mengembangkan perniagaan kini, dan juga ingin membekal produk dan perkhidmatan, di mana mereka boleh mempelajari daripada para usahawan yang sudah berjaya tentang cara-cara berniaga secara efektif dan efisien. Jadi, kami akan menjemputlah semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya Ahli-ahli Yang

Berhormat ada di kawasanya ada wanita-wanita yang ingin menyertai *conference* ini bolehlah menghubungi PWDC.

Mengikut statistik yang dikumpul untuk sektor awam di Pulau Pinang, yang merangkumi 84 jabatan Persekutuan, 20 Jabatan Negeri dan dua Pihak Berkuasa Tempatan, Peratusan wanita dan lelaki di peringkat Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan dan Profesional adalah masing-masing sebanyak 56.5% lelaki dan 43.5% perempuan. Mengikut peratusan yang dinyatakan, kesaksamarataan...kesaksamaan...kesamarataan gender telah tercapai. Kesamarataan.

Walaubagaimanapun, 53.3% daripada 6,103 penjawat awam kedua-dua kumpulan ini adalah daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada pakar, doktor dan jururawat. Jika jumlah penjawat awam Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang ini tidak diambil kira, peratusan penjawat awam Pengurusan Tertinggi untuk wanita hanya sebanyak 27.8% kurang daripada 30% dan lelaki ialah 72.2%. Ini bermakna masih terdapat jurang gender di peringkat pengurusan tertinggi sektor awam di Pulau Pinang.

Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan dan melaksanakan dasar meningkatkan perwakilan wanita dalam struktur Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, dahulu dikenali sebagai JKKK. Jadi kita menetapkan setiap tahun 2021 setiap JKKK ini mesti mempunyai lima (5) orang wanita sekurang-kurangnya kalau sampai 50 adalah lebih baik. Tapi saya rasa saya nak memperkenalkanlah satu *gender balance* yang *principle* baru iaitu 40:40:20. 40 wanita, 40 lelaki, dan 20 itu bukan untuk transgender lah. 20 itu siapa yang cepat, siapa yang pandai, siapa yang efisien, dia yang dapat. Jadi tidak akan ada monopoli melebihi 60% untuk satu jantina. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh sokong *gender balance* prinsip ini. Speaker boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Boleh.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan dasar ini adalah untuk mencapai kesaksamaan gender dengan meningkatkan perwakilan wanita dalam struktur Kerajaan Negeri. Perwakilan wanita dalam MPKK mesti dipertingkatkan agar suara dan pandangan pemimpin wanita didengari dan dipertimbangkan. Ini akan memastikan program-program yang dijalankan di akar umbi juga akan mengambil kira keperluan kaum wanita, kanak-kanak, orang tua dan OKU. Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang menerima pakai dasar seperti ini. Kita nak "*Penang Leads*" la.

Sebenarnya KPI untuk EXCO pun adalah salah satunya ialah setiap program yang dijalankan oleh EXCO mesti keterangkuman semua. Iaitu dia mesti merangkumi kaum wanita, lelaki, kanak-kanak *boys and girls*, orang tua dan OKU. Ini sebagai satu KPI. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh cuba menggunakan KPI ini dalam program-program yang dilaksanakan di dalam kawasan masing-masing. Yang Berhormat fikir dahulu, kalau kita adakan program ini umpamanya pertandingan menyanyi. Jadi mesti kira ada berapa orang wanita, berapa orang lelaki. Ada orang tua kah ataupun ada orang muda kah? Jadi kalau boleh merangkumi semua kerana pada masa akan datang kita akan mewujudkan satu unit keterangkuman gender untuk memantau sama ada program-program yang dijalankan itu adakah dia keterangkuman gender dan juga *inclusive* iaitu bukan sahaja lelaki dan wanita tapi juga orang tua dan orang muda, OKU dan lain-lain lagi.

Untuk membina kapasiti pemimpin-pemimpin wanita dalam MPKK, PWDC telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan siri bengkel pembinaan kapasiti dan kepimpinan golongan wanita untuk berkhidmat di MPKK. Menjelang tahun 2019, akan terdapat 183 jawatan di MPKK yang perlu dipenuhi oleh kaum wanita di kelima-lima daerah. Maka, adalah diseru supaya Yang Berhormat sekalian bersedia untuk menghantar nama calon-calon untuk dilatih oleh PWDC.

Terima kasih juga diucapkan kepada Sungai Pinang satu kali lagi kerana menyentuh isu berkenaan dengan Pusat Sehati (*One Stop Center*) untuk pendaftaran Pusat Jagaan Kanak-kanak. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, pengwujudan Taska dan pusat jagaan sama ada dikendalikan oleh Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan atau swasta memainkan peranan yang penting dalam menyediakan perkhidmatan asuhan dan membantu menangani masalah sosial. Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan adalah jabatan-jabatan teknikal yang terlibat dalam memberi kelulusan sebelum sebuah Taska atau Pusat Jagaan boleh didaftarkan. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat untuk memudahkan urusan pendaftaran pusat jagaan kanak-kanak dan juga Taska oleh para pengusaha.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Uban, Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan proses pemutihan sebagai usaha untuk mendaftarkan semua Taska dan pusat jagaan di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk

memberi diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastruktur untuk memohon tukar guna bangunan kediaman kepada Taska dan pusat jagaan bagi mereka yang tidak berlesen dan beroperasi sebelum 15 September 2017. Tempoh diskaun ini akan adalah dari 15 September 2017 sehingga 14 September 2018. Jadi lebih kurang satu bulan lagi. Tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama semua agensi yang terlibat akan diambil terhadap Taska dan pusat jagaan yang masih beroperasi tanpa lesen selepas tamat tempoh pemberian diskaun. Walau bagaimanapun, sehingga kini bilangan pengusaha Taska dan pusat jagaan yang tampil untuk mendaftar adalah kurang memberangsangkan. Sehubungan itu, antara cadangan lain yang akan dilaksanakan dalam menangani masalah pemutihan adalah:

- (a) Mengesyorkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar memberi kebenaran kepada JKM untuk mengeluarkan lesen sementara untuk tempoh satu tahun bagi pusat yang masih belum mendapat kelulusan agensi teknikal. Tujuan lesen sementara dikeluarkan adalah bagi membantu pengusaha untuk memenuhi keperluan-keperluan agensi teknikal. Pengeluaran lesen sementara satu tahun dipraktikkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bagi tadika. Jadi kita hendak gunakan prosedur yang sama kerana kita rasa ada baiknya mereka diberi lesen sementara dan diberi tempoh satu tahun dan kita boleh pantau selepas satu tahun sama ada dia sudah ada lesen atau tidak.
- (b) Mengesyorkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyelaraskan syarat dan yuran pendaftaran antara semua PBT di Malaysia kerana kita juga ada dengar di negeri lain, syarat perubahan itu tidak begitu ketat dan juga yurannya jauh lebih murah daripada Pulau Pinang. Jadi kita hendak tahu sama ada ianya benar.

Dato' Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 5,377 taska dan 20,057 tadika beroperasi di Malaysia di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu KEMAS, Kementerian Pendidikan Malaysia, tadika dan Jabatan Perdana Menteri iaitu Taska Perpaduan, Taska Komuniti dan juga Taska PERMATA dahulu, sekarang Taska PERMATA sudah pindah di bawah Kementerian Pendidikan. Kerajaan Negeri akan mengusulkan kepada Perdana Menteri Malaysia supaya satu agensi ditubuhkan untuk menyatukan kesemua pengurusan taska, tadika dan pusat jagaan kanak-kanak tersebut di bawah satu agensi penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Ini juga akan mengoptimumkan kos operasi dan memastikan semua anak-anak mendapat penjagaan dan pembangunan asas yang sama. Kita boleh menetapkan apakah nilai-nilai yang kita ingin mengajar kanak-kanak ini. Sekarang ia di bawah taska yang lain di bawah KEMAS menggunakan kurikulum yang lain dan juga mungkin *standard* yang tidak sama.

PJKK, Taska dan Tadika juga amatlah penting untuk membantu mengekalkan golongan wanita dalam sektor pekerjaan. Ini adalah satu jenis stereotaip gender di mana tanggungjawab jagaan anak-anak dan orang tua diletak di atas bahu golongan wanita. Pemikiran ini perlu diubah dan golongan lelaki dan bapa harus dididik untuk tampil ke hadapan, untuk berkongsi tanggungjawab tersebut. Tambahan juga Malaysia masih mempunyai kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang rendah iaitu sebanyak 54.7% berbanding dengan lelaki pada kadar 80.1%. Kita mempunyai banyak potensi di kalangan kaum wanita yang masih belum dicungkil sepenuhnya. Tetapi saya pun faham bahawa pada waktu sekarang ramai kaum bapa juga membantu, walau pun tidak membantu begitu banyak tetapi mereka membantu juga. Tetapi apa yang kaum ibu tidak suka dengar ialah bila dia jaga anak dia cakap dengan isterinya, saya tolong jaga anak awak ya, isterinya marah, ini bukan anak awak? Mesti kata saya jaga anak kita, jangan cakap saya tolong jaga anak awak.

Keluarga merupakan unit sosial yang terpenting dalam sebuah masyarakat. Kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga amat penting untuk mewujudkan masyarakat yang aman dan maju. Akan tetapi pada zaman alaf baru ini banyak keluarga menghadapi cabaran dan tekanan dalam memenuhi bukan sahaja keperluan harian tetapi juga tuntutan emosi dan kasih sayang yang seringkali diabaikan.

Dalam konteks ini, usaha menanam sikap bertanggungjawab semua ahli keluarga terhadap keharmonian keluarga amatlah kritikal. Hubungan antara suami isteri, anak-anak dan ahli-ahli keluarga yang lain haruslah mesra dan baik supaya anak-anak membentuk sahsiah dan intelek yang sihat. Keluarga yang tidak stabil akan melahirkan generasi anak yang akan menimbulkan masalah sosial kepada masyarakat. Oleh itu apabila berlakunya gejala sosial dalam masyarakat kita, punca utama adalah dari unit keluarga yang tidak berfungsi atau dengan izin, *dysfunctional family unit*. Keluarga seharusnya ibu bapa dapat melindungi anak-anak mereka, menjaga mereka tetapi ada banyak keluarga di mana ibu bapa tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik. Oleh itu unit keluarga yang bermasalah mengundang pelbagai masalah sosial seperti perjudian *online*, *gengsterisme*, penyalahgunaan dadah, gangguan seksual, buli dan lain-lain. Ini ialah anak-anak tidak didisiplin dengan baik semasa kecil. Perbuatan tidak sihat haruslah disekat dan disunting sebelum ia berputik.

Sebagai usaha untuk menangani isu-isu sosial, langkah-langkah pencegahan haruslah diambil bermula dari unit keluarga yang merupakan sumber punca utama kepada isu-isu sosial. Jadi apabila Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bertanya, *what a government can do* untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah, *gengsterism* ataupun perjudian *online*, ini sudah lambat. Apabila dia sudah berlaku sangat susah untuk mengambil tindakan *intervention* ataupun *rectify*. Cara yang lebih baik ialah mencegahnya apabila mereka kecil lagi.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah menjalankan kempen, tadi seperti yang saya kata ini untuk mencegah berlakunya gangguan seksual ataupun *sexual assault* terhadap kanak-kanak. Untuk golongan ibu bapa program-program kemahiran keibubapaan akan dianjurkan supaya ibu bapa lebih memahami cara mengurus anak-anak mereka dengan lebih baik dalam zaman *cyber* ini. Kemahiran memupuk keluarga yang seimbang akan menjadi tujuan utama. Keseimbangan dari segi berkongsi kerja rumah seperti menjaga anak-anak ataupun orang tua, membersihkan rumah, memasak dan sebagainya. Program tersebut akan menyentuh berkenaan keperluan ibu bapa peka terhadap aktiviti anak-anak supaya dapat mengesan lebih awal sekiranya mendapati anak-anak terlibat dalam gejala sosial yang negatif. Jangan sampai tahap ini, jaga mereka dengan baik sewaktu mereka kecil, tidak boleh keluar dari rumah lagi. Apabila mereka boleh keluar dari rumah dengan basikal, dengan bas, itu akan terlambat sedikit kalau kita tidak asuh mereka dengan baik. Tidak menyemaikan disiplin atau disiplin diri sendiri, tidak perlu ibu bapa selalu kejar, dia sendiri tahu apakah yang betul dibuat, apa yang tidak betul dibuat.

Jadi saya harap kita di dalam Kerajaan Negeri akan menyediakan *Parents Classroom*. Ia bukan betul-betul ada di *classroom* secara fizikal tetapi akan menganjurkan kursus-kursus untuk ibu bapa bagaimana kita boleh menjaga anak-anak dengan baik sebelum mereka menunjukkan kesan-kesan negatif itu. Tetapi mengikut pengalaman saya, selalunya anak-anak memang mereka baik sebenarnya, hanya kerana mereka tidak merasai kasih sayang ibu, tidak diberi kasih sayang yang cukup. Jadi mereka senang mencari kasih sayang di luar dan mereka diambil kesempatan. Mereka khasnya budak perempuan berumur 19, 11, 14 mereka ini diambil kesempatan oleh mereka yang kurang bertanggungjawab.

Timbalan Speaker, Jawatankuasa MMK Keterangkuman Gender merupakan jawatankuasa baru yang ditubuhkan di bawah Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk mengurus perundangan gender dalam dasar-dasar dan rancangan-rancangan, program-program berkaitan gender untuk dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang demi mencapai kesaksamaan gender. Ini satu-satunya Jawatankuasa MMK di seluruh Malaysia, hanya di Pulau Pinang. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang amatlah peka dan faham adalah pentingnya untuk mengadakan keterangkuman gender ini supaya kita boleh memberi peluang kepada kaum wanita menjadi pemimpin juga, ataupun pandangan mereka diambil kira.

Saya ingin mengambil kesempatan ini di Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan bahawa kesaksamaan gender melibatkan kedua-dua wanita dan lelaki, bukan wanita sahaja. Gender ini ialah untuk wanita dan lelaki. Adalah menjadi kebiasaan dasar-dasar kesaksamaan gender digolongkan sebagai isu wanita. Ini kerana masih terdapat jurang-jurang gender terutamanya dari segi pembuat keputusan ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian kita harus mengambil langkah-langkah bagi merapatkan jurang gender tersebut.

Kerajaan Negeri kini sedang dalam proses perancangan untuk menyediakan persekitaran yang inklusif agar golongan wanita dan lelaki serta kanak-kanak memperolehi akses yang saksama kepada peluang dan akses untuk merealisasikan potensi mereka sepenuhnya. Oleh itu, matlamat mencapai kesaksamaan gender perlu digalas oleh bukan sahaja kaum wanita tetapi juga kaum lelaki. Pada zaman yang akan datang, sekarang pun, di dalam universiti sudah lebih ramai wanita daripada lelaki. Jadi kita pun mesti memberi perhatian mengapa 20 tahun dahulu lelaki yang lebih banyak. Apabila sewaktu saya kecil, guru-guru saya semuanya lelaki sekarang 80% guru adalah wanita. Mengapa? Lelaki semua pergi mana? Kalau di dalam Parlimen, sekarang YB. Mat Sabu, dia kata lelaki pergi Serenti, wanita pergi universiti. Ini tidak baik juga tetapi ini mengikut statistik bukan stereotaip tetapi fakta. Memang dalam Serenti jauh lebih ramai lelaki, dalam Penjara juga jauh lebih ramai lelaki. Mengapa? Ini kita perlu kaji. Mungkin juga kerana kaum lelaki bertanggungjawab untuk mencari rezeki. Apabila tak dapat mencari rezeki, terdesak, mungkin jugalah mereka mencuri ke, merompak, saya rasalah, ini adalah satu faktor. Wanita dia tak bertanggungjawab, walaupun ada ramai juga, wanita juga bekerja, dan menjadi *breadwinner for the* keluarga. Tapi, bilangannya jauh lebih kecil. Ini kemungkinan, ini mungkin kemungkinan, jadi mesti buat kajian. Supaya jangan pada satu hari, situasi terbalik pula. Nanti lebih ramai wanita yang bekerja di luar, berbanding dengan lelaki, dan lelaki akan kata mereka tak ada peluang yang sama. Jadi lebih baik kita adakan *gender balance principal* dari sekarang. Supaya ia akan *balance* ini untuk menjaga kaum bapa dan lelaki juga. Bukan untuk wanita sahaja.

Jadi, bagi mencetuskan perbincangan dan perkongsian mengenai keterangkuman gender dalam isu-isu meliputi kepimpinan, kemudahan awam dan sebagainya, satu bengkel, (dengan izin)...*multi-stakeholder brain storming* telah diadakan pada 25 dan 26 Jun 2018. Bengkel tersebut disertai oleh 32

peserta pihak berkepentingan dari Jabatan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga wakil daripada sektor swasta. Dan juga pakar-pakarlah yang dalam gender ini.

Salah satu daripada hasil perbincangan adalah kepastian daripada peserta bahawa *Gender Responsive and Participatory Budgeting*, atau GRPB merupakan mekanisme yang berkesan dalam melibatkan semua lapisan masyarakat dalam peruntukan bajet dan program. Dan semua lapisan dan juga lelaki dan perempuan. Hasil perbincangan bengkel akan digunakan untuk membentuk misi dan rangka kerja Keterangkuman Gender. Susulan itu, dasar gender dan pelan tindakan akan digubal di bawah Jawatankuasa MMK Keterangkuman Gender untuk digunakan oleh semua pihak yang berkaitan. Saya rasa akan juga terangkum pusat-pusat khidmat Ahli-Ahli Yang Berhormat jugalah.

Sebagai langkah awal dalam menyediakan maklumat berkaitan gender, data-data berkenaan dengan statistik tenaga kerja bagi jabatan/agensi Kerajaan Negeri, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Badan Negeri, Berkanun Persekutuan dan Syarikat Kerajaan Negeri berdasarkan kumpulan perjawatan dan gender telah diperolehi. Tadi saya sudah cakap ah. Data ini amat diperlukan kerana penjawatan awam merupakan pemimpin dan pelaksana dalam sektor awam untuk merancang, melaksana, mengawal selia dan menilai program-program yang dilaksanakan. Dari masa ke semasa, Jawatankuasa Keterangkuman Gender akan membincangkan isu-isu gender dalam pembangunan serta membincangkan cara menyediakan maklumat berkaitan gender untuk pendidikan dan kesedaran.

Ingin saya jelaskan bahawa prinsip tiada diskriminasi adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di mana semua rakyat adalah sama di sisi undang-undang. Mengikut perlembagaan kita, (dengan izin)... *“there shall no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, descent, place of birth and gender.”* Gender ini ditambah pada tahun 2001. Selepas Parlimen mula ada Ahli Parlimen wanita pembangkang. *That is in 1999, the Parliament first has women opposition members, in 1999.* Jadi ini menunjukkan bahawa bilangan wanita di dalam Parlimen akan membawa perubahan dari segi undang-undang kerana kita ada suara tetapi sampai sekarang suara tak cukup lagi. Dalam Dewan sini jugalah. Belum cukup. Belum sampai 30%, kalau ada sekurang-kurangnya 30%, kita ada 40 kan? Sekurang-kurangnya mesti ada 13. 12, 13, 14, haaa. Jadi, sekarang ada berapa? Enam (6) sahaja. Tak cukup aaa. Jadi, isteri-isteri dan anak-anak kamu semua tidak, anak-anak perempuan kamu semua tidak, tidak dapat cukup suara, dan perwakilan.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan, ini untuk agama selain Islam ya. Tadi, Yang Berhormat Datok Keramat, dia telah memberi jawapan, dia sudah memberi jawapan. Jadi saya tak perlu ulang lagi. Kerana saya yang jaga MMK ini, tapi YB. Datok Keramat dia menjaga RIBI. Macam mana nak memperuntukkan duit di bawah dia. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau nak memohon wang peruntukan untuk RIBI sila hantar ke pejabat yang betul ya?

Yang saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini ialah mengenai Asia Pacific Masters Games, Pulau Pinang. Saya rasa setakat ini semua sudah tahu lah kita akan melangsungkan Asia Pacific Masters Games atau APMG pada bulan depan, dia adalah dari 7 hingga 15 September 2018...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Padang Lalang minta laluan. Ada dua (2) perkara yang saya telah timbulkan dalam ucapan perbahasan. Satu (1) adalah tentang pendirian Kerajaan Negeri tentang tapak RIBI yang selalunya diberikan oleh pemaju, selalunya bedekatan, atau tepi loji najis, tepi depoh sampah ataupun pencawang elektrik. Tanah yang tidak sesuai. Dan lagi satu, adakah wujud satu *Chinese Temple Allowance Port* saya mohon dijawab juga. Sebab Datok Keramat tak jawab. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Itu mengenai tapak RIBI semasa membuat perancangan. Saya rasa ini adalah di bawah Datok Keramat. Datok Keramat dia menjaga *local government*. Mereka boleh menetapkan di mana tapak RIBI ini. Tapi sekiranya ada tapak RIBI yang lain yang kita peruntukan, boleh di bawa kepada saya juga lah. Umpamanya sekarang, di Ampang Jajar, Ampang Jajar di kawasan Yang Berhormat Bagan Jermal? Ha, okey. Kita ada sekeping tanah di situ, kita akan mengagihkan tapi kita masih dalam perancangan. Kita pernah, memang kita pernah bincangkan isu ini, tapi ini sangat rumit kerana banyak, banyak ini RIBI tokong-tokong Cina, dia kerana kita ada *Buddhism*, *Taoism*, dan banyak. Kita ada *Night Emperor Gods*, kita ada *Guan Yin*, dan kita ada *some Taichung*, *Tua Pek Kong*, *Kwan Kung*, ramai, banyak.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat Padang Lalang, *I think Buddhism* dia ada *umbrella body* kan? Dalam Malaysia. Selain daripada *Buddhism*, semua agama boleh, *I mean* yang *Chinese religion* boleh dimasukkan dalam itu. Pandangan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tapi dia ada tokong-tokong yang tidak sama punya. Dia ada sedikit rumit, rumit. Rumit ah? Jadi, kita akan kaji lagilah, sekiranya Ahli-Ahli yang Berhormat mereka setuju kita akan adakan, okey? Jadi untuk APMG ini, sebanyak 22 acara akan dipertandingkan dengan sasaran dan kita ada, sampai hari ini kita ada peserta 4,657 orang. Ya. Peserta ini dia datang dari, dari 61 buah negara dan pada waktu sekarang terdapat, saya rasa ini merupakan satu-satunya acara sukan di mana peserta luar negeri yang paling banyak sekali, paling ramai. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil kesempatan untuk mengambil bahagian. Dan juga bagi peluang kepada atlet-atlet di kawasan kamu untuk mengambil bahagian juga. Saya nak beri tahu, ini Yang Berhormat Berapit, beliau akan mengambil bahagian dalam *cross channel swim*. Bersama-sama dengan Datuk Bandar. Kalau mahu, kamu pun boleh. Ahli-ahli Yang Berhormat pun boleh. Ya, dan saya mahu mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah setuju untuk membantu ya untuk dalam beberapa acara umpamanya Yang Berhormat Batu Uban dia menjaga pencak silat, Yang Berhormat Bagan Jermal, bola keranjang. Yang terhormat KOMTAR, dia jaga wushu dan *lion dance*, Yang Berhormat Batu Lintang, tak ada sini, golf, saya rasa dia jaga. Saya rasa Yang Berhormat Tuan Speaker boleh jaga *football* kot? Tapi *football* telah mendapat, telah mencapai matlamat, 200 orang. Telah melebihinya. Dan saya rasa Yang Berhormat, Yang Berhormat telah diantaranya yang sudah berdaftar beberapa pakej, masing-masing, saya mahu memujilah, Yang Berhormat Tanjung Tokong dia, Tanjung Bunga, Tanjung Bunga, yang dia paling cepat punya. Dia yang paling cepat yang hantarkan senarai. Dan saya rasa Berapit pun, Berapit pun sudah ada nama-nama. Lagi siapa? Itu Jawi sudah ada, Gooi belum bayar. Akan diberikan, akan diberi inoivis, akan diberi inoivis, selepas terima inoivis, tolong bayar. Bayar? Saya rasa Sungai Pinang pun sudah. Dan lain-lain saya harap, ini... Pulau Tikus pun sudah.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Akan habis. Akan habis. Satu lagi. Ayer Itam pun sudah banyak membantu.

Ahli kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Sejak tahun lalu. Saya ingin mencelah tentang APMG. Memandangkan tarikh penutupan adalah semalam, *right*? Dan jumlah peserta kita juga ada, adakah, saya nak tahun *financial status* untuk APMG. Dengan izinnya, adakah, *I mean* orang yang sudah mendaftar dengan, dan wang yang kita kutip, dapatkah kita *cover* kos kita? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya mesti secara terus terang mengatakan bahawa peruntukan yang diberi oleh kerajaan dan kos pendaftaran ini, masih belum cukup untuk *cover* semua kos. Mengapa? Kerana kita sudah tambah dua (2) sukan. Iaitu, pencak silat dan *lion dance* dan wushu dan ini adalah tidak dibajetkan. Dan sekarang kita sudah jadi kerajaan di pusat, RTM mahu siarkan secara langsung *opening* kita. Itu kita mesti buat yang lebih... lebih... lebih... lebih *grand* sikit ya. Lebih *grand* sikit kalau ada *event organizer*. *SEA game* punya *opening* berapa juta? Saya tak ingat la berapa juta. Tapi ini kita guna tak sampai 1 juta. Kita gunakan tenaga sendiri, tak ada *event organizer*...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

YB. Padang Lalang. Saya bercadang *I means* saya cadangkan memandangkan bahawa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam satu kerajaan yang sama dan Asia Pacific Masters Games julung kalinya dianjurkan di Malaysia juga. Mungkin sebelum ini publisiti mungkin tak cukup lagi. Memandangkan kita ada satu bulan lebih lagi. Mungkin ada syarikat yang besar yang mungkin berminat untuk menjadi penaja kita. Mungkin usaha Kerajaan Negeri untuk cari lagi daripada mereka, mengambil kesempatan ini sebab memandangkan publisiti yang begitu baik daripada RTM yang baru-baru ini berminat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Cadangan ini yang baik. Sangat baik kerana sekarang sudah RTM sudah yang sudah mau *line telecast*. Mungkin ada syarikat yang besar yang akan berminat.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau Air Putih. Air Itam ada, ada syarikat-syarikat kena syarikat syarikat yang minat boleh beri tahu juga.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Saya syorkan Ayer Tawar sebab tadi dia sudah bagi tau nak cari *sponsor* boleh cari dia.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tapi di sini saya juga tadi saya lupa. Urus setia APMG 2018 dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dengan kerjasama Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) sedang menganjurkan Larian Obor APMG *Penang* 2018. Perjalanan 3,608 kilometer ini bermula di Kudat, Sabah pada 28 April 2018. Apakah tarikh ini? Ini ialah hari penamaan kita. Dan telah melalui Labuan, Sarawak, Kedah, Perlis, Kelantan, Johor, Melaka, Terengganu, Pahang dan hari ini, hari esok akan sampai Negeri Sembilan.

Larian seterusnya adalah ke Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Perak dan Pulau Pinang pada bulan September dan akan berakhir di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang pada 8 September tahun ini, sempena majlis perasmian. Tujuan Larian Obor APMG adalah untuk memberi kesedaran dan publisiti yang lebih menyeluruh di kalangan rakyat Malaysia berkenaan Kejohanan APMG Penang tahun 2018 dan *International Masters Games Association* memang *very impress*. *We* dengan oboran ini dan juga sangat puas hati dengan kita dalam penyediaan APMG ini.

Jadi saya mau ucapkan banyak terima kasih kepada MBPP khususnya Dato' Bandar kerana ini adalah idea Dato' Bandar, oboran ini.

Yang isu yang *last* sekali ialah mengenai minta Ketua Pembangkang la...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Minta mencelah. Kepada YB. Padang Lalang sebab tadi YB. sentuh tentang acara sukan walaupun sekarang bukan di MMK sukan tetapi disebabkan YB. selaku Pengerusi MMK Keluarga Dan Komuniti. Saya ingin nak tanya di sini, adakah YB. Padang Lalang setuju tentang kepentingan *exercise*, sukan dan rekreasi untuk semua orang termasuk juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan apakah satu, adakah perancangan satu KPI supaya semua Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dapat (dengan izin)...*maintain fitness* setiap orang sebab semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini saya rasa juga letih atau (dengan izin)...*overload* dengan kerja biasa harian. Mungkin perlukan satu *plan* yang sesuai supaya boleh *release tension*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya akan bincang dengan Tuan Speaker ya, macam mana kita boleh saya mencegah mereka apabila bermesyuarat sampai pukul 10.00...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Minta maaf. Maksud saya adalah bukan semasa mesyuarat Dewan tetapi sepanjang tahun.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sepanjang tahun ar. Mestilah selalu bersukan, bersenaman. Bangun awal pagi pergi jalan 5,000 langkah atau 10,000 langkah. Itu akan *keep you fit and* cergas sepanjang hari. Jadi kalau mahu bersukan. Mana-mana pun boleh. Kalau tidak mahu, bagi fasiliti pun dia tak guna punya. Ramai orang saya tahu mereka di rumah dia ada basikal, ada *runner machine* tapi tak guna. Betul ar? Tapi sungai ini untuk Sungai Ara. Sungai Ara.. Sungai Dua telah timbul dengan UEC. Betul, ada ar? *Unites Examination Certificate*. Dia merupakan ujian peperiksaan menengah yang ditadbir oleh Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia ataupun ini Chinese ia dipanggil *Dong Zong*. Peperiksaan pertama diadakan pada tahun 1975.

Peperiksaan ini setaraf dengan peperiksaan A Level. Di mana pelajar dari Sekolah Menengah Persendirian Cina akan menduduki ujian peperiksaan ini. Terdapat tiga (3) tahap dalam UEC iaitu Vokasional UEC Vokasional, UEC *Junior* dan *Senior*. Dia Senior dia sekolah menengah dia ada 6 tahun. *First three years* ialah *junior* dan belakang *three years* adalah *senior*.

Dia seperti sampai STPM lah. Bahasa Cina adalah Bahasa penghantar bagi kurikulum dan peperiksaan bagi UEC Vokasional, UEC Junior. Bahasa Cina atau Bahasa Inggeris adalah merupakan Bahasa penghantar bagi mata pelajaran Matematik, Sains iaitu Biologi, *chemistry* dan fizik. Simpan Kira Akaun dan Perdagangan. Jadi dia ada dua dwi- bahasa. Sama ada dia belajar Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Cina. Sijil UEC diiktiraf oleh banyak universiti terkemuka antarabangsa termasuk Oxford University, University Of Cambridge, Australian National University, Kyoto University, California Institute Of Technology dan Peking University. Jadi, ia bukan hanya pergi ke Taiwan sahaja dan kita ada di dalam DAP, dia seorang YB di Sarawak, YB. Violet Yon. Dia adalah... dia mengambil UEC tetapi dia juga mengambil SPM. Jadi dia boleh pergi ke Australia dan dapat *law degree* dan menjadi *lawyer*. Saya rasa Yang Berhormat Sungai Dua, dia tak setuju mengiktirafkan UEC ini supaya dia boleh masuk gunakan sijil ini pergi ke universiti tempatan. Sekarang universiti Malaysia swasta, *private* semuanya mengiktirafkan UEC ini. Boleh gunakan UEC ini pergi ke universiti, universiti apa lagi..Universiti Multimedia. Hanya universiti kerajaan tidak mengiktirafkan. Saya rasa tadi saya berbincang dengan Perai dan Perai berpendapat bahawa mengapa kita tidak boleh ambil dari *multiple channel*. Iaitu umpamanya kita punya universiti, universiti tempatan ambil melalui STPM dan juga matrikulasi. Dua sistem *what*. Dua sistem yang ada diploma lagi. Dan kita juga mengambil pelajar dari Afrika dari negara yang lain. Mereka tak ada STPM ataupun SPM. Mereka gunakan sijil mereka tetapi

setaraf dengan STPM ataupun SPM. Jadi, saya harap Sungai Dua boleh mungkin kurang faham lah kerana tak ada pendekatan dengan UEC ini. Saya harap selepas faham, bolehlah sokong. Mengiktirafkan kerana mengiktirafkan UEC ini tidak merugikan siapa-siapa tetapi akan menguntungkan negara kita kerana apabila kita mengiktirafkan, jadi, mereka boleh bekerja untuk kerajaan. Sekarang tidak boleh berkerja dengan kerajaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Padang Lalang. Saya melihat kembali semua UEC sebab kita negara Malaysia. Kita menitikberatkan dari segi Bahasa Melayu, Bahasa kebangsaan dan juga Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. UEC ini saya dengar tadi Bahasa Mandarin. Cina, Mandarin dengan Bahasa Inggeris. Jadi, kita pun di Malaysia, kita ada sekolah-sekolah menengah kebangsaan Cina dan sebagainya yang pelajar-pelajarnya ambil SPM, STP dan sebagainya. Jadi, kita nak pastikan semuanya bangsa, semua orang Cina, orang India, orang Melayu menjadikan Bahasa Melayu di bawah kelulusan SPM, STP dan sebagainya walaupun di universiti pun ada Bahasa Melayu saya rasa, kita nak Bahasa Melayu diangkat dan kita boleh mewujudkan satu budaya bangsa Malaysia dengan menggunakan kaedah itu. Kalau kita menggunakan kaedah UEC ini. Bukan saya nak bangkang, saya tak bantah tapi syarat Bahasa Melayu kena ada juga. SPM kena ada juga. SPM kena ambil juga. UEC dan juga SPM. Dia tak boleh ambil semata-mata UEC sahaja. Dia kena ada SPM. Kena ambil juga SPM untuk pastikan dia ada dua. Dia ada dua. Dua.. (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang ada pelajar-pelajar dia ambil dua (2), UEC dan SPM tapi bukan semua pelajar boleh ambil dua peperiksaan pada waktu yang sama. Jadi, ada yang pilih untuk ambil UEC tetapi dalam sekolah persendirian ini ada juga yang benar untuk ambil SPM dan tak ambil UEC. Dia macam *private school* lah. Jadi, saya rasa yang penting ialah kita semua boleh tutur dalam Bahasa Malaysia. Umpamanya di Mauritius dia ada bahasa pertuturan untuk semua orang adalah Creole tetapi di sekolah mereka belajar Inggeris, Perancis dan juga bahasa-bahasa ibunda mereka sendiri.

Yang Berhormat Sungai Dua, walaupun saya sendiri pun setuju Bahasa Malaysia itu adalah amat penting dan semua orang mesti belajar tapi saya kita tau sama ada Sungai Dua ada *observe* pantau pemimpin-pemimpin yang paling top punya di Malaysia. Semuanya Bahasa Inggeris banyak bagus. Dia bahasa Cina bagus juga tetapi Bahasa Inggeris tak bagus, dia tak boleh pergi ke dunia. Sama. Kalau Bahasa Malaysia sangat baik juga, bolehlah sampai Parlimen pun boleh lah ataupun pergi ke Indonesia pun boleh tetapi kalau mahu pergi ke antarabangsa semuanya gunakan Bahasa Inggeris. Kita tengak bahawa bukan UMNO sahaja la yang *top leader of UMNO* juga semuanya Bahasa Inggeris baik punya. Yang Najib dia belajar di luar, dia siapa lagi. Hishammuddin dia belajar di luar. Anak-anak mereka semua belajar di luar. Dan sekarang ada mula belajar di Negeri China juga. Sini, saya bukan *nak I means* kita bukan CM punya, Ketua Menteri dia dulu belajar Bahasa Inggeris ka Bahasa Malaysia? Tapi Bahasa Cina pun banyak baik sekarang...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tidak ada salah kalau kita Bahasa Malaysia itu diutamakan dalam dalam sekolah, dalam pembelajaran dan Bahasa Inggeris kita bagi keutamaan. Pernah kita buat Bahasa Inggeris, Sains dalam Bahasa Inggeris. Kita nak juga Bahasa Inggeris untuk, untuk antarabangsa, untuk hubungan antarabangsa untuk pembelajaran di peringkat luar negara dan sebagainya. Tapi untuk konteks Bahasa Melayu ini kita kena jaga juga sebagai Bahasa...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Jaga memang kita jaga... kita jaga..(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya bertanya Sungai Dua, ini kawan lama. Apa halangan kalau kita ambil kira apa ini perkembangan Universiti Awam ataupun Swasta di seluruh dunia. Sekarang ini kemasukan Universiti ini ada lima (5), enam (6), tujuh (7) saluran. Cuma di Malaysia kita cuma ada tiga (3) saluran STPM, Matrikulasi dan Diploma. Saya ini saya tidak berpihak pada UEC atau man-mana. Saya yang ini, cadangan saya ialah sudah sampai satu masa sama ada Universiti Swasta di Malaysia ataupun Universiti Awam membuka supaya ada saluran-saluran yang dapat di tambah sama ada ini UEC, sama ada ini kelas Arab, Sama ada ini bahasa Tamil. Asalkan mereka ada kelulusan SPM Bahasa Malaysia.

Jangan lupa bahasa perantaraan di universiti adalah Bahasa Melayu betul. Saya ambil satu (1) contoh, baru-baru ini seorang pelajar Malaysia pergi Bangladesh. Bahasa penghantar di Universiti Bangladesh awam adalah Bengali bukan bengali yang kita ertikan di sini. *Student* ini tidak ada, tapi dia masuk universiti ini perubatan. Dia ikut kursus dia sambil dia belajar bahasa Bengali. Ini merupakan satu (1) yang saya rasa berbeza. Kita pegang seolah-olah sebenarnya bila kita bagi kelulusan kepada UEC mana-mana. Saya tak kisah pada UEC saya bincang bagi segi prinsip sahaja. Bila seorang masuk dia mesti ada SPM kepujian. Dia masuk universiti tempatan bahasa penghantar adalah Bahasa Melayu. Dia terpaksa

ikut bukan dia mahu ikut apa ini Bahasa Mandarin ke mana-mana. Ini adalah salah satu apa ini dalam manifesto Pakatan Harapan, tapi kita biarkan Kementerian Pelajaran membuat keputusan.

Tak akanlah kementerian mahu ambil lima (5) tahun. Apabila dia ambil lima (5) tahun dia sudah main politik. Saya kata sekarang kita mahu pelbagaikan saluran kemasukan universiti. Sekarang Universiti Awam dia tak ambil A-Level kenapa? Cuma STPM, Matrikulasi, Matrikulasi Bahasa Inggeris jangan lupa, Diploma. Kenapa tidak boleh masuk *International Baccalaureate* Kenapa tak masuk kelayakan-kelayakan yang setaraf. Inilah yang saya rasa Universiti Awam ini ketinggalan zaman, saya rasa. Saya tak kisah kalau kita ada sekolah menengah dalam Bahasa Arab ambillah pelajar-pelajar arab tapi dia mesti terpaksa ikut Bahasa Melayu dalam Universiti Awam.

Dia tidak boleh lari daripada Bahasa Melayu. So apa takut, macam mana ini akan membelakangkan perjuangan untuk Bahasa Melayu *you* katakan. Adakah ini? Apabila kita buat ini, kita bawa *student* dari Nigeria ke universiti tempatan. Dia masuk dengan kelayakan yang setaraf A-Level mungkin dia masuk kebanyakan masuk Universiti Swasta. Swasta memang dia ada mungkin 10 saluran. Kenapa universiti awam dibiayai oleh duit rakyat ketinggalan zaman. Saya tak bincang UEC sahaja. Saya bincang mana-mana Bahasa Arab ka Bahasa Spanish ka. Kita bagi masuk dia, asalkan mereka terpaksa ikut Bahasa penghantar Bahasa Melayu. Sini kita letakkan satu lagi syarat mesti dapat kepujian dalam Bahasa Melayu. Bagaimana ini akan jatuhkan imej dan maruah Bahasa Melayu katakanlah Sungai Dua, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sungai Dua setuju dengan Yang Berhormat Perai ya. Memang pelajar kita pergi belajar ke Jepun menghantar bahasa penghantarannya ialah Japanese. Tapi kita belajar enam (6) bulan supaya kita boleh menguasai bahasa dia untuk belajar. Jadi sama sahaja, di sini universiti kerajaan pun bahasa penghantarannya Bahasa Malaysia. Jadi sesiapa yang nak masuk Bahasa Malaysia nya mesti ada tahap itulah. Jadi saya haraplah boleh kita sama-sama UEC ini memang dia setaraf dengan A-Level. Jadi saya haraplah Yang Berhormat Sungai Dua boleh sokong.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak termasuk jabatan, agensi-agensi kerajaan termasuk NGO-NGO serta komuniti dan institusi-institusi swasta yang telah membantu Kerajaan negeri untuk melaksanakan program-program pembangunan wanita dan keluarga, keterangkuman gender dan agama selain Islam demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Pulau Pinang. Semoga kerjasama antara kerajaan dan masyarakat akan sentiasa, senantiasa membantu Kerajaan Negeri dalam membaiki perkhidmatannya kepada *share-holder* terbesar iaitu rakyat Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Perai.

Timbalan Ketua Menteri II:

Tinggal lagi 20 minit sahaja. Tak apalah saya boleh mungkin...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

35 minit... 25 minit tak apalah.

Timbalan Ketua Menteri II

Tapi saya juga, saya tidak pasti saya akan habiskan. Walau bagaimanapun tadi saya buat penjelasan ini sebahagian kecil daripada ucapan penggulungan saya tadi. Tapi ini saya simpan ke *last* tapi walau bagaimanapun, tadi saya bincang sedikit tentang UEC.

Yang Berhormat Timbalan Speaker ucapkan terima kasihlah apa ini kerana memberi peluang supaya saya menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan yang relevan kepada portfolio saya dan saya cuba saya tidak akan baca tapi saya menjawab sahaja beberapa soalan.

Pertama, Yang Berhormat Pantai Jerejak telah memohon Kerajaan Negeri supaya buat pembinaan perpustakaan di Pantai Jerejak mempunyai infrastruktur dan peralatan lengkap. Saya memang setuju walaupun baru-baru ini PDC telah mengambil tempat di mana letaknya perpustakaan dan tapi sekarang kita akan cari satu (1) tempat yang sesuai supaya kita akan buat dengan letak pelengkapan yang cukup untuk perpustakaan ke satu perpustakaan di bawah Perbadanan Perpustakaan di Pulau Pinang. Ini kita akan cuba.

Soalan yang kedua. Yang Berhormat Penanti telah menyeru supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menampung sebahagian kos operasi *Penang Science Cafe* di Taman Guar Perahu. Ini saya patut apa ini, bincang perkara ini dalam sama ada dalam EXCO ataupun dalam Penang STEM dan sebagainya. Sama ada kita boleh ambil kos ini atau tidak. Jadi ini yang akan di ambil perhatian.

Soalan tiga adalah isu Penang STEM Sendirian Berhad dan Yang Berhormat Penanti bertanyakan berkenaan kriteria-kriteria yang digunakan untuk pemilihan ahli-ahli dalam Penang STEM Sendirian Berhad dan pusat-pusat STEM dibawahnya. STEM ini adalah merupakan satu badan payung yang telah ditubuhkan pada tahun lepas. Di bawah apa ini STEM letakkan *Penang Digital Library*, kita ada *Science Cluster*, kita ada *Tech Dome*, kita ada apa ini Pusat Matematik dan sebagainya. Jadi ini merupakan satu gabungan dan asas atau prinsip bagaimana pusat ini berfungsi adalah atas dorongan dan *input* daripada industri bukan kerajaan.

Saya sebagai pengerusi, baru di lantik Pengerusi STEM. Fungsi saya supaya kita bagi kalau perlu ada bagi bantuan dana *seed money* kemudian ini dapat dijalankan. Saya sebagai pengerusi, mungkin ada salah seorang daripada Kerajaan Negeri ada juga daripada PDC ataupun CMI dan kebanyakan mereka yang menduduki adalah daripada industri. Sebab kita pegang pada prinsip bahawa mereka di industri yang tahu lebih daripada kita. Saya cuma *Coordinator* sahaja. Begitu juga dengan unit-unit yang di letak di bawah STEM.

Oleh kerana ini merupakan *public private partnership*. Di mana kerajaan jadi penyelaras sahaja. Kita tidak akan campur tangan dalam apa tu isu-isu yang perlu kepakaran daripada pakar-pakar industri sains dan teknologi. Oleh kerana itu dalam dua (2) tahun ini saya rasa kita telah mencapai beberapa kejayaan. Di mana Pulau Pinang merupakan satu-satu negeri yang ada apa ini STEM dan juga unit-unit telah ditubuhkan sebelum STEM ditubuhkan. Kita ada *Penang Digital Library*, kita ada *Tech Dome* yang buat pameran tentang *space techlogy* dan sebagainya, kita memberi pengajaran kepada kanak-kanak daripada sekolah untuk apa ini *coding* dan sebagainya. Mereka yang tidak pernah lihat *tech dome* sila ke ada di KOMTAR.

So, jadi permintaan pertanyaan dari Penanti struktur organisasinya itulah bahawa saya pengerusi ada seorang dua (2) daripada Kerajaan Negeri, EXCO ataupun ADUN kebanyakan daripada industri. Sebab kita ini adalah mantan Ketua Menteri dan saya pun setuju bahawa dia kata bahawa kita serahkan kepada industri untuk menjalankan aktiviti semua ini. Cuma kita bagi dia ruang dan kemudian kita bantu dari masa ke masa. Dan kebanyakan apa ini dana yang mereka dapat adalah daripada industri. Kalau saya bayangkan kalau kerajaan mahu buat semua ini. Saya rasa saya pasti kita akan gagal. Itulah saya rasa pengalaman di negeri-negeri lain. Jadi itulah jawapan saya kepada Penanti.

Yang Berhormat Pulau Tikus mencadangkan agar Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada bakat-bakat anak muda bagi mengelakkan anak muda Negeri Pulau Pinang tidak berhijrah ke negeri lain (*brain drain*). *Brain drain* ini adalah suatu fenomena global. Ada juga *brain drain* dari Amerika Syarikat, ada juga *brain drain* daripada Singapura ke negara-negara lain, ada juga *brain drain* dari Pulau Pinang, ada juga *brain drain* daripada negeri-negeri lain. Ini satu yang kita tidak boleh elakkan dalam zaman globalisasi. Walau bagaimanapun saya rasa kita perlulah apa ini mengambil perhatian bagaimana kita akan hentikan ini *brain drain* di Pulau Pinang dan saya rasa satu ialah kita memberi macam biasiswa melalui *Penang Future Foundation* supaya dia akan kembali untuk kerja di Pulau Pinang.

Kita bagi juga "one-off" RM1,000 kepada pelajar-pelajar yang pergi ke Universiti awam dan juga kita bagi juga latihan-latihan melalui PSDC sebagainya supaya mereka akan terus di Pulau Pinang. Tapi tidak ada jaminan bahawa mereka akan terus kekal di Pulau Pinang apabila mereka dapat *prospect* ke negara lain ataupun di Kuala Lumpur atau Singapura dia akan berhijrah itu satu fenomena manusia dari turun temurun. Mungkin ini dapat mempercepatkan dalam zaman moden ini. *You* tidak boleh hentikan itu, saya pun terperanjat kenapa ada penduduk di Singapura mahu berhijrah ke New Zealand dan Australia. Walaupun saya rasa kedudukan mereka baik juga di Singapura gaji pun tinggi juga. Mereka juga memikirkan kualiti kehidupan mereka.

Isu pengangguran oleh Penaga. So Yang Berhormat Penaga kata ada pengangguran, ada bukan tak ada. Sikit sahaja. Ini adalah penduduk yang terapung-apung sebab Pulau Pinang ada statistik 2.1 yang jadi penganggur di Pulau Pinang, *very low, very low*, peratus Mungkin kerajaan di negeri lain 3% dan sebagainya. Jadi kalau inilah statistik. Kita tidak boleh katakan bahawa masalah pengangguran ini kritikal di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun saya rasa isu ini pengangguran ada pun saya rasa adalah mereka yang cari kerja ataupun cari apa ni, *prospect* yang lebih baik daripada apa yang mereka ada. So, jadi saya rasa ini bukan satu (1) isu.

Walaupun bagaimanapun saya rasa kita perlulah ambil beberapa langkah supaya kita mengawal apa ni keadaan ini supaya kita salah satu (1) ialah kita mengalu-alukan pelaburan di Pulau Pinang. Kita juga apa ni memberi inisiatif kepada sains dan teknologi dan sebagainya sebab rasa kita tengok kerja ini industri *Fourth Industrial Revolution* sebab masa depan akan bergantung kepada bagaimana kita menguasai *The Fourth Industrial Revolution* dan sebagainya. Dan adalah ini program-program yang dijalankan, mengenai apa ni soalan bagi menjawab Yang Berhormat Seri Delima berkenaan pertimbangan Kerajaan Negeri mengenai statistik penyertaan pelajar-pelajar dalam program STEM. Memang ada statistik dan saya rasa secara kasarnya kita nampak bahawa penglibatan, penyertaan pelajar-pelajar memang meningkat. Kalau kita dapat statistik DOME memang dia ada statistik, statistik di *Penang Science Cluster*, PDIL. Kita pun

sudah memperluaskan mungkin jadikan lagi satu (1) tempat sebagai *Penang Digital Library*. Ini memang meningkat. Saya rasa ini satu (1) yang tidak memeranjatkan kita, *there is a great demand for science and technology coding* dan sebagainya. So jadi saya ada sedikit apa ni data sini misalnya ambil apa ni sehingga kini daripada 250 program telah dianjurkan dengan penyertaan peserta-peserta yang dianggarkan lebih 400,000 orang. So program-program ini memberi satu (1) *impact* walaupun bukan *impact* yang besar tapi ini memang *impact* itu memang meningkat hari demi hari. Jadi kita ada juga apa ni *Penang, Penang Digital Library* ataupun *Islamic Digital Library* yang telah ataupun sedang ditubuhkan dan juga ada fasa ke-2 dalam *Digital Library*.

So memang kepada apa ni Yang Berhormat-Yang Berhormat saya rasa kalau ada peluang jadi ambillah masa untuk pergi ke tempat-tempat ini macam *Penang Science Cluster, Penang Digital Library, Pusat Matematik* atau *Karpal Singh Learning Centre* dan sebagainya. Dan supaya menyaksikan sendiri apa yang telah Kerajaan Negeri telah melaksanakan dalam dua (2) tahun ini.

Yang Berhormat Pulau Tikus telah menyeru Kerajaan Negeri supaya menyediakan pelan yang bersesuaian bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) bukan apa ni Kurang Upaya, Kelainan Upaya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

The proper, the proper way we recognize is Kurang Upaya.

Timbalan Ketua Menteri II:

Walau bagaimanapun saya rasa saya lebih setuju kepada Kelainan Upaya sebab kita pun mungkin Kelainan Upaya juga. So ini apa ni mempertingkatkan apa ni status mereka dalam masyarakat. Jadi saya rasa salah satu (1) masalah ialah kita tidak ada satu (1) dasar satu (1) apa ni undang-undang diperingkat *national* yang memberi skop kepada mereka yang mereka OKU ini. Jadi memang saya sendiri telah apa ni memanjangkan ini di EXCO supaya kita minta semua Badan-Badan Kerajaan Negeri supaya kita memberi satu (1) layanan yang cukup baik kepada OKU. Saya rasa salah satu (1) ialah perpustakaan di mana mereka telah mengambil sebagai apa ni kerja OKU dan sebagainya. So jadi kita mesti memastikan bahawa semua Badan-Badan Kerajaan Negeri tidak ada apa-apa diskriminasi tapi memberi peluang kepada OKU ini sebab seorang yang dapat *nobel price Stephen Hawking* adalah OKU juga. Dan juga ada beberapa, saya tak ada contoh di sini yang menunjukkan bakat mereka, yang menunjukkan apa ni kecemerlangan mereka walaupun mereka dianggap sebagai OKU.

Yang Berhormat Air Itam telah menyeru agar Kerajaan Negeri dapat memanjangkan kepada Kerajaan Persekutuan berhubung keperluan sekolah-sekolah ke peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini saya rasa saya ada bincang dalam Dewan ini supaya baru-baru ini atas apa ni nasihat dan arahan Ketua Menteri kita cadang bahawa kita mesti membantu dari segi kewangan kita mewujudkan satu (1) dana supaya kita membantu sekolah-sekolah kebangsaan. Dalam 10 tahun ini memang kita bantu dari segi kewangan Sekolah Jenis Kebangsaan Rendah dan Menengah Sekolah Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Agama Rakyat dan juga sekolah Mubaligh sebab mereka dianggap sebagai bantuan modal. Ini kerana kita cuma bayar gaji guru-guru tapi tidak memberi dana untuk infrastruktur dan sebagainya.

Jadi memang sudah sampai selepas Pilihanraya 14 ini sampai di mana kita mahu tengok juga sekolah kebangsaan yang memang kurang dana. Baru-baru ini saya dapat kunjungan daripada sekolah-sekolah ini minta dana. Tapi kita tidak ada bajet untuk tahun ini. So tahun depan kita akan tubuhkan satu (1) jawatankuasa, saya pun memang telah bincang ini perkara dengan Pengarah Pendidikan, Encik Jamil dan kemudian kita tubuhkan satu (1) jawatankuasa kemudian apabila EXCO wujudkan satu (1) dana, saya rasa kita akan mula apa ni memberikan dana ini bulan Januari 2019 (Dewan bertepuk meja). Jadi bukan kita lari daripada tanggungjawab kita, kita akan wujudkan dana dan saya rasa pihak pendidikan apa ni pun mereka juga mengalu-alukan. Jadi kita tidak akan abaikan sekolah-sekolah kebangsaan. So akhir sekali saya mau sentuh tentang UEC tapi saya sudah sentuh awal-awal tadi. Ya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat Perai, saya ada satu (1) soalan. Ini adalah antara satu (1) perkara yang telah saya akan kata menghantui tetapi orang tanya saya di kawasan saya. Sebelum pilihan raya 2013 kita ada melawat dan lihat satu (1) tapak kalau sesuai untuk dijadikan satu (1) sekolah dibina satu (1) Sekolah Tamil di Bagan Dalam. Permintaan itu ada lebih kurang 25% daripada penduduk Bagan Dalam adalah masyarakat India dan Sekolah Mak Mandin yang sedia ada, di Bagan Jermal adalah asalnya dari Bagan Dalam dan Bagan Dalam telah hilang satu (1) sekolah Tamil. Saya ada sekolah Cina, sekolah mubaligh, sekolah kebangsaan, semua ada tetapi tidak ada sekolah Tamil. Adakah Kerajaan Negeri boleh sediakan satu (1) tanah untuk membina satu (1) sekolah Tamil di masa hadapan. Itu pertanyaan saya. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli daripada Bagan Dalam. Isu ini bukan isu baru. Saya rasa 2008 apabila kita dapat apa ni memerintah Pulau Pinang ini, isu ini dibangkitkan oleh Ahli Bagan Dalam sekarang Dato' Tanasekharan. Dia akan apa ni bangkitkan isu ini tiap-tiap kali kita ada sesi DUN ini. Dan perkara ini saya rasa kita boleh ambil dan bincang di peringkat EXCO dan cumanya kalau lah kita bagi tanah, siapa akan bina sekolah? Sebab Kerajaan Negeri tidak akan bina sekolah, bangunan infrastruktur. Ini Kerajaan Persekutuan. Kita mesti dapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun saya rasa perkara ini kita akan bincang kemudian tengok apa *prospect*nya. So jadi, so Bagan Dalam ni Ahli Bagan Dalam baru ini bukan kali pertama, tiap-tiap kali isu ini dibangkitkan. Isu sekolah Tamil di Bagan Dalam dan saya pun juga faham bahawa Mak Mandin sekolah ini saya rasa pelajar-pelajar di sekolah Tamil ini memang penuh dan mereka juga mantan Ketua Menteri juga ada bagi dia jaminan juga tentang sekeping tanah yang kecil di dekat sekolah Mak Mandin, sebab sekolah ini memang ruang sekolah untuk apa ni pelajar-pelajar ini tak cukup maka itu satu (1) masalah. Jadi isu sekolah Tamil di Bagan Dalam ini saya rasa ini akan kita akan bangkit di dalam EXCO dan tengok macam mana *prospect*, sekarang cuma satu (1) masalah, Kerajaan Pusat tidak ada dana.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Tanah dulu lepas tu kita dapatkan dana. Tanah lepas tu dana.

Timbalan Ketua Menteri II:

Tapi ini biasanya kita akan cantum kedua-dua ni. Tak apa lah saya tidak boleh bagi apa-apa jaminan sekarang. Walau bagaimanapun perkara ini akan di... akan di bincangkan kemudian. So Timbalan Speaker, ini isu UEC saya sudah bincang awal tadi, tak payah saya ulanglah.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

So jadi itu sahaja apa ni jawapan-jawapan saya kepada soalan-soalan yang telah dibangkit pada sesi Dewan ini, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli yang telah terlibat, yang bertungkus-lumus dalam isu-isu Dewan dan dengan itu saya ucapkan terima kasih dan err.. saya ingat ada satu dua perkara sebelum saya ucapkan selamat malam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Perai. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan. Dewan akan bersidang semula pada 10 Ogos 2018 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.